

**ISU PENGIMPORT PRODUK KECANTIKKAN DAN KESIHATAN  
HALAL MENGIKUT UNDANG-UNDANG  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**ADEE AIMAN BIN HAJI MUHIDIN  
18MR1003**

**PUSAT PENYELIDIKAN HALALAN THAYYIBAN  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
BRUNEI DARUSSALAM**

**1444 H / 2023 M**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ISU PENGIMPORT PRODUK KECANTIKAN DAN KESIHATAN  
HALAL MENGIKUT UNDANG-UNDANG  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**ADEE AIMAN BIN HAJI MUHIDIN  
18MR1003**

**TESIS YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI  
IJAZAH SARJANA SAINS HALAL (UNDANG-UNDANG HALAL)  
SECARA PENYELIDIKAN**

**Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali  
Negara Brunei Darussalam**

**Ramadhan 1444 H / Mac 2023 M**

## **PENYELIAAN**

### **ISU PENGIMPORT PRODUK KECANTIKAN DAN KESIHATAN HALAL MENGIKUT UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**ADEE AIMAN BIN HAJI MUHIDIN  
18MR1003**

**Penyelia:** **Dr Nurdeng Deuraseh**

**Tandatangan:** \_\_\_\_\_ **Tarikh:** \_\_\_\_\_

**Pengarah Pusat:** **Pg Dr Hajah Norkhairiah binti Pg Haji Hashim**

**Tandatangan:** \_\_\_\_\_ **Tarikh:** \_\_\_\_\_

## **PENGAKUAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Dengan ini saya mengaku bahawa tesis ini adalah hasil daripada kajian saya sendiri, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Saya juga mengaku bahawa tajuk ini tidak pernah diserahkan atau serentak diserahkan secara keseluruhannya kepada mana-mana ijazah lain di Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) atau institusi lain.

Tandatangan : .....

Nama : Adee Aiman bin Haji Muhidin

Nombor Pendaftaran : 18MR1003

Tarikh Penyerahan : 08 Ramadhan 1444H / 30 Mac 2023M

# **PENGAKUAN HAKCIPTA DAN PENGESAHAN PENGGUNAAN PENYELIDIKAN YANG TIDAK DITERBITKAN**

Hakcipta © 2023 Adee Aiman bin Haji Muhidin. Semua hakcipta terpelihara.

## **ISU PENGIMPORT PRODUK KECANTIKAN DAN KESIHATAN HALAL MENGIKUT UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Mana-mana bahagian penyelidikan yang tidak diterbitkan ini tidak boleh diterbitkan semula, tidak boleh disimpan dalam sistem dapatan semula atau dipindahkan, dalam sebarang bentuk atau apa cara, elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada pemegang hakcipta kecuali seperti yang disediakan di bawah:

1. Apa-apa bahan yang terkandung di dalam atau diperolehi dari penyelidikan yang tidak diterbitkan ini hanya boleh digunakan oleh orang lain dalam penulisan mereka dengan memberi penghargaan yang sepatutnya.
2. UNISSA atau perputakaannya mempunyai hak untuk melakukan dan memindah Salinan (cetak atau elektronik) bagi tujuan institusi dan akademik.
3. Perpustakaan UNISSA mempunyai hak untuk membuat, menyimpan dalam sistem dapatan semula dan membekal salinan kajian yang tidak diterbitkan ini jika diminta oleh universiti-universiti dan perpustakaan-perpustakaan penyelidikan lain.

Disahkan oleh Adee Aiman bin Haji Muhidin.

.....

Tarikh: 08 Ramadhan 1444H / 30 Mac 2023M

Tandatangan:

## PENGHARGAAN

Alhamdulilah, puji dan syukur yang tidak ternilai dipanjatkan kepada *Allah Subhanahu Wata'ala* atas nikmat masa, kesihatan, tenaga dan peluang yang dipinjamkan kepada saya dan Berjaya menyiapkan kajian tesis ini dengan penuh jayanya. Di kesempatan ini, mula-mula saya ingin menyembahkan menjunjung kasih ke hadapan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddub Waddaulah, melalui Kementerian Pendidikan yang telah memberikan pengurniaan Biasiswa untuk saya mengikuti pengajian di peringkat ijazah Sarjana Sains Halal Undang-Undang Halal (Secara Penyelidikan) di Universiti Islam Sultan Sharif Ali sesi 2019-2021. Semoga dengan kajian ini, saya dapat memberikan sumbangan khasnya kepada pihak universiti dan kepada Negara Brunei Darussalam yang tercinta ini.

Seterusnya, setinggi-tinggi rasa penghargaan, berbesar hati dan jutaan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada penyelia tesis saya yang sangat dihormati iaitu Prof Madya. Dr Nurdeng Deuraseh kerana telah bermurah hati tanpa mengenal jemu, membimbing, menasihati serta memberikan buah fikiran kepada saya. Sungguhpun beliau sentiasa sibuk dengan tugas, namun saya merasa sangat terhutang budi kerana beliau telah berusaha keras untuk memberikan perhatian dan bimbingan bagi menyiapkan penulisan ini. Dan juga tidak lupa diucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada ahli keluarga dan para sahabat yang terlibat diatas pertolongan, membimbing, memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang pembaikkan yang dibuat sehingga akhirnya siap dengan penuh jayanya. Semoga *Allah Subhananhu Wata'ala* memberikan ganjaran pahala dan kebaikan di dunia dan di akhirat atas segala jasa dan kebaikan mereka.

Penghargaan dan ucapan setinggi-tinggi terima kasih juga saya tujukan kepada ketiga-tiga pengusaha perniagaan dan ketiga-tiga pihak agensi kerajaan yang telah sudi untuk menjadi responden kajian saya sepanjang menyiapkan penulisan ini di atas jasa baik meluangkan masa untuk berkongsi pandangan dan pendapat mereka berkaitan dengan soalan-soalan yang saya tanyakan di dalam temu-bual. Hanya kepada Allah jua dipohonkan balasan pahala yang berlipat ganda atas segala kebaikan yang diberikan.

## **ABSTRAK**

### **ISU PENGIMPORT PRODUK KECANTIKAN DAN KESIHATAN HALAL MENGIKUT UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Pengeluaran produk-produk Halal kecantikan dan kesihatan telah banyak dihasilkan mengikut peredaran zaman, persaingan perniagaan dan produk yang semakin tinggi dalam dunia pemasaran sehingga ramai pembeli atau pengguna terpedaya dengan produk yang telah dihasilkan tanpa meneliti terlebih dahulu akan keselamatan produk tersebut dari sudut kualiti, tahap keberkesanan dan keaslian produk. Seramai tiga orang pengusaha perniagaan dan tiga pegawai dari pihak agensi kerajaan telah dipilih dan dimasukkan sebagai sampel dalam kajian ini. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan juga kaedah kualitatif (secara temu bual) dengan menggunakan sumber primer di mana pengkaji sendiri turun ke lapangan, di mana segala bahan-bahan sumber maklumat dan data kajian tersebut diperolehi dan dipungut sendiri. Objektif Kajian bertujuan mengenal pasti tentang Isu Pengimport Produk Kecantikan dan Kesihatan Halal Mengikut Undang-Undang Negara Brunei Darussalam dari sudut prosedur yang perlu diikut dari awal pegimportan sehingga pemasaran produk, tugas dan tanggungjawab serta peranan setiap agensi kerajaan dan bukan kerajaan dan juga mengenai denda-denda yang boleh dikenakan terhadap pesalah jika sabit kesalahan ke atas penjualan produk ubat-ubatan dan kosmetik yang di tegah di Premis Perniagaan dan Media Sosial, di bawah Perintah Ubat, 2007. Secara keseluruhan hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan Brunei Darussalam Food Authority, Kementerian Kesihatan adalah Agensi kerajaan yang terlibat dalam mengawalselia produk yang masuk ke Negara Brunei Darussalam. Maklumat-maklumat risikan daripada orang ramai atau secara tular di media sosial dan agensi bukan kerajaan adalah memainkan peranan penting dalam menguatkan kerjasama di antara agensi-agensi yang berkepentingan. Pihak Kementerian Kesihatan (melalui Lembaga Perubatan Brunei atau lebih dikenali dengan '*Brunei Medical Board*') yang selalunya giat membuat pemantauan dan penyiasatan awal ke atas aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang berkaitan produk kecantikan dan kesihatan akan memanggil pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) untuk membincangkan dan membuat Pelan Operasi bagi mengadakan Operasi Sepadu dan menjalankan siasatan ke atas pesalah-pesalah yang berjaya ditahan.

## **ABSTRACT**

### **IMPORTER ISSUES OF BEAUTY AND HEALTH HALAL PRODUCTS ACCORDING TO NEGARA BRUNEI DARUSSALAM LAW**

The production of beauty and health Halal products has been widely produced with the passage of time, business competition and products are increasing in the world of marketing so that many buyers or consumers are deceived by the products that have been produced without examining the safety of the product in terms of quality, effectiveness and product authenticity. A total of three business entrepreneurs and three officials from government agencies were selected and included as a sample in this study. This study uses literature as well as a qualitative methods (by interview) by using primary sources where the researcher himself goes down to the field, where all the information source materials and data of the study are obtained and collected themselves. The objective of the study aims to identify the Importer Issues of Beauty and Health Halal Products under the Laws of Brunei Darussalam in terms of procedures to be followed from the beginning of importation to marketing of products, duties and responsibilities and roles of each government and non-government agencies and also the fines that can be imposed on offenders under the Medicines Order, 2007. The findings of the study showed that the Royal Brunei Police Force, Royal Customs and Excise Department and the Brunei Darussalam Food Authority, the Ministry of Health are the government agencies involved in regulating products from entering Brunei Darussalam. The information from the public on social media and non-governmental agencies plays an important role in strengthening cooperation between interested agencies. The Ministry of Health (through the Brunei Medical Board or better known as the 'Brunei Medical Board') which is always actively monitoring and investigating illegal activities related to beauty and health products will call the Royal Brunei Police Force (PPDB) to discuss and make an Operational Plan to conduct Integrated Operations and conduct investigations on offenders who have been arrested.

## ملخص البحث

### القضايا استيراد مستحضرات التجميل الحلال والمنتجات الصحية وفقا لقوانين بروني دار السلام

تم إنتاج منتجات التجميل الحلال والصحة وفقاً للعصر، تزايد المنافسة التجارية والمنتجات في عالم التسويق إلى حد أن العديد من المشترين أو المستهلكين يتم خداعهم من خلال المنتجات التي تم إنتاجها والبحث عنها أولاً حول سلامة المنتج من وجهاً نظر الجودة ومستوى الفعالية وأصالة المنتج. تم اختيار ما مجموعه ثلاثة مشغلي أعمال وثلاثة مسؤولين من الوكالات الحكومية وإدراجهم كعينة في هذه الدراسة. تستخدمن هذه الدراسة الطريقة البيبليوغرافية وكذلك الطريقة النوعية (في شكل مقابلات) باستخدام المصادر الأولية حيث يذهب الباحث نفسه إلى الميدان، حيث يتم الحصول على جميع مواد مصادر المعلومات وبيانات الدراسة وجمعها بنفسه. والهدف من الدراسة هو تحديد قضايا استيراد مستحضرات التجميل الحلال والمنتجات الصحية وفقاً لقوانين بروني دار السلام من وجهاً نظر الإجراءات التي يتعين اتباعها منذ بداية الاستيراد وحتى تسويق المنتج، وواجبات ومسؤوليات وأدوار كل وكالة حكومية وغير حكومية وكذلك فيما يتعلق بالغرامات التي يمكن فرضها على الجناة إذا أدينوا ببيع مستحضرات طبية وتجميلية محظورة في مباني الأعمال ووسائل التواصل الاجتماعي، بموجب أمر الأدوية لعام ٢٠٠٧م. بشكل عام، تظهر نتائج الدراسة أن قوة شرطة بروني الملكية وإدارة الجمارك والمكوس الملكية وهيئة الأغذية في بروني دار السلام ووزارة الصحة هي وكالات حكومية تعمل في تنظيم المنتجات التي تدخل بروني دار السلام. وتضطلع المعلومات الاستخباراتية الواردة من الجمهور أو على وسائل التواصل الاجتماعي والوكالات غير الحكومية بدور هام في تعزيز التعاون بين الوكالات المعنية. وزارة الصحة (من خلال المجلس الطبي في بروني أو المعروف باسم المجلس الطبي في بروني) التي غالباً ما تنشط في الرصد والتحقيق المبكر في الأنشطة غير القانونية المتعلقة بالتجميل والمنتجات الصحية، ستطلق على قوة شرطة بروني الملكية (PPDB) لمناقشة ووضع خطة عملية لإجراء عملية متکاملة وإجراء تحقيق بشأن الجناة الذين تم اعتقالهم بنجاح.

## **SENARAI RAJAH**

<b>NOMBOR</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
2.11 (i)	Senarai dokumen permohonan Sijil Halal dan Permit Halal Negara Brunei Darussalam.	<b>111</b>
2.11 (i)	Prosedur memohon Sijil Halal dan Permit Halal Negara Brunei Darussalam	<b>112</b>
2.11 (i)	Label Halal di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005	<b>115</b>
2.11.2	Senarai semak bagi Borang Notifikasi Produk Kosmetik	<b>119</b>
2.11.3	Akta dan Regulasi yang telah ditadbirkan oleh Kementerian Kesihatan	<b>120</b>
3.1	Kerangka Konseptual yang digunakan dalam kajian ini	<b>127</b>

## **SENARAI SINGKATAN**

ACD	ASEAN Cosmetic Directive
BKMH	Bahagian Kawalan Makanan Halal
BDNSW	Brunei Darussalam National Single Window
EMS	Express Mail Services
IFC	Islamic Fiqh Council
IOMS	The Islamic Organization of Medical Sciences
JKED	Jabatan Kastam dan Eksais Diraja
JAKIM	Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia
KHEU	Kementerian Hal Ehwal Ugama
MIB	Melayu Islam Beraja
MJFMK	Majlis Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan
MKB	Mufti Kerajaan Brunei
MUIB	Majlis Ugama Islam Brunei
MIPR	Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
MOH	Kementerian Kesihatan
PPDB	Pasukan Polis Diraja Brunei
SOP	Standard of Operation
TIPP	Technometrica Institute of Policy and Politics
UUM	Universiti Utara Malaysia
WHO	World Health Organization
PPHT	Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban
PPS	Pusat Pengajian Siswazah

## PANDUAN HURUF TRANSLITERASI

HURUF ARAB	HURUF LATIN
ا	a
ب	b
ت	t
ث	th
ج	j
ح	h
خ	kh
د	d
ذ	dh
ر	r
ز	z
س	s
ش	sh
ص	sh
ض	dh
ط	th
ظ	zh
ع	'
غ	gh
ف	f
ق	q
ك	k

ل	l
م	m
ن	n
ه / هـ	h
و	w
ي	y

### HURUF-HURUF MAD

يـ /ـ	ā
يـ	ī
وـ	ū

## KANDUNGAN

## MUKA SURAT

Penyeliaan	iii
Pengakuan	iv
Pengakuan Hakcipta	v
Penghargaan	vi
Abstrak	vii
Abstract	viii
ملخص البحث	ix
Senarai Rajah	x
Senarai Singkatan	xi
Panduan Huruf Transliterasi	xii-xiii
<b>BAB PERTAMA</b>	1
<b>PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	6
1.3 Rasional Pemilihan Tajuk	8
1.4 Permasalahan Kajian	8
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Persoalan Kajian	10
1.7 Kepentingan Kajian	11
1.8 Skop Kajian	11
1.9 Kerangka Kajian	12
1.10 Definisi Operasional	12
1.10.1 Negara Brunei Darussalam	12
1.10.2 Undang-Undang Negara Brunei Darussalam	12
1.10.2.1 Undang-Undang Syariah	13
1.10.2.2 Skop Syariah	15
1.10.2.3 Undang-Undang Sivil	16
1.10.2.4 Skop Sivil	16
1.10.2.5 Perbandingan Tindakan Sivil dan Jenayah	17
1.10.2.6 Perbezaan Di Antara Undang-Undang Sivil dan Syariah	17

1.10.3	Isu Pengimport Produk Kecantikan dan Kesihatan Halal	18
1.10.3.1	Produk Kecantikan Menurut Perspektif Islam	27
1.10.3.2	Produk Kesihatan Menurut Perspektif Islam	32
1.11	Kesimpulan	37
	<b>BAB KEDUA</b>	39
	<b>TINJAUAN LITERATUR</b>	39
2.1	Pengenalan	39
2.1.1	Kesan Penerimaan Aplikasi Istihalah Terhadap Hukum Produk Yang Mengandungi Derivatif Muharramat	40
2.1.2	Hukum Menggunakan Benda Najis Dalam Pengubatan Menurut Ibn Taymiyyah dan Yusuf Al-Qardhawi	41
2.1.3	Fatwa Kepenggunaan Di Negara Brunei Darussalam: Satu Analisis	42
2.1.4	Keprihatinan Masyarakat Islam Terhadap Makanan Halal di Negara Brunei Darussalam	43
2.1.5	Penggunaan Alkohol Dalam Pemakanan Menurut Perspektif Syarak	45
2.1.6	Hukum Penggunaan Alkohol Sebagai Pelarut (Solvent) Dalam Ubat Batuk Ditinjau Dari Hadis Nabi	45
2.1.7	Teknik Dakwaan Melampau Dalam Pemasaran Produk Pengguna Menurut Perspektif Hukum Islam	46
2.1.8	Penggunaan dan Kosmetik Halal: Perspektif Syariah	47
2.1.9	Analisis Keprihatinan Pengguna Muslim Terhadap Isu Halal Haram Produk Melalui Pembentukkan Indeks	48
2.1.10	Maqasid Syariah in Modern Foods	49
2.1.11	Pendidikan Penggunaan Halal di Malaysia	50
2.1.12	Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Niat Pengguna Memilih Ubat-Ubatan Halal	51
2.2	Status Penggunaan Alkohol Dalam Industri Produk Gunaan	52
2.3	Perspektif Islam Tentang Penularan Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal	57
2.4	Pengetahuan dan Persepsi Pengguna Muslim Terhadap Logo Halal	62
2.5	Pemasaran Produk Halal Dalam Islam	67

2.6	Elemen Thayyiban Dalam Penghasilan Produk Kecantikan dan Kesihatan Halal	77
2.7	Keperluan Pendidikan Penggunaan Halal	80
2.8	Fatwa Penggunaan Halal Haram di Brunei Darussalam	85
2.9	Warta Kerajaan Brunei Darussalam	96
2.10	Proses Import Produk Kosmetik dan Kecantikan Di Negara Brunei Darussalam	106
2.11	Panduan Bagi Mendapatkan Lesen Sijil Halal dan Permit Halal Untuk Menjual Produk Kecantikan dan Kesihatan Di Negara Brunei Darussalam	109
2.11.1	Perlaksanaan Denda Kompaun Bagi Kesalahan-Kesalahan di Bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005	116
2.11.2	Rajah Senarai Semak Bagi Syarikat Yang Menghantar Borang Notifikasi Produk Kosmetik	119
2.11.3	Rajah Akta dan Regulasi Yang Ditadbirkan Oleh Kementerian Kesihatan Brunei	120
2.11.4	Perlaksanaan Denda Kompaun Bagi Kesalahan Di Bawah Perintah Ubat, 2007	121
2.11.5	Bahan-Bahan Racun Berjadual Ubat-Ubat Yang Tidak Diisyiharkan	122
2.12	Kesimpulan	124
	<b>BAB KETIGA</b>	127
	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	127
3.1	Pengenalan	127
3.2	Prosedur Kajian	128
3.3	Reka Bentuk	128
3.4	Kaedah Pengumpulan Data	129
3.4.1	Kajian Kepustakaan	129
3.4.2	Temubual	130
3.5	Populasi dan Sampel Kajian	132
3.6	Metod Analisis Data	132
3.7	Instrumen Kajian	133
3.8	Kesimpulan	134

BAB KEEMPAT	135
DAPATAN KAJIAN	135
4.1 Pengenalan	135
4.2 Informan Kajian	135
4.3 Data-Data yang Berkaitan Dengan Objektif 1	136
4.4 Data-Data yang Berkaitan Dengan Objektif 2	138
4.5 Data-Data yang Berkaitan Dengan Objektif 3	140
4.6 Data-Data yang Berkaitan Dengan Objektif 4	142
4.7 Data-Data yang Berkaitan Dengan Objektif 5	144
4.8 Diskusi bagi Dapatkan Kajian Pemahaman Undang-Undang Di Brunei Darussalam	146
4.8.1 Tempoh Proses Penelitian Mengikut Undang-Undang Di Brunei Darussalam	146
4.8.2 Isu-Isu Yang Berkaitan Dengan Undang-Undang Produk Kecantikan Dan Kesihatan di Brunei Darussalam	146
4.9 Perlaksanaan Undang-Undang Di Brunei Darussalam Dalam Menangani Isu Produk Kecantikan Dan Kesihatan	148
4.9.1 Strategi Perlaksanaan Mengikut Undang-Undang Di Brunei Darussalam	148
4.9.2 Keberkesanan Perlaksanaan Strategi Mengikut Undang-Undang di Brunei Darussalam	149
4.10 Prosedur Yang Perlu Dipatuhi Dalam Pemasaran Produk Kecantikan Kesihatan Di Brunei Darussalam	150
4.10.1 Prosedur Yang Perlu Diikuti Sebelum Dipasarkan Di Brunei Darussalam	150
4.10.2 Asas Yang Diikuti Dalam Menetapkan Prosedur Sebelum Dipasarkan Di Brunei Darussalam	150
4.11 Peranan Agensi Kerajaan Dan Bukan Kerajaan Dalam Mengawalselia Produk Yang Masuk ke Brunei Darussalam	151
4.11.1 Agensi Yang Terlibat Dalam Mengawalselia Produk Yang Masuk Ke Brunei Darussalam	151
4.11.2 Jenis Kerjasama Agensi-Agenzi Yang Terlibat Dalam Mengawalselia Produk Kecantikan Dan Kesihatan	152

4.12 Tindakan Terhadap Pesalah Yang Melanggar Segala Peraturan Dan Undang-Undang Yang Ditetapkan	153
4.12.1 Tindakan Yang Paling Sesuai Terhadap Pesalah Yang Melanggar Segala Peraturan Dan Undang-Undang Yang Ditetapkan	153
4.12.2 Langkah-Langkah Yang Perlu Diambil Dalam Memberi Kesedaran Kepada Orang Ramai Tentang Kesalahan Mengimpot Atau Menjual Produk kecantikan Dan Kesihatan Yang Ditegah Di Brunei Darussalam	154
<b>BAB KELIMA</b>	156
<b>KESIMPULAN</b>	156
5.1 Pengenalan	156
5.2 Rumusan Kajian	156
5.3 Cadangan	159
<b>BIBLIOGRAFI</b>	160-163
<b>LAMPIRAN: Borang Notifikasi Produk Kosmetik</b>	164-168

# **BAB PERTAMA**

## **PENDAHULUAN**

### **1.1 PENGENALAN**

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara kecil yang kaya dengan sumber minyak dan gas yang terletak di sebelah utara kepulauan Borneo. Nama Borneo diambil berdasarkan dari nama negara ini yang disebabkan pada zaman dahulu Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang sangat berpengaruh dan mempunyai kuasa yang sangat kuat di kepulauan Borneo.<sup>1</sup>

Negara Brunei Darussalam adalah juga merupakan sebuah negara yang menjalankan sistem pemerintahan monarki mutlak dan mengamalkan dua sistem undang-undang iaitu undang-undang Inggeris (Sivil) dan undang-undang Syariah yang menggantikan undang-undang Inggeris dalam beberapa perkara dan kes. Sistem pemerintahan di Negara Brunei Darussalam ditetapkan oleh perlembagaan yang berdasarkan konsep Melayu Islam Beraja (MIB).<sup>2</sup> Dari konsep ini, ia membawa kepada tiga komponen iaitu MIB yang menjadikan kebudayaan *Melayu*, agama *Islam* dan sistem politik dibawah pemerintahan *Beraja* sebagai identiti Negara Brunei Darussalam. Konsep ini juga dijadikan sebagai falsafah negara, serta menjadi sumber rujukan, garis panduan dan calak dalam pembinaan negara.

Rumah aman yang diertikan dari perkataan bahasa Arab iaitu Darussalam membuktikan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang menjunjung tinggi ajaran – ajaran Ugama Islam dan menjadikan ajaran Islam sebagai panduan dan amalan dalam seluruh aspek kehidupan agar nikmat, kerahmatan dan keberkatan akan sentiasa mengiringi dan melindungi negara.

Di samping mencapai matlamat Wasasan Negara 2035, Negara Brunei Darussalam juga mempertahankan ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dengan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir

---

<sup>1</sup> Kwabena A. Anman. (2004). *Determinants of Economic Growth in Brunei Darussalam*. Journal of Asian Economics. P. 777.

<sup>2</sup> Ibid.

sebagaimana visi Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah yang telah dititahkan sempena Hari Raya 'Aidil Adha pada tahun 1428 Hijrah bersamaan dengan tahun 2007 Masihi yang menjadi azam suci untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir. Antara lain titah baginda:

*“Pada hemat beta, tidaklah berlaku sesuatu ini melainkan ada dengan sebab-sebabnya, termasuklah segala fenomena kejadian di muka bumi ini, ia tidak berlaku dengan sendirinya, sebagaimana yang disangkakan oleh setengah pihak.*

*Ia berlaku dengan kehendak Allah jua, supaya timbul rasa insaf di hati manusia dan segera akan bertauat kepada-Nya. Ini dia hikmah di sebaliknya kejadian-kejadian pahit tersebut.*

*Kalaularah kita mahu untuk mengambil pengajaran daripadanya, nescaya ada harapan untuk kita akan selamat daripada sebarang malapetaka, berdasarkan Allah itu sangatlah menyayangi para hamba-Nya yang ta'at dan membenci mereka yang derhaka.*

*Perkara ini, rasa-rasanya telah pun menjadi kenyataan kepada kita di bumi yang bertuah ini, Negara Brunei Darussalam, di mana dengan kurnia Allah jua, kita telah dan sedang menikmati keamanan, keselamatan dan kemakmuran yang berpanjangan, yang tidak dinikmati oleh orang lain.*

*Kerana itu, azam beta adalah semakin kuat, untuk menjadikan Brunei Darussalam ini benar-benar sebuah ‘Negara Zikir’ yang mendaulatkan hukum dan undang-undang syariat Allah di dalamnya, dengan akhlak mulia menjadi pakaianya, di samping juga pandai menghormati jiran dan ikhlas menghulurkan tangan kepada semua sahabat dan rakan di seluruh jagat ini”.*

Melalui petikan titah ini, menjelaskan bahawa Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara yang tidak memandang remeh atas semua perkara, tanpa mengira sama ada perkara tersebut berkaitan dengan individu, masyarakat, negara, kehidupan, bangsa, agama, pendidikan, ekonomi, undang - undang dan sebagainya.

Maka dari itu, tidaklah terkecuali dengan isu-isu kontemporari produk kecantikan dan kesihatan yang berlaku di negara ini. Kerajaan Negara Brunei

Darussalam tidak hanya diam, justeru telah mewujudkan undang-undang serta peraturan - peraturan yang wajib dipatuhi bagi menangani isu produk kecantikan dan kesihatan yang berlaku di Negara Brunei Darussalam.

Namun masalahnya pada masa kini, masyarakat khasnya di Negara Brunei Darussalam terlalu taksub dengan penggunaan produk-produk kecantikan dan kesihatan yang diambil dengan bertujuan untuk kepentingan kesihatan dan kecantikan mereka. Hal ini tidak terkecuali kepada peniaga-peniaga kecil yang mengambil kesempatan untuk menjual barang-barang tegahan yang boleh memudaratkan kesihatan demi menjana ekonomi mereka.

Menurut sejarah, pada zaman empat puluh (40) ribu tahun yang lalu, orang-orang Arab Mesir adalah merupakan manusia pertama yang menggunakan krim pelembap yang mengandungi plumbum karbonat. Manakala wanita-wanita Negara Rom pula terkenal kerana menggunakan keladak arak merah untuk dijadikan sebagai gincu bibir.<sup>3</sup>

Namun, pada kurun ke 18, kosmetik ataupun produk kecantikan telah digunakan oleh kesemua lapisan masyarakat dengan tanpa memilih jantina antara perempuan maupun lelaki, yang mana produk kecantikan digunakan pada hampir setiap hari.<sup>4</sup>

Pada masa itu, bedak diproses dengan menggunakan plumbum, oleh itu orang-orang pada zaman tersebut jarang kelihatan muda selepas sahaja umur mereka mencecah tiga puluh (30) tahun, malah yang lebih teruk lagi ada yang mati akibat dari keracunan plumbum.<sup>5</sup>

Dari sejarah ini, ia telah memberikan gambaran yang sangat jelas bahawa semenjak dahulu lagi manusia telah menggunakan pelbagai jenis ramuan asli dan bahan-bahan kimia dalam pemprosesan barang kosmetik ataupun produk kecantikan. Ini termasuklah juga dengan tanaman-tanaman herba, lemak haiwan dan bahan-bahan kimia yang tertentu. Perkara ini berlanjutan sehingga pada zaman sekarang,

---

<sup>3</sup> Rabiatul Nalawiyah & Intan Suraya. (2007). *Isu Produk Kecantikan dan Kesihatan*. Shah Alam: Malaysia. hlm.9.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Ibid.

penggunaan produk kecantikan adalah masih di dalam status meragukan dari segi keselamatannya kepada pengguna.

Oleh yang demikian, sebagai salah satu langkah usaha Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam, dalam mewujudkan satu langkah berjaga-jaga, pihak kerajaan telah menggubal undang-undang khusus, bagi bertujuan untuk mengawal produk-produk kecantikan dalam pasaran. Perlaksanaan undang-undang ini dapat dicapai melalui seawal dari mula pendaftaran produk kecantikan dan perlesenan syarikat yang memasarkan keluaran produk tersebut.

Berdasarkan undang-undang tersebut juga, kesemua pengeluar dan pengimport adalah diwajibkan untuk mendaftar barang jualan mereka supaya pihak berkuasa dapat mengenal pasti isi kandungan bahan-bahan yang digunakan. Ini adalah bertujuan bagi memastikan bahawa barang tersebut bukan sahaja sesuai digunakan bagi tujuan kecantikan malah ianya hendaklah selamat untuk digunakan.

Pencapaian amalan kualiti yang cemerlang mampu menjadi salah satu tonggak kepada penentuan kejayaan dalam persaingan produk. Malahan, amalan kualiti menyeluruh perlu diterapkan bermula daripada fasa input, pemprosesan hingga ke produk sampai ke tangan pengguna. Merujuk kepada Heizer dan Render (2006)<sup>6</sup>, pengurusan saintifik yang dijalankan oleh para pengkaji terdahulu banyak memberi sumbangan asas kepada kewujudan pemikiran ke arah penambahbaikan kualiti yang bermatlamatkan kepada kepuasan pelanggan. Pada masa yang sama juga, perlaksanaan pengurusan kualiti menyeluruh mampu menjamin keberkesanan dan kecekapan pengurusan organisasi ketika mengendalikan operasi dan seterusnya memperbaiki prestasi organisasi. Manakala, bagi industri makanan, aspek keselamatan dan kesihatan juga tidak boleh dipandang mudah dalam sesuatu proses pengeluaran terutamanya

---

<sup>6</sup> Heizer, J. dan B. Render. (2006). *Operation Management: Pearson International Edition*. Eight Edition. Pearson Education. United State of America.

dalam aktiviti pemprosesan produk makanan yang berkualiti serta selamat (Lokman, 2008)<sup>7</sup>.

Kebelakangan ini, isu produk kesihatan telah didedahkan kepada masyarakat. Ini adalah bertujuan bagi memberikan kesedaran tentang bahayanya menggunakan produk yang tidak diiktiraf oleh kerajaan kepada masyarakat khususnya pengguna yang telah dan sering membeli dan menggunakan produk kesihatan yang terdapat di pasaran.

Hal yang demikian, adalah merupakan salah satu usaha pihak kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam membendung penularan isu produk yang tidak diiktiraf dan dilarang penjualannya serta penggunaannya di Negara Brunei Darussalam. Usaha ini adalah bersesuaian dengan Wawasan Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam iaitu “*Bersama Ke Arah Warga Sihat*”.<sup>8</sup>

Bertitik tolak daripada hal itu, setiap masyarakat haruslah menyedari akan kepentingan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh kerajaan di samping sama-sama membantu pihak kerajaan dalam membantu mencapai tujuan dan keutamaan Kementerian Kesihatan iaitu “*untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam melalui sistem penjagaan kesihatan berkualiti tinggi dan komprehensif, efektif, efisien, responsif, mampu dibiayai, saksama dan mudah diperolehi oleh semua di negara ini*” di samping “*untuk menjadikan kesihatan adalah tanggungjawab semua, meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan serta mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit*”.<sup>9</sup>

Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk meneliti peranan setiap agensi kerajaan yang terlibat dalam menangani isu produk tegahan dan memudaratkan khususnya produk kecantikan dan kesihatan. Melalui kajian ini juga, pengkaji akan mengkaji fungsi penerapan undang-undang serta akta yang digunakan dalam mengawal kemasukan dan penjualan produk yang dilarang untuk dijadikan sebagai sumber rujukan dan menambah kesedaran masyarakat akan kesalahan ke atas

---

<sup>7</sup> Lokman Ab Rahman. (2008). *Shariah and Malaysia Halal Certification System*. Pembentangan Kertas Kerja Seminar Halal Food. Universiti Sains Islam Malaysia.

<sup>8</sup> <http://www.moh.gov.bn/>(20 November 2019).

<sup>9</sup> Ibid.

pengimportan, pendaftaran, promosi iklan, percubaan klinikal, pengangkutan, pengilangan, penyimpanan, pendispensan dan penjualan produk ubat dan produk kosmetik menurut undang-undang Negara Brunei Darussalam.

## **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN**

Kebelakangan ini, pengeluaran produk-produk kecantikan dan kesihatan telah banyak dihasilkan mengikut peredaran zaman, sehingga ramai pembeli atau pengguna terpedaya dengan produk yang telah dihasilkan tanpa meneliti terlebih dahulu akan keselamatan produk tersebut. Oleh kerana sifat terburu-buru untuk mendapatkan tubuh badan yang sihat dan ingin kelihatan cantik, ramai pengguna membeli produk-produk yang telah ditayangkan melalui iklan-iklan sama ada dari para peniaga-peniaga besar maupun kecil ataupun melalui ejen-ejen yang menjual produk berkenaan.

Pengguna dan peniaga pada masa kini kebanyakannya tidak peduli dan tidak peka akan intipati setiap produk yang diambil. Perkara ini pernah ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa penubuhan Bahagian Kawalan Makanan Halal sempena ulang tahun keputeraan Baginda pada 15 Julai 1997, baginda bertitah:

*“..Maka di akhir-akhir ini, timbul pula kekhawatiran terhadap makanan dan minuman serta barang-barang gunaan yang dikhuatiri bercampur dengan bahan-bahan yang haram, termasuk kekhawatiran khusus mengenai dengan daging-daging import yang sedang beredar di pasaran pada masa ini..”*

*Dalam konteks ini, sudah tiba masanya bagi pihak-pihak berkenaan dalam kerajaan untuk mengkaji kemungkinan bagi mengadakan satu badan atau seumpamanya selaku pihak yang mengawal halal haram bahan-bahan makanan dan minuman, termasuk segala jenis daging serta lain-lain bahan gunaan di negara ini. Kewajipan ini menjadi prioriti, kerana kedudukan kita selaku sebuah negara Islam adalah wajib memelihara agama dan ibadat rakyat serta penduduk yang berada di dalamnya.”*

Justeru itu, demi menyahut titah Baginda tersebut, kajian ini bertujuan untuk mengupas isu kontemporari berkaitan dengan produk kecantikan dan kesihatan mengikut undang-undang Negara Brunei Darussalam. Kajian ini juga akan

membahaskan mengenai undang-undang yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam serta bagaimana perlaksanaannya dalam menangani isu produk kecantikan dan kesihatan.

Dalam penawaran produk pengguna dan perkhidmatan, terdapat pelbagai jenis dakwaan melampau yang dilakukan ekoran dari persaingan perniagaan dan produk yang semakin tinggi dalam dunia pemasaran. Antara dakwaan melampau yang dilakukan adalah berkaitan dengan kualiti, tahap keberkesanan, ketahanan dan keaslian produk (Andrew & Chris 2015)<sup>10</sup>.

Merujuk kepada pendapat Merican (1989)<sup>11</sup>, prosedur pemprosesan dan pengeluaran produk perlu dilakukan dalam keadaan bersih bagi menjamin produk yang berkualiti, iaitu bebas daripada sebarang risiko keracunan. Beliau juga menegaskan bahawa demi mengurangkan risiko penyakit yang berpunca daripada produk, ketegasan pihak berkenaan tentang aspek kebersihan wajar diambil berat oleh semua pengeluar. Secara amnya, pengeluaran produk yang memenuhi standard kualiti perlu mengutamakan perlaksanaan kebersihan (*sanitary*) yang lengkap seperti persekitaran kilang dan pengeluaran, bahaya pencemaran (*hazards of contamination*), sebarang bentuk punca pengurangan atau penurunan kualiti (*adulteration of any kind or cause*), dan amalan peraturan dan undang-undang yang ketat (Merican, 1989).

Selain mengkaji prosedur yang perlu diikut dari awal pegimportan sehingga pemasaran produk, pengkaji juga akan menerangkan matlamat utama peruntukan-peruntukan di bawah Perintah Ubat 2007, kajian ini juga bertujuan untuk melihat tugas dan tanggungjawab serta peranan setiap agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat dalam usaha membantu Kementerian Kesihatan mengawal penjualan produk ubat, ubat tradisional serta suplemen kesihatan dan produk kosmetik di Negara ini dengan lebih efisien dan efektif. Kajian ini juga akan membahaskan mengenai tindakan undang-undang serta prosedur dan denda-denda yang boleh dikenakan terhadap pesalah jika sabit kesalahan ke atas penjualan produk ubat-ubatan dan kosmetik yang di tegah di Premis Perniagaan dan Media Sosial, di bawah Perintah Ubat, 2007.

---

<sup>10</sup> Andrew Rhodes & Chris M. Wilson. (2015). *False advertising and consumer protection policy*. Mimeo 1-38

<sup>11</sup> Merican, Z. (1989). *Hygiene and Sanitation for the Food Industry*. Maklumat Teknologi Makanan MARDI Januari (21A): pp. 1-7.

### **1.3 RASIONAL PEMILIHAN TAJUK**

Pengkaji memilih tajuk ini adalah berdasarkan minat yang mendalam mengkaji tentang isu-isu semasa, lebih-lebih lagi kepada perkara yang berkaitan dengan agama dan undang-undang. Memandangkan isu produk kecantikan dan kesihatan masih lagi berlarutan dari tahun ke tahun dan telah menjadi topik perbualan serta perdebatan dari pelbagai pihak lain terutama umat Islam, para pengeluar produk, pengguna dan orang ramai yang bukan terdiri daripada pihak yang beragama Islam, dari itu ia telah membuka jalan kepada pengkaji untuk mengkaji lebih mendalam lagi mengenai sejauh mana undang-undang itu dilaksanakan, bagaimana cara Pihak Berkuasa Kerajaan menangani isu tersebut dan sejauh mana keberkesanannya fungsi undang-undang serta akta yang diperuntukkan dibawah Perintah Ubat 2007.

### **1.4 PERMASALAHAN KAJIAN**

Permasalahan yang ingin dikaji oleh pengkaji ialah berkenaan dengan pengimport produk kecantikan dan kesihatan yang berleluasa oleh peniaga-peniaga tanpa mengambil kira bahan yang terkandung di dalam produk berkenaan demi mengaut keuntungan semata-mata.

Isu berkaitan halal kini luas diperkatakan di negara ini malahan terdapat beberapa kajian yang telah dilaksanakan oleh negara-negara bukan Islam berhubung isu halal sebagai contohnya, pengguna Muslim di Belgium didapati lebih mempercayai penyembelihan binatang halal yang dilakukan oleh penyembelih yang beragama Islam (Bonne dan Verbeke, 2007)<sup>12</sup>. Selain daripada itu, aspek penglabelan dan bahan-bahan yang digunakan juga memainkan peranan yang amat penting dalam memberi kepercayaan terhadap maklumat berkaitan status halal sesuatu produk, sama ada produk kecantikan mahupun kesihatan walaupun terdapat produk-produk yang ditandakan halal di pasar raya, namun ia masih lagi belum boleh untuk dipercayai atau diyakini.

Konsep “*halalan thayyiban*” adalah merujuk kepada “halal lagi baik,” iaitu pengukuran *Halalan* adalah merujuk kepada aspek agama contohnya dari segi penyembelihan dan penyediaan. Manakala *Thayyiban* pula melibatkan ilmu sains

---

<sup>12</sup> Bonne, K. dan W. Verbeke. (2007). *Muslim Consumer Trust in Halal Meat Status and Control in Belgium. Meat Science.*

seperti makanan dan ubat-ubatan itu tidak mengandungi bahan berbahaya seperti asid atau ganja dan lain-lain.

Begitu juga dengan para pengguna yang terlalu obses dengan kecantikan dan kesihatan yang diidamkan sehingga sanggup berhabisan duit untuk membeli sekaligus menggunakan produk-produk yang diragui keselamatannya dan juga mematuhi segala prosedur yang ditetapkan dalam mengimport atau menjual produk kesihatan dan kecantikan di Negara Brunei Darussalam.

Antara masalah yang juga dikaitkan dengan produk kecantikan dan kesihatan adalah berlakunya kejadian seperti penyaludutan barang-barang tanpa kebenaran yang dilaporkan berlaku sekitar tahun 2021 yang melibatkan pesalah-pesalah warganegara tempatan yang juga terdiri daripada penjawat awam iaitu seorang lelaki berumur 44 tahun dan seorang perempuan berumur 40 tahun.<sup>13</sup>

Demikian itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan supaya peniaga-peniaga lebih merasa bertanggungjawab akan keselamatan pengguna dalam penjualan produk sekaligus mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan oleh kerajaan Negara Brunei Darussalam agar para pengguna lebih berhati-hati dalam pemilihan produk yang digunakan serta memberi kesedaran akan bahaya mengkonsumsi produk yang dicemari dengan bahan racun berjadual atau bahan terkawal yang tidak diisyiharkan.

Kebiasaannya para pengguna akan memilih produk yang segar dan tidak rosak di samping harga yang berpatut dengan kualiti barang yang bakal perolehi. Bahkan para pengguna harus mendapati bahawa kualiti produk adalah merujuk kepada rupa bentuk fizikal (*appearance*), kandungan, dan tarikh luput. Merujuk kepada kategori pengguna pula, klasifikasi pengguna boleh dikelaskan kepada dua, iaitu pengguna yang sensitif harga dan sensitif keselamatan. Pengguna yang sensitif harga mempunyai hubungan negatif dengan faktor keselamatan, iaitu mereka lebih memfokuskan kepada harga dan rasa (*taste*) tanpa mementingkan aspek keselamatan. Pengguna yang sensitif keselamatan perlu dijadikan sebagai kumpulan sasaran untuk menyampaikan maklumat berkaitan kualiti produk. Keadaan ini merupakan satu peluang kepada pengusaha

---

<sup>13</sup> <https://mediapermata.com.bn/2-dicekup-barang-dirampas-2/>

makanan dalam inisiatif mereka menyampaikan maklumat keselamatan dan kualiti produk masing-masing sebagai langkah tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Persoalannya adakah pengguna beragama Islam di Brunei Darussalam mengetahui dan memahami bahawa produk kosmetik dan kesihatan yang mereka gunakan adalah halal dan selamat berdasarkan syariah, prosedur yang telah ditetapkan oleh undang-undang negara?

## **1.5 OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif berikut:

1. Memahami undang-undang yang diamalkan di Negara Brunei Darussalam.
2. Mengkaji bagaimana perlaksanaan undang-undang di Negara Brunei Darussalam dalam menangani isu produk kecantikan dan kesihatan.
3. Mengkaji segala prosedur yang perlu dipatuhi dari awal pengimportan sehingga pemasaran produk kecantikan dan kesihatan mengikut undang-undang kerajaan sebelum dipasarkan di Negara Brunei Darussalam.
4. Mengkaji peranan setiap agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat dalam mengawalselia produk yang masuk ke Negara Brunei Darussalam.
5. Mengkaji tindakan terhadap pesalah yang melanggar segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

## **1.6 PERSOALAN KAJIAN**

1. Apakah jenis undang-undang yang diamalkan atau digunakan di Negara Brunei Darussalam?
2. Bagaimanakah undang-undang di Negara Brunei Darussalam dilaksanakan dalam menangani isu pengimport produk kecantikan dan kesihatan halal?
3. Apakah prosedur yang perlu diikuti bagi mengimport produk kecantikan dan kesihatan mengikut undang-undang kerajaan sebelum dipasarkan di Negara Brunei Darussalam?
4. Apakah peranan setiap agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat dalam mengawalselia produk yang masuk ke Negara Brunei Darussalam?

5. Apakah tindakan terhadap pesalah yang melanggar segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan?

## **1.7 KEPENTINGAN KAJIAN**

Secara umumnya kepentingan kajian ini adalah untuk:

1. Dijadikan sebagai sumber rujukan bagi meningkatkan kepekaan masyarakat khususnya masyarakat Negara Brunei Darussalam dalam menangani isu pengimport produk kecantikan dan kesihatan halal yang ditegah.
2. Memperkayakan khazanah dan koleksi bacaan serta rujukan untuk pelajar-pelajar khususnya dan masyarakat amnya.
3. Rujukan bagi mana-mana pihak dan individu yang ingin membuat kajian berkaitan dengan Halalan Thayyiban khususnya mahasiswa dan mahasiswi institusi pengajian tinggi, perseorangan ataupun masyarakat.

Dapatan dari kajian ini juga, diharap akan dapat memberi pendedahan dan membuka mata para masyarakat khususnya di Negara Brunei Darussalam supaya perkara ataupun isu produk kecantikan dan kesihatan di negara ini tidak dipandang ringan oleh setiap individu kerana ia bukan sahaja boleh memudaratkan kesihatan, malah ia juga adalah menjadi kesalahan untuk mengimport, menjual atau memasarkan produk ubat untuk kesihatan dan kosmetik yang mengandungi bahan yang dikawal diikuti tanpa lesen yang sah dan boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan.

## **1.8 SKOP KAJIAN**

Di dalam kajian ini, pengkaji hanya akan membataskan kepada beberapa perkara seperti berikut:

1. Batasan bidang kajian: Pengkaji hanya akan memfokuskan kajian menurut apa yang ditetapkan di dalam undang-undang Negara Brunei Darussalam sahaja iaitu undang-undang sivil dan syariah.
2. Batasan produk kajian: Pengkaji hanya akan memfokuskan kepada beberapa isu pengimport produk yang mengandungi bahan-bahan terlarang yang boleh memudaratkan kesihatan secara berpanjangan.

3. Batasan isu kajian: Pengkaji akan membataskan kajian kepada isu-isu yang bermula dari 5 tahun kebelakangan iaitu dari tahun 2016 hingga tahun 2021 yang berlaku di Negara Brunei Darussalam sahaja.

## 1.9 KERANGKA KAJIAN



## 1.10 DEFINISI OPERASIONAL

### 1.10.1 Negara Brunei Darussalam

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah Negara Zikir. Ia adalah hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam. Negara Zikir adalah negara yang berorentasi dan berpaksikan zikir. Segala siasah, ekonomi, sosial dan pertahanannya adalah zikir. Azam baginda sangat kuat untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam ini benar-benar sebuah Negara Zikir yang mendaulatkan hukum dan undang-undang syariat Allah.

### 1.10.2 Undang-undang Negara Brunei Darussalam

Negara Brunei Darussalam adalah sebuah negara Islam yang berdaulat dan merdeka sama seperti negara-negara lain yang merdeka, menguatkusakan undang-undangnya tersendiri. Selama ini, Negara Brunei Darussalam telah mengamalkan dua sistem perundungan yang berjalan seiring iaitu Undang-undang Syariah dan Undang-undang Sivil.

Kedua-dua sistem ini akan terus berjalan seiring bagi mengekalkan keamanan dan ketenteraman serta memelihara ugama, kehidupan, individu, keluarga dan masyarakat tanpa mengira jantina, warga, bangsa dan kepercayaan. Mafhumnya, ia adalah merupakan satu sistem peraturan yang cuba diikuti oleh masyarakat bagi sesebuah negara. Jika peraturan ini dilanggar, maka orang yang melanggar peraturan itu mungkin akan dikenakan hukuman atau didenda oleh pihak mahkamah mengikut akta-akta yang telah diperuntukkan.

#### **1.10.2.1 Undang-undang Syariah**

Undang-undang Syariah adalah merupakan undang-undang yang dicipta oleh Allah Subhanahu Wa Ta’ala. Ia dilaksanakan oleh para hambanya (manusia) yang beragama Islam berdasarkan Al-Quran dan Al-Hadith. Undang-undang ini dicipta bukanlah bertujuan semata-mata untuk memayahkan atau menyulitkan kehidupan, bahkan ia bertujuan untuk membimbing manusia ke arah mencapai matlamat, dan sememangnya diciptakan untuk kepentingan manusia. Ia juga bertujuan untuk mendidik, menghormati dan melindungi hak yang sah semua individu, masyarakat atau warganegara di sisi undang-undang, tanpa mengira agama atau bangsa. Undang-undang ini juga bersifat kekal, tidak boleh diubah dan tidak berubah.

Syariat Islam (bahasa Arab: شريعة إسلامية) adalah hukum atau peraturan yang mengatur seluruh sendi kehidupan umat Islam, baik di dunia maupun di akhirat. Dari segi bahasa, ia membawa maksud kepada sumber air, pembawaan atau jalan yang jelas.

Menurut Ar-Razi, ia membawa maksud kepada menempuh, menjelaskan dan menunjukkan jalan. Kata syariat juga digunakan untuk membuat madzhab atau ajaran agama atau dengan kata yang lebih ringkas, syariat membawa kepada maksud aturan dan undang-undang. Aturan disebut sebagai syariat, kerana sangat jelas dan ia mengandungi banyak hal. Ada juga yang mengatakan, aturan ini disebut syariah, kerana ia menjadi satu sumber yang didatangi banyak orang untuk mengambilnya ataupun mengganakkannya.

Namun yang demikian, dalam perkembangannya, istilah syariat lebih akrab atau sering disebut dalam aturan Islam. Dari segi istilah, ia adalah merupakan segala hukum dan peraturan yang ditetapkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta’ala untuk hambanya

melalui Al-Quran dan Al-Hadith. Syariat juga adalah merupakan semua aturan yang Allah Subhanahu Wa Ta’ala turunkan kepada para hambanya yang berkait dengan hubungan di antara hamba dengan Allah Subhanahu Wa Ta’ala mahupun sesama makhluq, masalah aqidah, ibadah, muamalat, adab dan akhlaq.

Syariat juga boleh difahami sebagai agama. Menurut Imam Al-Qurtubi, syariat ialah agama yang ditetapkan oleh Allah untuk hamba-hambaNya yang terdiri daripada pelbagai hukum dan ketentuan.

Umat Islam mempunyai dua pedoman hidup, iaitu Al-Quran dan Al-Hadith. Allah Subhanahu Wa Ta’ala sebagai pencipta syariat tidak menetapkan suatu hukum dan aturan tanpa mempunyai tujuan dan maksud. Diyakini bertujuan agar manusia mendapat kemaslahatan di dunia mahupun di akhirat. Tujuan dari suatu hukum itu disebut Maqashid Syariah.

Allah Subhanahu Wa Ta’ala berfirman:

﴿١٨﴾ ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Tafsirnya:

*“Kemudian Kami menjadikan engkau (wahai Nabi Muhammad) berada di atas suatu syari’at (jalan yang lurus) tentang urusan agama maka ikutlah syari’at itu dan janganlah engkau menurut hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui (kebenaran)” (Surah Al – Jatsiyah: 18).*

Al-Quran adalah merupakan rujukan utama di dalam Islam. Ia juga merupakan satu mukjizat atau wahyu yang diturunkan oleh Allah Subhanahu Wa Ta’ala melalui malaikat Jibril ‘Alaihi Salam kepada nabi junjangan besar kita Muhammas Shallallahu ‘Alaihi Wa Salla, baik dari segi lafadz, makna dan gaya bahasa yang termaktub di dalam mushaf yang disalin secara mutawatir (berterusan).

Secara umumnya syariah bermaksud undang-undang, ketetapan dan aturan Allah Subhanahu Wa Ta’ala untuk manusia bagi mengatur hubungan dengan Allah, sesama manusia dan dengan alam semesta untuk mencapai kesejahteraan di dunia dan kebahagiaan di akhirat. Oleh itu, di antara keistimewaan syariat adalah:

1. Sempurna: Memenuhi keperluan manusia dalam semua aspek kehidupan.

2. Lengkap: Mengatur kehidupan manusia, sama ada daripada perkara kecil, sehingga kepada perkara yang lebih besar.
3. Bersepadan: Memiliki prinsip-prinsip perundangan yang mengatur segala urusan keduniaan dan keagamaan (tanpa batas).
4. Universal: Tidak tertakluk kepada batasan kaum, iklim atau sempada geografi. Sesuai bagi setiap zaman dan tempat.
5. Bermatlamat: Mendapatkan keredhaan Allah Subhanahu Wa Ta'ala, kerana dia adalah yang menciptakannya serta menjaga sumbernya.
6. Tetap: Tidak berubah sehingga hari Kiamat.
7. Merangkumi segala perkara termasuk akidah (*aspek yang merupakan satu asas ajaran Islam yang berkaitan dengan keimanan dan keyakinan kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala*), ibadat (*aspek yang mengatur hubungan manusia dengan Allah Subhanahu Wa Ta'ala*), muamalat (*aspek yang mengatur aktiviti kehidupan manusia dan hubungan sesama manusia dan alam sekitar*), munakahat (*aspek yang mengatur urusan kekeluargaan*), jenayah (*aspek yang mengatur tentang kesalahan*), akhlaq (*aspek berkaitan dengan amal dan taqwa seseorang hamba kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala iaitu patuh kepada segala perintah dan menjauhi segala larangannya*), moral (*aspek berkaitan dengan isu teladan sebagai contoh kepada kisah Maryam iaitu isteri kepada Nabi Lut yang ingkar akan arahan larangan daripada malaikat*) dan masyarakat.

### **1.10.2.2 Skop Syariah**

1. Hubungan Manusia dengan Allah
  - a) Ketaatan manusia kepada perintah dan larangan Allah Subhanahu Wa Ta'ala.
  - b) Beribadat kepada Allah Subhanahu Wa Ta'ala dan menegakkan syariat Allah dalam segala aspek.
2. Hubungan Manusia dengan Manusia
  - a) Merangkumi perhubungan dan interaksi yang sangat luas.
  - b) Meliputi bidang social, ekonomi, politik, perkahwinan, pendidikan, perniagaan, pengurusan dan lain-lain.

### **1.10.2.3 Undang-undang Sivil**

Sistem perundangan sivil adalah undang-undang berkod yang menggunakan satu sistem peraturan yang komprehensif yang diaplikasikan dan ditafsir oleh para hakim. Ia juga adalah merupakan satu sistem perundangan yang paling meluas pengalamannya di seluruh dunia dengan 60% daripada penduduk dunia menduduki negara yang ditadbir dengan sistem perundangan sivil.

Apabila undang-undang sivil dirujuk sebagai sistem perundangan, maka konsepnya hendaklah dibezaikan dengan istilah undang-undang sivil (yang merujuk kepada jenis undang-undang) di dalam sesebuah negara. Sistem perundangan sivil adalah merujuk kepada sistem perundangan yang berasal daripada sistem perundangan Roman. Sistem perundangan ini diamalkan di kebanyakan negara Eropah.

Adapun apabila istilah undang-undang sivil (yang bukan merujuk kepada sistem) ia adalah merupakan undang-undang yang mengawal kegiatan sivil sesebuah masyarakat seperti undang-undang kontrak, undang-undang tanah dan sebagainya.

### **1.10.2.4 Skop Sivil**

Skop undang-undang sivil adalah seperti berikut<sup>14</sup>:

- a) Menyediakan kumpulan undang-undang yang tertulis dan dapat diakses kepada semua penduduk.
- b) Kesalahan sivil adalah pertikaian undang-undang yang berlaku antara dua pihak.
- c) Undang-undang sivil dan undang-undang jenayah berbeza dalam aspek penting seperti siapa yang mengetuai kes, siapa yang memfailkan kes itu, siapa yang berhak menjadi pengacara, dan apa standard pembuktianya.
- d) Undang-undang sivil adalah sistem berdasarkan peraturan, yang bermaksud bahawa hakim tidak merujuk kepada keputusan masa lalu untuk memandu keputusan mereka.
- e) Hakim memainkan peranan besar, mengawasi dan membentuk setiap bagian proses.

---

<sup>14</sup> <https://ms.socmedarch.org/civil-law-definition>

### **1.10.2.5 Perbandingan Tindakan Sivil dan Jenayah**

#### **a) Tindakan Sivil**

1. Dimulakan apabila Hak Persendirian (*Private Right*) seseorang dilanggar.
2. Tujuannya adalah untuk menguatkuasa, menebus rugi, melindungi atau mendapatkan kembali hak seseorang.
3. Remedi/Relif – Permohonan untuk mendapatkan ganti rugi (wang) adalah melalui perintah injunksi, dekri, perlaksanaan spesifik dan pengisyiharan.
4. Individu/badan dengan *corporate personality* seperti syarikat lawan individu / badan (Plaintif lawan Defendan).

#### **b) Tindakan Jenayah**

1. Dimulakan terhadap seseorang yang dituduh melakukan kesalahan jenayah.
2. Kesalahan jenayah merangkumi perbuatan atau kegagalan melakukan perbuatan yang diperuntukkan oleh statut (Akta, Enakmen dan lain-lain) sebagai satu kesalahan awam (*public offence*).
3. Tujuannya adalah untuk memberi hukuman jika didapati bersalah.
4. Kesalahan jenayah dianggap serius, bukan sahaja menjelaskan hak perseorangan tapi ancaman kepada masyarakat (*public at large*).
5. Kerajaan lawan individu.

### **1.10.2.6 Perbezaan Diantara Undang-undang Sivil dan Syariah**

Berikut adalah senarai penerangan dua perbezaan di antara undang-undang sivil dan syariah:

#### **a) Undang-undang Sivil**

1. Digubal oleh kerajaan ( diciptakan oleh manusia).
2. Berprinsipkan akal dan nafsu yang dipengaruhi oleh suasana, tahap ilmu pengetahuan dan tidak ada keadilan yang mutlak.
3. Bentuknya tidak lengkap, hanya berupa undang-undang setempat yang ditentukan oleh hasrat, keperluan, dan cita-cita.

4. Mengutamakan diri dan nafsu yang meliputi aspek dunia sahaja (hanya terhad kepada hubungan di antara manusia dengan manusia sahaja). Hukuman yang diterima di dunia tidak semestinya terlepas azab di akhirat.
5. Tidak tetap, boleh berubah mengikut peredaran manusia, tempat dan budaya suatu masyarakat.

b) **Undang-undang Syariah**

1. Dicipta oleh Allah, mengutamakan keadilan dan kesaksamaan dalam perlaksanaan terhadap semua manusia.
2. Berdasarkan Al-Quran dan Al-Hadith yang lengkap meliputi seluruh aspek kehidupan manusia dan bersesuaian dengan kehidupan mereka hingga ke hari kiamat.
3. Tujuannya adalah untuk membimbing manusia ke arah mencapai matlamat. Mempunyai hubungan di antara manusia dengan pencipta, antara manusia dengan manusia dan manusia dengan alam sekitar.
4. Sememangnya diciptakan untuk kepentingan manusia yang meliputi dunia dan akhirat, kerana setiap hukuman yang dijalankan di dunia akan menghapuskan tuntutan di akhirat.
5. Kekal dan tidak berubah. Sebagai contoh, hukuman hudud dan qisas.

**1.10.3 Isu Pengimport Produk kecantikan dan kesihatan Halal**

Isu mempunyai beberapa makna yang tertentu. Ia adalah merupakan satu perkara, pokok ataupun persoalan. Pengertian ini juga bersinonim dengan masalah, hal, topik, perbincangan, tajuk perbualan dan perdebatan.<sup>15</sup> Ia juga adalah merupakan sesuatu di dalam penerbitan bersiri, sama ada jurnal, majalah atau suratkhabar. Isu ini boleh juga dikaitkan dengan perkara undang-undang.

Dalam pengurusan projek atau di dalam hal politik, isu ini adalah merupakan satu hasil daripada sesuatu peristiwa yang telah wujud dan mempunyai satu impak yang membawa kepada kesan positif atau negatif kepada projek berkenaan dan ia adalah perlu dianalisis.<sup>16</sup>

---

<sup>15</sup> <https://prpm.dbp.gov.my/> (14 Mei 2019).

<sup>16</sup> <https://ms.wikipedia.org/wiki/Isu> (14 Mei 2019).

Manakala bagi pengertian kontemporari pula, berdasarkan dari pengertian Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi ke-4 bermaksud “pada masa yang sama”, “semasa” atau “masa kini”.<sup>17</sup>

Maksudnya juga berlainan berdasarkan penggunaan ayat yang sesuai. Ia dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian makna seperti berikut:

1. Fesyen kontemporari: Fesyen masa kini.
2. Hiasan yang kontemporari: Hiasan yang terkini.
3. Sajak kontemporari: Sajak alaf baru.
4. Penyair kontemporari: Penyair baru.<sup>18</sup>

Pelbagai isu kontemporari berkaitan dengan produk kecantikan dan kesihatan pada kebelakangan ini berlaku di seluruh negara terutamanya di negara-negara Islam, dan perkara ini adalah tidak terkecuali di Negara Brunei Darussalam. Masalah ini muncul disebabkan oleh pelbagai punca yang akan dibincangkan serta cadangan yang boleh dilaksanakan ke arah mengatasinya.

Isu semasa atau masa kini yang berbangkit dari tahun ke tahun, berkenaan dengan penggunaan produk-produk yang diharamkan dan ditegah penjualannya kerana mengandungi bahan-bahan terlarang yang boleh memudaratkan kesihatan. Isu ini meliputi keseluruhan aspek kesalahan dari awal pengimportan dan pemasarannya dengan tanpa ada Pengakuan Notifikasi Produk yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa di bawah Kementerian Kesihatan. Berdasarkan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam (Perintah di bawah Perkara 83 (3)), Perintah Ubat 2007, jika didapati bersalah akan dikenakan hukuman.

Dalam siaran akhbar yang dikeluarkan pada 03hb Oktober 2020, Operasi bersepadu telah dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan dengan bantuan dan kerjasama pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), pihak Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan pihak Bahagian Penguatkuasaan dan Perlesenan Jabatan Daerah, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, berikutan dengan aduan-aduan yang diterima serta maklumat yang diperolehi

---

<sup>17</sup> <https://prpm.dbp.gov.my/> (17 Mei 2019).

<sup>18</sup> Karmina Abdul Rahman. (2015). Isu – Isu Kontemporari Pendidikan Matematik. Diambil dari <http://sme6044ikpm2015.blogspot.com/2015/12/apa-itu-kontemporari.html> (17 Mei 2019).

berkenaan dengan aktiviti khidmat rawatan perubatan dan Kecantikan yang tidak bertauliah serta tidak mempunyai kelulusan dan latihan khusus untuk menjalankan perniagaan mahupun perkhidmatan klinikal tanpa kebenaran, pendaftaran dan lessen perniagaan serta permit produk dari mana-mana pihak berwajib dan pengimutan dan penjualan ubat terkawal, ubat tradisional dan produk suplemen kesihatan, dan kosmetik terlarang.

Hasil daripada operasi tersebut, serbuan telah berjaya menahan individu-individu yang terdiri daripada warga tempatan dan warga asing, dan beberapa produk ubat-ubatan, produk kesihatan dan kosmetik, serta peralatan rawatan seperti suntikan yang dipercayai digunakan untuk menjalankan rawatan terhadap pelanggan-pelanggan telah didapati dan ditemui semasa menjalankan operasi-operasi tersebut. Produk-produk yang merangkumi ubat-ubatan yang memerlukan preskripsi doktor dan produk kosmetik yang tidak mempunyai kebenaran dan terlarang juga ditemui semasa operasi-operasi dijalankan.

Antara khidmat rawatan perubatan, kesihatan dan Kecantikan yang didapati semasa operasi-operasi dijalankan yang bercanggah dengan undang-undang dan peraturan amalan perubatan dan kesihatan yang berkuatkuasa pada masa kini adalah seperti berikut:

1. Rawatan atau pengubahsuaian anggota badan menggunakan '*filler*' seperti:
  - Pengubahsuaian Payudara
  - Pengubahsuaian Wajah
  - Pengubahsuaian Hidung, Dagu dan Bibir
  - Pengubahsuaian Punggung
  - Pengubahsuaian Anggota Sulit Wanita
  - Pengubahsuaian Anggota Sulit Lelaki
2. Rawatan Facial yang menggunakan kaedah klinikal yang boleh mendatangkan risiko dan kemudaratan seperti:
  - Rawatan PRP Vampire Facial
  - Rawatan Microneedling termasuk Rawatan Sulam
  - Rawatan Threadlifting

3. Rawatan perubatan dan Kecantikan yang menggunakan kaedah suntikan ataupun *IV dripping* dengan menggunakan ubat-ubatan, produk suplemen dan kosmetik seperti berikut:
  - Suntikan pemutihan
  - Suntikan pelangsingan
  - Suntikan botox
  - Suntikan Vitamin C
  - Suntikan hormon
  - Suntikan steroid
4. Rawatan menggunakan “*pil*” samaada mengandungi produk ubat-ubatan, mahupun suplemen bagi tujuan rawatan kesihatan atau kecantikan seperti:
  - Pil pelangsingan
  - Pil pemutihan
  - Pil hormone
  - Pil steroid
  - Pil tenaga batin/dalaman seperti Viagra

Di negara ini, mana-mana rawatan perubatan dan kesihatan yang dipergunakan, termasuk rawatan kecantikan yang menggunakan kaedah rawatan secara klinikal serta menggunakan alat-alat perubatan klinikal seperti alat suntuk dan jarum, IV dripping dan sebagainya dan juga rawatan yang menggunakan produk ubat-ubatan adalah dihadkan kepada Pengamal Perubatan yang berdaftar seperti yang diperuntukkan dibawah Akta Pengamal-Pengamal Perubatan dan Doktor-Doktor Gigi.

Dalam usaha Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam mengawal penjualan produk ubat, ubat tradisional serta supplemen kesihatan dan produk kosmetik di negara ini dengan lebih efisien dan efektif, pihak Berkuasa Kawalan Ubat Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan di bawah Perintah Ubat 2007, dengan matlamat utamanya bagi memastikan produk-produk ubat dan produk-produk berkaitan yang dipasarkan dan digunakan di Negara Brunei Darussalam adalah selamat, berkualiti dan berkesan.

Adalah menjadi kesalahan, di bawah Perintah Ubat 2007, untuk mengimport, menjual atau memasarkan produk ubat tanpa lessen dan boleh dikenakan denda sebanyak BND 5, 000, penjara selama dua tahun atau kedua-duanya sekali. Sesiapa yang didapati telah menerbitkan, mengeluarkan iklan, perlambangan atau imej (representation) yang palsu dan mengelirukan yang berkaitan dengan produk perubatan adalah bersalah di bawah Seksyen 52 Perintah Ubat 2007 dan boleh dihukum dengan denda sebanyak BND 5, 000, penjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta racun, Penggal 114 untuk menjual mana-mana produk yang mengandungi bahan yang dikawal di bawah akta berkenaan dan boleh dikenakan denda sebanyak BND 8, 000 atau penjara selama enam bulan, jika didapati bersalah. Adapun jika seseorang melakukan sesuatu di atas kecuaiannya sendiri yang membahayakan atau mungkin membahayakan nyawa manusia, jika didapati bersalah, akan didenda sebanyak BND 16, 000 dan dua belas (12) bulan penjara.

Selain itu, adalah menjadi satu kesalahan di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007 untuk mengimport dan memasarkan produk kosmetik di pasaran tempatan tanpa Surat Pengakuan Notifikasi Produk Kosmetik yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa di Kementerian Kesihatan. Adalah juga menjadi satu kesalahan, di bawah Seksyen 11 Peraturan Ubat (Produk Kosmetik) 2007, untuk mengiklankan produk-produk kosmetik dengan tuntutan bahawa produk kosmetik tersebut mempunyai manfaat terapeutik atau tuntutan yang akan mewujudkan kesan salah mengenai kandungan, kualiti atau keselamatan produk kosmetik tersebut dan boleh dikenakan denda tidak melebihi BND 5, 000, penjara tidak melebihi dua puluh (20) tahun atau kedua-duanya sekali.

Pejabat Peguam Negara telah mengingatkan orang ramai di bawah undang-undang Seksyen 61 Perintah Ubat 2007, adalah menjadi satu kesalahan bagi sesiapa yang menghalang mana-mana pegawai kerajaan atau penjawat awam yang mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan peruntukan undang-undang atau dengan sengaja tidak mematuhi atau gagal untuk memberi maklumat kepada pihak berkuasa yang bertindak menurut Perintah Ubat 2007 dan jika didapati bersalah, boleh dihukum denda sebanyak

BND 2, 000. Juga merupakan satu kesalahan bagi orang ramai untuk menghalang mana-mana kakitangan awam daripada menjalankan tugas mereka di bawah Seksyen 186 Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 di mana barangsiapa dengan sengaja menghalang mana-mana penjawat awam atau pegawai kerajaan yang menjalankan tugas awamnya boleh dihukum penjara selama tempoh yang boleh membawa sehingga tiga (3) bulan dan denda yang boleh sampai BND 2, 000 atau kedua-duanya sekali.

Adalah juga menjadi satu kesalahan untuk memberi keterangan atau maklumat yang palsu di bawah Perintah Ubat 2007, dan jika didapati bersalah, akan dikenakan hukuman dengan denda tidak melebihi BND 5, 000, penjara tidak melebihi dua (2) tahun atau kedua-duanya sekali.

Pasukan Polis Diraja Brunei juga telah mengingatkan orang ramai, adalah juga menjadi satu kesalahan yang boleh didakwa serta dikenakan suatu denda jika mana-mana pihak penjual atau orang awam yang menghadang, menghalang, mengancam, menganiaya, mengganggu atau menyerang para pegawai penguatkuasa yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan Perintah Ubat 2007 atau cuba membuat ancaman seperti mencederakan, akan dikenakan denda dan hukuman yang berpatutan mengikut kanun hukum yang ditetapkan.

Kementerian Kesihatan juga telah dan akan terus menguatkuasakan undang-undang dan peraturan penjualan produk ubat-ubatan dan kosmetik yang dijual untuk digunakan adalah selamat untuk digunakan dan tidak mendatangkan bahaya dan memudaratkan kesihatan secara berpanjangan termasuk kanser, kerosakan buah pinggang dan hati, impak negatif kepada jantung, darah dan organ deria serta boleh memudaratkan janin dalam kandungan, menyebabkan kanser kulit, perubahan pada warna kulit yang beransur-ansur menjadi kehitaman, *hypersensitivity* dan kerosakan pada buah pinggang.

Pada masa kini, telah banyak isu dapat kita lihat dan dengar telah menjadi topik perbualan dan persoalan berkaitan dengan produk kecantikan dan kesihatan di seluruh negara. Fenomena ini bukan sahaja melanda masyarakat di negara luar, bagi masyarakat di Negara Brunei Darussalam tanpa mengira usia mahupun jantina.

Dikatakan, telah banyak pengguna pada masa kini terlalu obses dengan kecantikan dan kesihatan tubuh badan sehingga sanggup mengorbankan kesihatan kerana semata-mata ingin kelihatan lebih cantik, terutamanya bagi golongan muda.

Sejurus dengan peredaran zaman, pada masa kini dapat kita lihat sendiri telah banyak di pasaran yang menjual pelbagai produk kecantikan dan kesihatan yang bertanda atau cap halal oleh kerajaan Malaysia dan Negara-negara lain.<sup>19</sup> Maka, akibat daripada tanda halal tersebut, maka orang ramai khususnya golongan muda dan umat Islam telah banyak menggunakan produk tersebut dengan tanpa ada keraguan. Persoalannya di sini ialah, setakat manakah kehalalan pemakaian produk tersebut? Apakah ia tidak mengandungi bahan-bahan terkawal yang boleh memudaratkan dan menjelaskan kesihatan pengguna?

Pada lazimnya, perkataan halal adalah digunakan untuk barang makanan, termasuklah kepada sumber pendapatan sebagaimana yang biasa kita sebut iaitu mencari rezeki yang halal. Namun yang demikian, bagi barang-barang gunaan misalnya produk kecantikan atau kesihatan, penggunaan perkataan halal itu adalah tidak bersesuaian dan tidak tepat jika tujuan penamaan label halal tersebut adalah untuk membolehkan orang ramai khususnya umat Islam untuk menggunakannya. Perkataan yang sesuai dan tepat untuk digunakan ialah suci daripada segala najis. Ini adalah kerana kita dilarang oleh agama Allah Subhanahu Wa Ta’ala untuk menggunakan atau memakai barang-barang yang mengandungi najis.

Allah Subhanahu Wa Ta’ala berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْحُمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ  
فَاجْتَبِوْهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٩٠﴾

<sup>19</sup> D.P Ahmad Bukhari. (2007). Isu – Isu Produk Halal. Cetakan Pertama. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan. hlm.237.

Tafsirnya:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah (perbuatan) keji daripada perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu beroleh kemenangan (dan keberuntungan).” (Surah Al-Maidah: 90).*

Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini, telah berlaku bermacam-macam isu berkaitan dengan produk kecantikan dan kesihatan yang tersebar melalui berita, akhbar dan media sosial. Misalnya isu produk pelangsing yang beracun, halal atau haram tentang kaedah moden kecantikan seperti penggunaan suntikan botox, suntikan vitamin C atau kolagen, pembedahan kosmetik, dan sulam bedak.<sup>20</sup> Apa yang membimbangkan lagi ialah, adakah bahan-bahan sesuatu produk kecantikan dan kesihatan tersebut halal dan selamat digunakan oleh pengguna khususnya umat Islam.

Sebagaimana yang kita sedia maklum, produk kesihatan pada masa kini, tidak kira sama ada berupa dalam bentuk vitamin, mineral dan makanan tambahan, kesemuanya kini dilihat sebagai suatu keperluan tambahan yang perlu diambil dalam permakanan harian.

Sebaiknya, dalam kita sibuk memilih apa yang terbaik untuk kesihatan diri, setiap pengguna hendaklah bijak dalam membuat pertimbangan dari segi kualiti produk yang diambil berikutan dengan banyaknya produk sedemikian telah dijual di pasaran sehingga ada pula timbul isu produk tiruan dan sebagainya. Sebagai pengguna, khususnya kita yang berugama Islam, seeloknya lebih mengambil perhatian dalam memilih dan mengambil apa yang kita makan atau gunakan agar kita terselamat dari sebarang kemudarat dan syubhab.

Ini adalah kerana pensyariatan dalam memilih yang halal itu telah jelas dinyatakan oleh Allah Subhanahu Wa Ta’ala di dalam kitabnya yang agung iaitu Al-Quran dan oleh Nabi junjungan besar kita Muhammad Shallallahu ‘Alaihi Wa Sallam

---

<sup>20</sup> Rabiatul Nalawiyah, Jusoh. Isu Produk Kecantikan Dan Kesihatan. (2007). Shah Alam: Malaysia. hal.6.

melalui sabda baginda di dalam Al-Hadith yang masyhur. Terdapat banyak bukti atau dalil yang menyentuh berkaitan dengan hal ini, antaranya ialah:

Allah Subhanahu Wa Ta'ala befirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيْبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَاشْكُرُوا لِلَّهِ إِنْ كُنْتُمْ

﴿١٧٢﴾ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ

Tafsirnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah makanan yang baik-baik yang Kami telah kurniakan kepada kamu dan bersyukurlah kepada Allah jika benar kamu hanya beribadat kepadanya”. (**Surah Al-Baqarah: 172**).

Menjauhi perkara yang boleh mendatangkan atau menyebabkan kemudaratan terhadap diri dan agama adalah merupakan suatu tuntutan daripada Allah Subhanahu Wa Ta'ala kepada seluruh hambanya (manusia).

Firman Allah Subhanahu Wa Ta'ala:

﴿١٩٥﴾ ...وَلَا ثُقُّوا بِأَيْنِدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Tafsirnya: “Dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan”. (**Surah Al-Baqarah: 195**).

Menjauhi segala perkara yang syubhah atau samar-samar itu adalah merupakan tuntutan syara’. Ini kerana, dengan menjauhinya akan terpeliharalah diri kita dan juga agama.

Sabda Rasulullah Shallallahu ‘Alaihi Wa Sallam:

دَعْ مَا يَرِيُّكَ إِلَى مَا لَا يَرِيُّكَ

Mafhumnya: “Tinggalkanlah barang yang meragukan engkau kepada apa yang tidak meragukan engkau”. (**Al-Hadith riwayat At-Tirmidzi dan An-Nasa’i**).

Di Negara Brunei Darussalam, dengan usaha Kementerian Kesihatan dalam mengawal penjualan produk ubat, ubat tradisional serta supplemen kesihatan dan produk kecantikan (kosmetik) di negara ini dengan lebih efisien dan efektif, pihak Berkuasa Kawalan Ubat Negara Brunei Darussalam telah ditubuhkan di bawah Perintah Ubat 2007, dengan matlamat utamanya bagi memastikan produk-produk ubat dan produk-produk berkaitan yang dipasarkan dan digunakan di Negara Brunei Darussalam adalah selamat, berkualiti dan berkesan untuk diguna pakai.<sup>21</sup>

#### **1.10.3.1 Produk Kecantikan Menurut Perspektif Islam**

Kecantikan membawa maksud bertujuan semata-mata untuk membersih, mewangikan, merubah penampilan atau memperbaiki bau badan dan melindunginya atau memeliharanya agar sentiasa dalam keadaan baik. Kosmetik memiliki fungsi memperindah penampilan manusia atau aroma tubuh manusia, karena keindahan akan menarik perhatian orang-orang sekaligus memberikan kesan positif terhadap mereka, disisi lain Islam merupakan agama yang menaruh perhatian pada persoalan kebersihan, kesucian serta keindahan tersebut. Islam bahkan mengajurkan merawat dan memelihara diri, banyak nas-nas didalam Al-Qur'an maupun Hadits yang memberikan motivasi agar seseorang muslim maupun muslimah memperhatikan keindahan, bagi muslimah bahkan dianjurkan untuk berhias diri untuk keperluan-keperluan tertentu, seperti contoh salah satunya yaitu untuk menyenangkan suami.

Kecantikan atau Kosmetik adalah segala aktiviti dan bahan-bahan kandungannya yang berhubung kait dengan barang gunaan yang digunakan untuk mempercantik pada bahagian luaran tubuh badan manusia seperti wajah, kulit, rambut, kuku, bibir, gigi dan rongga mulut dalam bentuk seperti bedak, gincu, celak dan seumpamanya. Tujuan utama pengambilannya pula adalah untuk membersihkan, mewangikan dan mencantikkan penampilan diri agar kelihatan baik, rapi dan sebagainya (Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003, 542, 1422; Kamus Dewan, 2005, 310).

Menurut Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam, Produk Kecantikan atau Kosmetik ini bermakna apa-apa bahan atau persediaan yang

---

<sup>21</sup> <http://www.moh.gov.bn/> (14 Mei 2019).

dimaksudkan untuk diletakkan bersentuhan dengan pelbagai bahagian luar badan manusia (epidermis, sistem rambut, kuku, bibir dan organ genital luar) atau gigi dan selaput lendir rongga oral dengan tujuan khusus atau utama untuk mencucinya, mewangikannya, menukar rupa bentuknya dan membetulkan bau badan, melindunginya atau menjaganya dalam keadaan baik atau semua tujuan atau sebarang tujuan tersebut.<sup>22</sup>

Secara amnya, produk kecantikan atau kosmetik selalunya dikenali sebagai alat solek atau produk yang digunakan secara luaran untuk mencantikkan seseorang individu. Pada peringkat regulatori, kosmetik mempunyai definisi yang lebih terperinci dan jelas iaitu bahan atau sediaan untuk digunakan pada bahagian luaran badan manusia seperti kulit, rambut, kuku, bibir, bahagian luaran organ genital manusia, gigi atau membran mukus di dalam mulut yang bertujuan sebagai pembersih, pewangi, mengubah penampilan, menghilangkan bau badan, melindungi dan mengekalkan kecantikan dalam keadaan yang baik. produk kosmetik juga tidak hanya merujuk kepada gincu, bedak muka dan maskara, malah ia merangkumi kepala pelbagai produk lainnya seperti produk penjagaan atau permbersihan diri seperti syampu rambut, sabun badan dan produk penjagaan gigi.<sup>23</sup>

Cantik dan kosmetik adalah sangat sinonim, di mana terdapat banyak pilihan produk kecantikan yang mudah untuk didapati di pasaran pada masa ini. Produk kecantikan ini boleh didapati atau dibeli dalam pelbagai bentuk, jenis, sediaan, warna, rasa, bau dan cara pengambilannya. Setiap produk mempunyai bermacam-macam tuntutan dan kegunaannya, sebagai contoh, seseorang pengguna itu boleh menjadi putih setelah menggunakan krim “A”, menjadi ramping dengan meminum Jus “B” dan mendapatkan kulit putih mulus hanya dengan memakan kapsul “C”. Tidak hanya dengan itu, akhir-akhir ini kita sering disogokkan dengan iklan-iklan produk yang sangat mengujakan di media cetak dan elektronik. Para peniaga produk ini saling bersaing melalui iklan-iklan demi mendapatkan kepercayaan orang ramai.<sup>24</sup>

---

<sup>22</sup> <http://www.moh.gov.bn/> (17 Mei 2019).

<sup>23</sup> Noor Hidayah. (2019). *Apa Itu Produk Kosmetik*. Diambil dari <http://www.myhealth.gov.my/produk-kecantikan-atau-produk-kosmetik/> (29 Mei 2019).

<sup>24</sup> *Ibid*, (29 Mei 2019).

Bermacam-macam isu berkaitan dengan produk kecantikan dan kesihatan sejak kebelakangan ini telah timbul. Apa yang membimbangkan lagi ialah, kebanyakan masyarakat mudah terpedaya akan iklan-iklan tersebut dengan tanpa berfikir panjang akan sejauh manakah produk itu berkesan, adakah ia halal, selamat untuk digunakan dan adakah ia mengandungi bahan-bahan yang dikawal ataupun tidak?

Halal ialah perkara yang dibolehkan, atau *Mubah*, yang telah gugur daripadanya ikatan atau simpulan bahaya dan syariat membenarkan perbuatannya. Manakala haram pula ialah suatu perkara yang dilarang oleh syariat untuk melakukannya dengan larangan yang pasti, yakni tidak boleh berubah sehingga mendedahkan sesiapa yang melanggar larangan tersebut, boleh membawa kepada seksa Allah Subhanahu Wa Ta’ala di hari akhirat kelak dan ada kalanya boleh menyebabkan dia menerima seksa juga di dunia sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syariat<sup>25</sup>.

Antara contoh jenis produk kosmetik adalah pencuci muka, losyen kulit, krim muka, gincu dan minyak wangi. Kosmetik halal pula merujuk kepada produk kosmetik yang selamat, suci dan tidak mengandungi sebarang sumber daripada binatang seperti lemak haiwan. Oleh yang demikian, kosmetik merupakan salah satu produk yang perlu dimiliki dan wajib ada dalam kehidupan wanita dan tidak ketinggalan juga untuk para lelaki (Ahmad, 2015)<sup>26</sup>. Masyarakat sekarang mementingkan aspek penjagaan diri untuk meningkatkan keyakinan diri untuk kelihatan bergaya. Permintaan kosmetik halal juga mengalami peningkatan bukan sahaja kerana pertumbuhan masyarakat yang beragama Islam, tetapi kerana keyakinan terhadap kualiti dan keselamatan kosmetik halal.

Selaras dengan ajaran Islam, dua perkara yang mesti dipertimbangkan dalam penggunaan kosmetik adalah kebersihan dan kesucian. Kosmetik yang dibenarkan dalam Islam adalah yang bersifat halal, tidak haram, tidak membahayakan penggunaan tubuh dan juga boleh memanfaatkan penggunaannya. Setiap muslim perlu memastikan

---

<sup>25</sup> Yusuf Al-Qardhawi. (1995). *Halal dan Haram Dalam: Islam* Pustaka Islamiyah Pte Ltd. P. 19

<sup>26</sup> Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Lidia Fitri (2014) *Ketekalan Gelagat Pengguna Muslim Terhadap Status Halal: Ke Arah Strategi Berkesan Promosi Produk Halal*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-9, hlm. 736 – 746.

apa yang dimakan, dipakai atau dikenakan pada tubuhnya hendaklah diketahui dari manakah sumbernya (Zalina Zakaria, 2007).

Menurut ulama<sup>27</sup>, halal atau tidak suatu produk itu bergantung pada dua faktor iaitu zat yang terdapat di dalam produk itu sendiri dan haruslah tidak tergolong dalam perkara yang di senarai-haramkan oleh Syarak. Selain itu, cara pemerolehan produk tersebut. Walaupun zat suatu produk itu adalah halal, namun jika diperoleh dengan jalan yang salah seperti jalan riba, penipuan dan sebagainya, maka produk tersebut tetap jatuh haram di sisi Syarak. Halal kosmetik dapat didefinisikan dalam beberapa bahagian seperti berikut:

1. Tidak mengandungi mana-mana bahagian daripada haiwan yang dilarang untuk dimakan atau yang tidak disembelih mengikut undang-undang yang ditetapkan oleh syariah.
2. Tidak mengandungi apa-apa yang berunsurkan daripada najis sebagaimana berdasarkan apa yang telah ditetapkan di dalam hukum syariah.
3. Tidak mengandungi mana-mana bahagian daripada manusia ataupun hasil yang tidak dibenarkan oleh undang-undang syariah.
4. Tidak mengandungi racun, atau benda dan bahan yang membahayakan kesihatan.
5. Tidak disediakan, diproses atau dikeluarkan dengan menggunakan sebarang alat yang tercemar dengan najis atau berkongsi dengan alat yang memproses sesuatu, bahan atau benda yang mengandungi najis seperti khinzir dan arak menurut undang-undang syariah.<sup>27</sup>

Secara umumnya, agama boleh ditafsirkan sebagai galakan naluri untuk percaya dan menjalankan dari agama yang dia percaya, dalam bentuk mematuhi kepatuhan agama termasuk kepercayaan pada Tuhan, penyembahan, dan norma yang menjaga hubungan manusia dengan Tuhan (Desertasi, 2016)<sup>28</sup>. Ianya boleh ditafsirkan sebagai rasa percaya diri dalam mempercayai agama seseorang. Melaksanakan imannya dalam

---

<sup>27</sup> Raihan, Saadan, Noor Naemah. (2019). *Aplikasi Maslahah Dalam Produk Kosmetik: Satu Analisis Awal*. Diambil dari pembentangan Seminar Antarabangsa Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban ke – 4.

<sup>28</sup> Desertasi. (2016) “*Analisis Dampak Penerapan Perbankan Syariah terhadap Sektor UMKM di Sumatera Utara*”.h.19.

kehidupan sehariannya dan bagaimana hubungannya dengan Khalik (Fauzham Adhim, 2009)<sup>29</sup>.

Menurut Pang dan Toh (2008)<sup>30</sup>, tahap pengetahuan keselamatan makanan dan amalan keselamatan makanan adalah lebih baik di kalangan penjaja Melayu berbanding penjaja daripada etnik Cina. Aspek keagamaan juga memberi impak dalam kedua-dua aspek pengetahuan dan amalan makanan yang selamat, di mana, penjaja beragama Islam atau Muslim lebih baik berbanding penjaja beragama Buddha (Pang dan Toh, 2008). Selain daripada itu, penjaja Melayu juga menunjukkan pengetahuan yang lebih baik dalam aspek kebersihan berkenaan peralatan, perkakasan (*utensils*) dan premis berbanding penjaja kaum Cina (Toh dan Birchenough, 2000)<sup>31</sup>.

Kepelbagaiannya dalam agama tidak hanya merujuk kepada dimensi ritual semata-mata, tetapi turut termasuk pelbagai dimensi lain. Kepelbagaiannya dimensi dalam agama adalah instrumen yang boleh digunakan untuk mengukur kepercayaan seseorang. Menurut Roland, dimensi agama dibezakan dalam lima perkara iaitu kepercayaan, amalan, pengalaman, pengetahuan dan akibat akibatnya. Sikap agama adalah sikap yang ada dalam seseorang yang menggalakkannya untuk berkelakuan sesuai tahap ketaatan kepada agama. Sikap keagamaan adalah melalui kewujudan konsistensi antara kepercayaan agama sebagai elemen kognitif, perasaan ke arah agama sebagai elemen yang berkesan, dan tingkah laku ke arah agama sebagai unsur konatif (Jalaluddin, 2012)<sup>32</sup>.

Para Pengguna menggunakan kosmetik bagi memenuhi keperluan yang timbul daripada kesan fisiologi dan keperluan psikologi. Sebagai contoh keperluan fizikal untuk kebersihan diri, kesihatan dan kecantikan. Keperluan psikologi misalnya untuk diri sendiri dan rasa keinginan untuk dihargai. Faktor nilai keagamaan pada dasarnya mampu mempengaruhi kelakuan penggunaan wanita Islam dalam menggunakan kosmetik yang halal dan baik, berbanding kosmetik yang tidak pasti status halalnya.

<sup>29</sup> Fauzham Adhim. (2002). *Pengaruh Religiusitas terhadap Prestasi Kerja Pegawai Alumni dan Bukan Alumni Pesantren*, Jurnal Ekonomi Modernisasi, Volume 5, No.2

<sup>30</sup> Pang, F. dan P. S. Toh. (2008). *Hawker Food Industry: Food Safety/Public Health Strategies in Malaysia. Nutrition and Food Science*. 38 (1): pp 41-51.

<sup>31</sup> Toh, P. S. dan A. Birchenough. (2000). *Food Safety Knowledge and Attitudes: Culture and Environment Impact on Hawkers In Malaysia. Food Control*. 11(6): pp 447-452.

<sup>32</sup> Jalaluddin. *Pskilogi Agama: Memahami Perilaku dengan Mengaplikasikan Prinsip-Psikologi*.

Walau bagaimanapun, terdapat pandangan berbeza di mana didapati pengguna beragama Islam tidak menjadikan faktor keagamaan sebagai nilai utama dalam pembelian dan penggunaan produk kosmetik. Kosmetik halal tidak dijadikan syarat utama semasa pembelian. Kriteria utama bagi pengguna dalam pemilihan sesuatu produk bukan bergantung kepada nilai agama tetapi dipengaruhi oleh teknik pengiklanan, gaya hidup, cita rasa, harga atau pendapatan.

Pengguna wanita dan kosmetik amat berkait rapat dan sinonim dalam masyarakat. Perkembangan teknologi hari ini menjadikan lebih mudah bagi pengguna untuk meneroka maklumat kosmetik halal yang diperlukan. Pengetahuan yang diperolehi oleh pengguna dari pelbagai media turut memudahkan pengguna untuk memilih produk yang halal dan sesuai dengan keperluan mereka. Walau bagaimanapun, masih juga terdapat sebilangan pengguna beragama Islam yang tidak menjadikan nilai agama sebagai faktor utama dalam pembelian dan penggunaan produk kosmetik dan kecantikan. Hasil kupasan dari perspektif syariah tentang kewajiban penggunaan barang halal ini diharapkan mampu menyedarkan para pengguna beragama Islam agar meletakkan nilai-nilai keagamaan sebagai landasan utama mereka dalam pemilihan dan penggunaan sebarang produk kosmetik dan kecantikan.

Pemilihan produk kosmetik yang halal, bersih dan selamat seharusnya menjadi keutamaan bagi setiap wanita Islam. Ianya secara tidak langsung selaras dengan tuntutan syariah supaya setiap apa yang dimakan dan dikenakan pada tubuh adalah datang daripada sumber yang halal, bersih lagi baik. Pengambilan produk-produk yang halal dalam kehidupan sehari-hari dapat membersihkan hati dan menjaga lidah dari bercakap sesuatu yang tidak berfaedah. Pengambilan barang-barang halal dan bersih bukan sahaja akan membentuk darah daging malah boleh meningkatkan kualiti kesolehan zahir dan batin seseorang, serta memperelokkan dan menaikkan kualiti kehidupan.

#### **1.10.3.2 Produk Kesihatan Menurut Perspektif Islam**

Kini industri kesihatan halal semakin mendapat perhatian dunia kerana umat Islam berasa selesa dengan pengambilan produk-produk halal sebagai sebahagian kehidupan sehari-hari mereka (Saqib Ali, 2016). Dengan peningkatan prospek halal, hala tuju kesihatan halal semakin cerah untuk diteroka selepas makanan dan kewangan (Isabelle

Aoun, 2015). Oleh itu, segmen halal di pasaran baru-baru ini bukan sahaja tertumpu kepada industri makanan sahaja namun turut merangkumi industri kesihatan halal. Hal ini adalah disebabkan konsep *halalan thayyiban* menurut aspek kebersihan, keselamatan dan kualiti produk kesihatan telah menjadi tunjang kepada pilihan pengguna. Oleh itu, pengambilan produk kesihatan halal dapat menjamin keselamatan pengguna tanpa mendatangkan kemudharatan tubuh badan sekali gus menjaga kemaslahatan umat Islam.

Berdasarkan Badan Kesihatan Sedunia (WHO), pengertian kesihatan ialah satu tahap atau keadaan di mana seseorang individu itu mempunyai kesejahteraan yang sempurna dari segi fizikal, mental dan social dan bukan semata-mata bebas dari pelbagai penyakit ataupun tidak berdaya.<sup>33</sup>

Menurut Rimal dan Lapinski (2009)<sup>34</sup> dalam *Bulletin of the World Health Organization*, komunikasi kesihatan adalah pemberian maklumat dan juga pemahaman tentang kesihatan kepada masyarakat melalui media massa yang bertujuan untuk mengubah gaya hidup masyarakat kearah gaya hidup yang lebih sihat.

Menurut Divine dan Lepisto (2005), kesihatan ditakrifkan kepada keadaan atau gaya hidup yang berorientasi ke arah pencegahan masalah kesihatan sehingga memiliki kehidupan yang berkualiti. Pelbagai bentuk sokongan digunakan untuk menyampaikan pentingnya gaya hidup sihat kepada masyarakat demi mencapai matlamat pencegahan tertentu.

Perubatan dan farmaseutikal pula adalah berkenaan dengan segala hal barang gunaan yang selalunya berbentuk ubat-ubatan dan farmasi digunakan pada anggota tubuh badan untuk tujuan mengurangkan, menghilangkan, menyembuhkan, mengubat apa sahaja jenis penyakit, menyihatkan tubuh badan dan seumpamanya. Ia merangkumi segala aktiviti tentang kegiatan berubat dan teknologi pembuatannya, pembancuhannya, penyediaannya, cara penyimpanan dan penyalurannya serta bahan campuran dalam ubat-ubatan tersebut (Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003, 713, 2940 dan 2941; Kamus Dewan, 2005, 407).

---

<sup>33</sup> <https://ms.wikipedia.org/> (11 Julai 2019).

<sup>34</sup> Rimal, RN, & Lapinski, MK. (2009). *Why health communication is important in public health*. Bulletin of the World Health Organization 87: p 247.

Kesihatan adalah merupakan satu bentuk homeostasis bagi mana-mana organisma. Ia adalah merupakan satu imbangan di mana tenaga dan jisim masuk dan keluar (*input and output*) berada dalam keadaan yang seimbang sehingga membolehkan pertumbuhan yang baik.<sup>35</sup>

Kesihatan juga membawa maksud kepada berkemampuan untuk meneruskan hidup dengan prospek positif.<sup>36</sup> Adapun kita sebagai manusia, kemampuan untuk menganalisa dan menjangka kesihatan adalah lebih daripada itu. Ini bermakna, bukan semuanya perlu tepat pada masa yang tepat, akan tetapi pemahaman subjektif penting bagi meneruskan pengimbangan yang sihat itu adalah perlu.

Hidup sihat merupakan faktor utama bagi setiap manusia, masyarakat sudah mulai sedar dan membekalkan kesihatannya dengan makanan, minuman, serta suplemen tambahan yang berkualiti (Divineet, 2005) untuk menjaga kesihatan demi menentukan masa hadapan (Rotaru & Borda, 2007). Kesedaran untuk sihat dan disokong oleh para pakar pengubatan kepada pesakit ringan untuk tidak terlalu banyak menggunakan ubat-ubatan yang berunsur dadah kerana dianggap dapat memberi impak kepada kerosakan organ tubuh pesakit serta menjadikan masyarakat mencari alternatif lain untuk memenuhi kehendak kesihatan mereka.

Di samping itu, dalam usaha untuk menjaga kesihatan yang baik, masyarakat juga adalah perlu untuk menjaga permakanan. pada masa kini, boleh dikatakan masyarakat adalah hidup dalam keadaan yang terlalu mewah dengan segala jenis makanan dan minuman. Pelbagai jenis juadah makanan dan minuman yang dimakan setiap hari sehingga mengundang kepada pelbagai jenis penyakit seperti kencing manis, darah tinggi, buah pinggang, obesiti (kegemukan), jantung dan sebagainya.

Bagi pengguna Muslim, mereka akan cuba memastikan bahawa sesuatu produk yang bakal mereka guna, pakai atau makan itu adalah halal dan bersih. Pemikiran seperti ini telah menjadi kewajipan dan amat diambil berat terutamanya jika ia melibatkan produk makanan dan ubat-ubatan. Kebanyakan pengguna Muslim turut

---

<sup>35</sup> <https://ms.wikipedia.org/> (11 Julai 2019).

<sup>36</sup> *Ibid.*

memberi keutamaan makanan yang halal iaitu konsep halal merangkumi konsep thayyibah, iaitu aspek keselamatan.

Pengguna lebih gemar membeli produk kesihatan daripada luar negara berbanding produk tempatan. Demikian itu, maka timbulah isu pengambilan produk kesihatan di kalangan masyarakat sebagai makanan tambahan seharian demi mendapatkan kesihatan yang diinginkan. Namun begitu, kebanyakan masyarakat masih memandang rendah terhadap hal ini. Produk kesihatan sama ada dalam bentuk vitamin, mineral dan makanan tambahan kini dilihat sebagai satu keperluan yang harus diambil dan disertakan dalam jadual pemakanan harian bagi setiap individu.

Ubat boleh dikategorikan kepada 3 kumpulan besar (Abd Rahman, 2012)<sup>37</sup>:

- a. Ubat Farmaseutikal: ubat-ubatan dalam bentuk dos seperti tablet, kapsul, krim, ointment, suntikan dan sebagainya. Ubat farmaseutikal ini dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu:
  - i. Ubat Am: ubat yang boleh dibeli tanpa preskripsi doktor
  - ii. Ubat terkawal: ubat yang hanya boleh diperolehi dengan preskripsi doktor
- b. Produk Nutraceutikal atau Suplemen Kesihatan: produk yang mengandungi bahan-bahan seperti vitamin, mineral, makanan, botanikal, asid amino dan diambil sebagai bahan tambahan.
- c. Ubat Tradisional dan Komplementari: produk yang digunakan dalam pengamalan perubatan asli atau alternatif yang mengandungi satu atau lebih bahan-bahan semula jadi yang berasal daripada tumbuhan, binatang, galian dalam bentuk pati ekstrak atau bukan pati ekstrak.

Manakala kategori bahan-bahan yang terlibat dalam penghasilan farmaseutikal Maizirwan (2009)<sup>38</sup> boleh dikategorikan sebagai:

- a. Bahan-bahan proses (bahan yang digunakan dalam proses pengeluaran, di makmal dan pembuatan).
- b. Bahan eksipien farmaseutikal (bahan-bahan aktif komponen termasuk dalam formulasi farmaseutikal akhir).

---

<sup>37</sup>Abd Rahman. (2012). *Halalkah ubat anda*. H Science Solution, Selangor

<sup>38</sup>M.Maizirwan. (2009). *Halal issues in pharmaceutical products: urgent need to have modern and efficient production of pharmaceuticals and biopharmaceuticals*. Pp. 56-63

- c. Bahan-bahan aktif farmaseutikal, API (apa-apa bahan atau campuran bahan-bahan yang adalah bahan aktif dadah).
- d. Reagen analisis (bahan-bahan kimia yang mengandungi ketulenan yang mencukupi yang boleh mengesan sebarang bahan kimia untuk analisis kimia).

Bagi produk jualan yang berkaitan dengan kesihatan, dakwaan melampau dari penjual boleh menjelaskan kesihatan pembeli terutamanya jika produk tersebut mengandungi bahan-bahan yang terlarang dan berbahaya dari segi hukum dan kesan penggunaannya. Penghasilan produk farmaseutikal atau kesihatan semakin berkembang dengan pesat. Ia memberi impak yang positif kepada perkembangan industri terlibat. Produk farmaseutikal atau kesihatan dihasilkan melalui pelbagai percampuran bahan aktif, bahan kimia kompleks serta melibatkan sumber berasaskan haiwan dan tumbuhan secara meluas. Namun, pelbagai isu hukum timbul dalam proses penghasilan produk-produk ini apabila ianya melibatkan sumber berasaskan khinzir dan derivatifnya.

Dalam konteks ini, sebagai contoh, kedudukan ubat yang suci bercampur dengan gelatin? Gelatin merupakan satu jenis bahan yang diperolehi dengan mendidih dalam air dari hidrolisis separa kelogen terbitan daripada kondrum, tulang, tendon dan kulit binatang. Walaupun gelatin satu protein yang berasal daripada binatang, namun bahan ini mempunyai nilai biologi yang rendah.

Gelatin digunakan secara meluas dalam industri makanan dan merupakan salah satu bahan asasnya. Di antara makanan berkenaan ialah jeli. Gelatin juga digunakan untuk membuat manis-manisan agar-agar dan aiskrim.

Dari segi hukum, jika gelatin itu berasal daripada binatang bukan sayur-sayuran, maka hukumnya tertakluk kepada kedudukan binatang itu. Apabila binatang itu binatang halal yang disembelih mengikut cara sembelihan Islam, maka gelatin itu adalah halal dan suci, tetapi apabila binatang itu bukan binatang halal, seperti babi, ataupun ia binatang halal tetapi tidak disembelih mengikut cara sembelihan Islam, maka gelatin itu haram dan najis.

Seperti yang telah disebutkan di dalam kaedah ushul fiqh disebutkan yang bermaksud:

*Pengikut itu hukumnya tetap sebagai pengikut yang mengikut.*

Dengan yang demikian, gelatin yang berasal daripada binatang haram, ataupun binatang halal tetapi tidak disembelih secara sembelihan Islam adalah haram dan najis, kemudian jika ia dicampurkan dengan ubat atau makanan, maka ubat dan makanan itu turut menjadi najis<sup>39</sup>.

Secara umum, tindakan penjual yang memberi nasihat kesihatan seterusnya mengesyorkan ubat atau makanan kesihatan tambahan yang dijualnya kepada pengguna adalah salah dan berdosa. Malah, jika berlaku sebarang masalah kepada kesihatan dan fizikal pengguna, penjual perlu bertanggungjawab.

Namun, dalam memilih apa yang terbaik untuk kesihatan, masyarakat ataupun setiap pengguna haruslah bijak dalam membuat pertimbangan dari segi kualiti suplemen atau produk kesihatan yang diambil. Ini adalah kerana bagi mengelakkan berlakunya kemudaratan terhadap kesihatan berikutan terlalu banyak pilihan yang terdapat di pasaran. Bagi memastikan keselamatan produk kesihatan, tahap risiko sesuatu komponen kimia di dalamnya perlu dianalisis dan sukanan yang selamat untuk pengambilan perlu dikenal pasti. Ini sangat mustahak kerana produk kesihatan lazimnya dihubung kait dengan makanan kesihatan dan secara tidak langsung ini akan menggalakkan penggunaan untuk jangka masa yang panjang atau pengambilan berlebihan.

## 1.11 KESIMPULAN

Kepakaan dan keperihatinan umat Islam pada masa ini terhadap isu-isu produk halal adalah merupakan salah satu faktor yang mendorong penulis untuk membuat kajian ini. Kecenderungan umat Islam khususnya di Negara Brunei Darussalam dalam mengambil perhatian terhadap isu halal haram terhadap pelbagai produk sama ada produk makanan, minuman, kosmetik dan sebagainya semakin ketara setelah pihak Kementerian Kesihatan membuat program berkenaan dengan kesedaran terhadap isu halal haram telah banyak mendapat respon daripada orang ramai.

Keperihatinan orang ramai di dalam memilih produk-produk halal yang diperlukan dan digunakan setiap hari adalah merupakan suatu petanda bahawa kefahaman umat Islam di Negara Brunei Darussalam pada masa ini berkenaan dengan

---

<sup>39</sup> Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2007). *Isu-Isu Produk Halal. Negara Brunei Darussalam*. Jabatan Mufti Kerajaan. Pp. 134-135

syariat Islam semakin baik dan mendalam kerana ia amat berkait rapat dengan amal ibadat yang dilakukan sehari-hari.

Kebelakangan ini juga, jelas menunjukkan bahawa isu halal dan haram ini bukan hanya diambil perhatian oleh masyarakat Islam, malah ia juga telah turut menjadi topik perbualan serta perbincangan dari pelbagai pihak lain terutama para pengeluar produk dan pengguna yang bukan terdiri daripada pihak yang beragama Islam.

Di Negara Brunei Darussalam, produk kecantikan dan kesihatan hendaklah mengikut peraturan-peraturan di bawah Perintah Ubat 2007, bagi mana-mana individu atau syarikat (termasuk penjualan secara *online* sama ada melalui aplikasi *Facebook* dan sebagainya), yang mengimport, mengilang, mengedar, mengiklan dan menjual produk.

Perintah Ubat 2007 adalah bertujuan bagi mengawalselia pengimportan, pendaftaran, promosi iklan, percubaan klinikal, pengangkutan, pengilangan, penyimpanan, pendispensan, dan penjualan produk ubat dan produk kosmetik. Matlamat utama peruntukan-peruntukan di bawah Perintah Ubat 2007, ini adalah bagi memastikan produk-produk ubat dan produk-produk berkaitan yang dipasarkan dan digunakan di Negara Brunei Darussalam adalah selamat, berkualiti, berkesan dan tidak memudaratkan.

## **BAB DUA**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 PENGENALAN**

Tinjauan literatur atau sorotan kajian biasanya diletakkan dalam bab dua dalam sesuatu tesis atau laporan kajian. Menurut Amani Dahaman (2011)<sup>40</sup>, tinjauan literatur merupakan ulasan maklumat yang diperolehi daripada jurnal, buku, prosiding dan penyelidikan-penyselidikan lepas (tesis) untuk sesuatu penyelidikan terbaru. Tinjauan literatur ialah pengumpulan maklumat penyelidik tentang permasalahan yang sedang dikaji. Dalam proses membuat tinjauan literatur seseorang penyelidik akan mengenalpasti apakah yang telah dipelajari oleh orang lain mengenai permasalahan yang serupa dengan permasalahan yang dikaji. Selain itu tinjauan literatur adalah satu proses sistematik yang memerlukan pembacaan dan perhatian kepada butiran yang terperinci.

Menurut D.N. & Beile, P. (2005)<sup>41</sup>, objektif tinjauan literatur adalah membezakan apa yang telah dikaji daripada apa yang perlu dikaji, menemui boleh ubah yang relevan dengan tajuk penyelidikan yang baru dan menggabungkan bahagian-bahagian penulisan pelbagai bahan rujukan yang berasingan dan mendapat perspektif baru dalam topik yang sama. Selain itu objektif tinjauan literatur adalah untuk memahami struktur latar belakang subjek penyelidikan yang dijalankan, menunjukkan hubungan antara idea dan amalan berkaitan penyelidikan yang hendak dijalankan.

Banyak artikel dan penyelidikan yang boleh diperolehi sebagai rujukan dan sumber matlamat. Karya-karya yang boleh didapati antaranya ialah berbentuk penyelidikan akademik. Di antaranya:

---

<sup>40</sup> Amani Dahaman (2011). *Penyelidikan Pendidikan. Tinjauan Literatur/Sorotan Kajian*

<sup>41</sup> Boote, D.N. & Beile, P. (2005). *Scholars before researchers: On the centrality of the dissertation literature review in research preparation. Educational Researcher*

### **2.1.1. Kesan Penerimaan Aplikasi Istihalah Terhadap Hukum Produk yang Mengandungi Derivatif Muhammamat<sup>42</sup>.**

Kajian ini ingin meneliti pandangan fuqaha mengenai istihalah sebagai suatu instrumen purifikasi suatu benda haram yang berubah kepada suatu benda baharu dengan semua rupa, sifat dan ciri yang berbeza daripada keadaan asal. Penerimaan atau penolakan terhadap instrumen ini memberikan kesan terhadap hukum penggunaan produk yang mengandungi pelbagai derivatif muhammamat seperti gelatin, plasma darah dan alkohol yang terkandung dalam kebanyakan produk makanan, farmaseutikal dan kosmetik. Kajian ini bersifat kualitatif yang menganalisis pelbagai pandangan fuqaha mengenai istihalah yang telah mempengaruhi beberapa keputusan fatwa oleh Islamic Fiqh Council (IFC) di bawah The Muslim World League, The Islamic Organization for Medical Sciences (IOMS) dan al-Lajnah al-Daaimah li al-Buhuth al-'Ilmiyyah wa al-Ifta' kerajaan Arab Saudi ataupun di peringkat tempatan seperti Majlis Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (MJFMK) Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia dan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri-negeri mengenai hukum penggunaannya. Kajian ini mendapati pendirian MJFMK kelihatan amat ketat berbanding institusi Islam luar yang menunjukkan amalan yang agak terbuka bagi menyelesaikan kemelut kepenggunaan di peringkat global.

Justeru, Pengkaji hanya mengemukakan beberapa rumusan yang perlu diberikan perhatian dalam menangani isu kepenggunaan masa kini yang menggunakan aplikasi Istihalah sebagai standard pengesanan kesan haram yang tidak kelihatan (ma'nawi), sudah dianggap bersih, sekiranya tidak ada lagi kesan fizikal najis seperti bau, rasa dan warna pada form baharu tersebut. Standard ini boleh digunakan dalam mengabsahkan keberkesanan istihalah bagi melakukan purifikasi terhadap elemen-elemen kenajisan dan kekotoran suatu bahan setelah perubahan berlaku. Secara teorinya, penerimaan istihalah boleh dianggap sebagai suatu ruang yang dibenarkan oleh syarak untuk mempermudahkan urusan kepenggunaan umat Islam pada masa kini.

Oleh kerana itu, dalam kajian ini, pandangan fuqaha yang menerima istihalah secara mutlak mungkin sesuai diamalkan dalam konteks minoriti Islam di negara-

---

<sup>42</sup> Mahayadin, M H., Osman, M R. (2017). *Kesan Penerimaan Aplikasi Istihalah Terhadap Hukum Produk Yang Mengandungi Derivatif Muhammamat*. Journal of Fatwa Management and Research: University Sains Islam Malaysia.

negara bukan Islam seperti di Amerika Latin, Eropah Timur, Russia, Korea dan Jepun. Keadaan tersebut berbeza daripada negara-negara Islam seperti Malaysia, Indonesia dan negara Islam Timur Tengah yang kaya dengan sumber halal khususnya di Brunei Darussalam yang mempunyai undang-undang tersendiri dalam menangani isu produk kecantikan dan kesihatan.

### **2.1.2 Hukum Menggunakan Benda Najis Dalam Pengubatan Menurut Ibn Taimiyyah Dan Yusuf Al-Qardhawi<sup>43</sup>.**

Berubat merupakan hal yang sangat dianjurkan dalam Islam, demi kesembuhan dan kelangsungan hidup yang sehat agar keselamatan jiwa tetap terjaga. Namun, dewasa ini seiring kemajuan dalam dunia pengubatan (medis), banyak dijumpai sebagian ubat-ubatan dari bahan yang digunakan dalam masyarakat adalah ubat-ubatan dari bahan yang diharamkan. Berdasarkan latar belakang tersebut, masalah yang penyusun teliti dalam skripsi ini adalah mengenai hukum menggunakan benda najis dalam pengubatan dalam perspektif Ibn Taimiyyah dan Yusuf Al- Qardhawi, terutama mengenai bagaimana sebenarnya batasan-batasan dalam hukum Islam mengenai keadaan darurat dan rukhsah menggunakan benda najis dalam pengubatan.

Penelitian ini adalah penyelidikan kepustakaan (Library Research). Jenis data yang digunakan adalah data kualitatif iaitu jenis data yang berupa pendapat, konsep atau teori yang menguraikan dan menjelaskan masalah yang berkaitan penggunaan benda najis dalam pengubatan ini. Sumber data yang diambil dalam penelitian ini adalah sumber data primer dan skunder. Adapun yang menjadi data primer adalah buku yang ditulis oleh Ibn Taimiyyah dan Yusuf al-Qardhawi. Sedangkan data skunder yang diambil dari berbagai literatur yang ada revelansinya dengan penelitian ini. Data yang telah dikumpul dalam penelitian ini kemudian dianalisa secara deskriptif dan komparatif iaitu menjelaskan seluruh permasalahan yang ada kemudian dibuat perbandingan (komparatif) daripada hasil yang telah diperoleh setelah disimpulkan secara deduktif iaitu menarik kesimpulan dari penjelasan yang bersifat umum ke khusus. Sehingga dapat memahami penelitian ini dengan mudah dan jelas. Skripsi ini membandingkan antara pendapat Ibn Taimiyyah dan Yusuf Al-Qardhawi.

---

<sup>43</sup> Mohd Safari. Nurul Syafiqah. (2017). *Hukum Menggunakan Benda Najis Dalam Pengobatan Menurut Ibn Taimiyyah Dan Yusuf Al-Qardhawi*. Diploma Thesis, UIN Raden Fatah Palembang: Indonesia.

Menurut Ibn Taimiyyah penggunaan benda najis dalam pengubatan tidak boleh kerana darurat berubat menggunakan benda najis tidak seperti darurat makan benda najis ketika lapar. Sedangkan menurut Yusuf Al-Qardhawi penggunaan benda najis dalam pengubatan ini dibolehkan atas syarat-syarat tertentu. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menghuraikan tentang perbezaan pendapat dalam penggunaan benda najis dalam pengubatan. Ianya pasti akan memberi kesan yang besar terhadap undang-undang Negara Brunei Darussalam dalam mengesan isu kontemprari produk kecantikan dan kesihatan pada masa kini.

### **2.1.3. Fatwa Kepenggunaan Di Negara Brunei Darussalam: Satu Analisis<sup>44</sup>.**

Perkembangan isu-isu kepenggunaan masa kini berlaku selari dengan kepesatan teknologi yang mendorong pengeluar menghasilkan pelbagai jenis produk kepenggunaan untuk memenuhi kehendak semasa. Pengusaha pula berusaha menarik minat pengguna untuk menggunakan produk-produk tersebut bagi mengaut keuntungan. Justeru, fatwa merupakan suatu mekanisme semasa untuk masyarakat Islam mendapatkan penjelasan bagi permasalahan hukum yang timbul agar kehidupan tidak bercanggah dengan hukum syarak. Dengan itu, kajian ini adalah sebagai penerokaan kepada konsep fatwa kepenggunaan di samping mengemukakan contoh fatwa-fatwa kepenggunaan yang telah dikeluarkan di Negara Brunei Darussalam. Kajian ini menggunakan kaedah dokumentasi, temu bual dan analisis kandungan untuk mengumpul dan menganalisis maklumat. Hasil kajian mendapati fatwa kepenggunaan itu meliputi seluruh aspek berkenaan aktiviti kepenggunaan yang berkaitan dengan produk barang makanan, produk barang bukan makanan dan produk bukan barang.

Fatwa kepenggunaan merupakan suatu jenis fatwa yang bersifat semasa dan pada hari ini produk kepenggunaan itu bukan hanya terbatas ke dalam konteks makanan dan minuman sahaja (produk barang makanan). Malahan juga merangkumi produk barang bukan makanan dan produk bukan barang yang merentasi disiplin kosmetik, dandan diri, pakaian, perhiasan, peralatan, perkakasan, perubatan, farmaseutikal, pengangkutan, logistik, penyembelihan, perniagaan, perkhidmatan,

---

<sup>44</sup> Mohd Anuar Ramli, Abdul Qayyum Aminuddin. (2017). *Fatwa Kepenggunaan Di Negara Brunei Darussalam: Satu Analisis*. Ulum Islamiyyah. Vol. 22. Pp 42-52

premis dan restoran yang ada kaitan khususnya dengan segala aktiviti yang dilakukan oleh pengeluar, pengusaha dan pengguna produk-produk berkenaan.

Dalam hal ini, pengkaji cuma menfokuskan kepada fatwa hukum kearah kepenggunaan dan aktiviti aspek produk-produk yang ditekankan tetapi tidak menghuraikan secara lebih mendalam tentang isu bahan-bahan yang diguna pakai dengan kadarnya yang tetap dalam batasan yang telah ditentukan dalam produk tersebut.

#### **2.1.4 Keprihatinan Masyarakat Islam Terhadap Makanan Halal Di Negara Brunei Darussalam<sup>45</sup>.**

Persoalan halal haramnya sesuatu makanan itu adalah sama pentingnya seperti perkara-perkara dan masalah-masalah keagamaan yang lain. Walau bagaimanapun, masih ada lagi sebahagian daripada masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam yang kurang peka dan prihatin terhadap isu makanan halal ini. Senario ini boleh menjelaskan nama baik negara yang terkenal dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) dan konsep Negara Zikir. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji konsep makanan halal dalam Islam, mengkaji pentadbiran makanan halal di Negara Brunei Darussalam dan mengenal pasti keprihatinan masyarakat Islam terhadap makanan halal di Negara Brunei Darussalam. Kaedah tinjauan telah digunakan sebagai metod kajian. 380 responden daripada bangsa melayu yang beragama Islam di daerah Brunei dan Muara telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Data dikumpul menggunakan soal selidik. Data-data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian SPSS Windows 16.0. Kajian mendapati agama Islam mengarahkan supaya manusia memakan makanan yang halal dan baik yang telah disediakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala di darat maupun di laut. Sesuatu yang boleh dimakan itu adalah halal selama mana tidak terdapat nas-nas yang membuktikan pengharamannya.

Di samping, makanan halal ini terbukti mempunyai kelebihan dan keberkatannya yang tersendiri. Begitu juga sebaliknya. Kajian juga mendapati pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berusaha sebaik mungkin dalam menjaga kehalalan makanan di negara ini. Industri makanan halal semakin berkembang maju

---

<sup>45</sup> Mohammad Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa. (2011). *Keprihatinan Masyarakat Islam Terhadap Makanan Halal di Negara Brunei Darussalam*. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Brunei Darussalam

dengan penguatkuasaan Akta Daging Halal 1998, Akta Kesihatan Awam (Makanan) 1998 serta Perintah Sijil Halal dan Label Halal 2005 dan perlaksanaan projek Jenama Brunei Halal. Akhir sekali, kajian mendapati secara keseluruhan keprihatinan masyarakat Islam terhadap makanan halal di Negara Brunei Darussalam adalah pada tahap yang tinggi, namun masih ada beberapa sudut yang perlu diperbaiki dan diberi penekanan.

Oleh yang demikian, dalam konteks ini, ianya cuma menekankan kepada konsep makanan halal yang menjurus kepada penguatkuasaan yang telah ditetapkan dibawah akta dan perlaksanaan yang telah ditetapkan. Tetapi ianya tidak menfokuskan lebih lanjut tentang isu-isu yang berkaitan dengan bahan-bahan yang digunakan dalam produk kecantikan dan kesihatan mengikut undang-undang negara. Apabila segala usaha dan pendekatan dipertingkatkan, sudah tentu masyarakat akan mengambil tahu dengan lebih terperinci tentang bahan-bahan yang terkandung di dalam produk-produk yang dibeli.

### **2.1.5 Penggunaan Alkohol Dalam Pemakanan Menurut Perspektif Syarak<sup>46</sup>.**

Kajian ini bertajuk “Penggunaan Alkohol Dalam Pemakanan Menurut Perspektif Syarak” dan skop kajian adalah berkaitan tentang etanol atau etil alkohol dalam makanan dan minuman. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan konsep arak dan konsep alkohol daripada kaca mata ulama silam mahupun kontemporari serta ilmuan, di samping mengenalpasti cara pembuatan etanol dan arak secara terperinci serta menganalisis hukum penggunaan alkohol dalam makanan dan minuman sama ada terdapat persamaan dengan arak atau tidak. Antara permasalahan dalam kajian ini ialah kekeliruan istilah alkohol dan arak, proses penghasilan etanol dan arak, hukum etanol semulajadi dalam makanan berfermentasi dan hukum etanol yang digunakan sebagai pelarut bahan perisa dan pewarna dalam makanan dan minuman serta hukum makanan dan minuman yang menggunakan bahan perisa atau pewarna tersebut. Kajian ini bersifat kualitatif menggunakan metod pengumpulan data iaitu kajian perpustakaan dan kaedah kajian lapangan terdiri daripada metod temu bual dan observasi serta menggunakan metod analisis data terdiri daripada metod induktif, deduktif dan komparatif.

---

<sup>46</sup> Mohamad, Nor Musfirah (2011) *Penggunaan alkohol dalam pemakanan menurut perspektif syarak*. Masters thesis, University of Malaya.

Hasil kajian mendapati bahawa penggunaan istilah alkohol disamakan arak adalah tidak tepat. Selain itu, proses penghasilan arak dan etanol industri adalah sama iaitu melalui proses fermentasi. Namun, proses fermentasi bukan hanya dijalankan untuk pembuatan arak tetapi produk-produk makanan tradisional dan moden turut juga dihasilkan melalui proses tersebut seperti cuka nipah, nira, kicap, budu, cencaluk, belacan, tempoyak, yogurt dan lain-lain. Setiap makanan dan minuman yang melalui proses fermentasi akan menghasilkan etanol dalam kadar yang berbeza. Di samping itu, penggunaan etanol sebagai pelarut bahan perisa dan pewarna dalam makanan dan minuman adalah diharuskan dan hasil dapatan kajian makmal IPPH, UPM mendapati julat kandungan etanol dalam bahan perisa dan perasa adalah di antara 0.002-3.510% v/v.

Dalam hal ini, pengkaji hanya menfokuskan kepada penggunaan etanol dalam menghasilkan produk-produk makanan yang melalui proses fermentasi dalam kadar yang telah ditetapkan. Bahkan pengkaji tidak menghuraikan dan mendedahkan tentang isu-isu terkini yang berkaitan dengan penggunaan etanol yang terkandung dalam produk Kecantikan dan kesihatan yang mana boleh memberi kesan yang negatif kepada is pengguna.

### **2.1.6 Hukum Penggunaan Alkohol Sebagai Pelarut (Solvent) dalam Ubat Batuk Ditinjau Dari Hadis Nabi<sup>47</sup>.**

Kajian ini membahas tentang Hukum Penggunaan Alkohol Sebagai Pelarut (Solvent) dalam ubat batuk, selanjutnya dipisahkan ke dalam sub masalah atau pertanyaan penelitian, iaitu: 1) Bagaimana hakikat *khamar* dengan alkohol dalam hadis Nabi? 2) Bagaimana status hukum penggunaan alkohol dalam ubat batuk sebagai pelarut (solvet) dalam tinjauan hadits Nabi?

Jenis penelitian ini adalah penelitian kualitatif deskriptif dengan pendekatan yang digunakan adalah pendekatan Syar'i. Penelitian ini termasuk *library research*, data dikumpulkan dengan mengutip, mengumpul, dan menganalisis dengan menggunakan analisis kandungan (*content analysis*) terhadap literatur yang representatif dan mempunyai relevansi dengan masalah yang dibahas, kemudian mengulas, dan menyimpulkan.

---

<sup>47</sup> Sally Ramdani. (2018). *Hukum Penggunaan Alkohol Sebagai Pelarut (Soviet) Dalam Obat Batuk Ditinjau Dari Hadis Nabi*. Fakultas Syariah Dan Hukum UIN Alauddin Makassar: Indonesia

Hasil yang dicapai dari penelitian ini iaitu, 1) Dari sekian banyak hadis yang dibahas dalam kajian ini tidak ada satupun hadis yang membahas secara jelas tentang alkohol yang berada dalam ubat batuk. Meskipun pada kenyataannya alkohol adalah kandungan utama dari *khamar* sehingga minuman tersebut dapat menyebabkan pengkonsumsinya menjadi mabuk.

Namun alkohol jika dipisahkan dari *khamar* ia merupakan suatu hal yang berbeda kerana susunan partikel dan cara pembuatannya yang berbeda. 2) Ditinjau dari segi hadis Nabi Muhammad SAW, alkohol yang terkandung dalam ubat batuk hukumnya adalah boleh (*mubah*), kerana pada dasarnya hadis-hadis nabi tentang *khamar* yang dilarang adalah pada konteks minuman yang telah mengandung unsur memabukkan, maka jika diminum dalam jumlah sedikit mahupun banyak hukumnya adalah haram. Sedangkan dalam hal penggunaannya sebagai pelarut dalam ubat batuk tidaklah demikian jika kadarnya tetap dalam batasan yang telah ditentukan iaitu tidak lebih dari 1%.

Dalam kajian tersebut, ianya hanya menjelaskan tentang penggunaan alkohol dalam produk kesihatan yang khusus dalam pengubatan ubat batuk, tetapi tidak menghuraikan tentang penggunaanya dalam produk kecantikan secara amnya yang bersesuaian dengan hak disisi undang-undang Negara Brunei Darussalam.

### **2.1.7 Teknik Dakwaan Melampau Dalam Pemasaran Produk Pengguna Menurut Perspektif Hukum Islam<sup>48</sup>.**

Dalam strategi pemasaran produk dan perkhidmatan pengguna masa kini, pelbagai teknik telah digunakan bagi mlariskan jualan dalam media baharu. Antaranya adalah dengan membuat dakwaan melampau terhadap keberkesanan produk yang dijual dan perkhidmatan yang ditawarkan. Dakwaan ini bukan sahaja tidak beretika dalam budaya pengiklanan dan pemasaran, malah turut dilarang dalam hukum Islam kerana terdapat unsur yang melampau. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan mengkaji isu berkaitan dakwaan melampau dalam pemasaran produk pengguna. Hasil kajian mendapati teknik dakwaan melampau adalah dilarang oleh hukum Islam kerana wujudnya unsur penipuan dan pemalsuan maklumat produk pengguna.

---

<sup>48</sup> Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli. (2018). *Teknik Dakwaan Melampau Dalam Pemasaran Produk Pengguna Menurut Perspektif Hukum Islam*. Journal of Contemporary Islamic Law. Vol. 3. Pp11-19

Jelas, motif keuntungan yang menjadi keutamaan dan keselamatan nyawa pengguna menjadi taruhan para pengusaha dan penjual. Sehubungan itu, mereka perlu jelas kategori produk pengguna yang boleh diiklankan dan yang tidak boleh dibuat dakwaan berlebihan. Selain itu, pengguna juga perlu dilindungi agar tidak menjadi mangsa penipuan pihak yang tidak bertanggungjawab. Dakwaan kandungan khasiat yang berlebihan, kemampuan produk untuk merawat penyakit kronik, tetapi ramuannya dicemari dengan bahan terlarang jelas bertentangan dengan batasan pengiklanan yang patuh Syariah. Ini kerana ia hanyalah dakwaan kosong, berdasarkan testimoni yang direka, malah tanpa sebarang rujukan terhadap kajian saintifik.

Dalam jurnal ini menegaskan tentang permainan strategi pemasaran produk dan perkhidmatan tanpa mementingkan halal haram bahan-bahan yang digunakan demi menjaga kesihatan pengguna produk tanpa menjelaskan dengan lebih padat tentang undang-undang dan prosedur yang patut dipatuhi oleh pihak penjual produk.

### **2.1.8 Penggunaan dan Kosmetik Halal: Perspektif Syariah<sup>49</sup>**

Industri halal global telah mengalami perubahan besar dan pengembangan pesat dalam beberapa sektor penting yang berkait rapat dengan keperluan halal, seperti makanan dan minuman, kosmetik, farmaseutikal, rantaian bekalan dan logistik, gaya hidup, perkhidmatan perhotelan, perbankan dan kewangan serta perdagangan. Pengguna dan masyarakat Islam merupakan antara pelanggan kepada kepelbagaiannya sektor halal tersebut. Berdasarkan kepada penemuan satu kajian menunjukkan bahawa 'Halal' bukanlah satu keutamaan semasa pembelian kosmetik di kalangan wanita Islam Malaysia. Kajian empirikal tersebut menunjukkan tahap kesedaran halal terhadap kosmetik dalam kalangan pembeli adalah rendah kerana halal tidak menjadi keutamaan bagi mereka semasa pembelian kosmetik. Manakala satu kajian lain menunjukkan bahawa kualiti kosmetik Halal adalah kriteria penting bagi pembeli beragama Islam dalam keputusan untuk membeli produk. Perbezaan dapatan kajian ini memerlukan kepada kajian lanjut yang lebih terangkum dari sudut syariah dan perundangan yang mengawalselia, juga meliputi keperluan kajian terhadap pembeli dan gaya hidup, harga, kualiti dan jenama yang secara umumnya masih menguasai minda pengguna semasa membeli kosmetik.

---

<sup>49</sup> Nor ‘Adha Ab Hamid, Mohamad Hafifi Hassim. (2019). *Penggunaan Dan Kosmetik Halal: Perspektif Syariah*. 5<sup>th</sup> Muzakarah Fiqh & International Fiqh Conference.

Kertas kerja ini menggunakan metod kualitatif dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan bahan literatur serta kaedah kupasan daripada nas-nas syarak, pandangan ulama feqah dan kajian-kajian terdahulu dalam memperincikan lagi kupasan perspektif syariah dan sikap serta keutamaan dalam pembelian produk kosmetik di kalangan pembeli wanita beragama Islam. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji perspektif Syariah bagi pengguna wanita beragama Islam tentang keperluan syarak dalam memilih produk kosmetik, dan mengupas sikap dan keutamaan pengguna beragama Islam yang terlibat dengan pembelian produk kosmetik. Dapatkan ini diharapkan berupaya memberi pemahaman kepada masyarakat pengguna terutamanya yang beragama Islam tentang keutamaan kriteria yang perlu diambil perhatian dalam membeli kosmetik halal berdasarkan perspektif syariah.

Dalam kertas kerja ini di mana pengkaji telah merangkumi hasil dapatan dan telah mendapati kesedaran pengguna terhadap halal kosmetik bukan satu keutamaan. Jadinya, pengkaji telah mengesyorkan untuk para pengkaji diluar untuk membuat kajian lanjut yang melibatkan kepada perundangan yang mengawalselia bagi bertindak untuk memantau dan memastikan produk kosmetik yang dijual adalah dalam keadaan yang halal lagi baik serta selamat untuk dipakai oleh pembeli yang bersesuaian dengan Syariah di mana ianya adalah selaras dengan objektif kajian yang bakal dikaji dalam kertas kerja ini.

#### **2.1.9. Analisis Keprihatinan Pengguna Muslim Terhadap Isu Halal Haram Produk Melalui Pembentukkan Indeks<sup>50</sup>.**

Persoalan mengenai halal dan haram produk merupakan persoalan penting untuk diberi perhatian oleh umat Islam. Dari sudut Islam penggunaan sesuatu produk perlu diasaskan konsep halal dan baik. Islam telah meletakkan garis panduan dan peraturan yang jelas mengenai perkara ini yang dijelaskan dalam al-Quran dan sunah. Ini bermakna isu halal haram berkait rapat dengan soal keimanan umat Islam. Namun kebelakangan ini banyak timbul keraguan dalam kalangan pengguna Islam tentang status halal produk. Dengan kata lain, pengguna Islam semakin terdedah dengan pelbagai produk yang disyaki dicampur dengan unsur-unsur yang haram di

---

<sup>50</sup> Nor Aini Haji Idris. (2013) *Analisis Keprihatinan Pengguna Muslim Terhadap Isu Halal Haram Produk Melalui Pembentukkan Indeks*. Pusat Pengajian Ekonomi: Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Jilid 3.

sisi Islam. Masyarakat Islam di negara ini juga dikejutkan dengan isu penggunaan logo halal palsu dalam makanan, kesihatan dan jualan makanan di restoran sehingga boleh meragukan pengguna. Perkara ini tidak boleh dipandang ringan atau remeh. Persoalannya sejauh manakah pengguna Muslim di negara peka dengan apa yang berlaku dan adakah mereka termasuk dalam kalangan yang mengambil berat dengan isu status produk yang mereka gunakan sehari-hari?

Perbincangan dalam kertas kerja ini berdasarkan kajian terhadap 113 responden Muslim. Di samping melihat tahap kefahaman pengguna muslim mengenai konsep penggunaan dalam Islam, kajian ini juga bertujuan untuk membentuk indeks keprihatinan terhadap isu halal dan haram produk serta faktor-faktor yang mempengaruhi tahap keprihatinan pengguna. Di samping penggunaan analisis SPSS, analisis deskriptif dan chi-square, pembentukan indeks dilakukan dengan menggunakan formula yang dibangunkan oleh TIPP (Technometrica Institute of Policy and Politics). Berdasarkan keimanan, pengetahuan, sikap, persekitaran dan kesihatan, hasil kajian mendapati nilai indeks berada pada tahap yang sangat baik melebihi paras normal 50.0%. Kesedaran yang tinggi ini adalah hasil usaha badan-badan agama dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang berterusan memberi maklumat yang berguna kepada pengguna Muslim di negara ini mengenai status halal haram produk.

Dalam kertas kerja ini telah menfokuskan tentang kurangnya kesedaran mengenai isu halal dan haram dalam pelbagai produk yang dijual bahkan juga menegaskan tentang isu penggunaan logo halal palsu dalam produk makanan dan kesihatan di Malaysia. Jadinya, dapatan dari kajian ini akan menjadi asas yang baru topik tesis yang ingin dikaji yang berkaitan dengan undang-undang di Negara Brunei Darussalam.

### **2.1.10. Maqasid Syariah Dalam Permakanan Modern<sup>51</sup>.**

Isu makanan moden merupakan isu yang mendapat tumpuan dan sering diperkatakan pada masa kini. Permasalahan yang timbul adalah berkaitan dengan status makanan yang telah melalui proses percampuran bahan yang berlainan sumber. Proses ini dilakukan bagi menghasilkan makanan yang lebih berkualiti, berkhasiat, menarik

---

<sup>51</sup> Sharif Mohd Tahir. (2017) *Maqasid Syariah in Modern Foods*. International Journal of Islamic Studies. Vol.6.

dan menepati citarasa masa kini. Penulisan ini adalah bertujuan untuk mengkaji sama ada makanan moden yang dihasilkan menepati Maqasid Syariah yang ditetapkan dalam Islam atau sebaliknya. Kajian ini menggunakan metode kualitatif melalui analisis kandungan dan kajian kepustakaan bagi mendapatkan data untuk menganalisis kajian. Selain itu maklumat kajian ini hanya melibatkan sumber-sumber primer seperti bahan-bahan cetakan institusi, kitab-kitab fiqh lama dan kontemporari, buku-buku sains makanan dan sebagainya. Makanan moden masa kini memerlukan kepada pengkajian yang teliti dan memerlukan kerjasama pelbagai pihak yang berautoriti dalam perkara ini. Para ulama telah menetapkan prinsip untuk memudahkan umat Islam membuat keputusan mengenai perkara ini.

Hasil kajian mendapati sekiranya produk makanan moden tersebut memenuhi prinsip Maqasid Syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta maka ia dibenarkan untuk diambil manfaat oleh orang Islam. Namun, sekiranya ia melanggar salah satu daripada prinsip yang lima itu maka ia adalah haram bagi umat Islam.

Kajian ini sangat relevan bagi kepentingan umat Islam untuk membuat keputusan sekiranya timbul isu berkaitan hukum makanan moden sama ada memberi kebaikan atau keburukan kepada diri manusia yang berkaitan dengan produk kecantikan dan kesihatan menurut undang undang negara Islam khususnya di Negara Brunei Darussalam.

### **2.1.11 Pendidikan Penggunaan Halal Di Malaysia<sup>52</sup>.**

Pendidikan kepenggunaan halal semakin berkembang dalam konteks Malaysia. Ia didorong oleh kesedaran yang tinggi dalam kalangan pengguna Muslim. Pelbagai pihak berusaha menawarkan berbagai program selari dengan keperluan pengguna dan pengusaha. Ini termasuklah pihak kerajaan mahupun swasta. Di antara program tersebut adalah program kesedaran halal (*halal awareness program*) untuk para pengguna dan program halal industri (*halal industri program*) bagi pengusaha industri. Program kesedaran halal meliputi pengenalan kepada konsep *halalan thayyiban*, proses penghasilan produk halal, pengenalpastian logo halal

---

<sup>52</sup> Mohammad Aizat Jamaluddin, Mohd Anuar Ramli. (2011). *Pendidikan Penggunaan Halal Di Malaysia*. Institut Penyelidikan Produk Halal, Universiti Putra Malaysia.

dan undang-undang berkaitan dengan kepenggunaan halal. Sedangkan program halal industri menawarkan kursus yang sama tetapi dengan perincian teknikal yang lebih mendalam.

Program ini signifikan bagi memberikan kesedaran tentang hak mendapatkan produk halal dan tanggungjawab memilih produk halal dalam kalangan pengguna Muslim. Manakala untuk pengusaha industri halal, program ini dapat meningkatkan kefahaman tentang penghasilan produk halal dan tanggungjawabnya dalam menawarkan produk halal sama ada bagi pengguna Muslim dan bukan Muslim. Selain pengguna dan pengusaha industri halal, program ini juga melibatkan pihak autoriti halal. Mereka berperanan dalam sistem jaminan halal. Justeru, program pendidikan kepenggunaan halal dapat menyumbang kepada situasi menang-menang (*win-win situation*) di antara para pengguna dan pengusaha industri halal.

Kajian ini Cuma menitikberatkan tentang program-program yang menjurus kepada kesedaran halal untuk para peniaga dan penjual tentang proses berantai penghasilan produk halal dari logo halal kepada undang-undang yang ditetapkan. Ianya lebih kepada proses dan tidak mengambil berat tentang isu-isu yang mendalam terhadap pengenalpastian bahan-bahan yang tercemar kehalalannya dari sudut keselamatan dan kesihatan para pengguna khususnya di Brunei Darussalam.

### **2.1.12.Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Niat Pengguna Memilih Ubat-Ubatan Halal<sup>53</sup>.**

Dewasa ini, penduduk Islam dan industri halal di Malaysia juga global meningkat dengan pesat. Industri halal terus diperdebatkan dan dibincangkan sebagai satu isu yang penting. Oleh itu, pembangunannya membawa manfaat bukan hanya kepada pengguna Islam, tetapi juga kepada keseluruhan masyarakat global. Industri makanan halal dan kewangan Islam sering dibincang dan dikaji, bagaimanapun industri farmaseutikal halal, khususnya perubatan halal tidak didedahkan secara meluas kepada masyarakat

---

<sup>53</sup> Azmida binti Abdullah. (2015). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Niat Pengguna Memilih Ubat-Ubatan Halal*. Universiti Utara Malaysia.

global. Selain itu, kesedaran tentang pentingnya memilih ubat-ubatan halal dikalangan masyarakat masih rendah. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi niat pengguna untuk memilih ubat-ubatan halal. Selain itu, *Theory of Planned Behavior* digunakan sebagai teori asas untuk menerangkan pemboleh ubah kajian. Kajian ini telah dijalankan di UUM (Universiti Utara Malaysia), di mana sebanyak 430 set soal selidik telah diedarkan kepada pelawat dan masyarakat UUM.

Penemuan kajian ini menyumbang kepada kajian sedia ada, di mana pengaruh sikap, keluarga dan rakan-rakan serta pengetahuan adalah mempunyai kecenderungan terhadap niat pengguna dalam memilih ubat-ubatan halal dan ianya tidak tertumpu kepada isu-isu terhadap halal haram bahan-bahan yang digunakan dalam produk-produk yang dijual bagi meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pengguna yang berlandaskan kepada undang-undang negara khususnya di Brunei Darussalam.

## **2.2. STATUS PENGGUNAAN ALKOHOL DALAM INDUSTRI PRODUK GUNAAN**

Pada masa kini, masyarakat mula sedar dan sensitif dengan isu berkaitan industri penghasilan produk gunaan terutama berkaitan makanan dan bukan makanan. Ini kerana produk gunaan ini melibatkan persoalan status sama ada halal atau haram yang menyumbang kepada pertumbuhan fizikal dan emosi manusia, khususnya pengguna Muslim. Saban tahun, isu berkaitan produk gunaan tidak pernah sunyi dibincangkan dan masyarakat masih kurang jelas tentang persoalan tersebut. Salah satu isu yang menjadi topik polemik adalah penggunaan alkohol atau arak (*khamr*) dalam produk gunaan semasa.

Industri berdasarkan penghasilan produk gunaan halal berkembang pesat kesan permintaan yang tinggi dalam pasaran. Produk gunaan ini merangkumi makanan dan bukan makanan. Alkohol merupakan di antara bahan aditif dan penstabil yang banyak digunakan dalam penghasilan produk gunaan sama ada produk yang digunakan secara dalaman (*orally*) atau luaran (*non consumable*). Akhir-akhir ini, timbul pelbagai isu berhubung dengan penggunaan alkohol dalam produk gunaan. Antaranya minuman ringan seperti *malta* dan *barbican* yang beralkohol, kek yang dicampur dan disapu dengan *khamr* atau arak, daging *steak* dan makanan laut (*seafood*) yang dicampur alkohol, barang kosmetik dan dandan diri yang mengandungi alkohol dan seumpamanya

Secara umumnya, alkohol banyak digunakan dalam barang gunaan. Penggunaannya tidak terhad untuk produk yang diguna pakai secara dalaman (*orally*) seperti makanan dan minuman sahaja, ia juga digunakan dalam penghasilan produk luaran seperti farmaseutikal, kosmetik dan dandanan diri.

Sekitar tahun 2005, timbul isu penggunaan arak seperti *rum* dan *wisky* dalam masakan laut (*seafood*) sebagai penambah rasa tambahan supaya lebih enak dan lazat untuk dimakan. Pada tahun berikutnya, arak juga dikatakan digunakan dalam pembuatan kek dan pastri sebagai agen penaik dan pengilat<sup>54</sup>. Manakala di awal tahun 2010, akhbar pernah melaporkan alkohol dikenalpasti dalam produk minuman ringan seperti air bikarbonat, malta, barbican, hoffagman, air nira serta produk berdasarkan pemeraman lain seperti kicap, dan tapai.

Alkohol adalah nama yang digunakan dalam kaedah saintifik kepada sebatian yang mempunyai kumpulan hidroksi (OH). Ia memiliki daya pengaruh yang kuat terhadap tubuh badan disebabkan zatnya yang mengandungi gula dan boleh menimbulkan rasa bertenaga apabila diminum. Selain itu, alkohol juga berfungsi memberi rangsangan tertentu kepada saluran saraf sehingga menyebabkan tidak sedarkan diri atau memabukkan<sup>55</sup>.

Terdapat dua sebatian yang memberi kesan memabukkan daripada alkohol di dalam minuman iaitu etanol dan metanol. Sumber kepada alkohol ialah kayu yang dikenali sebagai metil alkohol (metanol CH-OH) atau biji-bijian yang juga dikenali sebagai etil alkohol (etanol C<sub>2</sub>H<sub>5</sub>OH)<sup>56</sup>. Kebiasaannya, metanol tidak digunakan dalam minuman sebaliknya etanol digunakan sebagai campuran yang terdapat dalam minuman keras seperti bir (6%), wiski (35%) dan wain (10-20%)<sup>57</sup>. Hal ini kerana metanol jika diambil dalam kadar kuantiti yang sedikit, sudah boleh menyebabkan kemabukan apatah lagi dalam kadar yang tinggi sehingga membawa kematian.

<sup>54</sup> Yayan Sopyan. (2007). *Khamar Sebagai Bahan Campuran Dalam Makanan*. dalam Ahkam: *Jurnal Ilmu-ilmu Syariah dan Hukum*, vol. 9

<sup>55</sup> Yayan Sopyan. (2007). *Khamar Sebagai Bahan Campuran Dalam Makanan*. dalam Ahkam: *Jurnal Ilmu-ilmu Syariah dan Hukum*, vol. 9.

<sup>56</sup> Maynard A. Joslyn. (1970). *Alcoholometry, Methods in Food Analysis: Physical, Chemical, and Instrumental Methods of Analysis*, London: Academic Press, p. 451.

<sup>57</sup> Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi. (2001). *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan: Pendekatan Islam Dan Sains*, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors, pp. 42-43.

Sebagai contoh, sebatian wain berkemungkinan mengandungi percampuran antara etanol dan metanol. Hal ini disebabkan metanol dapat terjana semasa proses *fermentation* (pemeraman) tersebut apabila bahan-bahan sebatian itu mengandungi peptin (sejenis polisakarida) di dalam *cell wall* (dinding) kulit buah dan seumpamanya. Namun begitu, lazimnya sebatian metanol tersebut adalah sangat sedikit iaitu sekira 0.01%. Dalam Islam, tidak semua jenis alkohol adalah diharamkan. Ia berbeza dengan arak (*khamr*) apabila ia merupakan di antara bahan yang jelas diharamkan bersumberkan Al-Quran dan Al-Sunnah.

Terdapat dua golongan pandangan fuqaha yang memberikan maksud berbeza untuk *khamr*. Pendapat pertama, Imam Abu hanifah mendefinisikan *khamr* sebagai nama (sebutan) bagi minuman yang dibuat daripada perahan anggur selepas dimasak sehingga mendidih serta mengeluarkan buih. Kemudiannya ia berubah menjadi suci semula<sup>58</sup>.

Manakala, pendapat kedua dari kalangan mazhab Hanafiyyah dan jumhur ulama. Mereka berpandangan setiap minuman yang mengandungi unsur memabukkan sekalipun bukan daripada perahan anggur adalah *khamr*<sup>59</sup>.

Terdapat dua jenis penggunaan alkohol sama ada melibatkan dalaman (*internal*) atau luaran (*external*). Hal ini kerana wujud perbezaan terhadap pengklasifikasian tersebut apabila bahan ini diproses dalam industri tersebut. Penggunaan dalaman atau *unnatured alkohol* (tidak dinyah-aslikan)<sup>60</sup> termasuklah sebagai bahan minuman seperti minuman bikarbonat atau bahan campuran dalam makanan. Manakala penggunaan luaran atau *dinatured alkohol* (dinyah-aslikan)<sup>61</sup> pula melibatkan sapuan seperti minyak wangi serta deodoran, semburan dan seumpamanya.

Dalam industri pemprosesan makanan, alkohol digunakan sebagai bahan pelarut yang penting selain air. Ia berfungsi sebagai perasa tambahan dalam makanan seperti kek, masakan makanan laut dan seumpamanya. Dalam penghasilan perasa

---

<sup>58</sup> Yayan Sopyan. (2007). *Khamar Sebagai Bahan Campuran Dalam Makanan*. dalam *Ahkam: Jurnal Ilmu-ilmu Syariah dan Hukum*, vol. 9.

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> *Unnatured alcohol* atau *food drink alcohol* merupakan sebatian alkohol yang diproses dalam industri makanan tanpa melibatkan bahan tambahan lain yang bertujuan sebagai bahan pelarut dalam ingredient makanan.

<sup>61</sup> *Dinatured alcohol* merupakan sebatian alkohol yang dinyah-aslikan dengan cara ditambah bahan-bahan lain supaya ia tidak sesuai untuk diminum atau *orally alcohol consumption*. Ia hanya digunakan untuk aktiviti perindustrian penghasilan makanan sahaja.

makanan, bahan yang dipanggil sebagai minyak *essential* dilarutkan dalam alkohol dengan tujuan supaya tahan lebih lama serta mampu mengekalkan baunya<sup>62</sup>. Selain itu, dalam penghasilan produk makanan seperti kek biasanya ia disapu atau dicampur untuk menghasilkan kek yang lebih bermutu. Begitu juga dalam industri penternakan, alkohol juga digunakan untuk menambah kualiti daging. Contohnya, lembu Kobe.

Namun begitu, untuk penggunaan luaran para ulama berselisih pendapat kepada dua pandangan utama. Sebilangan mereka mengharuskan penggunaan luaran. Pandangan ini selaras dengan hujah mereka bahawa alkohol atau arak adalah suci. Ini kerana asal sesuatu bahan adalah suci sehingga terdapat dalil yang membuktikan ianya adalah najis<sup>63</sup>. Selain itu, pandangan ini disokong juga oleh Rabi'ah, al-Layth bin Sa'd, al-Muzani salah seorang ulama mazhab Syafi'i yang berpandangan arak adalah suci melainkan jika untuk diminum<sup>64</sup>.

Pandangan kedua pula berpendapat penggunaan luaran turut haram disebabkan sifat arak yang najis. Menurut Imam al-Nawawi, arak adalah tidak suci atau haram penggunaannya walaupun bersifat luaran<sup>65</sup>. Pendapat ini selari dengan pandangan Imam al-Ghazali dengan menyatakan pengharaman alkohol atau arak adalah secara mutlak sama ada dalaman atau luaran<sup>66</sup>.

Selain pandangan ulama yang bervariasi tersebut, beberapa fatwa telah diputuskan sebagai panduan dalam mendepani isu-isu berdasarkan alkohol dan telah menggariskan beberapa panduan berhubung dengan penggunaan alkohol, iaitu:

- i. Setiap minuman arak mengandungi alkohol tetapi bukan semua alkohol itu daripada arak. Alkohol daripada proses pembuatan arak hukumnya haram dan najis tetapi alkohol yang dibuat bukan melalui proses pembuatan arak hukumnya tidak najis tetapi haram dimakan. Berdasarkan keputusan ini, pembuatan *mousy* dan *malt extract* adalah haram.

---

<sup>62</sup> Persatuan Pengguna Pulau Pinang (2006). *Panduan Persatuan Pengguna Pulau Pinang : Halal Haram*, Pulau Pinang: Persatuan Pengguna Pulau Pinang, p. 175.

<sup>63</sup> Ibn Taymiyyah. (2005). *Majmu 'ah al-Fataawa Ibn al-Taymiyyah*, cet. 3, Mansurah: Dar al-Wafa', p. 158

<sup>64</sup> Nazih Hammad. (2004). *Forbidden and Impurements*. pp. 61-62

<sup>65</sup> Al-Qaradawi. (2006). *The lawful and the Prohibited in Islam*. p. 41.

<sup>66</sup> Al-Ghazali. (2000). *Halal dan Haram dalam Islam*, Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise, cet. 3. p.160.

- ii. Minuman ringan yang dibuat sama caranya dengan buat arak sama ada mengandungi sedikit alkohol atau alkoholnya disulingkan adalah haram diminum.
- iii. Minuman ringan yang dibuat bukan untuk dijadikan arak atau bahan yang memabuk dan tidak sama caranya dengan proses arak adalah halal.
- iv. Tapai halal dimakan.
- v. Alkohol yang terjadi secara sampingan dalam proses pembuatan makanan tidak najis dan boleh dimakan.
- vi. Ubat-ubatan dan pewangi yang mengandungi alkohol sebagai bahan pelarut adalah tidak najis dan diharuskan sekiranya alkohol tersebut bukan diambil melalui proses pembuatan arak.
- vii. Ubat-ubatan dan pewangi yang mengandungi alkohol hukumnya harus dan dimaafkan. Kordial yang mengandungi bahan perasa (*flavour*) yang dimasukkan alkohol untuk tujuan penstabilan adalah harus (boleh) digunakan untuk tujuan minuman sekiranya:
  - a. Alkohol itu bukan dihasilkan daripada proses pembuatan arak.
  - b. Bahawa kuantiti alkohol dalam perasa itu adalah sedikit iaitu tidak memabukkan.

Alkohol banyak digunapakai dalam industri pemprosesan barang gunaan masa kini sama ada ia melibatkan produk berdasarkan makanan dan minuman serta bukan makanan. Namun, produk berdasarkan minuman lebih mendominasi isu yang mendasari polemik alkohol terhadap pemilihan produk halal dalam kalangan pengguna. Dalam mendepani isu ini, para fuqaha telah menggariskan panduan yang jelas bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Di samping diperkuuhkan lagi dengan beberapa fatwa semasa terutama penetapan kadar untuk penggunaannya sama ada digunakan untuk tujuan dalaman atau luaran. Justeru, isu-isu berdasarkan produk gunaan terutama dalam penentuan halal haram dapat ditangani dengan lebih tepat lagi berkesan dengan memperbanyakkan kajian semasa dengan bantuan disiplin sains dan teknologi.

## **2.3 PERSPEKTIF ISLAM TENTANG PENULARAN MAKLUMAT PALSU BERKAITAN PRODUK HALAL**

Internet merupakan satu penemuan teknologi yang banyak mengubah cara hidup manusia. Ia semakin menjadi pilihan pengguna kini. Malah penggunaan internet sudah dianggap sebagai satu keperluan hidup kerana banyak aktiviti melibatkan penggunaannya. Namun, penularan maklumat tanpa batasan telah memberi satu identiti kepada internet iaitu sebagai medium penyebar berita palsu atau khabar angin. Kemunculan pelbagai media sosial baharu sebagai platform komunikasi kini menyemarakkan interaksi antara manusia di alam maya<sup>67</sup>. Oleh itu, terdapat pelbagai isu yang melibatkan penularan maklumat palsu berkaitan produk halal. Serangan terhadap produk halal ini biasanya dengan cara memanipulasikan unsur yang sensitif dalam kalangan pengguna Muslim.

Kesannya, dalam kerancakan pertumbuhan industri halal global, wujud pelbagai tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab yang boleh merosakkan ekosistem halal peringkat lokal maupun global. Antaranya adalah penularan maklumat halal palsu. Perkembangannya seiring dengan kemajuan sains dan teknologi<sup>68</sup>. Kalau peringkat awalnya, ia bermula dengan surat berantai, diikuti emel dan mesej berangkai. Namun kini, penularannya lebih kompleks dengan berbagai media sosial baharu seperti facebook, instagram, whatsapp, twitter dan seumpamanya. Penularannya tidak terhad kepada isu yang berkaitan dengan produk makanan semata-mata, malah melangkui produk bukan makanan.

Menurut Ahmad (1991)<sup>69</sup> produk makanan boleh dianggap memperdayakan pengguna sekiranya maklumat yang tercatat pada produk tidak benar dan mengelirukan. Oleh itu, perkataan ataupun terma yang tertulis pada produk mesti jelas dan nyata tidak terselindung dan diberi keterangan yang cukup bagi memastikan pengguna memahami dan mengetahui apa yang mereka beli (Sam Wong, 2010)<sup>70</sup>.

---

<sup>67</sup> Siti Ezaleila Mustafa & Azizah hamzah. (2010). *Media Sosial: Tinjauan Terhadap Laman Jaringan Sosial Dalam Talian Tempatan*. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*. Pp. 37–52.

<sup>68</sup> Cameron H. Malin, Terry Gudaitis, Thomas J. Holt, Max Kilger. (2017). *Viral Influence: Deceptive Computing Attacks Through Persuasion*, United Kingdom: Academic Press, pp. 77-124.

<sup>69</sup> Ahmad H. Sakr. (1991). *Ramuan Makanan Islam*. Cetakan Pertama. Dewan Bahasa dan Pustaka.Kuala Lumpur.

<sup>70</sup> Sam Wong. (2010). *Label Pada Pembungkusan Makanan Mengelirukan Pengguna*.

Dalam aspek pembungkusan dan pelabelan telah ditetapkan syarat-syarat termasuk dikendalikan dengan bersih, pelabelan ditanda dengan terang dan jelas dengan maklumat yang sepatutnya dinyatakan, bahan pembungkusan tidak dibuat daripada sebarang bahan yang disahkan najis oleh hukum syarak serta makanan halal atau bahan perisa tiruan halal hendaklah tidak menggunakan nama dengan istilah yang mengelirukan atau merujuk kepada makanan yang tidak halal<sup>71</sup>.

Secara asasnya, objektif pembangunan teknologi komunikasi dan maklumat adalah untuk manfaat para pengguna. Begitu pun, teknologi telekomunikasi yang canggih pada masa kini menjadi ibarat *duri dalam daging* apabila ia digunakan bagi menularkan maklumat palsu berkaitan produk pengguna tanpa sebarang tapisan. Untuk memperlihatkan kandungan maklumat meyakinkan para penerima, kebiasaannya para pencipta maklumat palsu ini akan menggunakan beberapa modus operandi, antaranya:

- (i) Mengeksploitaskan agama dengan menyertakan kebaikan daripada akibat penularan. Golongan penyebar turut menampilkan kelebihan-kelebihan khusus untuk menarik perhatian penerima. Kelebihan ini menggalakkan para penerima untuk menyebarluaskan maklumat palsu berkenaan. Misalnya, disertakan ganjaran pahala, menyelamatkan orang yang disayangi, ahli keluarga dan umat Islam dan seumpamanya.
- (ii) Memuatkan ancaman. Selain umpan kebaikan yang ditawarkan, pihak penyebar maklumat palsu juga menambah ancaman kepada mereka yang tidak memanjangkan mesej atau maklumat yang diterima. Misalnya ancaman dosa tidak menyelamatkan orang Islam daripada perkara haram, mengikut bisikan syaitan dengan tidak berkongsi maklumat berkenaan dan sebagainya.
- (iii) Memanipulasikan sentimen perkauman dan stereotaip perkauman. Terdapat juga maklumat palsu yang disebarluaskan dengan membangkitkan sentimen perkauman. Sedangkan produk berkenaan telah mendapat pensijian halal yang diiktiraf walau pengusaha bukan Islam. Misalnya membandingkan antara produk keluaran Melayu Muslim dengan pengusaha bukan Islam yang lain. Pendekatan ini bertentangan dengan syariat Islam, yang tidak menghalang muamalah dengan orang bukan Islam.

---

<http://www.konsumerkini.net.my/v2/index.php/berita-terkini/isu-makanan/198-label-pada-pembungkusan-makanan-mengelirukan-pengguna>.

<sup>71</sup> *Ibid.*

Dalam menghadapi gejala penularan maklumat palsu tentang produk halal, Islam telah menggariskan beberapa panduan. Antaranya tindakan penularan maklumat halal palsu boleh diibaratkan dengan perbuatan menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Menurut al-Qardawi (2006), mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram sama dengan syirik. Ini kerana Islam telah mencela sikap orang yang suka menentukan halal dan haram, maka orang yang mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram pula adalah lebih berat dan teruk. Ini adalah kerana mereka telah memberi kesempitan dan kesukaran bagi manusia, sedangkan perkara tersebut telah Allah berikan keluasan.

Dalam satu athar yang diriwayatkan oleh Abu Al-Bakhtari, Huzaifah telah ditanya mengenai firman Allah SWT: Mereka (orang Yahudi dan Nasrani) telah menjadikan pendita-pendita dan ahli agama mereka sebagai penghukum selain dari Allah SWT (al-Tawbah: 31)<sup>72</sup>. Adakah mereka telah menyembah pendita dan ahli agama mereka? Jawab Huzaifah:

لَا ، وَلَكِنْ أَحَلُوا لَهُمُ الْحِرَامَ فَاسْتَحْلُوهُ ، وَحَرَمُوا عَلَيْهِمُ الْحَلَالَ فَحَرَمُوهُ

**Bermaksud:** *Tidak, tetapi mereka telah menghalalkan perkara yang telah diharamkan oleh Allah SWT, dan mengharamkan perkara yang telah dihalalkan oleh Allah SWT*

Malah, sikap tidak terburu-buru dalam menyebarkan adalah sangat dituntut ke atas orang Islam. Sabda Nabi SAW yang bermaksud: *Sikap bertengang itu dari Allah SWT dan terburu-buru itu dari syaitan.*

Justeru, sifat terburu-buru dalam menyebarkan maklumat palsu ini adalah dilarang dalam Islam. Namun, sebagai seorang pengguna yang berhemah, kita perlu mengambil tindakan yang berhati-hati (*Al-tathabbut*) sebelum menularkannya<sup>73</sup>.

---

<sup>72</sup> Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohd Naqib Hamdan, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. (2018). *Aplikasi al-Tabayyun dalam Menangani Penularan Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal*. Vol. 8, p. 29

<sup>73</sup> Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli, Mohd Naqib Hamdan, Syed Mohd Jeffri Syed Jaafar. (2018). *Aplikasi al-Tabayyun dalam Menangani Penularan Maklumat Palsu Berkaitan Produk Halal*. Vol. 8, p.32.

**Pertama**, baca dan fahami maklumat yang diterima dengan baik. Cuba analisis kandungan maklumat yang diterima. Kenalpasti persoalan-persoalan berikut:

1. Apakah jenis produk yang disebarluaskan?
2. Apakah bahan haram yang dikaitkan?
3. Siapakah pengeluar atau pengusaha produk sama ada Muslim bukan Muslim dan bumiputera atau bukan?
4. Siapakah pihak autoriti yang dikambinghitamkan?
5. Siapakah penularnya?
6. Apakah motif penularan?
7. Siapakah golongan sasaran penularan?
8. Apakah manfaat penularan dan ancaman jika tidak ditularkan?

Sekiranya, ada maklumat yang meragukan, ada dua pilihan di tangan pengguna sama ada hendak memadamkannya atau menyemak dengan lebih lanjut maklumat berkenaan sebelum dikongsi dan disebarluaskan kepada pihak lain.

**Kedua**, semak dengan pihak yang berautoriti kesahihan maklumat berkenaan agar maklumat halal palsu tidak berlegar-legar di alam maya.

**Ketiga**, sebarkan sekiranya maklumat tersebut dipastikan sahih agar pengguna Muslim mendapat manfaat di sebalik maklumat berkaitan. Kadangkala penyebar hanya menggunakan pendekatan bahasa halus, parodi, satira, sarkastik, *troll*, provokatif, perli dan sinikal semata-mata tetapi diambil serius oleh para penyebar kerana penularan maklumat ini tidak berintonasi (nada) dan boleh ditanggapi dengan pelbagai tafsiran.

Tindakan dalam menangani penularan maklumat palsu berkaitan produk halal adalah seperti berikut:

- a. Jangan sebarkan dengan mudah. Setiap maklumat yang diterima perlu dikaji kebenarannya sebelum disebarluaskan kepada pihak ketiga. Golongan kanak-kanak dan remaja perlu diawasi dalam penggunaan internet. Mereka adalah golongan yang paling mudah menerima maklumat yang tidak ditapis daripada gajet-gajet canggih dan menyebarkannya tanpa usul periksa.
- b. Yakin dengan logo halal pihak autoriti. Logo halal yang dikeluarkan oleh pihak autoriti agama perlu diyakini oleh pengguna Muslim. Sikap meragui tanpa alasan munasabah akan menyebabkan suasana kepanikan dan ketidakteraman dalam

masyarakat Islam. Ini kerana tidak ada pihak lain yang lebih berautoriti dalam urusan halal masyarakat Islam melainkan yang diiktiraf pemerintah. Sebagai pengguna, tidak ada pilihan yang praktikal dalam pemilihan produk makanan selain berdasarkan logo halal yang diiktiraf.

- c. Memperkasakan pendidikan halal<sup>74</sup>. Pendidikan ini melibatkan kesedaran halal (*halal awareness*) dalam kalangan pengusaha industri khususnya dan khalayak pengguna amnya. Pengenalan kepada konsep *halalan thayyiban* (halal lagi baik) adalah perlu memandangkan ia asas kepada kepenggunaan bagi masyarakat Islam. Begitu juga bagi masyarakat bukan Islam, mereka turut mempunyai peraturan yang tertentu dalam aspek kepenggunaan, lebih-lebih lagi pemakanan. Penanaman kesedaran halal ini dapat memberi maklumat tepat kepada semua pihak. Melalui pendidikan halal juga, masyarakat akan mempunyai kesedaran terhadap isu halal dan mampu membezakan antara fakta dan auta pihak yang menularkannya. Selain itu, melalui ilmu halal haram juga, pengguna Muslim tidak terjerat dalam sindrom pseudo-sufisme, iaitu merasakan mengambil tindakan yang dirasakan warak, tetapi hakikatnya bersumberkan kejahilan. Dengan kata lain, sesuatu isu difahami tidak berasaskan apa yang dirasakan, tetapi berdasarkan kefahaman yang jelas dan ilmu yang benar. Pendek kata, amalan yang berkaitan tentang halal haram adalah berasaskan ilmu yang sahih agar tidak dimanipulasi oleh pihak-pihak berkepentingan.

Justeru, gejala penularan maklumat halal palsu perlu dibanteras secara serius. Saban hari, maklumat palsu berkaitan dengan produk halal ditularkan di alam maya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Tidak adanya penguatkuasaan yang tegas menyebabkan penularan ini berleluasa dan mengganggu ketenteraman pengguna Muslim. Oleh itu, sebelum sesuatu maklumat yang diterima hendak dikongsi kepada pihak ketiga, pendekatan *al-tabayyun* perlu dititikberatkan bagi memastikan aspek kesahihannya. Setelah dipastikan status kesahihannya, barulah ia dikongsi atau ditularkan kepada pihak lain.

---

<sup>74</sup> Mohd Akmal Sidik, Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. (2016). “Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry.” Module Development of Halal Consumerism Education in Malaysia, pp. 239-250.

## **2.4 PENGETAHUAN DAN PERSEPSI PENGGUNA MUSLIM TERHADAP LOGO HALAL**

Penggunaan logo halal adalah suatu bentuk pembuktian bahawa produk yang ditawarkan oleh sesebuah organisasi telah disahkan melalui proses pengauditan dan pengesahan halal oleh pihak berkuasa pensijilan halal. Logo halal adalah salah satu alat pemasaran yang penting dalam perniagaan masa kini. Penggunaan logo ini adalah suatu bentuk pembuktian bahawa produk yang ditawarkan oleh sesebuah organisasi telah disahkan melalui proses pengauditan dan pengesahan halal oleh pihak berkuasa pensijilan halal. Pengambilan dan pemilihan barang halal dalam kehidupan amat penting bagi setiap Muslim sama ada dari segi pemakanan, pemakaian, peralatan dan barang. Perkara ini dipandang serius dalam Islam dan beberapa usaha serta langkah telah diambil untuk memelihara dan mengawal perkara ini. Antaranya dengan mencadangkan penggubalan akta dan undang-undang halal.

Dalam perniagaan masa kini, logo halal telah menjadi satu fenomena dan keutamaan bagi syarikat dan industri untuk memperkuuh promosi sesuatu produk yang halal agar ianya dapat diterima oleh masyarakat terutamanya pengguna Muslim menurut dalam kajian Siti Fatimah Hamidon & Ahmad Hidayat Buang (2016)<sup>75</sup>.

Peningkatan pasaran produk halal ini berlaku secara berterusan tanpa menunjukkan sebarang penurunan. Pensijilan ini menjadi suatu tanda aras produk yang diproses dengan mengutamakan kebersihan, dan keselamatan. Penerimaan ini adalah disebabkan beberapa faktor seperti keprihatinan pengguna terhadap produk yang bersih, perhatian agensi antarabangsa terhadap amalan pengeluar, serta peningkatan dan kesedaran populasi umat Islam.

Tidak dapat dinafikan lagi, antara faktor penyumbang kepada pembangunan industri ini adalah kerana pasaran Muslim sangat besar dan berkembang pesat. Populasi Muslim seluruh dunia dijangka meningkat dari 1.6 bilion pada tahun 2010 menjadi 2.2 bilion pada tahun 2030 iaitu peningkatan sebanyak 35% iaitu dengan kadar pertumbuhan akan dua kali ganda daripada populasi bukan Islam. Bahkan, konsep

---

<sup>75</sup> Siti Fatimah Hamidon & Ahmad Hidayat Buang. (2016)." *Pandangan Pengguna Muslim Terhadap Pemakaian Logo Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM): Satu Sorotan Literatur.*" Journal of Shariah Law Research vol. 1 (1), P 105-118

pensijilan halal semakin diterima bukan sahaja di kalangan orang Islam, malah melangkaui sempadan agama untuk menjadi pensijilan global.

Cabaran yang lebih besar muncul apabila sebahagian besar pengguna muslim tidak mengetahui karakteristik logo halal terutamanya logo halal antarabangsa sama ada ianya telah mendapat pengiktirafan ataupun tidak (Nor Nisma & Ezanee, 2016)<sup>76</sup>. Tambahan pula, hal ini turut menyukarkan pengguna untuk memilih produk yang betul-betul halal kerana pengeluar produk juga mungkin tidak akan memberi maklumat sesuatu produk makanan itu secara jujur. Meskipun logo halal telah diselaraskan, namun bagi produk yang dikilangkan di luar negara, dimana sijil halal dikeluarkan oleh badan pensijilan halal di negara tersebut masih menimbulkan kekeliruan kepada para pengguna terutama pengguna muslim.

Istilah pengguna sukar untuk ditakrifkan secara standard (Shofian Ahmad, 2007)<sup>77</sup> dan universal kerana takrif pengguna adalah berbeza bagi setiap bidang pengajian (Salzalena Salam, 2008)<sup>78</sup>. Maka istilah ini telah ditakrifkan oleh pelbagai pihak dan disiplin mengikut sudut pandangan mereka bagi memenuhi tujuan-tujuan tertentu. Namun menurut Herta Herzog (1979)<sup>79</sup> menjelaskan bahawa pengguna secara asasnya adalah setiap orang yang menggunakan produk sama ada dibelinya sendiri atau dibeli oleh orang lain.

Sementara Muhammad Tarmizi Abdul Rahman (2003)<sup>80</sup> dan Nik Mustapha Nik Hassan (2005)<sup>81</sup> pula menerangkan takrif pengguna dari perspektif Islam iaitu seseorang yang menggunakan sesuatu barang atau perkhidmatan, bagi memenuhi

---

<sup>76</sup> Nor Nisma Mohamad Noor & Ezanee Hj. Mohamed Elias. (2016). “*Faktor Faktor Yang Mempengaruhi Keyakinan Pelajar Muslim Terhadap Logo Halal Produk Makanan Antarabangsa.*” Universiti Utara Malaysia, Sintok, Malaysia

<sup>77</sup> Shofian Ahmad. (2007). “*Perlindungan Pengguna dalam Jualan Barang Menurut Undang-Undang Kontrak Islam.*” Tesis Kedoktoran, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya.

<sup>78</sup> Salzalena Salam. (2008). “*Etika dalam Fiqh Kepenggunaan.*” Disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>79</sup> Herta Herzog. (1979). “*What Is a Consumer?*”, dalam *Consumer Behavior and the Behavioral Sciences*, Steuart Henderson Britt. New York: Robert E. Krieger Publishing Company, P 4-5

<sup>80</sup> Muhammad Tarmizi Abdul Rahman. (2003). “*Etika Kepenggunaan Islam: Rujukan Khusus kepada Amalan di Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP).*” Disertasi Sarjana, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>81</sup> Nik Mustapha Nik Hassan. (2005). “*Consumer Behavior Theory from Islamic Perspective.*” *Jurnal IKIM*, vol. 4 (1), P 49-61.

keperluan dan keinginan diri sendiri atau orang lain melalui proses tertentu tanpa melampaui batasan yang baik dan suci. Di samping itu mereka turut menjelaskan secara menyeluruh tentang konsep pengguna dari beberapa aspek seperti sikap, syarat, garis panduan, batasan dan larangan yang telah digariskan di dalam Islam ke atas setiap pengguna Muslim sebagai penerangan lanjut mengenai konsep pengguna dalam Islam.

Manakala, Shofian Ahmad (2007) dan Mohd Hamdan Adnan (2005)<sup>82</sup> pula mengulas tentang pengguna dari sudut undang-undang. Malah mereka turut menambah perbincangan terhadap beberapa perkara lain seperti rintangan akta pengguna, liabiliti produk dan perlindungan pengguna dalam jualan barang semasa dan selepas akad.

Selain itu, perbandingan dari sudut tempat dan lokasi pengguna memperincikan lagi pemahaman tentang konsep pengguna dari sudut budaya dan sikap. Burhan Adnan (2005)<sup>83</sup>, Norazamimah Bogal (2007)<sup>84</sup> mendapati pengguna di kawasan bandar dan berpendapatan tinggi peka dengan penggunaan dan pemilihan barang harian mereka dari aspek halal, harga dan kualiti. Walaupun pandangan mereka hanya tertumpu kepada pengguna kawasan bandar sahaja, namun ia berguna untuk dijadikan perbandingan terhadap budaya pengguna di lokasi atau kawasan lain.

Begitu juga dengan John Ireland bersama Soha Abdollah Rajabzadeh (2011)<sup>85</sup> dan Guntalee Ruenrom bersama Sawika Unahanandh (2005)<sup>86</sup> yang telah membincangkan isu pengguna dari lokasi dan budaya yang berbeza iaitu isu pengguna di United Arab Emirates (UAE) dari aspek kesedaran, pandangan, keperluan dan sikap pengguna terhadap barang halal. Mereka mendapati penggunaan barang halal

---

<sup>82</sup> Mohd Hamdan Adnan. (1985). "Kepenggunaan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>83</sup> Burhan Adnan. (2000). "Consumer Behavior and Religiosity of Muslim Community in Klang Valley: Consumer Perception on Halal and Non-Halal in Products and Services." Disertasi Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya.

<sup>84</sup> Norazamimah Bogal. (2007). "Religiosity and Halal Food: Attitude of Urban Malay Muslim Consumers." Disertasi Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya.

<sup>85</sup> John Ireland & Soha Abdollah Rajabzadeh. (2011). "UAE Consumer Concerns about Halal Products." *Journal of Islamic Marketing*, vol. 2 (3)

<sup>86</sup> Guntalee Ruenrom & Sawika Unahanandh. (2005). "Needs, Behavior and Attitudes of People in the United Arab Emirates Towards Consuming Thai-Halal Packaged Food." *The Business Review, Cambridge*, vol. 4 (1), P 274-279.

merupakan satu kriteria penting dan menjadi salah satu daripada budaya kepenggunaan di negara tersebut.

Ini menunjukkan bahawa konsep pengguna yang luas telah menggambarkan kepelbagaian kriteria dan latar belakang yang dimiliki oleh setiap pengguna. Malah kepelbagaian yang terhasil ini mampu memberi kesan terhadap budaya pengguna sama ada positif mahupun negatif.

Setiap manusia mempunyai pandangan, persepsi dan penilaian tersendiri yang berbeza antara satu sama lain. Kepelbagaian pandangan dan penilaian ini dipengaruhi oleh faktor dan sebab tertentu. Menurut pandangan Mohani Abdul (2009)<sup>87</sup> dan Baizuri Badruldin (2012)<sup>88</sup>, sasaran persepsi dan situasi contohnya dilihat menjadi pengaruh terhadap pandangan pihak tertentu ke atas pensijilan halal. Manakala Nordin Ahmad (2007)<sup>89</sup>, Zainalabidin Mohamed (2008)<sup>90</sup>, Sharifah Zannierah Syed Marzuki (2012)<sup>91</sup> dan Tawfik Salah Mohammed al-Nahdi bersama Md. Aminul Islam (2011)<sup>92</sup> pula secara amnya berpendapat bahawa sikap dan keadaan merupakan faktor penting yang mempengaruhi pandangan terhadap sesuatu perkara.

Selain itu, agama juga menjadi faktor penyumbang kepada wujudnya kepelbagaian pandangan dan penilaian. Pendapat ini turut diterima oleh Wan Musa Wan Ibrahim (2004)<sup>93</sup> yang mana mendapati agama memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sikap dan pandangan individu, malah tahap keprihatinan dan pandangan individu itu berhubungkait dengan didikan agamanya. Bahkan menurut

---

<sup>87</sup> Mohani Abdul. (2009). “*SMEs and Halal Certification.*” *China-USA Business Review*, vol. 8 (4).

<sup>88</sup> Baizuri Badruldin. (2012). “*Client’s Perception towards JAKIM Service Quality in Halal Certification.*” *Journal of Islamic Marketing*, vol. 3 (1), P 59-71.

<sup>89</sup> Nordin Ahmad. (2007). “*Persepsi Persatuan Pengguna di Malaysia Terhadap Status Pengesahan Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).*” Tesis Kedoktoran, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>90</sup> Zainalabidin Mohamed. (2008). “*Halal Logo and Consumers’ Confidence: What are the Important Factors?*” *Economic and Technology Management Review*, vol. 3, P 37-45.

<sup>91</sup> Sharifah Zannierah Syed Marzuki, Collin Michael Hall & Paul William Ballantine. (2012). “*Restaurant Manager’s Perspectives on Halal Certification.*” *Journal of Islamic Marketing*, vol. 3 (1), P 47-58.

<sup>92</sup> Tawfik Salah Mohammed al-Nahdi & Md. Aminul Islam. (2011). “*Factors Influencing Malaysian Muslims to Patronage Halal Restaurants Ambience As a Mediator.*” *Business Review*, vol. 6 (2), P 121-133.

<sup>93</sup> Wan Musa Wan Ibrahim. (2004). “*Sikap Masyarakat Terhadap Halal Haram Makanan: Satu Kajiandi Kampung Paya Rambai, Kota Bharu Kelantan.*” Latihan Ilmiah, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Suzanah Abdul Rahman (2013)<sup>94</sup> agama adalah faktor terbesar yang mempengaruhi pengguna terutamanya dalam pemilihan makanan harian mereka.

Pandangan ini turut dipersetujui oleh Angela Ho Suet Fong (2010)<sup>95</sup> dari fokus yang berbeza iaitu terhadap pengguna bukan beragama Islam. Namun begitu, Faryal Salman dan Kamran Siddiqui (2011)<sup>96</sup> pula berpendapat sebaliknya dengan mendapati bahawa agama semata-mata tidak berupaya mempengaruhi sikap dan pandangan individu. Ini dibuktikan melalui tahap kesedaran pengguna Muslim di Pakistan yang sangat rendah terhadap makanan halal berbanding orang Muslim di Brunei Darussalam, Indonesia dan Malaysia sedangkan jumlah Muslim di Pakistan adalah lebih ramai berbanding tiga negara tersebut.

Sementara itu pandangan dan persepsi daripada pihak pengguna pula diulas oleh Zainalabidin Mohamed (2008) dan Nordin Ahmad (2007) yang mendapati bahawa penggunaan logo halal semata-mata pada sesuatu barang tidak cukup untuk meyakinkan pengguna akan status kehalalan barang tersebut. Namun demikian tidak dinafikan bahawa penggunaan logo halal ini banyak membantu pengguna.

Berdasarkan pendapat-pendapat ini, terbukti bahawa pandangan dan persepsi setiap individu adalah berbeza kerana wujudnya faktor-faktor yang mempengaruhi mereka seperti sifat, keadaan, agama dan sebagainya. Walau begitu, ia masih boleh dijadikan sebagai satu nilai tambah dan inisiatif dalam menilai gerak kerja pihak BKMH terhadap penguatkuasaan dan pengurusan halal di Brunei Darussalam.

Kesimpulannya, mendalami konsep halal dari aspek yang berbeza dapat memberi impak positif kepada sikap dan tindakan pengguna. Bagaimanapun ianya telah diterima dengan pandangan dan persepsi yang berbeza oleh pengguna Muslim, sekaligus menunjukkan bahawa kebanyakan pengguna Muslim amat peka dan sensitif terhadap isu halal. Dalam masa yang sama juga pihak BKMH perlu menambahbaik

---

<sup>94</sup> Suzanah Abdul Rahman. (2013). “*Determinants of Food Choice Among Adults in An Urban Community: A Highlight on Risk Perception.*” *Nutrition & Food Science*, vol. 43 (5), P 413-421

<sup>95</sup> Angela Ho Suet Fong. (2010). “*Halal Restaurants Patronage Intention: A Study of Non-Muslims Perspective in Malaysia,*” Disertasi Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Universiti Malaya.

<sup>96</sup> Faryal Salman & Kamran Siddiqui. (2011). “*An Exploratory Study for Measuring Consumers Awareness and Perceptions Towards Halal Food in Pakistan.*” *Interdisciplinary Journal of Contemporary Research in Business*, vol. 3 (2), P 639-652.

dan mempertingkatkan lagi sistem pengurusan dan perkhidmatan halal yang sedia ada sebagai satu langkah progresif ke arah menjadikan Brunei Darussalam sebagai pusat halal dunia.

## **2.5 PEMASARAN PRODUK HALAL DALAM ISLAM**

Dalam pemasaran perusahaan dituntut untuk mengembangkan perusahaan mereka sehingga dapat memenuhi keperluan dan keinginan pengguna sehingga dapat memuaskan pengguna. Untuk mampu memuaskan pengguna dan harus menguatkan perhatian mereka kepada selera pengguna, pengusaha harus memperhatikan keperluan dan kemauan dari pengguna, sehingga produk mampu untuk dipasarkan di pasaran. Sebelum itu, pengusaha terlebih dahulu harus mampu memahami perilaku pengguna terlebih dahulu agar dapat memasarkan produk-produk mereka (Heryanto, 2015)<sup>97</sup>.

Kegiatan bermiaga merupakan kegiatan yang memerlukan pemahaman yang serius, mulai dari merencanakan apa yang akan diperbuat kemudian pada tahap pelaksanaan dan tahap evaluasi dari perniagaan yang dijalankan. Dalam menjalankan perniagaan, tugas penting pemasar adalah dapat menyediakan apa yang diperlukan oleh masyarakat baik pengguna dan pelanggan.

Dalam bukunya, Kotler & Armstrong (2008)<sup>98</sup> mengatakan bahawa pengurus perusahaan terkadang menganggap pemasaran sebagai seni menjual produk, namun banyak orang terkejut ketika mendengar bahawa menjual *bukanlah* bahagian yang terpenting dari pemasaran, menjual hanyalah tahap akhir dari pemasaran. Peter Drucker (2001), ahli teori pengurusan terkemuka mengemukakan sebagai berikut: Selalu akan ada keperluan akan ada penjualan. Namun tujuan dari pemasaran adalah membuat penjualan berlimpah. Tujuan pemasaran adalah mengetahui dan memahami pelanggan dengan baik sehingga produk atau perkhidmatan sesuai dengan keperluannya sehingga terjual sendiri. Idealnya, pemasaran harus menghasilkan seorang pengguna yang siap untuk membeli. Dengan demikian yang diperlukan hanyalah memastikan produk dan perkhidmatan mampu tersedia.

---

<sup>97</sup> Heryanto, Imam. (2015). *Analisis Pengaruh Produk, Harga, Distribusi, dan Promosi Terhadap Keputusan Pembelian Serta Implikasinya pada Kepuasan Pelanggan*, Jurnal Ekonomi, Perniagaan, & Entrepreneurship. Volume 9 (2). Pp. 80-101

<sup>98</sup> Kotler dan Armstrong. (2008). *Manajemen Pemasaran*, Edisi 13 Jilid 1, Erlangga, Jakarta.

Menurut Boyd (2000)<sup>99</sup>, pemasaran adalah suatu proses sosial yang melibatkan kegiatan-kegiatan penting yang memungkinkan individu dan perusahaan mendapatkan apa yang mereka perlukan dan inginkan melalui pertukaran dengan pihak yang tertentu dan untuk mengembangkan hubungan pertukaran.

Sedangkan definisi pemasaran menurut Stanton (1996)<sup>100</sup> adalah suatu sistem kegiatan perniagaan yang dirancang untuk menentukan harga, mempromosikan dan memasarkan produk-produk yang dapat memuaskan keinginan kepada pengguna saat ini maupun pengguna yang baru. Dari definisi di atas dapat disimpulkan bahawa kesimpulan yang di ambil dalam bidang pemasaran, harus ditujukan untuk menentukan produk dan pasarnya, harga serta promosinya, untuk dapat memberikan kepuasan kepada pengguna.

Dari definisi-definisi di atas juga, pemasaran memberikan pengertian bahawa pemasaran bukan hanya aktiviti-aktiviti yang terjadi sebelum produk dimulai untuk dijual bahkan ianya adalah merupakan satu sistem dari kegiatan-kegiatan yang saling berhubungan mulai dari merencanakan, menentukan harga, mempromosikan dan memasarkan produk kepada pengguna.

Meningkatnya permintaan produk makanan dan produk bukan makanan yang halal membuat persaingan perniagaan semakin meningkat. Dunia perniagaan tidak dapat dipisahkan daripada aktiviti persaingan. Dengan kata lain, persaingan dalam perniagaan tidak dapat dihindarkan. Dalam menghadapi persaingan yang semakin kompetitif banyak perusahaan yang melakukan berbagai cara untuk mendapatkan calon pengguna iaitu, melakukan penipuan dalam kegiatan promosinya, ketidakjujuran dengan memburukkan imej pesaingnya agar masyarakat tidak membeli produk mereka dan sebagainya. Seorang pengusaha Muslim harus dapat memahami bahawa dalam ajaran Islam dianjurkan untuk melakukan perlumbaan dalam mencari kebaikan pada segala hal, termasuk dalam aktiviti pengusahaan. Oleh kerana itu, pengusaha Muslim harus berusaha menghadapinya tanpa perlu merugikan orang lain (Zainal, Veithzal, 2017)<sup>101</sup>.

---

<sup>99</sup> Boyd, W Happer dkk. (2000). *Manajemen Pemasaran Suatu Pendekatan Strategis Dengan Orientasi Global* edisi kedua jilid 1, Erlangga, Jakarta.

<sup>100</sup> William J Stanton. (1996). *Prinsip Pemasaran*, Jilid I dan II, Edisi ketujuh, Erlangga, Jakarta

<sup>101</sup> Zainal, Veuthzal Rivai. (2017)/ *Islamic Marketing Management*. Jakarta: PT Bumi Aksara

Dalam sebuah perniagaan pemasaran sangatlah berperanan penting, baik dalam memasarkan barang ataupun sesuatu perkhidmatan. Haruslah menggunakan teknik yang tepat untuk menarik minat pengguna (Robiah, 2017)<sup>102</sup>. *Marketing mix* adalah satu set taktik yang spesifik, detail, orientasi pada aksi dalam menangani strategi harga, produk, promosi dan distribusi yang akan diikuti oleh perusahaan untuk menjangkau dan memuaskan keputusan target pasar mereka. Perencanaan *marketing mix* harus dilakukan dengan matang untuk membentuk citra dan persepsi yang baik (Fatoni, 2014)<sup>103</sup>.

Kehalalan akan menjadi penting dalam pemasaran di Brunei Darussalam, kerana saat ini pengguna akan memperhatikan label halal yang tertera pada produk yang diperjual belikan pada pasar. Masyarakat Muslim percaya bahawa dengan mengkonsumsi makanan yang halal akan menjadi berkah dan sehat untuk manusia. Kehalalan adalah merupakan pokok utama bagi Masyarakat Muslim untuk beribadah agar sentiasa berada di jalan yang benar, di samping itu kehalalan terdapat dalam Al-Quran dan hadis. Islam mengajarkan kita agar sentiasa untuk mengkonsumsi yang ada di muka bumi yang serba halal dan baik, baik makanan dan minuman (Widyaningrum, 2018)<sup>104</sup>.

Proses pengambilan keputusan pada umumnya seorang pengguna akan berusaha untuk mencari informasi tentang bagaimana mengambil keputusan pembelian yang tepat. Sekarang ini pengguna sangat kritis dalam mencari dan menggali informasi tentang produk yang akan digunakan. Dari segi kualiti, setiap Muslim harus memperhatikan halal tidaknya sebuah produk dan baik (*thayyib*). Pemahaman yang semakin baik tentang agama semakin membuat umat Islam menjadi semakin selektif dalam pemilihan produk yang dikonsumsi (Alfian dan Marpaung, 2017)<sup>105</sup>.

Pengertian dari istilah *marketing* adalah pemasaran. Kata *market* sendiri bererti pasar, sehingga dikatakan *marketing* mencakup segala kegiatan manusia yang terjadi

---

<sup>102</sup> Robiah, Faidatur. (2017). *Marketing Hebat Ala Rasulullah SAW*. Solo: PT Tiga Serangkai Pustaka Mandiri

<sup>103</sup> Fatoni, Siti Nur. (2014). *Pengantar Ilmu Ekonomi Dilengkapi Dasar-Dasar Ekonomi Islam*. Bandung: Pustaka Setia.

<sup>104</sup> Widyaningrum, Premi Wahyu. (2018). *Pengaruh Label Halal, Asosiasi Merek, Iklan, dan Celebrity Endroser terhadap Keputusan Pembelian (Survei Pada Konsumen Wardah di Malang)*, Jurnal Capital. Volume 1 (2). Pp.111-124.

<sup>105</sup> Alfian, Ian dan Muslim Marpaung. (2017). *Analisis Pengaruh Label Halal, Brand dan Harga Terhadap Keputusan Pembelian di Kota Medan*: Jurnal At-Tawasuth. Volume 2 (1), pp. 122-145.

sehubungan dengan pasar. Segala kegiatan di sini bukan hanya sekedar menjual suatu produk, tetapi dimulai dari mengidentifikasi keperluan pengguna, mengembangkan produk yang tepat, menetapkan harga yang sesuai, serta melaksanakan distribusi dan promosi yang efektif. Setelah melalui tahap-tahap marketing itu, suatu produk akan diterima oleh pengguna di pasar (Murtie, 2011)<sup>106</sup>.

Menurut (Priansa, 2017)<sup>107</sup>, alat yang digunakan oleh perusahaan dalam kegiatan pemasaran disebut campuran pemasaran atau *marketing mix*. Disebut campuran (*mix*) kerana kombinasi atau gabungan dari beberapa alat pemasaran. Pengurusan pemasaran telah mengenal pasti empat strategi pemasaran yang lazim disebut sebagai campuran pemasaran 4P, iaitu produk (*product*), harga (*price*), tempat (*place*), dan promosi (*promotion*).

Campuran pemasaran syariah tidak jauh perbezaannya dengan campuran pemasaran pada umumnya, perbezaannya hanya terletak pada implementasinya, kerana setiap variabel dalam campuran pemasaran Syariah pelaksanaannya didasarkan atas perspektif Islam (Huda, Nurul 2017)<sup>108</sup>. Dan untuk keberhasilan suatu perniagaan, terdapat 4 unsur campuran pemasaran (*Marketing Mix-4p*) iaitu: Produk (*Product*), Harga (*Price*), Tempat (*Place*), dan Promosi (*Promotion*), yang diantaranya:

#### a. Produk

Menurut Ishak dan Abdullah (2012) dalam Asnawi dan Fanani (2017)<sup>109</sup>, produk adalah sebahagian dari elemen *marketing mix*. Secara eksplisit produk yang dilarang dalam Al-Quran dan Sunah Nabi adalah bangkai, daging babi, darah haiwan (QS [5]:4), minuman beralkohol (QS [2]:219), perjudian, prostitusi, dan penggunaan riba dalam praktik kewangan dan perbankan (QS [2]:275). Dalam perspektif *Islamic marketing* produk harus memenuhi ketentuan halal, tidak menyebabkan pikiran kotor atau rusak, tidak mengganggu, tidak mengandung unsur riba dan maysir, bermoral, produk harus dalam kepemilikan yang sah, produk harus diserah-terimakan dengan

---

<sup>106</sup> Murtie, Afin. (2011). *Strategi Gila Menjadi Marketing No.1*. Bekasi: Laskar Aksara.

<sup>107</sup> Priansa, Donni Juni. (2017). *Komunikasi Pemasaran Terpadu*. Bandung: Pustaka Setia.

<sup>108</sup> Huda, Nurul. (2017). *Pemasaran Syariah Teori dan Aplikasi*. Depok: Kencana.

<sup>109</sup> Asnawi, Nur dan Fanani, Muhammad Asnan. (2017). *Pemasaran Syariah Teori, Filosofi & Isu-Isu Kontemporer*. Depok: PT RajaGrafindo Persada.

jelas kerana penjualan produk fiktif tidak dapat dibenarkan (contoh penjualan ikan di sungai) dan produk harus tepat secara kuantiti dan kualitinya.

Menurut Wijayanti (2017)<sup>110</sup>, produk adalah sesuatu yang diperjualbelikan dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan dari sesuatu hasil kreativiti seseorang, tim *marketing* atau perusahaan. Produk barang, makanan atau perkhidmatan ini biasanya merupakan alat untuk memenuhi keinginan dan keperluan pengguna serta bentuknya wujud, dapat dilihat dan menarik. Produk yang dibuat haruslah bermanfaat bagi pengguna.

Dalam pemasaran Islam, produk harus murni dan diperbolehkan (halal). Ini termasuk fakta bahawa tidak boleh ada bahan berbahaya dalam produk yang dapat mempengaruhi pengguna dan masyarakat secara negatif. Pada dasarnya bererti produksi produk harus dipandu oleh *code etika Islam*, yang didorong oleh Islam. Dalam perspektif Islam pemasar harus memberitahu pembeli tentang kualiti produk sebelum melakukan transaksi. Jika penjual berbohong atau menyembunyikan sesuatu dari pengguna, maka tidak dianggap sebagai halal (dibolehkan) transaksi perniagaan. Oleh kerana itu perusahaan harus jujur dalam rangka memberikan kualiti terbaik dari produk (Ahmed dan Rahman, 2015)<sup>111</sup>.

Menurut Agustin (2017)<sup>112</sup>, dalam syariah Islam ada enam hal yang perlu dipenuhi ketika menawarkan sebuah produk, iaitu:

- Produk yang dijual diperlukan oleh semua orang;
- Produk yang ditawarkan memiliki kejelasan barang, kejelasan ukuran atau takaran, kejelasan komposisi, dan menggunakan bahan yang baik;
- Produk yang dijual tidak rosak dan cacat;
- Produk yang diperjualbelikan adalah produk yang halal;
- Produk yang diperjualbelikan tidak mengandung unsur gharar dan penipuan; dan
- Produk yang dijual tidak bercampur antara kualiti yang rendah dan baik.

---

<sup>110</sup> Wijayanti, Titik. (2017). *Marketing Plan! dalam Perniagaan Third Edition*. Jakarta: PT Gramedia.

<sup>111</sup> Ahmed, Selim dan Habibur Rahman. (2015). *The Effects Of Marketing Mix On Consumer Satisfaction: A Literature Review From Islamic Perspectives*: Journal of Islamic Economics. Volume 2 (1), pp. 17-30.

<sup>112</sup> Agustin, Hamdi. (2017). *Studi Kelayakan Perniagaan Syariah*. Depok: PT RajaGrafindo Persada.

### **b. Harga**

Menurut Priansa (2017), harga adalah sejumlah nilai yang ditukarkan pengguna dengan manfaat memiliki atau menggunakan produk yang nilainya ditetapkan oleh pembeli dan penjual melalui tawar menawar atau ditetapkan oleh penjual untuk satu harga yang sama terhadap semua pembeli. Penetapan harga dan persaingan harga telah dinilai sebagai masalah utama yang dihadapi oleh perusahaan.

Definisi harga adalah sejumlah wang yang akan dikeluarkan untuk memperoleh atau menikmati sebuah barang atau perkhidmatan. Secara lebih luas, harga adalah keseluruhan nilai yang ditukarkan pengguna untuk mendapatkan keuntungan dari kepemilikan terhadap sebuah produk. Harga merupakan satu elemen *marketing mix* yang memiliki peranan penting bagi suatu perusahaan, kerana harga menempati posisi khusus dalam *marketing mix*, serta berhubungan erat dengan elemen lainnya. Beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan dalam melaksanakan kebijaksanaan harga adalah menempatkan harga dasar produk, menentukan potongan harga dan lain-lain yang berhubungan dengan harga.

Dalam konsep Islam seorang pengusaha boleh menetapkan harga untuk suatu produk. Namun demikian, dalam penetapan harga tidak boleh harga yang terlalu tinggi sehingga dapat memberatkan dan merugikan pengguna (Agustin, 2017).

Pemasaran Syariah mengatur penetapan harga wang yang sesuai dengan perspektif Islam. Aturan penetapan harga tersebut adalah sebagai berikut:

- (i) Seorang penjual dilarang menjual pada harga yang lebih tinggi daripada biaya input dan margin keuntungan. Tindakan mendapat keuntungan yang tidak wajar melalui penetapan harga yang tinggi tanpa adanya perubahan kualiti yang lebih baik dan penambahan kuantiti. Sama saja dengan maisir atau perjudian.
- (ii) Manipulasi harga juga tidak dibenarkan dalam sudut pemasaran syariah. Salah satu contoh manipulasi harga adalah pemilik berpura-pura menjadi “pembeli” atas barang yang dijualnya dengan cara memuji-muji barang miliknya, sehingga pembeli lain percaya dan rela membayar dengan harga tinggi. Penimbunan produk dan pembatasan produksi yang mengakibatkan kenaikan harga sangat dilarang dalam Islam.

Menurut Husna (2010)<sup>113</sup>, “*Setiap pengusaha dianjurkan untuk tidak hanya mencari keuntungan dan mementingkan diri sendiri semata, tetapi juga memperhatikan kepentingan sesama. Praktik manipulasi dan memahalkan harga dipicu sikap ego yang bertentangan dengan prinsip kemaslahatan Islam. Islam mengajarkan kasih sayang dan kepedulian tinggi terhadap nasib sesama, terutama orang-orang yang lemah. Praktik memahalkan harga akan melemahkan daya beli masyarakat, apalagi bila negara sedang mengalami keterpurukan ekonomi”*”.

Perbezaan tingkat harga di antara sesama penjual dapat mempengaruhi kondisi pasaran secara menyeluruh. Ketika ada satu penjual dalam pasar menaikkan harga produknya di atas harga pasar atau sebaliknya, ia menjual produknya di bawah harga pasar, maka yang akan terjadi adalah distorsi pasar. Ini akan memacu kondisi ekonomi menjadi tidak efesien sehingga mengganggu agen ekonomi dalam memaksimalkan kesejahteraan mereka sendiri.

### c. Tempat Distribusi

Lokasi atau tempat bererti berhubungan dengan sistem penyampaian dalam produk dan perkhidmatan merupakan gabungan antara lokasi dan keputusan atas saluran distribusi. Ini berhubungan dengan bagaimana cara penyampaian produk kepada pengguna. Lokasi menjadi sangat penting, perusahaan sebaiknya memilih tempat yang dekat dengan pengguna sehingga mudah dijangkau dan harus strategik (Lupiyoadi, 2017)<sup>114</sup>.

Dalam menentukan *place* atau saluran distribusi, perusahaan Islami harus mengutamakan tempat-tempat yang sesuai dengan target *market*, sehingga dapat efektif dan efisien. Sehingga pada intinya, dalam menentukan *marketing mix* harus didasari pada prinsip-prinsip keadilan dan kejujuran. Perbezaan pada perniagaan Islami dan non-Islami terletak pada aturan operasional yang menjadikan halal dan haram, sehingga harus terdapat kehati-hatian dalam menjalankan strategi (Agustin, 2017).

Menurut Hassan (2012) dalam Asnawi dan Fanani (2017), dalam hal distribusi produk, perusahaan yang menerapkan prinsip bermuamalah dalam (Islam) harus mengikuti prinsip:

---

<sup>113</sup> Khotimatul Husna. (2010). *Sukses Berperniagaan Ala Nabi*, Pustaka Pesantren, Yogyakarta

<sup>114</sup> Lupiyoadi, Rambat. (2018). *Manajemen Pemasaran Jasa Berbasis Kompetensi*. Jakarta: Salemba Empat

- Tidak memanipulasi ketersediaan produk yang berujung pada tujuan eksploitasi.
- Tidak menggunakan unsur paksaan pada saluran pemasaran.

Tidak memobilisasi pengaruh pada salah satu *reseller* atau *distributor* yang mengakibatkan pada terbatasnya jumlah produk yang beredar.

Dalam konteks tempat (distribusi), Nabi Muhammad SAW melarang tindakan monopoli. Tindakan mendominasi saluran distribusi dengan maksud untuk mengatur harga adalah tindakan yang dilarang oleh ajaran Islam. Hal yang ingin ditekankan oleh Nabi Muhammad SAW saat itu adalah sebuah proses distribusi haruslah sesuai dengan peraturan yang telah disepakati bersama dan tidak ada pihak yang dirugikan, baik dari pihak pengusahaan *distributor*, agen, penjual, maupun pengguna (Robiah, 2017).

#### **d. Promosi**

Nickels dan William G (2011)<sup>115</sup> telah memberi pengertian bahawa promosi (*promotion*) adalah usaha-usaha para pemasar untuk memberi informasi dan mengingatkan orang-orang dalam pasar sasaran mengenai produk-produk, dan memujuk pengguna untuk membeli produk yang ditawarkan.

Menurut Swastha (2003), promosi adalah arus informasi atau persuasi satu arah yang dibuat untuk mengarahkan seseorang atau organisasi kepada tindakan yang menciptakan pertukaran dalam pemasaran.

Promosi merupakan salah satu faktor penentu keberhasilan suatu program pemasaran. Berapapun berkualitinya suatu produk, bila pengguna belum pernah mendengarnya dan tidak yakin bahawa produk tersebut akan berguna bagi mereka, maka mereka tidak akan pernah membelinya (Hurriyati, 2015)<sup>116</sup>. Adapun kegiatan yang termasuk dalam aktiviti promosi adalah periklanan, *personal selling*, promosi penjualan, dan publisiti (Arif, 2010)<sup>117</sup>.

Dalam Al-Quran tidak ada larangan mempromosikan produk, baik barang atau jasa dengan sistem periklanan. Bahkan periklanan pun dapat digunakan untuk mempromosikan kebenaran bagaimana seharusnya usaha perniagaan dalam Islam. Namun, periklanan yang berisi tentang pernyataan-pernyataan yang berlebihan

<sup>115</sup> Nickels, William G, et.al.. (2011). *Pengantar Perniagaan Edisi 8*. Jakarta: Salemba Empat

<sup>116</sup> Hurriyati, Ratih. (2015). *Bauran Pemasaran & Loyalitas Konsumen*. Bandung.

<sup>117</sup> Arif, Nur Rianto Al. (2010). *Dasar-Dasar Pemasaran Bank Syariah*. Bandung.

termasuk kedalam bentuk penipuan. Tidak peduli apakah deskripsi pernyataan tersebut sebagai metafor atau sebagai kiasan tentu sudah pasti dilarang (Agustin, 2017). Islam sangat menganjurkan untuk berpegang teguh kepada nilai-nilai kejujuran dalam melaksanakan kegiatan ekonomi, termasuk dalam promosi.

Menurut Alma dan Priansa (2016)<sup>118</sup>, banyak pelaku perniagaan menggunakan teknik promosi dengan memuji-muji barangnya setinggi langit dan tidak segan-segan mengdiskreditkan produk saingen. Untuk mlariskan jual belinya, pedagang tidak segan-segan melakukan sumpah palsu, padahal hal tersebut adalah merosakkan. Juga tidak dibenarkan, para penjual main mata dengan teman-temannya agar pura-pura berminat dengan barang yang dijual dan membelinya dengan harga mahal sesuai dengan harga yang diminta penjual.

Merujuk kepada label halal, menurut Wijayanti (2017), Label merupakan informasi tentang produk yang dijual. Pelabelan bertujuan memberitahukan kepada pengguna tentang unsur-unsur yang ada dalam produk. Pelabelan produk bergantung pada kategori atau jenis produk yang dijual. Dalam label itu, semestinya ada informasi tentang nama *brand*, baru selanjutnya informasi lainnya, seperti kategori produk, formulasi, komposisi, nama perusahaan, tarikh mansuh penggunaannya, kod produksi, klaim produk, cara pemakaian atau petunjuk pemakaian, dos pemakaian.

Label melaksanakan beberapa fungsi. Diantaranya, label dapat mengidentifikasi produk, label juga dapat memeringkat produk, label dapat menggambarkan produk, dan label dapat mempromosikan produk melalui grafik yang menarik (Kotler dan Keller, 2009)<sup>119</sup>.

Menurut Alma dan Priansa (2016), ada tiga jenis bentuk *labeling* yang banyak digunakan oleh perusahaan, seperti:

- a. *Label grade* iaitu mencantumkan keterangan tentang ciri barang secara ringkas, seperti yang dijumpai pada kemeja, ada kata-kata, jangan pakai setrika panas, cuci pakai air dingin, jangan cuci pakai sabun, bahan ini tidak perlu disetrika, anti kusut dan sebagainya.

---

<sup>118</sup> Alma, Buchari dan Priansa, Donni Juni. (2016). *Manajemen Perniagaan Syariah Edisi Revisi*. Bandung.

<sup>119</sup> Kotler, Philip dan Ketler, Kevin Lane. (2009). *Manajemen Pemasaran, Edisi Ketiga Belas Jilid 2*. Jakarta: Erlangga.

- b. *Label deskriptif* iaitu memberikan keterangan-keterangan yang lebih terperinci, seperti unsur-unsur kimia yang digunakan untuk membuat suatu makanan, ukuran warna, penggunaan suatu barang dan sebagainya.
- c. *Label informasi* iaitu ini sama dengan label deskriptif hanya membuat keterangan lebih lengkap lagi. Misalnya keterangan atau brosur dalam kemasan obat. Biasanya dalam dus ubat, diberikan informasi yang menerangkan tentang bahan-bahan yang digunakan, cara pemakaian ubat, khasiat ubat dan sebagainya.

Menurut Kotler (2002) dalam Alim, Mawardi, Bafadhal, (2018)<sup>120</sup>, keputusan pembelian adalah tindakan dari pengguna untuk mahu membeli atau tidak terhadap produk. Dari berbagai faktor yang mempengaruhi pengguna dalam melakukan pembelian suatu produk, biasanya pengguna selalu mempertimbangkan kualiti, harga dan produk yang sudah dikenal pasti oleh masyarakat. Berdasarkan definisi di atas, dapat disimpulkan bahawa keputusan pembelian adalah tindakan yang dilakukan pengguna untuk melakukan pembelian sesuatu produk.

Menurut Suharno (2010) dalam Imantoro (2018)<sup>121</sup>, keputusan pembelian adalah tahap di mana pembeli telah menentukan pilihannya dan melakukan pembelian produk, serta mengkonsumsinya. Hal ini berkaitan dalam usahanya memenuhi keperluan dengan tahap yang dilibatkan dalam mengevaluasi, memperoleh dan menggunakan produk.

Menurut Kotler (2002) dalam Sumarwan, Jauzi, Mulyana, Karno, Mawardi, Nugroho, (2011), terdapat lima tahap proses pembelian yang spesifik terdiri dari urutan kejadian berikut: pengenalan masalah keperluan, pencarian informasi, evaluasi alternatif, keputusan pembelian dan perilaku pasca pembelian.

Ini dapat disimpulkan bahawa strategi pemasaran Syariah adalah merupakan suatu strategi/cara dalam menerapkan 4 P, yang terdiri dari produk, harga, promosi dan saluran pemasaran (tempat) suatu usaha yang di kelola oleh pengusaha.

---

<sup>120</sup>Alim. (2018). *Pengaruh Persepsi Label Halal dan Kualitas Produk Terhadap Keputusan Pembelian Produk Fesyen Muslim (Survei pada Pelanggan Produk Zoya Muslim di Kota Malang)*: Jurnal Administrasi Perniagaan. Volume 62 (1), pp. 127-134.

<sup>121</sup> Imantoro. (2018). *Pengaruh Citra Merek, Iklan, Dan Cita Rasa Terhadap Keputusan Pembelian (Survei Terhadap Konsumen Mi Instan Merek Indomie di Wilayah Um Al- Hamam Riyadh)*: Jurnal Administrasi Perniagaan. Volume 57 (1), pp. 180-187.

Produk yang berupa barang, bukan barang atau perkhidmatan yang diciptakan oleh seorang pemasar/peniaga yang akan dipasarkan adalah produk yang halal dan diperlukan oleh masyarakat, keunggulan serta kualiti produk menjadi sesuatu yang penting untuk diperhatikan oleh pengusaha. Harga suatu produk juga menjadi perhatian yang serius untuk dikelola, berikan harga yang adil dan harga yang dapat bersaing dengan produk-produk pesaing serta terhindar dari unsur riba. Agar usaha ini dapat dikenal pasti oleh masyarakat tentang strategi promosi yang baik, tidak berbohong serta menipu calon pembeli atau pengguna dan untuk lokasi dapat dicapai dengan mudah oleh masyarakat.

## **2.6 ELEMEN *THAYYIBAN* DALAM PENGHASILAN PRODUK KOSMETIK DAN KESIHATAN HALAL**

Menurut Norzaidi (2012), kosmetik dan kesihatan halal merupakan salah satu faktor pasaran untuk menjadi mampan. Industri kosmetik dan kesihatan diri dijangka mencatatkan pertumbuhan nilai lebih cepat dan berterusan pada tahun-tahun akan datang berbanding pencapaian pada tahun-tahun sebelumnya, Mohamed Azmi Hassali (2015)<sup>122</sup>. Menariknya, produk kosmetik dan kesihatan bukan sahaja menjadi penggemar orang Islam, bahkan juga pilihan bagi pengguna bukan Islam sekali gus memberi peluang pasaran yang luas terhadap pengusaha produk kosmetik dan kecantikan (Saqib Ali, 2016)<sup>123</sup>. Ini membuktikan bahawa permintaan produk kosmetik dan kesihatan halal semakin mendapat sambutan dalam kalangan pengguna.

Realitinya, lebih banyak bahan ramuan di luar pasaran yang tidak selari dengan konsep *halalan thayyiban*. Sebagai contoh, bahan ramuan bersumberkan lemak haiwan yang tidak menepati syariat Islam dan bahan kimia yang tidak sepatutnya. Bagi gliserin yang bersumberkan lemak haiwan pula perlulah ditekankan, terutamanya dari segi proses dan rantaian bekalan dalam penghasilan pengeluaran dan ternakan haiwan halal, Nurrulhidayah Ahmad Fadzillah (2014)<sup>124</sup>. Hal ini kerana, gliserin yang bersumberkan lemak haiwan khinzir lebih banyak didapati dalam produk kosmetik seperti alat solek

---

<sup>122</sup> Mohamed Azmi Hassali. (2015). *Malaysian Cosmetic Market: Current and Future Prospects*, *Pharmaceut Reg Affairs*, vol. 4

<sup>123</sup> Saqib Ali, Fairol Hashim & Norzieiriani Ahmad (2016). *The State of Halal Cosmetic Research on Consumer Behavior: A Systematic Review of The Literature and Future Research Directions*, *Journal of Marketing Management and Consumer Behavior*, vol. 1, no. 4, pp. 40-51.

<sup>124</sup> Nurrulhidayah Ahmad Fadzillah. Ramli (2014). *Analisis Isu Berkaitan Khinzir dalam Penghasilan Produk Gunaan Semasa, dalam Isu Halal Kontemporari*. Serdang: Universiti Putra Malaysia. Pp.79-102.

muka, losyen, krim-krim kulit dan pewarna rambut, Nurrulhidayah Ahmad Fadzillah (2014). Menyelusuri karya Bennett, Harry (1970)<sup>125</sup> dalam bukunya yang bertajuk “*The New Cosmetic Formulary*” didapati pelbagai sumber asas serta formula yang sering digunakan dalam produk kosmetik. Walau bagaimanapun, buku tersebut ditulis oleh akademik barat tanpa menitikberatkan sumber bahan ramuan yang berdasarkan *halalan thayyiban* secara menyeluruh.

Tambahan pula, produk kosmetik dan kecantikan halal yang dilihat menjadi pilihan utama adalah disebabkan bahan-bahan atau ramuan yang membahayakan kesihatan dan keselamatan pengguna. Perkara ini adalah amat membimbangkan dan boleh mengancam nyawa pengguna. Merujuk kajian Zoe Diana Draelos, MD (2012)<sup>126</sup>, sumber bahan merkuri yang berleluasa dalam produk kosmetik seperti krim pemutih adalah amat berbahaya kerana boleh mengakibatkan penyakit anemia. Selain daripada itu, kandungan bahan kimia dalam produk kesihatan dan produk kosmetik merupakan punca permasalahan iritasi kulit, alergi dan masalah dermatologi yang lain (Eierman HJ, 1982)<sup>127</sup>.

Ini dapat menjelaskan bahawa terdapat produk kosmetik dan kesihatan yang mengandungi kandungan yang merbahaya dan boleh memudaratkan kesihatan pengguna. Secara tidak langsung, ianya bertentangan dengan konsep *thayyiban* yang mementingkan aspek keselamatan, kualiti dan kebersihan produk kosmetik dan kesihatan. Dalam pada itu, kajian yang ditulis oleh Wayessa Amasa, (2012)<sup>128</sup> juga mendapati produk kosmetik dan kesihatan adalah terdedah dengan risiko kesihatan dan keselamatan pengguna.

Pengambilan produk mahupun perkhidmatan halal menurut hukum syarak merangkumi maksud baik (*thayyib*) yang memberi erti bersih, suci, selamat dan berkualiti. *Halalan thayyiban* juga merupakan sebagai penanda aras utama bagi aspek keberkesaan dan keselamatan produk untuk kepentingan umat Islam. Ini membuktikan bahawa produk kosmetik dan kesihatan yang tidak menepati aspek

---

<sup>125</sup> Bennett, Harry. (1970). *The New Cosmetic Formulary*. New York: Chemical Publishing Company, Inc.

<sup>126</sup> Zoe Diana Draelos, MD. (2012). *Are Cosmetics Safe?* *Journal of Cosmetic Dermatology*, vol. 11, pp. 249-250.

<sup>127</sup> Eierman HJ. (1982). *Prospective Study of Cosmetic Reactions: 1977-1980*, Journal of the American Academy of Dermatology, vol. 6, no. 5, pp. 909-917.

<sup>128</sup> Wayessa Amasa. (2012). *Are Cosmetics Used in Developing Countries Safe? Use and Dermal Irritation of Body Care Products in Jimma Town, Southwestern Ethiopia*, Journal of Toxicology, pp. 1-8.

*thayyiban* adalah tidak memenuhi kriteria keselamatan pengguna dalam pemakaian produk kosmetik dan kesihatan.

Seterusnya, Hiren Chavda, Divya Solanki (2016)<sup>129</sup> mendapati kebanyakan produk kosmetik dan kesihatan mempunyai bahan kimia yang tidak terkawal dan boleh mendatangkan kemudharatan kepada kesihatan pengguna. Produk kosmetik tersebut termasuklah syampu, gel mandian, cecair mandian, gel rambut pelembap bibir, alat solek, pengilat kuku, minyak wangian, makanan suplemen dan krim penjagaan kulit yang mempunyai bahan kimia tidak terkawal. Oleh itu, sumber bahan ramuan produk kosmetik dan kesihatan bukan sahaja pada haiwan halal atau haram semata-mata. Bahkan juga produk kosmetik dan kesihatan yang mengandungi bahan kimia yang berlebihan perlu dielakkan bagi menjamin keselamatan pengguna.

Pengeluaran produk kosmetik dan kesihatan halal meliputi aspek keselamatan dan kebersihan dalam rantai bekalan juga turut dilihat secara terperinci dan mendalam. James C. MacChesney (1974)<sup>130</sup> dalam bukunya yang bertajuk “*Packaging of Cosmetics and Toiletries*” telah membincangkan berkenaan cara pembungkusan yang terbaik bagi memastikan produk kosmetik tidak berlaku kerosakan dan dicemari oleh bakteria atau kuman. Begitu juga dengan jenis material pembungkusan, penulis turut menjelaskan material yang sesuai digunakan terhadap produk kosmetik dan kesihatan. Atas faktor itu, produk kosmetik dan kesihatan halal yang mesra alam, semula jadi dan kurang mendatangkan kesan sampingan terhadap kesihatan adalah menjadi alternatif pengguna (Saqib Ali, 2016; Fairol Hashim, 2013)<sup>131</sup>. Seterusnya, produk kosmetik dan kesihatan halal bukan sahaja berkait rapat dengan bahan ramuan dan haiwan halal sahaja bahkan turut menitikberatkan semua aspek pengurusan termasuk pengendalian, penyediaan, pemprosesan, penyimpanan dan semua aspek berkaitan.

Kesedaran tentang halal dilihat semakin meningkat dan menjadikan permintaan pengguna terhadap produk halal semakin bertambah. Begitu juga dengan kajian-kajian yang berdasarkan kosmetik dan kesihatan halal turut melimpahi arena penulisan

---

<sup>129</sup> Hiren Chavda, Divya Solanki. (2016). *Cosmetic Toxicity and Natural Solutions for Personal Care*, Journal of Ayurveda and Integrated Medical Sciences, vol. 1, no. 3, pp. 140-143.

<sup>130</sup> James C. MacChesney. (1974). *Packaging of Cosmetic and Toiletries*. London: Newnes-Butterworths.

<sup>131</sup> Saqib Ali, Fairol Hashim. (2016). *The State of Halal Cosmetic Research on Consumer Behavior: A Systematic Review of The Literature and Future Research Directions*, Journal of Marketing Management and Consumer Behavior, vol. 1, no. 4, pp. 40-51.

akademik. Kajian persepsi dan hubungkait pengguna dan produk kosmetik dan kesihatan halal telah banyak dijalankan oleh para akademik.

Sebagaimana kajian yang dijalankan oleh Bahman Hajipour, (2015)<sup>132</sup> turut membuktikan kesedaran pihak pengguna untuk memilih produk kosmetik dan kesihatan halal. Berbeza pula dengan kajian yang dijalankan oleh Azmawani Abd Rahman (2015)<sup>133</sup> menunjukkan kesedaran memilih makanan halal lebih tinggi berbanding produk kosmetik dan kesihatan halal.

Jadinya ini secara tidak langsung, pihak industri bukan sahaja dapat menghasilkan produk kosmetik dan kesihatan halal yang selari dengan pensyariatan Islam, malah turut memenuhi tuntutan pengguna dalam mendapatkan produk kosmetik halal yang selamat dan tidak mendatangkan kesan sampingan yang memudaratkan kepada pengguna. Hal ini membuktikan bahawa produk kosmetik dan kesihatan halal perlu dilihat dengan lebih menyeluruh dari sudut aspek bahan ramuan, pemprosesan, pembungkusan dan penyediaan bagi menghasilkan produk kosmetik dan kesihatan halal yang selamat, berkualiti dan berkesan

## **2.7 KEPERLUAN PENDIDIKAN KEPENGUNAAN HALAL**

Pendidikan kepenggunaan adalah sangat penting supaya semua pengguna mempunyai ilmu dan kefahaman sebagai rujukan untuk melindungi mereka ketika hendak atau dalam membuat sesuatu pilihan contohnya membuat keputusan membeli produk makanan di kedai. Dengan pengetahuan dan kesedaran mengenai produk tersebut, mereka boleh membuat sesuatu keputusan yang lebih bijak dan memuaskan dirinya.

Kepenggunaan biasanya melibatkan hak-hak yang terdapat pada pengguna, pengusaha dan produk yang dihasilkan. Untuk itu, dalam memahami hak-hak mereka iaitu pengguna perlunya meneliti beberapa aspek seperti hak untuk mendapatkan keperluan asas, hak untuk mendapatkan barang dan perkhidmatan yang selamat, hak untuk mendapatkan maklumat, hak untuk membuat pilihan, hak untuk menyuarakan pendapat, hak untuk mendapatkan ganti rugi, hak untuk mendapatkan pendidikan pengguna dan hak untuk hidup dalam alam sekitar yang sihat dan selamat.

---

<sup>132</sup> Bahman Hajipour. (2015). *Raising Halal Cosmetic Awareness among the Respective Consumers*, International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, vol. 5, no. 7, pp. 338-349.

<sup>133</sup> Azmawani Abd Rahman. (2015). Consumers and Halal Cosmetic Products: Knowledge, Religiosity, Attitude and Intention, Journal of Islamic Marketing, vol. 6, no. 1, pp. 148-163.

Falsafah pendidikan pada masa kini hanya tertumpu dalam membangunkan seseorang itu menjadi pekerja atau majikan yang berkesan, mereka tidak dilatih untuk menjadi pengguna yang bijak. Ini seharusnya dititikberatkan oleh pihak berkuasa agar negara dapat melahirkan pengguna yang berilmu lagi bertanggungjawab. Orang ramai perlulah diberikan pendidikan kepenggunaan secara berterusan kerana kebanyakan sistem pendidikan tidak memberi perhatian terhadapnya.

Pemilihan sumber makanan dan produk barang halal sememangnya menjadi keutamaan bagi pengguna Muslim sehingga telah sebatik dan menjadi satu budaya bagi mereka. Pada permulaannya, logo halal hanya tertumpu kepada golongan Muslim sahaja sama ada pengguna atau pengeluar produk. Namun kini mendapat sambutan yang baik juga dari kalangan pengguna dan pengeluar bukan Muslim termasuk dari dalam dan luar negara. Ini membuktikan penerimaan yang baik dalam penggunaan logo halal oleh semua pengguna dan pengeluar tanpa mengira bangsa, agama, kaum, negara dan budaya. Malangnya, menurut Lokman (2005)<sup>134</sup> terdapat segelintir peniaga yang mengambil kesempatan di atas kelebihan ini dengan menjadikan logo halal sebagai *marketing tool* untuk memenangi hati pengguna. Mereka beranggapan bahawa tanpa adanya label halal sukar bagi mereka untuk memasarkan produk. Malah terdapat juga pihak pengeluar yang tidak bertanggungjawab menyalahgunakan logo halal demi mengejar keuntungan semata-mata dengan memakai logo halal pada semua barang tidak kira apa jenis produk yang dipasarkan berdasarkan kenyataan Jamilul Anbia dan Kasdi Ali (2011)<sup>135</sup>.

Selain itu, pengguna hari ini terdedah kepada banyak label dalam pasaran makanan. Oleh itu, untuk pengguna Negara Brunei Darussalam, kewujudan label pada produk makanan telah menjadi subjek kepentingan. Beberapa label yang mengelirukan dan boleh menimbulkan kekeliruan kepada pengguna. Walaupun meningkatkan kesedaran di kalangan pengguna, masih ramai di antara mereka mempunyai masalah dengan pemahaman istilah dan konsep label makanan saintifik (Zul Ariff, 2013)<sup>136</sup>. Label merupakan identiti bagi sesuatu produk. Pelabelan pada produk mesti mengikut

---

<sup>134</sup> Lokman Ab. Rahman. (2005). *Shariah & Malaysian Halal Certification System*. *Jurnal Penyelidikan Islam* 18, pp.15-36

<sup>135</sup> Jamilul Anbia, Kasdi Ali. (2011). Consumer Protection of Halal Products in Malaysia: A Literature Highlight. Vol. 212, p. 70.

<sup>136</sup> Zul Ariff. (2013). *Effects of Food Labels on Consumers Purchasing Behaviour in Malaysia*. Tesis. Universiti Putra Malaysia.

garis panduan percetakan yang betul supaya tidak mudah luntur atau rosak dan tidak mudah tertanggal serta terletak pada bahagian yang betul, dapat dilihat dan dibaca dengan jelas. Beberapa industri memerlukan penggunaan label pada produk mereka seperti industri makanan & minuman, farmasi, penjagaan diri, kosmetik dan bahan kimia (Azim & Zunaidah, 2018).

Kepenggunaan dapat diuraikan sebagai segala hal mengenai pengguna, iaitu individu yang membeli, atau yang diberikan kepadanya, mengguna, menyelenggara, melupuskan produk dan perkhidmatan dalam bentuk terakhir (*final form*), dalam usaha mereka untuk mencapai tahap kepuasan yang maksimum dengan pendapatan yang terhad (Nurizan & Mohd. Amim, 2002)<sup>137</sup>.

Keperluan pendidikan halal menerapkan kefahaman tentang halal haram dalam kepenggunaan Islam, merangkumi semua pihak, sama ada golongan pengguna sama ada lelaki atau wanita, pelbagai peringkat usia, pihak autoriti halal seperti eksekutif halal, auditor halal, penguatkuasa halal dan pengusaha industri halal. Pada peringkat pengguna, ini dijangka dapat meningkatkan penguasaan ilmu kepenggunaan yang mana hasilnya mereka mempunyai tahap sensitiviti halal dan tanggungjawab sosial yang tinggi dalam permintaan dan penggunaan suatu produk, sama ada dalam bentuk makanan dan bukan makanan. Manakala di peringkat pengusaha industri halal, ini dapat menyumbang kepada tahap kesedaran dan keprihatinan yang tinggi dalam memenuhi proses pengeluaran dan penawaran suatu barang. Sedangkan di peringkat pihak autoriti halal pula, ini dapat meningkatkan keilmuan dan kemahiran teknikal dalam menangani isu-isu halal di kalangan masyarakat, seterusnya isu yang sentiasa timbul dapat diselesaikan dengan berkesan. Sehubungan dengan itu, pihak pengguna, pengusaha dan autoriti halal mempunyai peranan yang signifikan dalam kitaran proses permintaan, penawaran serta jaminan halal.

Selain memfokuskan kepada pendekatan yang bersifat hukum atau menekankan soal halal haram semata-mata, pendidikan ini juga melibatkan etika kepenggunaan, hak-hak pengguna Muslim dan perundangan yang berkaitan pengguna. Atau dengan kata lain, pendidikan kepenggunaan halal perlu melibatkan ruang lingkup yang lebih luas.

---

<sup>137</sup> Nurizan Yahaya & Mohd. Amim Othman. (2002). *Pengenalan Sains Pengguna*. Serdang: UPM.

Secara umumnya, pendidikan kepenggunaan halal juga meliputi hal yang berkaitan tanggungjawab individu, keluarga dan komuniti iaitu:

**a. Tanggungjawab Individu**

Selari dengan hak-hak pengguna yang telah digariskan oleh pergerakan pengguna dunia, pengguna Muslim berhak untuk mendapatkan pendidikan pengguna mengenai makanan halal dan amalan memakannya untuk memenuhi tanggungjawabnya dan kesihatan badan fizikal mereka. Maklumat ini merupakan asas kepada tiap-tiap orang individu supaya dapat membuat pilihan yang betul semasa membeli makanan di pasaran. Pengguna perlu bersikap kritikal dan memeriksa label makanan halal atau logo halal di sesebuah premis makanan sebelum melanggannya supaya dapat membuat pilihan dan keputusan hanya produk halal yang sesuai untuk keperluan badannya sahaja yang dibeli atau dimakan. Beliau juga perlu bertindak proaktif membuat aduan kepada pihak berkuasa jika mendapati produk atau premis makanan halal yang meragukan.

**b. Tanggungjawab Keluarga**

Bagi membangunkan sebuah keluarga yang sihat dari segi fizikal dan mental, pendidikan pengguna mengenai konsep makanan halal dan kebaikannya amatlah penting disalurkan dan dipertingkatkan melalui buku dan bahan penerbitan supaya dapat dimanfaatkan bersama. Ibu atau bapa sebagai pengguna perlulah membeli produk halal untuk keperluan keluarga sebagai menuaikan tanggungjawab masing-masing disamping menyokong pengeluaran produk makanan halal yang memberi impak terus kepada industri pengeluaran produk halal. Amalan memakan makanan halal bersama-sama keluarga wajarlah dipupuk supaya dapat merapatkan hubungan kekeluargaan yang boleh mempengaruhi aspek psikologi dan sosio-ekonomi keluarga.

**c. Tanggungjawab Komuniti**

Pihak industri haruslah memberi komitmen untuk mengeluarkan hanya produk halal yang berintegriti supaya dapat memenuhi kehendak pelanggan. Manakala di pihak kerajaan, keperluan untuk membangunkan modul-modul latihan kepenggunaan halal yang menyeluruh bagi semua peringkat pengguna untuk memperkasakan mereka dalam menuaikan hak masing-masing. Peranan lain termasuklah mempromosi makanan halal melalui persidangan dan pameran bertaraf antarabangsa dan pembangunan

standard yang sesuai untuk pembangunan industri halal yang kompetitif supaya dengan pengeluaran yang berkualiti, imej negara dapat dijulang dan Negara Brunei Darussalam dapat merealisasikan Hab Halal Dunia seperti yang diimpikan.

Mencari produk halal merupakan saranan yang amat penting yang terdapat di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah. Hal ini kerana ia dapat membantu perkembangan rohani dan jasmani yang baik. Imam Al-Ghazali mengatakan bahawa “*makanan yang halal itu dapat menambah cahaya iman dan membuat doa dikabulkan dan makanan yang haram akan menggelapkan hati*”. Sebagai pengguna Muslim, berusaha untuk mencari makanan yang halal adalah satu kefardhuan sebagai kriteria utama dalam membuat pilihan makanan, bukan hanya memilih makanan yang sedap dan menarik. Makanan yang haram atau *syubhah* perlu dielak, kecuali ketika darurat.

Selain itu, terdapat juga beberapa keperluan pendidikan kepenggunaan halal. Misalnya, membantu memelihara aqidah, memahami pengguna sebagai tanggungjawab Muslim, implikasi dan keberkatan makanan halal.

#### e. Memelihara Aqidah

Sebagai khalifah Allah di dunia ini, semua pengguna Muslim harus faham betapa pentingnya menjaga tabiat dan amalan makanan halal dalam diet harian mereka sebagai satu ibadah mematuhi perintah Allah supaya dapat memelihara aqidah masing-masing. Usaha dan pendirian sebegini adalah asas dan amat penting bagi semua pengguna Muslim supaya terus dapat menjadi hamba Allah yang baik dan berkualiti.

#### f. Memahami Tanggungjawab Sebagai Pengguna Muslim

Pendidikan asas halal sebagai titik permulaan dalam mengenali dan memahami apakah produk dan perkhidmatan halal yang ada di dunia ini adalah amat penting kepada pengguna Muslim, kerana ia menyerupai benih yang disemai untuk menjadi tunjang ilmu pendidikan kepenggunaan seseorang.

#### g. Implikasi dan Keberkatan Halal

Ayat yang menyatakan “*you are what you eat*” memang tepat bagi menggambarkan seseorang itu dari segi fizikal mahupun personalitinya. Orang yang mengamalkan pengambilan dan etika makanan halal yang berasaskan kesederhanaan dan makan apabila lapar dan berhenti makan sebelum kenyang adalah mereka yang

selalunya sihat dan tidak berpenyakit atau kurang menghidapi penyakit. Etika makanan halal yang betul dan berjemaah digalakkan oleh agama Islam dapat memberi ketenangan jiwa dan mengurangkan tekanan hidup melalui jaringan sosial yang saling menyokong dalam aspek psikologi.

Perkembangan pendidikan kepenggunaan halal di Brunei Darussalam semakin berkembang atas dorongan dan kesedaran yang tinggi di kalangan pengguna Muslim dan disokong oleh pihak kerajaan melalui perundangan dan pensijilan halal. Pihak industri juga memberi kerjasama dalam mematuhi segala syarat-syarat pensijilan halal yang ditetapkan untuk menggunakan logo halal sebagai alat pemasaran produk halalnya dalam meraih pilihan pengguna demi pulangan ekonomi yang menguntungkan.

## **2.8 FATWA KEPENGGUNAAN HALAL HARAM DI BRUNEI DARUSSALAM**

Definisi fatwa pada bahasa dan istilahnya tidaklah menunjukkan perbezaan yang banyak. Ia juga menunjukkan konsep fatwa yang mempunyai beberapa elemen penting iaitu perkhabaran dan penjelasan hukum nas syarak .istinbat, soalan dan jawapan, Tanpa salah satu elemen yang dinyatakan, kenyataan-kenyataan yang diberikan bukanlah ia dinamakan fatwa.

Kepenggunaan pula berasal daripada perkataan guna yang membawa beberapa maksud iaitu manfaat, faedah, peranan, fungsi untuk, dan kebaikan Kamus Dewan (2005). Kepenggunaan pula diertikan secara khusus tentang segala perihal mengenai pengguna seperti barang-barang dan perkhidmatan yang digunakan bagi maksud kepentingan diri sendiri yang hertujuan untuk memenuhi kehendak semasa, Pearce (1992)<sup>138</sup>.

Menurut Mohd Hamdan Adnan (1994)<sup>139</sup>, kepenggunaan memberi tiga pengertian yang berbeza, pertama, berasaskan perkataan asalnya "guna". Maka seseorang yang dipanggil "pengguna" apabila menggunakan sesuatu barang atau perkhidmatan dan kerana itulah kepenggunaan ditakrifkan sebagai penggunaan barang atau perkhidmatan. Kedua, suatu sistem perdagangan yang mana pengguna mempunyai pilihan meluas terhadap produk yang hendak digunakan sama ada ia baik atau buruk .Ketiga, bermaksud penghayatan amalan dan usaha-usaha perlindungan

---

<sup>138</sup> Pearce, David William. (1992). *Macmillan Dictionary of Modern Economics*, The Macmillan Press Ltd.

<sup>139</sup> Mohd Hamdan Adnan, (1994). *Konsep Asas Kepenggunaan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

untuk pengguna, undang-undang yang menjamin kepentingan pengguna, pendidikan pengguna, dan sebarang tindakan yang memajukan kesejahteraan pengguna.

Dalam perspektif Islam pula, sewajarnya kepenggunaan itu berasaskan keesaan kepada Allah SWT dalam menggunakan dan menikmati segala aktiviti dalam kepenggunaan. Pemilihan kriteria produk gunaan tersebut juga ditekankan agar ia berteraskan ketakwaan dan keimanan bagi mengelakkan pengambilannya atas faktor kepentingan diri dan hawa nafsu (Mohd Amim, 2002)<sup>140</sup>. Dalam erti kata lain, segala aktiviti kepenggunaan yang dijalankan itu hendaklah sesuai dengan maqasid syariah dan diterapkan ke dalam kerangka halal haram yang telah ditetapkan oleh syarak agar dapat menghindari kemudaratan dan kerosakan khususnya bagi pengguna Islam (Mohd Anuar & Mohammad Aizat, 2011)<sup>141</sup>.

Fatwa kepenggunaan merupakan suatu jenis fatwa yang bersifat semasa dan pada hari ini produk kepenggunaan itu bukan hanya terbatas ke dalam konteks makanan dan minuman sahaja (produk barang makanan), malahan juga merangkumi produk barang bukan makanan dan produk bukan barang yang merentasi disiplin kosmetik, dandanan diri, pakaian, perhiasan, peralatan, perkakasan, perubatan, farmaseutikal, pengangkutan, logistik, penyembelihan, perniagaan, perkhidmatan, premis dan restoran yang ada kaitan khususnya dengan segala aktiviti yang dilakukan oleh pengeluar, pengusaha dan pengguna produk-produk berkenaan.

Berdasarkan penelitian huraihan-huraihan maksud fatwa dan kepenggunaan di atas, konsep fatwa kepenggunaan itu bolehlah diformulasikan sebagai satu konsep yang khusus iaitu suatu kenyataan oleh mufti dalam bentuk perkhabaran atau penjelasan hukum berdasarkan dalil-dalil syarak secara individu atau kolektif sebagai jawapan kepada kemusykilan yang ditanyakan oleh pengguna Islam mengenai sesuatu produk kepenggunaan sama ada berupa barang makanan, barang bukan makanan ataupun bukan barang yang tidak jelas atau belum ada ketentuannya dalam nas termasuk segala aktiviti penghasilan produk oleh pengeluar dan aktiviti mengusahakan produk-produk tersebut kepada pengguna oleh pengusaha.

---

<sup>140</sup> Mohd Amim Othman. (2002). *Pengguna dari Perspektif Islam*. Universiti Putra Malaysia. pp. 125-135

<sup>141</sup> Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. (2011). *Pengenalan Kepenggunaan Islam*, Universiti Putra Malaysia.

Dalam Islam, undang-undang halal dan haram digunakan sepenuhnya untuk menggambarkan produk makanan, daging, kosmetik, produk penjagaan diri, bahan makanan dan minuman dan banyak lagi, yang semuanya ditentukan secara jelas mengikut al-Quran dan undang-undang Islam. Umat Islam juga dibenarkan memakan makanan halal melainkan jika dilarang secara khusus oleh al-Quran atau undang-undang Islam (Lada 2009)<sup>142</sup>. Dalam matlamat hidup, makan bukanlah sekadar untuk mengisi perut sahaja, menurut Rouse & Houskins (2004)<sup>143</sup>, matlamatnya adalah ekspresi tingkah laku sosial, peribadi dan komuniti agama.

Pasca globalisasi dalam dunia tanpa sempadan ini telah menghasilkan pelbagai peralatan dan kelengkapan yang serba canggih. Setentunya faktor ini juga menyumbang kepada perkembangan segala aktiviti kepenggunaan dengan cara yang lebih maju dan ke hadapan. Secara tidak langsung juga menimbulkan bermacam-macam isu yang lebih rumit membuatkan pengguna Islam keliru dari segi kandungan produk, kedudukan menggunakan sesuatu produk dan sebagainya. Pada dasarnya pengeluar dan pengusaha menghasilkan dan menjual berbagai jenis produk untuk mengaut keuntungan daripada pengguna. Maka adalah menjadi kewajipan setiap orang Islam sebagai pengguna untuk sentiasa bersifat peka dan berhati-hati memilih serta menggunakan produk yang diyakini kehalalannya di samping menjauhkan yang haram dan syubhah.

Institusi fatwa di Negara Brunei Darussalam telah dibentuk secara rasminya pada tahun 1962 yang mengalami beberapa peringkat perubahan dari segi pentadbiran sehingga ia mampu bergerak sebagai sebuah jabatan berasingan di bawah Jabatan Perdana Menteri bermula tahun 1994 yang digelar Jabatan Mufti Kerajaan hingga ke hari ini dan jawatan muftinya pula dikenali dengan panggilan Mufti Kerajaan Brunei (Portal Rasmi Jabatan Mufti Kerajaan, 2010). Pada tahun 2005 pula jawatan Mufti Kerajaan (MKB) telah diisyiharkan sebagai jawatan bertaraf menteri sempena titah khas KDYMM mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-Menteri Kabinet dan perlantikan-perlantikan pada ketika itu. Di awal penubuhan, mufti pertama yang telah dilantik ialah Allahyarham Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz hingga tahun 1993. Kemudian jawatan mufti

<sup>142</sup>Lada, S. Harvey Tanakinjal, G. & Amin, H. (2009). *Predicting intention to choose halal products using theory of reasoned action*. International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management 2(1), pp.66-76.

<sup>143</sup>Rouse, C. & Hoskins, J. (2004). *Purity, soul food and Sunni Islam: Explorations at the intersection of consumption and resistance*. Culture. Palgrave: New York, NY.

dipegang oleh Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned bermula dari tahun 1994 hingga sekarang di atas perlantikan dan perkenan KDYMM.

Dari sejarah perkembangan Islam di Negara Brunei Darussalam, jelas menggambarkan bahawa komitmen dan kesungguhan raja dalam memartabatkan Islam adalah faktor utama yang mempengaruhi kewujudan institusi fatwa. Penubuhan institusi fatwa ini merupakan pihak berautoriti agama yang menjadi sumber rujukan pihak kerajaan dan masyarakat dalam mendapatkan penjelasan terhadap ketentuan hukum syara'. Selain dari melaksanakan kerja-kerja pengeluaran fatwa, Jabatan Mufti Kerajaan juga berperanan menyebarkan ilmu dan maklumat Islam melalui program Irsyad Hukum bersama Mufti dan bahan-bahan terbitan.

Keseluruhannya, pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan adalah teratur mengikut prosedur yang telah ditetapkan dan juga sistem yang berjalan secara moden dalam pengeluaran fatwa dan Hal Ehwal Pentadbiran yang dikendalikan dengan sempurna dan cukup teratur.

Justeru, perubatan dan farmaseutikal adalah yang menjadi isu-isu yang difatwakan berkenaan dengan segala hal barang gunaan yang selalunya berbentuk ubat-ubatan dan farmasi digunakan pada anggota tubuh badan untuk tujuan mengurangkan, menghilangkan, menyembuhkan, mengubat apa sahaja jenis penyakit, menyihatkan tubuh badan dan seumpamanya. Ia merangkumi segala aktiviti tentang kegiatan berubat dan teknologi pembuatannya, pembancuhannya, penyediaannya, cara penyimpanan dan penyalurannya serta bahan campuran dalam ubat-ubatan tersebut (Kamus Bahasa Melayu Nusantara, 2003; Kamus Dewan, 2005)..

Berubat hukumnya sunat menurut hukum syara'. Ini adalah berdasarkan hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu 'anhu daripada Nabi Muhammad Shallallahu 'alaihi wassalam bersabda yang ianya bermaksud: *Allah tidak menurunkan penyakit melainkan Dia (Allah) menurunkan penawar bagi penyakit itu. (Hadis riwayat Al-Bukhari dan Ibnu Majah)*<sup>144</sup>.

---

<sup>144</sup> Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2017). *Rawatan & Kesihatan 2, Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam*. Jabatan Mufti Kerajaan. Pp. 177-179.

Dalam hadis yang lain, daripada riwayat Usamah bin Syarik Radhiallahu ‘anhu daripada Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wassalam bersabda yang bermaksud: *Berubatlah kamu, sesungguhnya Allah ‘Azza wa jalla tidak meletakkan penyakit melainkan Dia meletakkan baginya penawar selain satu penyakit iaitu tua.* (**Hadis riwayat Abu Daud, At-tirmidzi dan Ibnu Majah**).

Pada dasarnya berubat dengan menggunakan bahan-bahan yang suci (bukan najis) adalah dituntut oleh syara’ sama ada ubat itu untuk kegunaan dalaman seperti ubat yang dimakan atau disuntikkan atau kegunaan luaran sahaja seperti ubat sapu. Maksud suci disini ialah suci daripada benda, ramuan atau bahan-bahan yang diharamkan dan suci juga daripada benda, ramuan atau bahan-bahan najis. Secara ringkasnya, ubat-ubatan itu dianggap najis jika benda, ramuan atau bahan-bahannya mengandungi umpamanya:

- i. Air kencing.
- ii. Darah.
- iii. Apa-apa yang diambil daripada binatang yang tidak boleh dimakan dan masih hidup seperti bulu, tanduk dan sebagainya.
- iv. Bangkai daripada binatang yang tidak boleh dimakan atau binatang yang boleh dimakan yang mati bukan melalui sembelihan secara syara’.
- v. Cecair yang memabukkan seperti arak dan tuak.
- vi. Anjing.
- vii. Babi.

Jelasnya, mana-mana ubat yang bersumber atau bercampur dengan benda-benda seperti di atas adalah dihukumkan najis. Huraian dan penjelasan lanjut mengenai berubat dengan najis, benda-benda haram atau arak disebut di dalam hadits-hadits Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wassalam dan qaul-qaul ulama Asy-Syafi’iyyah seperti berikut<sup>145</sup>:

- **Hadits yang diriwayatkan At-Tirmidzi dan Abu Daud** yang bermaksudnya: *Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wassalam melarang daripada (berubat dengan) ubat yang kotor (najis atau haram).*

---

<sup>145</sup> Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2017). *Rawatan & Kesihatan 2, Himpunan Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam*. Jabatan Mufti Kerajaan. Pp. 177-179.

- Abu Darda' Radhiyallahu 'anhuma pula meriwayatkan** bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wassalam bersabda yang bermaksud:

*Sesungguhnya Allah menurunkan penyakit dan ubat serta menjadikan setiap penyakit itu ada ubat, maka berubatlah kamu dan janganlah kamu berubat dengan yang haram.*

Dengan dalil-dalil yang disebutkan di atas, jelas menunjukkan bahawa bahan-bahan yang terkandung dalam ubat-ubatan yang hendak diberikan kepada pesakit itu hendaklah bukan bersumber daripada benda-benda najis atau sesuatu yang haram.

Berikut adalah contoh senarai berus yang telah dianalisa positif mengandungi bulu khinzir/babi yang telah disahkan oleh Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah yang telah dikemaskinikan pada 14 Haribulan Jun 2021.

BIL.	TAHUN ANALISA	PRODUK	JENAMA	PENGELUAR	KEPUTUSAN ANALISA	RUJUKAN	GAMBAR
1.	2020	BERUS PASTRY (PINCEAU A PATISSERIE BACKPINSEL)	JAMIE OLIVER	JAMIE OLIVER GROUP	BULU KHINZIR: POSITIF	DSS/FDS/002/BKMH/2020 7 REJAB 1441 2 MARCH 2020	
2.	2020	BERUS	TIAMO	FRTIOLAYS, INC, US	BULU KHINZIR: POSITIF	DSS/FDS/010/BKMH/2020 10 ZULKAEDAH 1441 2 JULAI 2020	

Walaubagaimanapun, dalam keadaan tertentu adalah harus berubat dengan najis selain arak semata-mata, sama ada ubat itu adalah najis semata-mata, najis yang bercampur dengan bahan-bahan lain ataupun arak yang bercampur dengan bahan-bahan lain seperti ubat yang mengandungi alkohol daripada arak dengan syarat seperti berikut:

- Tidak terdapat ubat suci lain yang boleh menggantikan ubat yang najis itu.
- Orang yang berubat itu mengetahui sendiri atau diberitahu oleh seorang ahli perubatan Muslim yang 'adil (tidak fasiq) akan manfaat ubat yang najis itu

seumpama ubat yang najis itu akan menyembuhkan penyakit lebih cepat berbanding dengan ubat yang suci.

Sebagai contoh isu berubat menggunakan benda najis untuk mempercepatkan kesembuhan. MKB menjelaskan bahawa berubat untuk menyembuhkan penyakit itu adalah perkara yang digalakkan dalam Islam. Namun adalah diharamkan penggunaan ubat yang mengandungi bahan najis dalam keadaan masih ada ubat yang suci walaupun memberi kesan pada mempercepatkan kesembuhan. Apalagi jika menurut doktor pakar bahawa penyakit seseorang itu masih boleh diubat dengan ubat yang suci, tetapi sekiranya doktor pakar telah pun memutuskan bahawa pesakit berkenaan mesti memakan ubat yang bercampur dengan najis kerana jika tidak berbuat demikian akan menimbulkan kemudharatan yang lebih besar terhadap pesakit, maka dalam keadaan itu adalah diharuskan baginya menggunakan atau memakan ubat yang mengandungi bahan najis sekalipun masih ada ubat yang suci kerana ubat yang suci itu tidak lagi berkesan dan bermanfaat untuk mengubat penyakitnya lagi (Jabatan Mufti Kerajaan, 20091), 253-259)<sup>146</sup>.

Adapun barang gunaan umpamanya pewarna rambut, minyak rambut dan barang-barang kosmetik, penggunaan perkataan halal itu tidak tepat sebagai contoh isu kosmetik terdapat pewarna rambut yang bertanda halal di pasaran yang menjadikan pengguna Islam merasa keliru dan ada yang beranggapan mewarnakan rambut dengan pewarna itu adalah dibolehkan oleh syarak kerana terdapat tanda ‘halal’ pada bungkusan tersebut. Jika tujuan penamaan label halal itu adalah untuk membolehkan orang Islam memakai atau menggunakan, perkataan yang tepat ialah suci bererti tidak najis kerana kita dilarang menggunakan atau memakai barang-barang yang najis. Inilah pemakaian atau penggunaan yang patut diketahui oleh orang-orang Islam.

Mewarna rambut itu tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya dengan alasan bahawa pewarna yang digunakan itu adalah halal ataupun suci. Di dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radhiallahu ‘anhu bahawa Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wassalam bersabda<sup>147</sup>, yang bermaksud: *Bahawasanya orang Yahudi*

---

<sup>146</sup> Jabatan Mufti Kerajaan. (20091)), *Fatwa Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam 2007*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

<sup>147</sup> Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2007). *Isu-Isu Produk Halal. Negara Brunei Darussalam*. Jabatan Mufti Kerajaan. Pp. 238-241.

*dan Nashrani tidak mewarnakan (uban mereka) maka hendaklah kamu tidak menyerupai mereka.*

**(Hadis riwayat Muslim)**

Ini diperkuatkan lagi dengan peristiwa ketika Abu Quhafah (ayah kepada Sayyidina Abu Bakar Radhiallahu ‘anhу) dibawa ke hadapan Baginda pada hari pembukaan Makkah yang mana ketika itu rambut dan janggutnya dipenuhi dengan uban, maka Baginda bersabda yang bermaksudnya: *Tukarkan (warna uban) ini dengan sesuatu dan jauhilah daripada (menggunakan) pewarna hitam.* **(Hadis riwayat Muslim)**

Berdasarkan hadis di atas para ulama berpendapat bahawa mewarnakan uban yang tumbuh pada rambut kepala adalah sunat sama ada lelaki atau perempuan. Warna yang disunatkan untuk digunakan ialah kuning atau merah kecuali warna hitam, kerana haram menggunakan pewarna hitam kecuali bertujuan untuk menakutkan pihak musuh ketika berjihad.

Selain daripada memerhatikan kepada aspek atau jenis pewarna yang digunakan untuk mewarnakan rambut itu sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, adalah penting untuk kita menilai sejauh mana pandangan syara’ tentang kehalalan barang gunaan, kerana ia bukanlah suatu jaminan bahawa benda itu boleh dipakai, kerana penipuan boleh saja berlaku, bahkan telah pun banyak berlaku, di mana pihak-pihak tidak bertanggungjawab menggunakan label halal semata-mata untuk mendapatkan kepercayaan pengguna.

Standard Halal Permakanan Brunei (PBD 24:2007) yang telah dikeluarkan pada tahun 2007 di mana ianya adalah sebagai ketetapan dalam mempraktikkan segala garis panduan pengeluaran, penyediaan, pengendalian, pengedaran dan penyimpanan bagi produk pemakanan halal. Ia juga merupakan keperluan asas untuk perniagaan dan perdagangan produk pemakanan di NBD<sup>148</sup>.

Ianya telah meliputi empat garis panduan bagi mencapai standard yang diperuntukkan iaitu:

---

<sup>148</sup> Brunei Darussalam Standard Halal Food PBD24:2007, The Religious Council Negara Brunei Darussalam.

- (i) Pertama, garis panduan bagi Pensijilan Halal (BCG Halal 1) iaitu sebagai penjelasan kepada keperluan untuk memperoleh pensijilan halal dan permit halal yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) yang mana ia memerlukan tempat perniagaan tersebut melaksanakan prosedur halal yang menepati standard PBD 24:2007 dan seterusnya membuat permohonan untuk mendapatkan kebenaran menggunakan sijil dan label halal. Sijil halal dikeluarkan untuk setiap jenis perniagaan dan setiap tempat perniagaan yang mempunyai lebih dari satu cawangan. Manakala label halal pula bagi setiap jenis produk pemakanan<sup>149</sup>.
- (ii) Kedua, garis panduan bagi Audit Pematuhan Halal (BCG Halal 2) yang mana tujuannya adalah sebagai panduan kepada pihak yang mengesahkan bahawa segala unsur halal telah dilaksanakan. Ia merangkumi seluruh prosedur untuk pengauditan halal<sup>150</sup>.
- (iii) Ketiga, garis panduan Pensijilan Halal bagi Juruaudit (BCG Halal 3) pula bagi sesiapa sahaja yang mempunyai kelulusan menjadi juruaudit yang ingin mendaftar sebagai juruaudit halal di bawah garis panduan pensijilan halal Brunei dan tujuan pendaftaran tersebut adalah untuk menyediakan sekumpulan juruaudit yang mempunyai kelayakan, kemahiran dan pengalaman untuk menjalankan kerja-kerja pengauditan halal<sup>151</sup>.
- (iv) Keempat, garis panduan bagi Audit Pemantauan Halal (BCG Halal 4) menjelaskan langkah-langkah yang perlu dilakukan dalam mengendali kerja-kerja audit pengawasan dan segala kriteria untuk pemilihan juruaudit. Garis panduan ini adalah untuk para juruaudit yang melaksanakan kerja-kerja pemantauan terhadap tempat-tempat perniagaan yang telah memiliki sijil halal yang dikeluarkan MUIB dengan memastikan prosedur dan keperluan halal sentiasa dipatuhi dalam tempoh pensijilan tersebut<sup>152</sup>.

---

<sup>149</sup> *Guideline for Halal Certification BCG Halal 1*, The Religious Council Negara Brunei Darussalam.

<sup>150</sup> *Guideline for Halal Compliance Audit BCG Halal 2*, The Religious Council Negara Brunei Darussalam.

<sup>151</sup> *Guideline for Certification Halal Compliance Auditor BCG Halal 3*, The Religious Council Negara Brunei Darussalam.

<sup>152</sup> *Guideline for Halal Surveillance Audit BCG Halal 4*, The Religious Council Negara Brunei Darussalam.

Selain dalam aspek pemakanan halal, NBD juga telah memperkenalkan garis panduan untuk perkilangan dan pengendalian produk-produk perubatan halal, ubat-ubatan tradisional dan suplemen kesihatan (GD 24:2010) pada tahun 2010. Ia merangkumi dari segi sumber bahan-bahan yang digunakan bagi produk-produk tersebut, penghasilan, pembungkusan, pengangkutan sehingga kepada penyimpananya<sup>153</sup>.

Penguatkuasaan standard dan semua garis panduan halal ini merupakan langkah kerajaan bagi memastikan segala produk kepenggunaan yang dipasarkan dalam negara bukan sahaja halal tetapi bersih, berkualiti dan selamat digunakan oleh pengguna. Justeru dalam hal ini, Jabatan Mufti Kerajaan (JMK) yang diwakili pegawai-pegawaiannya telah diberi kepercayaan oleh pihak Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (MIPR) untuk sama-sama menganggotai ahli jawatankuasa teknikal dalam penyediaan dan pembangunan standard dan garis panduan berkenaan. Maka penglibatan JMK ini secara tidak langsung juga memainkan peranan penting dalam usaha membendung daripada berlakunya isu-isu kepenggunaan halal yang serius serta memberi panduan kepada pengamal industri halal di NBD. Oleh yang demikian berdasarkan contoh-contoh isu yang telah difatwakan oleh Mufti Kerajaan Brunei, masyarakat Islam khususnya di NBD yang terdiri daripada pengeluar, pengusaha dan pengguna sememangnya peka dan mementingkan status penggunaan sesuatu produk yang dikeluarkan, diusahakan dan diambil itu, bukan sahaja yang berkaitan dengan produk barang makanan tetapi juga barang bukan makanan dan bukan barang agar pembuatannya, pengusahaannya dan penggunaannya tidak bertentangan dengan kehendak yang telah disyariatkan dalam Islam.

Produk kepenggunaan dapat dikategorikan kepada tiga jenis iaitu produk barang makanan, produk barang bukan makanan dan produk bukan barang. Oleh itu, isu-isu kepenggunaan halal di NBD ditangani oleh pihak-pihak berautoriti dalam kerajaan dan salah satunya ialah menerusi institusi fatwa. Maka JMK sebagai satu-satunya institusi fatwa di NBD memainkan peranannya dengan menjawab

---

<sup>153</sup> Brunei Darussalam Guidelines for Manufacturing and Handling of Halal Medicinal Products, Traditional Medicines and Health Supplements GD24:2010, The Religious Council Negara Brunei Darussalam.

kekeliruan masyarakat berkenaan isu-isu kepenggunaan halal melalui berfatwa, mendidik mereka dengan mengendalikan program siri bimbingan irsyad hukum, menerbitkan buku-buku ilmiah serta membantu kerajaan dalam menggubal standard dan garis panduan halal NBD. Manakala keputusan-keputusan fatwa kepenggunaan yang telah dikeluarkan JMK dari tahun 2000 hingga 2013 pula merentasi sempadan makanan, minuman, kosmetik, dandan, pakaian, perhiasan, peralatan, perkakasan, perubatan, farmaseutikal, pengangkutan, logistik, penyembelihan, perniagaan, perkhidmatan, premis dan restoran yang merangkumi segala aktiviti yang melibatkan pengguna, pengusaha dan produk.

Dengan membentuk pasukan pemantauan yang kuat seiringan dengan perkembangan industri halal, maka dapatlah menjalankan kerja-kerja pemantauan dan pengawalan semua jenis produk-produk kepenggunaan yang berada di dalam pasaran NBD dengan lebih ketat, kemas dan teratur. Selain daripada itu, pasukan ini juga boleh memainkan peranan dengan mengendalikan kegiatan-kegiatan berkenaan halal haram seperti bengkel kesedaran halal bagi orang ramai, bengkel pengilangan dan perniagaan halal bagi pengeluar dan pengusaha, konferensi halal bagi para penyelidik dan sebagainya kerana bukan hanya pengguna yang perlu dididik dengan ilmu-ilmu kepenggunaan halal tetapi juga pengeluar dan pengusaha. Dalam menghadapi gejala penularan maklumat palsu tentang produk halal, Islam telah menggariskan beberapa panduan. Antaranya tindakan penularan maklumat halal palsu boleh diibaratkan dengan perbuatan menghalalkan yang haram dan mengharamkan yang halal. Menurut Al-Qaradawi, mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram sama dengan syirik<sup>154</sup>. Ini kerana Islam telah mencela sikap orang yang suka menentukan halal dan haram, maka orang yang mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram pula adalah lebih berat dan teruk. Ini adalah kerana mereka telah memberi kesempitan dan kesukaran bagi manusia, sedangkan perkara tersebut telah Allah berikan keluasan.

---

<sup>154</sup> Al-Qaradawi, Yusuf. (1997). *al-Halal wa al-Haram fi al-Islam*. Cetakan 22, Kaherah: Maktabah Wahbah

## **2.9 WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM<sup>155</sup>**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sułtan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Sijil Halał dan Label Halał (Pindaan) 2017 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sułtan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam Warta Kerajaan.  
(2) Tarikh-tarikh yang berlainan boleh ditetapkan bagi peruntukan-peruntukan yang berlainan Perintah ini atau bagi maksud-maksud yang berlainan peruntukan yang sama.

Pindaan bab I dari S 3912005

2. Bab 1 dari Perintah Sijil Halał dan Label Halał, 2005, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda dengan memansuhkan ceraian (2) dan mengantikannya dengan ceraian baru yang berikut —

"(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah "Suatu Perintah untuk mengadakan peruntukan bagi dan mengawal selia pengeluaran Sijil Halał dan permit berkaitan dengan produk halał dan perkhidmatan dan bagi perkara-perkara yang berhubungan atau bersampingan dengannya".

Pindaan bab 2

3. Bab 2 dari Perintah utama, adalah dipinda —
  - a) dalam takrifan "pemohon" dengan memasukkan 4A" sejurus sebelum "atau.."
  - b) dalam takrifan "bungkusan" dengan memotong "makanan" dari baris pertama dan mengantikannya dengan "produk";
  - c) dalam takrifan "tempat perniagaan" —

---

<sup>155</sup> Perlembagaan Brunei Darussalam (Perintah Dibuat Di bawah Perkara 83 (3)) Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan), 2017.

- (i) dalam perenggan (a)f dengan memotong "makanan" dan mengantikannya dengan 'produk',
  - (ii) dalam perenggan (b), dengan memotong "makanan" dari baris akhir kedua dan mengantikannya dengan "produk";
- d) dengan memasukkan sejurus selepas takrifan "menyediakan" dua takrifan baru yang berikut \_\_

“produk” termasuk makanan dan barang makanan tetapi tidak termasuk produk kewangan;

“kemudahan pemprosesan produk” bermakna mana-mana tempat atau premis atau mana-mana bahagiannya yang digunakan untuk membuat memproses, menyediakan, menyimpan atau membungkus produk bagi maksud mengedarkan kepada pemberong dan peruncit atau untuk dieksport;”.

### Penggantian bab 3

4. Bab 3 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut — "Sijil Halal

Apabila dipamerkan di mana-mana tempat perniagaan, sijil itu hendaklah bermakna seperti yang berikut —

- (a) dalam hal makanan, makanan yang berkenaan dengannya sijil itu merujuk \_\_
  - (i) bukan merupakan atau tidak terdiri daripada atau mengandungi mana-mana bahagian atau bahan daripada binatang yang dilarang oleh Hukum Syara' untuk dimakan oleh orang Islam atau yang tidak disembelih menurut Hukum Syara';
  - (ii) tidak mengandungi mana-mana bahagian badan manusia atau derivatifnya;
  - (iii) tidak mengandungi apa-apa jua yang dianggap sebagai najis, atau syubhah, menurut Hukum Syara';
  - (iv) telah disediakan dengan menggunakan suatu alatan yang bebas daripada apa-apa jua yang dianggap sebagai najis, atau syubhah, menurut Hukum Syara';
  - (v) tidak memudaratkan kesihatan dan sesuai dimakan oleh manusia; dan
  - (vi) semasa menyediakan atau menyimpan, tidak bersentuhan atau berdekatan dengan sebarang makanan yang gagal mematuhi perenggan kecil (i), (iii),

(iv) atau (v) dan apa-apa jua yang dianggap sebagai najis, atau syubhah, menurut Hükum Syara'.

(b) dalam hal perkhidmatan, pengangkutan, penyimpanan atau pembungkusan yang berkaitannya perkhidmatan itu diberikan tidak bersentuhan atau berdekatan dengan apa-apa jua yang dianggap sebagai najisj atau syubhah, menurut Hükum Syara'".

#### Penggantian bab 4

5. Bab 4 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Sijil Halal bagi penyediaan makanan

(2) (1) Bagi maksud-maksud bab 31 mana-mana orang yang memiliki suatu perniagaan menyediakan makanan untuk dimakan oleh manusia di suatu tempat selain daripada kemudahan pemprosesan produk hendaklah memohon kepada Majlis bagi suatu sijil dalam borang dan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.

(2) Pemohon adalah dikehendaki membuat satu permohonan bagi —

(a] setiap jenis perniagaan;

(b] setiap tempat perniagaan berkaitan dengan sebarang perniagaan yang mempunyai lebih daripada satu tempat perniagaan.

(3) Bagi maksud ceraian (1), permohonan hendaklah dibuat —

(a] dalam hal suatu perniagaan yang telah beroperasi sejak sebelum permulaan kuat kuasa Perintah inil dalam tempoh 6 bulan dari permulaan kuat kuasa Perintah ini;

(b] dalam hal suatu perniagaan yang beroperasi pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, dalam tempoh 6 bulan dari tarikh ia mula beroperasi.

(4) Bagi mengelakkan keraguan, kehendak permohonan yang akan dibuat dalam tempoh 6 bulan sebagaimana yang disebuikan dalam ceraian (3) tidak termasuk kehendak bahawa pemohon hendaklah memiliki suatu sijil dalam tempoh itu.

(5) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000 if dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$ 100 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.”.

#### Pemasukan bab 4A baru

6. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 4 bab baru yang berikut —

"Sijil Halal bagi perkhidmatan

4A. (1) Bagi maksud-maksud bab 3, Majlis boleh mengeluarkan suatu sijil bagi sebarang perkhidmatan berhubung dengan mana-mana tempat perniagaan.

(2) Permohonan bagi suatu sijil hendaklah dalam borang dan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.”.

#### Pindaan bab 5

7. Bab 5 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan 'atau bab 4A(1)" sejurus selepas "4" dalam baris pertama.

#### Pindaan bab 6

8. Bab 6 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraian (1) dengan memasukkan "atau bab 4A" sejurus selepas "4" dalam baris ketiga.

#### Pindaan bab 7

9. Bab 7 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraian (3) dengan memasukkan "4A," sejurus sebelum "5".

## Penggantian bab 9

10. Bab 9 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut \_

### "Label Halal

9. (1) Apabila digunakan berkenaan dengan produk semasa menjalankan perdagangan atau perniagaan, Label Halal hendaklah bermakna bahawa produk tersebut \_

- (a) bukan merupakan atau tidak terdiri daripada atau mengandungi mana-mana bahagian atau bahan daripada binatang yang dilarang oleh Hukum Syara' untuk dimakan oleh orang Islam atau yang tidak disembelih menurut Hukum Sya';
  - (b) tidak mengandungi mana-mana bahagian badan manusia atau derivatifnya;
  - (c) tidak mengandungi apa-apa jua yang dianggap sebagai najis, atau syubhah, menurut Hukum Syara'•
  - (d) telah disediakan dengan menggunakan suatu alatan yang bebas daripada apa-apa jua yang dianggap sebagai najis, atau syubhah menurut Hukum Syara';
  - (e) tidak memudaratkan kesihatan dan sesuai dimakan atau digunakan oleh manusia;
  - (f) semasa menyediakan atau menyimpan, tidak bersentuhan atau berdekatan dengan sebarang produk yang gagal mematuhi perenggan (a),(b), (d) atau (e) dan apa-apa jua yang dianggap sebagai najis, atau syubhah, menurut Hukum Syara'.
- (2) Label tersebut hendaklah dalam bentuk sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Majlis dan hendaklah dalam bentuk label, teg, jenama, tanda, bahan bergambar atau berperihalan lain, yang ditulis, dicetak, distensil, ditanda, dilukis, dicetak timbul, ditera atau dipahat di atas, dilampirkan pada, dimasukkan di dalam yang tergolong dalam atau yang disertakan dengan, apa-apa produk itu.”.

## Penggantian bab 10

11. Bab 10 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut —

"Permohonan dan kehendak permit

IO. (1) Bagi maksud-maksud bab 9, mana-mana orang yang memiliki suatu perniagaan menyediakan makanan di kemudahan pemprosesan produk —

(a) dalam hal makanan yang disediakan di Negara Brunei Darussalam, hendaklah memohon kepada Majlis;

(b) dalam hal makanan yang disediakan di luar Negara Brunei Darussalam, boleh memohon kepada Majlis,

bagi suatu permit, dalam borang dan hendaklah mematuhi kehendak, sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.

(2) Bagi maksud-maksud bab 9, mana-mana orang yang memiliki suatu perniagaan menyediakan suatu produk selain daripada makanan di kemudahan pemprosesan produk boleh memohon kepada Majlis bagi suatu permit dalam borang dan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Majlis.

(3) Pemohon adalah dikehendaki membuat satu permohonan bagi setiap jenis makanan atau produk.

(4) Bagi maksud ceraian-ceraian (1) dan (2), permohonan hendaklah dibuat —

(a) dalam hal suatu perniagaan yang telah beroperasi sejak sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini, dalam tempoh 6 bulan dari permulaan kuat kuasa Perintah ini;

(b) dalam hal suatu perniagaan yang beroperasi pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini, dalam tempoh 6 bulan dari tarikh ia mula beroperasi.

(5) Bagi mengelakkan keraguan, kehendak permohonan yang akan dibuat dalam tempoh 6 bulan sebagaimana yang disebutkan dalam ceraian (4) tidak termasuk kehendak bahawa pemohon hendaklah memiliki suatu permit dalam tempoh itu.

(6) Mana-mana orang yang melanggar ceraian adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8 000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$ 100 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.”.

Pemasukan bab IOA baru

12. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 10 bab baru yang berikut —

"Kuat kuasa di luar negeri

IOA. (1) Jika pemegang permit adalah —

- (a) seorang rakyat Negara Brunei Darussalam;
  - (b) seorang penduduk tetap; atau
  - (c) suatu badan korporat yang didaftarkan atau diperbadankan di bawah sebarang undang-undang bertulis lain di Negara Brunei Darussalam melakukan, di luar Negara Brunei Darussalam, apa-apa perbuatan yang akan, jika dilakukan di Negara Brunei Darussalam, menjadi suatu kesalahan terhadap bab 37, pemegang permit itu adalah melakukan suatu kesalahan.
- (2) Pemegang permit yang melakukan suatu kesalahan terhadap ceraian (1) boleh dikenakan hukuman yang sama yang dia sepatutnya dikenakan sekiranya dia disabitkan atas suatu kesalahan terhadap Perintah ini.”.

Pindaan bab 11

13. Bab 11 dari Perintah utama adalah dipinda —

- (a) dengan memotong "ceraian (1) bab 10" dari baris pertama dan menggantikannya dengan "bab-bab 10(1) dan (2)";
- (b) dengan memotong "makanan" dan menggantikannya dengan "produk".

### Pindaan bab 12

14. Bab 12 dari Perintah utama adalah dipinda — (a) dalam ceraian ( 1 ) —
- (i) dengan memotong "ceraian (1) bab 10" dari baris ketiga dan menggantikannya dengan "bab-bab 10(1) dan (2)",
  - (ii) dengan memotong "makanan" dari baris akhir kedua dan menggantikannya dengan "produk";
- (b) dalam ceraian (2) , dengan memotong "makanan" dari baris ketiga dan baris keempat dan menggantikannya dengan "produk".

### Pindaan bab 16

15. Bab 16 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memotong "makanan" dari baris akhir kedua dan menggantikannya dengan "produk".

### Pindaan bab 19

16. Bab 19 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memotong "makanan „dari baris kedua dan baris ketiga dan menggantikannya dengan "produk".

### Pindaan bab 26

17. Bab 26 dari Perintah utama adalah dipinda, dalam ceraian ( 1 ) —
- (a) dalam perenggan (d), dengan memotong "makanan" di mana sahaja perkataan itu terdapat dan menggantikannya dengan "produk";
  - (b) dalam perenggan (e), dengan memotong "makanan' dan menggantikannya dengan "produk";
  - (c) dalam perenggan (f), dengan memotong "makanan' dan menggantikannya dengan "produk".

### Pindaan bab 31

18. Bab 31 dari Perintah utama adalah dipinda —

- (a) dalam tajuk bab, dengan memotong "makanan" dan menggantikannya dengan "produk";
  - (b) dalam ceraian dengan memotong "makanan" dan menggantikannya dengan "produk";
- . /c/dalam ceraian dengan memotong "makanan" dan menggantikannya dengan 'produk'.

#### Pindaan bab 34

19. Bab 34 dari Perintah utama adalah dipinda —

- (a) dalam tajuk bab, dengan memotong "makanan" dan menggantikannya dengan "produk",
- (b) dalam ceraian dengan memotong "makanan" dari baris kedua dan menggantikannya dengan "produk".

#### Pindaan bab 37

20. Bab 37 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan "atau arahan" sejurus selepas "perintah" dalam baris pertama.

#### Penggantian bab 40

21. Bab 40 dari Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan bab baru yang berikut

#### "Hukuman am

40. Mana-mana orang yang melakukan sebarang kesalahan terhadap Perintah ini boleh, sekiranya tiada hukuman lain diperuntukkan, jika sabit kesalahan —

- (a) dalam hal seseorang individu, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$4,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan sebanyak \$ 100 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan; dan

(b) dalam hal suatu badan korporat, dikenakan suatu denda tidak melebihi \$8,000, dan dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan sebanyak \$200 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.”.

Pindaan bab 43

22. Bab 43 dari Perintah utama adalah dipinda —

- (a) dalam ceraian (3), dengan memotong "makanan" dan menggantikannya dengan "produk";
- (b) dalam ceraian (5) —
  - (i) dengan memotong "makanan" dari dua baris pertama dan menggantikannya dengan "atau bahan yang digunakan dalam penyediaan produk itu";
  - (ii) dengan memotong "makanan" dari baris akhir dan menggantikannya dengan "produk".

Pemasukan bab-bab 49A dan 49B baru

23. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 49 dua bab baru yang berikut — "Komposisi kesalahan

49A. (1) Menteri atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya bagi maksud itu boleh, tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkannya patut dikenakan olehnya, mengkompaun sebarang kesalahan terhadap Perintah ini yang ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan memungut daripada orang yang disyaki dengan munasabah telah melakukan kesalahan itu sejumlah wang tidak melebihi \$500.

(2) Setelah mematuhi sebarang syarat tersebut dan setelah membayar jumlah wang tersebut tiada prosiding lanjut boleh diambil terhadap orang itu berkaitan dengan kesalahan itu.

Pengecualian

49B. Majlis boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, tertakluk kepada syaratsyarat sebagaimana

yang mungkin dikenakan olehnya, secara bertulis mengecualikan mana-mana orang atau golongan orang daripada semua atau mana-mana peruntukan Perintah ini.”.

## **2.10 PROSES IMPORT PRODUK KOSMETIK DAN KECANTIKAN DI BRUNEI DARUSSALAM<sup>156</sup>.**

Prospek pasaran makanan halal ini dilihat mampu untuk meningkatkan pendapatan negara dan secara tidak langsung menambah pendapatan pengimport atau pengeksport yang merupakan Muslim dan bukan-Muslim. Kemasukan produk import ke dalam negara ini telah memberi kesan kepada pengurusan pemantauan dan penguatkuasaan bagi menjamin status kehalalan produk makanan yang diimport. Oleh itu, pendekatan pengurusan sesebuah organisasi haruslah sentiasa holistik dan komprehensif kerana ia memerlukan tanggungjawab yang berterusan bagi menjamin status kehalalan produk import yang dipasarkan. Walau bagaimanapun, kesan daripada pengimportan makanan halal ke dalam negara telah membawa kepada beberapa isu utama iaitu pemalsuan dan penyalahgunaan sijil dan logo halal, serta ketidakpatuhan produk makanan import yang mengandungi bahan yang tidak halal.

Kedai-kedai dan gedung-gedung perniagaan di negara ini juga telah diberi garis panduan agar mengasingkan barang-barang bukan makanan untuk orang Islam di tempat yang khas supaya tidak mengelirukan para pembeli dari kalangan orang Islam. Tindakan tegas biasanya diambil ke atas syarikat atau kedai-kedai yang melanggar dan tidak mengambil perhatian akan peraturan yang telah ditetapkan.

Menurut siaran akhbar Kementerian Kesihatan, telah disebutkan bahawa pengimportan produk kosmetik telah dikemas kinikan di negara ini bermula pada 01hb oktober 2021, di mana pengimportan produk kosmetik untuk kegunaan peribadi dengan jumlah pernyataan bernilai di bawah \$200 melalui Pusat Memproses Bungkusan (MPC), Lapangan Terbang Lama Berakas, melalui Express Air Courier Services atau Express Mail Services (EMS) di bawah Skim De Minimis dan yang dibawa sendiri oleh penumpang melalui pos-pos kawalan tidak lagi memerlukan kebenaran import dari Jabatan Perkhidmatan Farmasi dan tidak juga memerlukan Borang Deklarasi Kastam yang diisyiharkan melalui Brunei Darussalam National Single Window (BDNSW).

---

<sup>156</sup> <https://mediapermata.com.bn/proses-import-produk-kosmetik-dikemas-kini>

Manakala produk-produk kosmetik bagi kegunaan peribadi yang dibawa masuk melalui ejen kastam atau runner yang berdaftar melalui mana-mana cawangan atau pos kawalan kastam masih memerlukan pengisytiharan Borang Deklarasi Kastam melalui BDNSW. Penjelasan mengenai proses pengimportan produk kosmetik untuk kegunaan peribadi yang dikawal di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan, dibuat menerusi kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan.

Kementerian Kesihatan memaklumkan lagi bahawa produk kosmetik yang diimport perlulah juga produk yang tidak tersenarai dalam produk yang dilarang di Negara Brunei Darussalam atau produk yang dikawal penggunaannya yang mempunyai bahan-bahan yang tidak terkawal dan beracun.

Produk-produk kosmetik untuk kegunaan peribadi dengan jumlah pernyataan bernilai **\$200 ke atas** yang diimport melalui BIACC, ejen kastam atau *runner* yang berdaftar dikehendaki untuk membuat pengisytiharan Borang Deklarasi Kastam melalui BDNSW. Sementara itu, bagi mana-mana produk kosmetik bagi kegunaan perniagaan dari mana-mana pos kawalan dan BIACC perlulah diisytiharkan melalui BDNSW.

Kementerian Kesihatan seterusnya menyatakan bahawa bagi kelancaran proses pengimportan, pengimport perlulah mematuhi peraturan-peraturan yang berjalan pada masa ini, termasuk melantik ejen kastam atau *runner* yang berdaftar serta maklumat lengkap termasuk dokumen pengenalan produk, label produk dan bahan ramuan.

Di samping itu, borang BDNSW yang telah diluluskan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) yang dilengkappan dengan dokumen sokongan perlulah dihadapkan ke Jabatan Perkhidmatan Farmasi yang beralamat, Bahagian Komplians dan Perlesenan (CLS), Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Tingkat 1, Simpang 433, Lebuhraya Rimba, Kampung Madaras, Mukim Gadong A.

Sehubungan dengan itu, dalam sidang akhbar pada 1hb April 2017<sup>157</sup>, Kementerian Kewangan telah mengumumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha

---

<sup>157</sup>[https://www.mofe.gov.bn/SharedDocuments/customsdepartment/SiaranAkhbarPerubahanKadar-KadarCukai\(BM\).pdf](https://www.mofe.gov.bn/SharedDocuments/customsdepartment/SiaranAkhbarPerubahanKadar-KadarCukai(BM).pdf)

Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi penyelarasan dan perubahan kepada kadar-kadar cukai impot dan eksais yang akan berkuatkuasa mulai 1hb April 2017. Objektif pindaan kepada kadar cukai impot dan cukai eksais ini antaranya adalah bagi mengemaskinikan struktur cukai barang di Negara ini yang akan dapat mendokong beberapa objektif utama; antaranya:

- (i) Bagi meningkatkan daya saing iklim perniagaan dan pelaburan Negara disamping memenuhi komitmen-komitmen tertentu di bawah Perjanjian-Perjanjian Perdagangan Bebas dengan beberapa negara sama ada secara dua hala atau berbagai hala.
- (ii) Pengemaskinian kadar cukai impot dan eksais ini juga turut menasarkan kepada beberapa produk tertentu yang mempunyai beberapa matlamat, antaranya meringankan kos sara hidup terutama bagi golongan-golongan sasaran, menasarkan penurunan harga bagi barang tertentu bagi menggalakkan penggunaannya dan pada masa yang sama untuk mengawal penggunaan barang tertentu dengan matlamat untuk meningkatkan tahap kesihatan dan kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara ini.

Manakala dari aspek kesihatan pula, kadar cukai ke atas beberapa barang yang boleh memudaratkan kesihatan akan dinaikkan bagi mengawal permintaan pengguna, antaranya produk kosmetik, Kecantikan dan minyak wangi. Langkah ini adalah selaras dengan usaha Kementerian Kesihatan dalam merealisasikan hasrat Bersama Ke Arah Warga Sihat.

Keterangan	Sebelum 1hb April 2017		Bermula 1hb April 2017	
	Import	Eksais	Import	Eksais
Produk Kosmetik, Kecantikan dan Minyak Wangi	5%	0%	0%	5%

## **2.11 PANDUAN BAGI MENDAPATKAN LESEN SIJIL HALAL DAN PERMIT HALAL UNTUK MENJUAL PRODUK KOSMETIK DAN KECANTIKAN DI BRUNEI DARUSSALAM.**

Pensijilan halal adalah merupakan dokumen yang dikeluarkan oleh pihak yang berautoriti yang mengesahkan sesuatu produk itu adalah mengikut garis panduan halal haram sebagaimana yang telah ditetapkan oleh agama Islam terutamanya untuk memastikan tidak ada sumber yang haram bercampur dalam kandungan sesuatu produk (Ahmad Hidayat & Zulzaidi, 2012)<sup>158</sup>. Majoriti umat Islam memahami bahawa pensijilan halal adalah berdasarkan hukum syarak manakala tujuan utamanya pula adalah untuk memberi keyakinan kepada pengguna Islam mengenai status halal sesuatu produk baik berupa makanan atau lain-lainnya. Selain daripada itu, pensijilan halal juga dianggap sebagai memenuhi budaya pengguna yang mahukan produk yang memberi kesan kesihatan, selamat dan berkualiti. Apa yang menariknya, pensijilan halal juga dianggap sebagai satu nilai komersial perdagangan iaitu “*marketing tools*” untuk meraih pasaran dalam dan luar negara kerana permintaan ke atas produk-produk halal meningkat seiring dengan peningkatan pengguna Islam di seluruh dunia (Ahmad Hidayat & Zulzaidi, 2012)<sup>159</sup>.

Di Negara Brunei Darussalam, permohonan untuk mendapatkan Sijil Halal adalah mandatori terutama bagi pemilik perniagaan yang berkaitan dengan penyediaan makanan. Permohonan Sijil Halal bagi produk selain makanan seperti produk perubatan bukan oral, produk kosmetik, barang gunaan dan perkhidmatan (logistik) adalah bersifat pilihan dan sukarela.

Antara prosedur bagi mendapatkan sijil halal adalah setiap pemohon hendaklah memastikan tempat perniagaan yang menyediakan makanan itu mempunyai sekurang-kurangnya dua orang penyelia halal yang telah diperakui oleh Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) sebagaimana yang termaktub di dalam Bab 4 (1) Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005 (MUIB, 2007).

Permohonan untuk mendapatkan lesen Sijil Halal dan/atau Permit Halal adalah mandatori bagi pemilik perniagaan yang berkaitan dengan makanan di Negara Brunei

---

<sup>158</sup> Ahmad Hidayat B. & Zulzaidi M. (2012). *Isu dan cabaran badan pensijilan halal di Malaysia*. Jurnal Syariah 20(3): 271-288

<sup>159</sup> Ahmad Hidayat B. & Zulzaidi M. (2012). *Isu dan cabaran badan pensijilan halal di Malaysia*. Jurnal Syariah 20 (3): 271-288

Darussalam. Permohonan Sijil Halal dan/atau Permit Halal bagi produk perubatan bukan oral, produk kosmetik, barang gunaan dan perkhidmatan (logistik) adalah sangat penting untuk menjaga keselamatan para pengguna untuk merasa yakin dalam penggunaan sesuatu produk.

Di bawah adalah agensi kerajaan yang terlibat dalam mengeluarkan perlesenan halal dari segi sijil dan permit dan juga memeriksa penggunaan bahan-bahan dalam produk yang bakal dijual oleh para pemilik perniagaan:

(i) **Bahagian Kawalan Makanan Halal, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU)**<sup>160</sup>

Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) selaku urus setia Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dalam meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai halal. Ianya telah dipecahkan kepada dua kategori iaitu:

- a) **Sijil Halal:** Permohonan dikhurasukan dan diwajibkan kepada Penyediaan Makanan termasuk restoran / kafe'; *Food Court, Central Kitchen.*
- b) **Permit Halal (mengeluarkan produk):** Permohonan dikhurasukan dan diwajibkan kepada Penyediaan Makanan di kemudahan pemprosesan makanan termasuk Kilang Pemprosesan Produk Makanan.

Proses pensijilan halal di Negara Brunei Darussalam melibatkan kepatuhan para pemohon terhadap apa jua garis panduan yang berkaitan dengan pensijilan halal termasuk memenuhi keperluan dalam piawai Brunei Darussalam PBD 24:2007 mengenai makanan halal. Antara prosedur utama yang juga perlu dipenuhi oleh pemohon untuk membolehkan proses pensijilan Sijil Halal berjalan lancar adalah setiap pemohon dikehendaki untuk mendapatkan borang permohonan di kaunter Bahagian Kawalan Makanan Halal (BKMH) atau di laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) di samping menyertakan salinan dokumen yang dikehendaki dan seterusnya borang dan dokumen yang lengkap dikembalikan ke kaunter BKMH bagi penelitian lanjut.

Antara inisiatif Majlis Ugama Islam Brunei bersama dengan Bahagian Kawalan Makanan Halal, Jabatan Hal Ehwal Syariah dalam meningkatkan efisiensi

---

<sup>160</sup> <https://business.mofe.gov.bn/PresentationSlides/TatacaraPermohonanPensijilanHalal.pdf>

perkhidmatan kepada pelanggannya, kedua-dua jabatan ini memperkenalkan komitmen meluluskan Sijil Halal dan Permit Halal dalam tempoh 45 hari kalendar bagi setiap permohonan.


Senarai dokumen yang perlu disertakan bagi permohonan Sijil Halal dan Permit Halal Negara Brunei Darussalam adalah sebagaimana yang terdapat di dalam rajah 1 berikut:

No	DOCUMENTS REQUIRED	Restaurants / Food Court / Cafes	Food products	Traditional Medicine / Health Supplement	Cosmetics	Pharmaceuticals
1	Copy of Owner's Identity Card / Passport	✓	✓	✓	✓	✓
2	Owner's passport sized photo(2 copies)	✓	✓	✓	✓	✓
3	Copy of Business Registration Certificate (16 & 17)	✓	✓	✓	✓	✓
4	Halal Supervisor (minimum of 2)	✓	✓	✓	✓	✓
	• Copy of Identity Card / Passport	✓	✓	✓	✓	✓
	• Passport sized photo (2 copies)	✓	✓	✓	✓	✓
	• Medical Certificate	✓	✓	✓	✓	✓
5	List of Products / Menu	✓	✓	✓	✓	✓
6	List of Ingredients	✓	✓	✓	✓	✓
7	List of Ingredients for each products		✓	✓	✓	✓
8	Product's Flowchart and Halal Critical Control point (Halal CCP)		✓	✓	✓	✓
9	Halal Certificate / Halal declaration for ingredients	✓	✓	✓	✓	✓
10	Specification of packaging		✓	✓	✓	✓
11	Premise floor plan	✓	✓	✓	✓	✓
12	Location plan of Business premise	✓	✓	✓	✓	✓
13	Front page copy of Halal Manual File	✓	✓	✓	✓	✓
14	Documents from Department of Pharmaceutical Services, MOH:					
	• Certificate of Product Licence					✓
	• Manufacturing Licence			✓		✓
	• Letter of Clearance			✓		
	• Letter of acknowledgment of cosmetic product notification				✓	
15	Good Manufacturing Practice (GMP) Certificate				Optional but recommended	
	Good Manufacturing Practice (GMP) statement / declaration					✓

**Rajah 1:** Senarai dokumen yang perlu disertakan bagi permohonan Sijil Halal dan Permit Halal Negara Brunei Darussalam<sup>161</sup>.

<sup>161</sup> <https://www.mora.gov.bn/SitePages/Permohonan%20Sijil%20Halal%20dan%20Permit%20Halal.aspx>.

Berikut pula adalah di antara proses-proses yang perlu dipatuhi oleh setiap permohon bagi mendapatkan perlesenan pensijilan halal dan permit halal yang sah mengikut undang-undang di Negara Brunei Darussalam:



**Rajah 2:** Prosedur memohon Sijil Halal dan Permit Halal Negara Brunei Darussalam<sup>162</sup>.

<sup>162</sup> <https://www.mora.bn/SitePages/Permohonan%20Sijil%20Halal%20dan%20Permit%20Halal.aspx>.

Permohonan pensijilan halal di Brunei boleh dibuat terus kepada Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB). Permohonan adalah secara manual dengan mengisi sendiri borang yang berkaitan. Tiada bayaran dikenakan bagi setiap permohonan.

Pemohon atau pemilik premis tidak semestinya beragama Islam. Namun pemilik premis perlu memastikan ramuan yang diperlukan dalam penyediaan dan penghasilan produk adalah 100% halal. Pemilik premis juga dikehendaki melantik sekurang-kurangnya dua orang penyelia daripada kalangan pekerjanya.

Penyelia ini dibayar gaji oleh pemilik premis itu sendiri namun perlu bekerjasama dengan BKMH. Penyelia ini perlu melepassi ujian bertulis dan lisan yang ditetapkan oleh BKMH. BKMH akan merekodkan nama setiap orang penyelia ini bagi memudahkan urusan pemantauan nanti. Peranan penyelia ini adalah penting kerana sebagai wakil BKMH, mereka perlu melaporkan sebarang ketidakpatuhan yang wujud di premis tersebut.

Penyelia ini diberikan taklimat dan bimbingan serta kesedaran akan tanggungjawab sebagai wakil rasmi BKMH. Ujian secara bertulis dan lisan diadakan sebagai syarat utama menjadi penyelia selain kelayakan utama perlu beragama Islam. Ini disebabkan oleh soalan ujian adalah berkait rapat dengan agama Islam seperti rukun Islam, dan sebagainya.

Permohonan sijil halal boleh ditolak oleh MUIB jika sekiranya syarat pelantikan penyelia tidak dipatuhi selain daripada faktor kesihatan dan kebersihan. Tidak dinafikan terdapat permohonan yang ditolak disebabkan oleh faktor kesihatan dan kerjasama. Jabatan kesihatan dipertanggungjawabkan memeriksa kesihatan pekerja. Pekerja yang didapati tidak sihat tidak dibenarkan menjadi pelayan dan bekerja di restoran. Bilangan penyelia yang tidak mencukupi dua orang juga boleh menyebabkan permohonan ditolak selain daripada ramuan yang mencurigakan status halalnya.

Selepas tiga bulan permohonan dibuat, Juruaudit Pematuhan Halal akan dilantik daripada kalangan kakitangan kerajaan di bawah Garis Panduan Pensijilan untuk Sijil Halal dan label Halal Brunei Darussalam (BCG Halal). Individu yang kompeten atau berkebolehan secara teknikal dalam mengaudit prosedur dan keperluan Halal terutamanya dalam bidang teknologi pemprosesan makanan dilantik secara formal oleh Menteri atas perkenan Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan

Negara Brunei Darussalam sebagai pemeriksa di bawah Perintah Sijil Halal dan label Halal, 2005.

Setiap lantikan audit terdiri daripada 4 orang atau sekurang-kurangnya 3 orang yang diketuai oleh pegawai agama dan pegawai teknikal yang terdiri daripada pegawai makanan dan pegawai sains. Dua orang penyelia yang dilantik oleh premis dan diperakui oleh MUIB akan membantu juruaudit daripada segi pelaporan dokumen seperti lesen dan sijil-sijil lain.

Audit lapangan ke restoran atau premis perlu dijalankan bagi mengenal pasti jenis ramuan yang digunakan. Laporan kepada jawatankuasa pemeriksaan akan dibuat dan satu mesyuarat kemudiannya diadakan bagi membincangkan permohonan ini. Jawatankuasa pemeriksaan kemudiannya membuat laporan kepada Majlis Ugama Islam Brunei.

Apabila MUIB meluluskan permohonan ini, maka BKMH akan mengeluarkan sijil dan permit halal. Sijil dan permit perlu ditandatangani oleh MUIB sebelum diserahkan kepada pemohon. Pemohon yang diluluskan oleh Majlis akan dikenakan bayaran tiga puluh ringgit (B\$30) bagi setiap Sijil Halal dan lima puluh ringgit (B\$50) bagi setiap permit Halal. Bagaimanapun sijil Halal hanya sah dalam tempoh satu tahun dari tarikh ia dikeluarkan dan pembaharuan Sijil Halal hendaklah dibuat tidak kurang dari 30 hari sebelum tarikh tamat tempoh. Bayaran untuk memperbaharui atau menggantikan sijil halal adalah B\$30.00. Setelah permit halal dikeluarkan, Label Halal hendaklah digunakan pada setiap bungkusan atau kotak makanan yang berkenaan.

Pemegang permit boleh memohon kebenaran Majlis berkaitan perubahan terhadap pemilikan perniagaan atau terhadap perkara-perkara lain. Juruaudit akan menjalankan audit pematuhan terhadap tempat perniagaan dan menganalisis sebarang makanan dan satu laporan hendaklah dihadapkan oleh juruaudit kepada jawatankuasa. Permit baharu akan dikeluarkan dengan kebenaran kepada pemohon menggunakan Label Halal pada bungkusan makanan tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkan wajar oleh Majlis.

Secara puratanya proses permohonan sijil halal di Brunei mengambil masa sekurang-kurangnya tiga bulan. Namun terdapat usaha untuk mempercepatkan tempoh permohonan tersebut kepada sebulan berbanding sebelum ini yang mengambil masa sehingga setahun.

Proses permohonan pensijilan halal ini terhalang semasa audit di lapangan. Oleh itu kerjasama daripada pemohon atau pemilik remis adalah penting. Mesyuarat jawatankuasa pula perlu melibatkan 15 agensi kerajaan seperti wakil dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB), jabatan mufti, jabatan kesihatan, pertanian, jabatan daerah, jabatan bandaran dan banyak lagi. BKMH sebagai wakil syarikat atau premis membentangkan dapatan dan menjawab segala persoalan berbangkit. Mesyuarat berkaitan pensijilan halal pula dilakukan seminggu sekali atau sekurang-kurangnya tiga kali sebulan. Kelewatian juga dijangka berpunca daripada pihak MUIB sendiri.

Sebagaimana yang diperuntukkan dalam Garis Panduan bagi Pensijilan Halal muka surat 9, Majlis setelah menimbangkan dengan sewajarnya laporan Jawatankuasa dan setelah berpuas hati bahawa pemohon telah mematuhi semua prosedur dan keperluan halal dan setelah pembayaran dibuat, sijil Halal akan dikeluarkan kepada pemohon tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Majlis.

Pemohon perlu memohon permit untuk menggunakan Label Halal. Menurut perkara 4.1.2 Garis Panduan bagi Pensijilan Halal, pemohon juga dikehendaki membuat satu permohonan bagi setiap jenis produk makanan. Setiap syarikat atau premis yang memohon sijil halal dan label halal hendaklah mematuhi prosedur dan peraturan Halal seperti yang dinyatakan di Perintah Sijil Halal dan label Halal, 2005; Piawaian Brunei Darussalam untuk Makanan Halal PBD 24; 2007 dan BCG Halal 1.

Label halal ini mulai diguna pakai pada tahun 2008. Setiap syarikat atau premis akan diberikan garis panduan bagaimana mencetak logo atau label ini pada produk. Namun terdapat rungutan daripada sesetengah syarikat yang mengadu bahawa logo ini sukar dicetak pada permukaan tin. Oleh itu kerja menampal diperlukan yang dianggap leceh dan menyukarkan.



**Rajah 3:** Label Halal di bawah Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005

Premis yang didapati tidak patuh kepada prosedur dan peraturan yang telah ditetapkan adalah amat serius. Tindakan penguatkuasaan yang tegas juga setimpal dengan jenis ketidakpatuhan. Ia pula kebanyakannya digunakan di restoran-restoran. Jadi kekangan masa untuk menganalisis setiap perincian bahan kerana kemasukan barang ini tertakluk di bawah kawalan Kementerian Kesihatan Brunei dan bukan kawalan BKMH sendiri.

Kefahaman masyarakat Islam di Brunei tentang halal tidak diketahui secara menyeluruh disebabkan oleh kurangnya kajian berkaitannya dilakukan oleh penyelidik tempatan. Pematuhan terhadap pensijilan halal di Brunei menjadi lebih berkesan apabila ia turut melibatkan pelantikan penyelia yang bertanggungjawab membantu usaha pemantauan. Brunei sepatutnya dicontohi daripada segi pelaksanaan prosedur pensijilan halal apabila mewajibkan pelantikan penyelia yang mematuhi syarat yang telah ditetapkan. Isu halal haram amat dititikberatkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei apabila setiap perincian berkaitan dengan sijil halal dan permit halal dinyatakan dalam buku garis panduan bagi Pensijilan Halal.

#### **2.11.1 PERLAKSANAAN DENDA KOMPAUN BAGI KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH PERINTAH SIJIL HALAL DAN LABEL HALAL, 2005**

Dalam kesalahan-kesalahan yang terkandung di dalam Bab 6 (4) & Bab 12 (3), telah mengatakan bahawa pengungkapan halal, ditanggung halal atau makanan Islam atau sebarang ungkapan lain yang menunjukkan atau mungkin difahami sebagai menunjukkan bahawa orang Islam adalah dibenarkan menurut agama mereka untuk memakan makanan itu, selain dari Sijil Halal yang disebut bab 9 dan yang berkaitan dengannya suatu permit telah dikeluarkan adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika disabitkan kesalahan dikenakan suatu denda yang **tidak melebihi dari \$8,000**, dihukum penjara selama suatu tempoh yang **tidak melebihi dari 2 tahun** atau **kedua-duanya sekali**.

Ketidakpatuhan kepada kehendak dan syarat sijil halal dan permit halal boleh mengakibatkan sijil halal dan permit halal **“digantung (suspend)”** mengikut jenis ketidakpatuhan seperti sanitasi dan kebersihan, perubahan yang belum mendapat kebenaran daripada MUIB dan pencemaran najis.

(ii) Kementerian Kesihatan Brunei Melalui Borang Notifikasi Produk Kosmetik<sup>163</sup>.

Aspek perubatan adalah antara keperluan penting setiap umat Islam yang mana ia tidak terlepas daripada isu hukum halal dan haram. Umum mengetahui Islam menegaskan agar umat Islam mengambil yang halal dan meninggalkan yang haram, had ini diletakkan adalah bagi memastikan kehidupan yang lebih sempurna (Lokman, 2002).

Sehubungan itu, penentuan status halal dan permit halal sesuatu produk kosmetik dan kesihatan perlu melihat kepada sumber bahan asas, bahan tambahan dan proses logistik yang terlibat. Penggunaan sumber asas daripada bahan haram atau najis perlu dipastikan berlakunya proses istihalah secara keseluruhan yang mana ia mengubah semua zat asal.

Di bawah kementerian ini, mana-mana pengimutan dan penjualan produk kosmetik mestilah terlebih dahulu mendapatkan **Surat Penerimaan Notifikasi Produk Kosmetik serta Borang Senarai Semak Bagi Syarikat yang menghantar Borang Notifikasi Produk Kosmetik** sebelum produk-produk tersebut diimport dan dijual di Negara Brunei Darussalam<sup>164</sup>. Produk-produk kosmetik di Negara Brunei Darussalam dikawal di bawah Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 yang diselaraskan dengan ASEAN Cosmetic Directive (ACD). Semua pengimport produk kosmetik mesti menghantar Borang Notifikasi kepada Unit Kosmetik, Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan bagi setiap produk kosmetik sebelum ianya diimport atau dipasarkan.

Notifikasi Produk Kosmetik ini adalah garis panduan yang menerangkan tentang keperluan untuk prosedur notifikasi, dan tanggungjawab pengimport atau pengilang produk kosmetik seperti yang ditetapkan dalam peraturan. Ia melibatkan pengisytiharan awal pematuhan oleh pengimport atau pengilang sebelum meletakkan produk kosmetik di pasaran tempatan. Produk kosmetik hanya boleh dipasarkan selepas menerima surat akuan makluman daripada Pihak Berkuasa. Borang notifikasi kosmetik ini sangat berguna untuk para pemohon melampirkan borang tersebut bersama borang permohonan sijil halal dan permit halal yang di dapat dari MUIB

---

<sup>163</sup><http://www.moh.gov.bn/SiteCollectionDocuments/ImportingCosmetic/Guidelines-on-Cosmetic-Products-Notification-Procedures.pdf>

<sup>164</sup>[http://www.moh.gov.bn/SharedDocuments/ImportingCosmetics/forms\(updatedAugust2019\)/Senaraisemakbagisyarikatyangmenghantarborangnotifikasiproduk0kosmetik20V2.1.pdf](http://www.moh.gov.bn/SharedDocuments/ImportingCosmetics/forms(updatedAugust2019)/Senaraisemakbagisyarikatyangmenghantarborangnotifikasiproduk0kosmetik20V2.1.pdf)

sebagai salah satu senarai semak yang perlu dipatuhi. Oleh itu, syarikat yang mendapat notifikasi perlu bertanggungjawab dalam memastikan kualiti dan keselamatan produk kosmetik di pasaran selari dengan konsep *Thayyiban*.

Tempoh sah untuk notifikasi ini adalah sama ada satu tahun atau dua tahun atau 3 tahun dan pengimport atau pengilang perlu memperbaharui notifikasi produk kosmetik mereka sekiranya ingin terus memasarkan produk kosmetik mereka di Negara Brunei Darussalam. Produk kosmetik yang **TIDAK MEMENUHI SYARAT** akan **DITARIK BALIK** dan tidak dibenarkan untuk **DIJUAL, DIEDAR** dan **DIIMPORT** ke Negara Brunei Darussalam.

Berikut adalah di antara proses-proses yang perlu dipatuhi oleh setiap pemohon bagi mendapatkan perlesenan melalui Borang Notifikasi Produk Kosmetik<sup>165</sup> yang sah mengikut undang-undang di Negara Brunei Darussalam:

## 2.11.2 RAJAH SENARAI SEMAK BAGI SYARIKAT YANG MENGHANTAR BORANG NOTIFIKASI PRODUK KOSMETIK<sup>166</sup>.



<sup>165</sup> Lampiran A: Borang Notifikasi Produk Kosmetik

<sup>166</sup><http://www.moh.gov.bn/MOHLibrary/PharmacyDocuments/FINALPROSEDURNOTIFIKASIPRODUKKOSMETIKLEAFLET.pdf>

**2.11.3 RAJAH AKTA DAN REGULASI YANG DITADBIRKAN OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN BRUNEI<sup>167</sup>.**

No.	Act/Order and Regulations	Commencement Date	Objectives
10	<i>Medicines Order, 2007</i>	<i>1 January 2008 (for Cosmetic Products) 1 January 2010 (for Medicinal Products)</i>	<i>An Order to regulate the importation, registration, promotion, advertisement, clinical trial, transport, manufacture, storage and dispensing and sale of medicinal products and cosmetic products.</i>
10a	<i>Medicines (Cosmetic Products) Regulations, 2007</i>	<i>1 January 2008</i>	<i>These Regulations provide for the regulation of importation, registration, promotion, advertisement and sale of cosmetic products in Brunei Darussalam.</i>
10b	<i>Medicines (Licensing, Standard Provisions and Fees) Regulations, 2010</i>	<i>1 July 2010</i>	<i>These Regulations provide for the issue of licenses – product, import, manufacture and wholesale - for medicinal products in Brunei Darussalam.</i>
10c	<i>Medicines (Labelling) Regulations, 2010</i>	<i>1 July 2010</i>	<i>Medicinal products in particular dispensed medicinal products by medical practitioners or dentists are required to be labelled accordingly.</i>

<sup>167</sup> <http://moh.gov.bn/SitePages/ActsandRegulations.aspx>

## **2.11.4 PERLAKSANAAN DENDA KOMPAUN BAGI KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH PERINTAH UBAT, 2007<sup>168</sup>.**

Kementerian Kesihatan dalam usahanya untuk memastikan keselamatan dan kesihatan rakyat serta penduduk di Negara Brunei Darussalam sentiasa terjamin, sekali lagi menekankan bahawa adalah menjadi kesalahan di bawah Perintah Ubat, 2007 dan Peraturan-peraturan di bawahnya bagi mana-mana individu atau syarikat (termasuk penjualan secara online seperti melalui Facebook dan sebagainya) yang mengimport, mengilang, mengedar, mengiklan dan menjual produk-produk ubat-ubatan termasuk ubat tradisional, suplemen kesihatan dan produk kosmetik tanpa ada kebenaran dari pihak Kementerian Kesihatan.

Di bawah Seksyen 77 Perintah Ubat 2007, Pihak Berkuasa boleh mengeluarkan denda kompaun bagi sebarang kesalahan terhadap Perintah ini atau di bawah sebarang aturan yang dibuat di bawahnya dengan memungut daripada orang yang telah melakukan kesalahan itu suatu jumlah wang tidak melebihi dari BND2,000.00.

Kementerian Kesihatan juga telah memaklumkan kepada para pengguna bahawa sejak 01 Jun 2018 yang lalu, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan denda kompaun tersebut terhadap individu-individu atau syarikat yang telah didapati melanggar kesalahan-kesalahan di bawah Perintah Ubat, 2007 dan Peraturan-peraturan di bawahnya.

Objektif perlaksanaan denda kompaun ini adalah sebagai salah satu langkah bagi memantapkan pengawalan penjualan, dan pembekalan produk ubat-ubatan, ubat tradisional, suplemen dan produk kosmetik dan seterusnya memastikan produk-produk yang dipasarkan mematuhi keperluan undang-undang yang berkuatkuasa, di samping memastikan hanya produk yang berkualiti dan selamat sahaja boleh digunakan dan dipasarkan di negara ini.

Kementerian Kesihatan telah menegaskan agar para pengguna untuk sentiasa berwaspada apabila mendapatkan rawatan perubatan, kesihatan dan Kecantikan terutama yang memberikan kaedah rawatan klinikal dan juga yang memberikan testimoni boleh merawat mana-mana penyakit. Di samping itu, para pengguna juga

---

<sup>168</sup> <http://www.moh.gov.bn/Lists/Latest%20news/NewDispForm.aspx?ID=223>

diingatkan supaya jangan mudah terpedaya membeli produk suplemen kesihatan dan kosmetik iklan dan promosi yang berlebihan di laman media sosial yang tidak diketahui kesahihannya.

Perintah Ubat 2007 bertujuan bagi mengawalselia pengimportan, pendaftaran, promosi iklan, percubaan klinikal, pengangkutan, pengilangan, penyimpanan, pendispensan, dan penjualan produk ubat dan produk kosmetik. Matlamat utama peruntukan-peruntukan di bawah Perintah Ubat, 2007 ini adalah bagi memastikan produk-produk ubat dan produk-produk berkaitan yang dipasarkan dan digunakan di Negara Brunei Darussalam adalah selamat, berkualiti, berkesan dan tidak memudaratkan.

Justeru itu, kajian ilmiah ini berobjektif untuk mengenal pasti definisi undang-undang dari sudut pandangan Islam dan Konvensional di samping mengenal pasti agensi-agensi penguatkuasa Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang bertanggungjawab ke atas penjualan produk ubat-ubatan dan kosmetik yang ditegah di premis perniagaan dan media sosial di bawah Perintah Ubat, 2007.

#### **2.11.5 BAHAN-BAHAN RACUN BERJADUAL UBAT-UBAT YANG TIDAK DIISYTIHARKAN<sup>169</sup>.**

Bahan-bahan yang tersenarai di bawah ini adalah rajah bahan-bahan yang dilarang penggunaannya di Negara Brunei Darussalam disebabkan ianya didapati telah dicemari dengan bahan racun berjadual, ubat barat atau bahan terkawal yang tidak diisyiharkan.

Bahan-bahan pencemar yang didapati di dalam produk-produk kecantikan dan kesihatan yang dilarang boleh menyebabkan kesan-kesan mudarat yang membahayakan kesihatan. Berikut adalah sebahagian daripada bahan-bahan pencemar yang sering dikesan di dalam produk-produk kesihatan<sup>170</sup>.

---

<sup>169</sup> <http://moh.gov.bn/SitePages/BannedMedicines.aspx>.

<sup>170</sup> *Ibid.*

<b>Bahan-bahan Pencemar</b>	<b>Kesan-kesan yang akan dihadapi</b>
Acetaminophen / Paracetamol	kerosakan hati, kegagalan buah pinggang, koma dan akhirnya kematian.
Lidocaine	pening, kebas, kekeliruan, masalah pernafasan, tekanan darah menurun, degupan jantung yang perlahan dan hipersensitiviti
Mercury	kulit kebas, sakit kepala, ruam, perubahan warna kulit serta kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf.
Phenolphthalein	cirit-birit serta kehilangan air dan mineral dari badan secara berlebihan.
Phenobarbital	tekanan darah yang rendah, ataxia, gangguan pada tingkah laku, cepat meradang, kemurungan, kelesuan, halusinasi, alahan pada kulit, hiperaktif terutamanya pada kanak-kanak dan orang tua.
Phenylbutazone, Piroxicam Dan Diclofenac	ulser peptik, pendarahan gastro-usus, loya, muntah-muntah, ruam kulit, kabur penglihatan, edema, penyakit kuning dan kegagalan buah pinggang
Salicylic Acid	kulit terasa gatal, kering dan merah.
Bisacodyl	kekejangan perut, merasa mual, muntah-muntah, ciritt-birit dan hypokalaemia (tahap potassium yang rendah).
Sibutramine	memudaratkan jantung dan hati.

Kementerian Kesihatan tidak pernah mengeluarkan kebenaran ke atas pengimportan dan penjualan produk-produk yang mengandungi bahan-bahan tersebut. Sehubungan dengan pencemaran ini, bahan-bahan berkenaan adalah dilarang untuk digunakan di negara ini.

## 2.12 KESIMPULAN

Merujuk kepada ulasan karya kajian-kajian lepas membolehkan rangka kerja kajian dan hipotesis kajian ini terbentuk. Agama Islam mempunyai garis panduan dan peraturan dalam semua aspek kehidupan termasuklah perkara yang berkaitan dengan halal haram dalam produk kecantikan dan kesihatan. Semua garis panduan itu telah dijelaskan di dalam al-Quran dan hadits Rasullullah Shallallahu ‘alaihi wassalam dan diperincikan dengan pandangan-pandangan para ulama terdahulu dan sekarang.

Islam mempunyai garis panduan dan peraturan dalam semua aspek kehidupan termasuklah perkara yang berkaitan dengan makanan dan pemakanan halal. Garis panduan ini memastikan orang Muslim menjadi pemilih dalam memilih makanan. Oleh itu, setiap Muslim yang beriman dengan kitab Allah hanya akan memakan makanan yang bersih, berkhasiat dan selamat bagi membentuk tubuh badan yang sihat dari segi fizikal serta spiritual. Pemahaman dan keperluan kepada ketentuan makanan dan pemakanan halal yang berlandaskan al-Quran dan sunnah serta pendapat para ilmu amat penting dan menjadi panduan oleh pengguna serta pengeluar produk halal.

Namun begitu, masih terdapat ramai di kalangan umat Islam yang masih mengambil mudah dan tidak mengambil berat tentang soal halal dan haram ini. Ianya adalah menjadi kewajiban setiap pengguna yang beragama Islam untuk menggunakan produk, sama ada bersifat pemakanan, penggunaan atau perkhidmatan yang memenuhi piawaian syariah. Terma ‘*halal*’ perlu seiring dengan terma ‘*thayyib*’, dan gabungan terma ‘*halalan thayyiban*’ ini bersifat amat komprehensif di mana penentuan status kehalalan tersebut bukan sekadar berasaskan kepada kandungannya semata-mata, bahkan bermula daripada sumber asalnya sehingga kepada cara pemprosesan dan penghasilannya

Sehubungan ini, pihak pengusaha perniagaan dan masyarakat secara umumnya adalah memainkan peranan yang penting dalam membentuk akhlak yang mulia melalui amalan penggunaan produk yang benar halalnya lagi baik dalam kehidupan seharian. Maka dari itu, dengan adanya sijil halal dan label halal beserta

akta dan undang-undang yang sedia ada, pihak pengguna tidak perlu lagi bersusah payah membuat penelitian terhadap barang yang dibeli. Bahkan permintaan terhadap produk halal juga di seluruh dunia semakin meningkat dari tahun ke tahun. Termasuk juga permintaan dari kalangan pengguna bukan Islam mendapat perhatian seluruh dunia.

Keinginan pengguna hari ini lebih mementingkan kecantikan diri sebagai satu keperluan dan bersedia membayar harga yang tinggi untuk mendapatkan sesuatu produk (Sanep Ahmad 2014)<sup>171</sup>. Namun, Islam mesti dilaksanakan secara komprehensif oleh pengikutnya dalam semua aspek kehidupannya termasuk masalah ekonomi. Makna penggunaan dalam Islam adalah memenuhi keperluan baik secara fizikal dan rohani untuk memaksimumkan fungsi kemanusiaannya sebagai hamba Allah SWT untuk mendapatkan kemakmuran atau kebahagiaan di dunia dan akhirat (Amri Amir, 2013)<sup>172</sup>.

Malah, tidak dapat dinafikan juga bahawa Kerajaan Negara Brunei Darussalam, pihak-pihak berkepentingan juga telah berkerjasama bertungkus lumus dan berusaha secara habis-habisan dalam pembangunan industri halal. Wawasan Brunei 2035 ini tidak akan tercapai melainkan jika kerajaan dan syarikat akan lebih berkerjasama untuk memastikan keselamatan dan kesucian dari pelbagai bahan-bahan yang digunakan dalam produk kecantikan dan kesihatan khususnya dan industri halal secara amnya.

Walaubagaimanapun, tidak dapat menolak sama sekali adanya ruang bagi sesetengah orang untuk masih merasa ragu dengan kualiti kehalalan produk-produk yang dijual. Tidak dapat disangkal banyak faktor yang boleh sahaja merubah sesuatu yang diyakini halal menjadi syubhah dan meragukan. Jika ini terjadi, maka tinggalkan sahaja adalah lagi baik daripada mendekatinya.

Seterusnya, untuk masyarakat tidak terus terkeliru dengan situasi penggunaan label, pihak berwajib perlu mengambil langkah proaktif. Contohnya, mungkin dapat disampaikan maklumat dalam bentuk yang mudah dan istilah yang difahami oleh segenap lapisan masyarakat berbanding dengan istilah-istilah saintifik. Paling tidak

---

<sup>171</sup> Sanep Ahmad. (2014) *Ketekalan Gelagat Pengguna Muslim Terhadap Status Halal: Ke Arah Strategi Berkesan Promosi Produk Halal*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-9, hlm. 736 – 746

<sup>172</sup> Amri Amir. (2013). *Teori konsumsi Islam* dalam wordpress.com.

masyarakat mengharapkan senarai atau maklumat dihebahkan secara saksama dan berkesan. Pelabelan yang baik seharusnya perlu meyakinkan dan berasa selamat dengan makanan yang dipilih serta mampu membeli mengikut keperluan sama ada untuk tujuan kesihatan, harga atau lain-lain. Malahan pelabelan makanan dapat dilihat sebagai salah satu cara bagi mengawal tindakan pengeluar makanan yang cuba untuk mendapatkan hasil keuntungan dengan pelbagai cara seperti menggunakan bahan-bahan tiruan ataupun terlarang atau bahan berkualiti rendah yang boleh memudaratkan kesihatan pengguna. Kerajaan sewajarnya perlu meningkatkan aspek penguatkuasaan dengan mempelbagaikan cara dan langkah bagi melatih agensi penguatkuasaan di negara ini.

Dalam hal ini, pengkaji berpendapat walaupun pengguna membuat pemilihan kosmetik dan kecantikan berdasarkan penguasaan namun secara komprehensifnya pengguna perlu memilih yang baik dan halal terlebih dahulu, berbanding pilihan terhadap produk yang haram atau shubhah.

# BAB KETIGA


## METODOLOGI KAJIAN

### 3.1 PENGENALAN

Menurut Othman Mohamed (2001), metodologi merupakan prosedur yang sistematis menggabungkan penyesuaian pendekatan kajian serta analisis data yang sealiran dengan peraturan tersendiri bagi memastikan prestasi kajian penyelidikan dapat dicapai dengan baik dan sempurna.

Dalam bab ini, metodologi kajian merujuk kepada bagaimana kajian ini dijalankan. Pengkaji telah menggariskan beberapa metodologi tertentu selaras dengan tajuk yang dipilih iaitu dengan menggunakan kaedah kualitatif. Dalam bab ini, pengkaji akan membincangkan secara ringkas reka bentuk kajian yang akan digunakan, bagaimana data akan dikumpulkan serta membincangkan populasi serta teknik persampelan yang terlibat dalam mengenalpasti informan atau responden kajian. Selain itu, pengkaji juga akan menjelaskan mengenai instrumen, prosedur kajian dan analisis data secara ringkas.

Pengkaji juga telah mengadaptasi model *konteks-input-proses-produk* (KIPP) ini untuk membina satu kerangka konseptual pembinaan instrumen yang menggambarkan hubungan antara KIPP. Rajah 4 menunjukkan kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini.



**Rajah 4:** Kerangka konseptual yang digunakan dalam kajian ini.

### **3.2 PROSEDUR KAJIAN**

Sebelum memulakan kajian ini, pengkaji terlebih mendapatkan kelulusan untuk bidang dan tajuk kajian yang dipilih daripada Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (PPHT, UNISSA). Surat kebenaran bagi membuat kajian pada beberapa tempat yang melibatkan Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi yang berkenaan juga dipohonkan melalui Pusat Pengajian Siswazah (PPS, UNISSA). Setelah mendapatkan kebenaran daripada pihak Pusat Pengajian Siswazah, pengkaji akan membuat jadual untuk temu janji dengan responden iaitu beberapa pegawai atau pihak yang berkenaan bagi mengadakan sesi temu bual. Jadual temu janji akan diberikan kepada responden supaya mudah untuk menjalankan kajian mengikut kesesuaian masa di antara pengkaji dan responden. Selain itu, responden yang terlibat juga akan dimaklumkan bahawa ujaran-ujaran perbualan semasa sesi temu bual akan dirakam dan diperhatikan. Hal ini adalah bertujuan bagi mendapatkan data-data yang tulen sewaktu perbualan. Aspek yang dikaji dan objektif kajian juga akan dimaklumkan kepada responden setelah mengumpulkan data-data yang diperlukan.

### **3.3 REKA BENTUK KAJIAN**

Reka bentuk kajian ialah perancangan yang menentukan cara kajian dijalankan untuk menemukan jawapan kepada permasalahan yang telah ditetapkan<sup>173</sup>. Ini bererti reka bentuk kajian adalah satu kaedah bagi memudahkan pengkaji mendapatkan maklumat dan data yang berhubung dengan tujuan kajian dijalankan dan menjawab beberapa soalan tertentu yang ditimbulkan oleh permasalahan penyelidikan yang dikenal pasti. Ia melibatkan beberapa aspek kajian seperti cara perlaksanaannya. Ia juga menetapkan persampelan, pengukuran dan penganalisan data<sup>174</sup>.

Memandangkan kajian ini merupakan satu kajian Teori “Grounded”, ia melibatkan proses yang berulang-ulang<sup>175</sup>. Ia adalah merupakan reka bentuk kajian

---

<sup>173</sup> Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan (esei, proposal dan tesis)*, utusan Publications dan Distributors Sdn Bhd, Kuala Lumpur. Hlm. 25

<sup>174</sup> Sulaiman Masri. (1997). *Komunikasi Berkesan Jilid 2, Penulisan Memo, Surat, Iklan dan Laporan (Minit Mesyuarat)*, Penerbit Fajar Bakti, Malaysia. Hlm. 25

<sup>175</sup> M Chairul Basrun Umanailo. (2018). *Teknik Praktis Grounded Theory Dalam Penelitian Kualitatif*. p. 4.

pilihan utama pengkaji untuk membina teori tentang fenomena yang ingin dikaji dengan lebih mendalam tentang punca permasalahan yang dihadapi secara khusus.

Seterusnya pengkaji akan membincangkan mengenai metodologi kajian yang merujuk kepada bagaimana kajian ini dijalankan, reka bentuk kajian yang akan digunakan, bagaimana daptan data akan dikumpulkan serta membincangkan populasi serta teknik persampelan yang terlibat dalam mengenalpasti informan atau responden kajian. Selain itu, pengkaji juga akan menjelaskan mengenai instrumen yang digunakan, prosedur kajian dan analisis data secara ringkas.

### **3.4 KAEDAH PENGUMPULAN DATA**

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif. Menurut Moleong (2007) bahawa kualitatif adalah penelitian yang bermaksud untuk memahami fenomena tentang apa yang dialami oleh subjek penelitian misalnya perilaku, perspsi, motivasi, tindakan dan lain-lain, secara holistik dan dengan cara deskripsi dalam bentuk kata-kata dan Bahasa, pada suatu konteks khusus yang alamiah dan dengan memanfaatkan berbagai metod alamiah<sup>176</sup>.

Data kajian diperolehi melalui tiga (3) sumber iaitu melalui kaedah kajian perpustakaan, kaedah temubual yang dijalankan dengan menemubual beberapa pegawai daripada agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengawalselia produk kecantikan dan kesihatan di Negara Brunei Darussalam.

#### **3.4.1 Kajian Kepustakaan**

Pengkaji mengumpulkan data-data melalui dokumen-dokumen dan bahan-bahan bercetak yang dapat menyumbangkan maklumat serta penjelasan mengenai penyelidikan yang dijalankan pada peringkat awal. Demikian itu, pengkaji dapat menggunakan data-data dan fakta-fakta yang berkaitan melalui buku-buku, jurnal, majalah, kajian ilmiah dan apa juu dokumen yang berkaitan.

Melalui kajian ini, pengkaji telah menggunakan perpustakaan sebagai tempat untuk mendapatkan maklumat-maklumat melalui buku-buku dan artikel-artikel yang

---

<sup>176</sup> Moleong. (2007). *Metodologi Penelitian Kualitatif*, Remaja Karya, Bandung, hlm. 6

bersesuaian dengan tajuk kajian sebagai rujukan dan panduan sepanjang kajian dijalankan. Selain daripada Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali, pengkaji juga menggunakan perpustakaan Universiti Brunei Darussalam, Perpustakaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, Perpustakaan Bahagia Penyelidikan dan Perkembangan Jabatan Hal hwal Masjid, Bahagian Perpustakaan dan Teknologi Maklumat Jabatan Hal Ehwal Masjid, Perpustakaan Pusat Dakwah Islamiyyah Brunei, Perpustakaan Ismail bin Omar Abdul Aziz Jame' ‘Asr Hassanal Bolkiah dan Perpustakaan Jabatan Mufti Kerajaan Brunei. Melalui buku-buku tersebut, pengkaji dapat menghuraikan isi-isi yang berkaitan dengan tajuk kajian serta membuat kesimpulan.

### **3.4.2 TemuBual**

Di samping kajian dokumen, pengkaji juga menggunakan pendekatan kaedah kualitatif menerusi kaedah temubual bersama beberapa informan daripada Pihak Berkuasa yang bertanggungjawab dan agensi lain yang terlibat dalam menangani isu produk kecantikan dan kesihatan yang ditubuhkan di bawah Perintah Ubat 2007.

Temubual adalah satu proses untuk mendapatkan maklumat secara terus daripada informen atau responden. Ia dianggap sebagai interaksi dua hala secara bertentangan mata atau melalui media perantara digital seperti perhubungan telefon atau sidang video<sup>177</sup>. Maka, untuk mengungkayahkan temubual ini, pengkaji akan menggunakan aplikasi *zoom* oleh kerana pada masa ini penyebaran penyakit *Covid-19* sebagai langkah berjaga-jaga dan pencegahan yang bersesuaian dengan *Standard of Operation (SOP)* yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Brunei Darussalam.

Cannell dan Kahu (1968) juga mentakrifkan temu bual sebagai perbualan di antara dua pihak melalui inisiatif penemu bual dengan tujuan memperolehi maklumat yang relevan untuk kajian dan difokuskan kajian olehnya, sesuatu kandungan spesifik ditentukan seperti objektif deskripsi, ramalan, atau huraihan dengan cara sistematik. Kaedah temu bual diklasifikasikan kepada dua jenis iaitu temu bual berstruktur dan temu bual tidak berstruktur. Dalam proses temu bual berstruktur, penemubual

---

<sup>177</sup> Saidatul Nornis Hj Mahali dan Sim Chee Cheang. (2015). *Asas Penulisan tesis*, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia, hlm. 125.

menggunakan soalan temu bual yang disediakan sebagai panduan. Manakala, temu bual tidak berstruktur iaitu proses temu bual berlaku secara tidak rasmi dan lebih fleksibel kerana penemu bual tidak menyediakan dan berpandukan kepada soalan yang ditetapkan<sup>178</sup>.


Pengkaji akan membuat permohonan terlebih dahulu di Pusat Pengajian Lepasan Ijazah bagi memohon kebenaran untuk menemubual beberapa pegawai daripada Pihak Berkuasa dan agensi-agensi lain yang terlibat di bawah Perintah Ubat 2007, untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan di mana bentuk dan kandungan soalan-soalan yang ditanya adalah terhad dan berkaitan dengan tajuk kajian sahaja. Tempoh temu bual memakan masa dua jam atau lebih dan kemungkinan kurang dari masa yang ditetapkan mengikut keadaan dan ruangan masa pegawai yang akan ditemubual.

Di dalam sesi temubual juga, pengkaji akan merakam perbualan dengan menggunakan aplikasi rakaman yang terdapat di dalam telefon bimbit atau rakaman yang terdapat di dalam aplikasi *zoom* untuk memudahkan pengkaji mentranskrip semula setiap perbualan untuk dianalisis. Temubual biasanya dilaksanakan dengan cara yang berbeza mengikut kegemaran dan keperluan pengkaji. Ia boleh dikategorikan kepada tiga jenis, iaitu temubual berstruktur, temubual semi-struktur dan temubual tidak berstruktur. Bagi memudahkan pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang baharu, dan soalan-soalan lain yang berkaitan dengan tajuk kajian mungkin akan ditambah semasa sesi temubual. Dari itu, pengkaji akan menggunakan kaedah temubual berstruktur, yang mana kaedah ini akan memudahkan pengkaji untuk bertanyakan soalan-soalan mengikut keperluan kajian yang telah disediakan. Sampel juga diberikan hak kebebasan untuk bercerita bagi mengongsikan maklumat yang lebih lagi bagi membantu mencapai objektif kajian.

---

<sup>178</sup> Abdul Hakam Hengpiya. (2014). *Penyelidikan Kurikulum dan Pengajaran, Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam*, hlm. 179

Proses pengumpulan data bagi kualitatif adalah seperti berikut:



### 3.5 POPULASI DAN SAMPEL KAJIAN

Menurut Noraini Idris (2010), persampelan merupakan suatu proses memilih kumpulan individu untuk sesuatu penyelidikan daripada suatu kumpulan individu yang mewakili kumpulan besar yang dipilih. Sampel dalam penyelidikan pula ialah kumpulan yang menjadi sumber informasi yang diperlukan. Sampel kajian ini terdiri daripada dua kumpulan responden, iaitu:

- (i) Kumpulan responden pertama ialah beberapa orang pegawai yang bertugas daripada pihak berkuasa yang terlibat di bawah Perintah Ubat 2007;
- (ii) Kumpulan responden kedua ialah agensi-agensi yang bukan kerajaan yang terpilih tertakluk kepada ruangan masa yang mereka ada.

### 3.6 METOD ANALISIS DATA

Analisis bermaksud aktiviti untuk memperolehi maklumat yang berguna daripada data mentah. Data pula ialah bahan mentah yang tidak memberi sebarang maklumat yang berguna tentang sesuatu masalah kajian kecuali setelah dianalisis. Oleh yang demikian,

penganalisisan dan melibatkan aktiviti manipulasi seperti mengatur, memilih, menggabung dan menjadualkan<sup>179</sup>.

Menurut Creswell (2008) mendefinisikan metode penelitian kualitatif sebagai suatu pendekatan atau penelusuran untuk mengeksplorasi dan memahami suatu gejala sentral. Untuk mengerti gejala sentral tersebut, peneliti mewawancara peserta penelitian atau partisipan dengan mengajukan pertanyaan yang umum dan agak luas. Informasi kemudian dikumpulkan yang berupa kata maupun teks. Kumpulan informasi tersebut kemudian dianalisis. Hasil akhir penelitian kualitatif dibuat dalam bentuk laporan tertulis.

Dalam data kualitatif, pengkaji secara umumnya akan menggunakan metode induktif iaitu dengan menggunakan sumber primer yang dikumpul sendiri daripada sampel-sampel yang telah ditetapkan. Metode induktif ialah satu proses penganalisisan data khusus kepada umum dan sebagai proses penghuraian kepada pencapaian sesuatu kesimpulan daripada fakta-fakta atau data yang bersifat khusus.

### **3.7 INSTRUMEN KAJIAN**

Dalam kajian ini, pengkaji adalah juga sebahagian utama daripada instrument kajian dalam memungut data. Pengkaji akan menggunakan kaedah temubual sebagai instrument kajian dan dengan berpandukan persoalan kajian, pengkaji akan mengolah sendiri soalan temubual yang berkaitan dengan tajuk kajian untuk mendapatkan maklumat secara langsung daripada peserta kajian.

Instrumen kajian dibina bertujuan untuk membantu mendapatkan maklumat yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian, sama ada instrument tersebut dibina sendiri, atau menggunakan alat kajian yang sedia ada, ataupun mengubahsuai serta menggabungkan dengan instrumen kajian yang sedia ada (Creswell, 2003).

Justeru, dalam kajian ini, pengkaji akan memungut data kajian dengan menggunakan temubual berstruktur kepada beberapa pihak pegawai yang di pilih. Di mana tujuan pengkaji memilih temu bual berstruktur adalah supaya sampel-sampel

---

<sup>179</sup> [http://studentsrepo.um.edu.my\\_Bab1-5\\_Pdf](http://studentsrepo.um.edu.my_Bab1-5_Pdf)

yang ditemui bual ini tidak akan tersasar ketika menjawab soalan-soalan yang telah ditetapkan oleh pengkaji bagi mendapatkan dapatan kajian yang lebih padat.

### **3.8 KESIMPULAN**

Keseluruhannya, bab 3 ini telah dijelaskan berkenaan dengan metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Metodologi kajian ini adalah sebagai proses menyelidik objektif kajian dan menganalisis, membuat laporan oleh pengkaji kajian sebagai kajian yang dinilai dan diperiksa oleh penyelia. Penyelidikan yang dijalankan dengan berstruktur seperti prosedur kajian, reka bentuk kajian, instrument kajian, populasi dan sampel kajian dan metod analisis data. Kesemuanya adalah bertujuan bagi menjamin kesahan terhadap data yang diperolehi di sepanjang proses kajian dan analisis yang dilaksanakan.

## BAB KEEMPAT

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 PENGENALAN

Pengkaji telah menggunakan kaedah temu bual berstruktur dan rujukan untuk mendapatkan data bagi menjawab objektif kajian. Sebanyak dua soalan berstruktur bagi setiap objektif telah dikemukakan dan pengkaji telah membuat ulasan berdasarkan soalan yang telah dibina bagi memudahkan analisis mengenai isu produk kecantikkan dan kesihatan mengikut undang-undang Negara Brunei Darussalam.

#### 4.2 INFORMAN KAJIAN<sup>180</sup>

Pengkaji cuma dapat menemu bual 6 orang responden. Atas dasar itu, ianya telah dibahagikan kepada 2 kumpulan seperti berikut:

- (i) Kumpulan responden pertama ialah 3 orang pegawai yang bertugas daripada pihak berkuasa yang terlibat di bawah Perintah Ubat 2007;
  - **Informan 1 (KI1)** iaitu Pemangku Ketua Unit Siasatan Khas, Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei,
  - **Informan 2 (KI2)** iaitu Pegawai dalam Bahagian Dasar dan Antarabangsa (BDA), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja,
  - **Informan 3 (KI3)** iaitu Pegawai dalam Bahagian Kawal Selia Produk, Jabatan Perkhidmatan Farmaseutikal, Kementerian Kesihatan.
- (ii) Kumpulan responden kedua ialah syarikat-syarikat yang berkaitan iaitu 3 orang agensi-agensi yang bukan kerajaan yang terpilih tertakluk kepada ruangan masa yang mereka ada;
  - **Informan 4 (KI4)** iaitu Pengurus Puriayu Total Beauty Skin Salon,
  - **Informan 5 (KI5)** iaitu Pengurus Syarikat Pakatan Indah,
  - **Informan 6 (KI6)** iaitu Pengurus Forever Living Products Brunei.

---

<sup>180</sup> Pengkaji cuma dapat menemu bual 6 orang responden daripada 20 orang jumlah keseluruhan bagi kedua-dua kumpulan disebabkan sampel yang selebihnya itu tidak memberi respon dalam masa yang telah ditetapkan.

#### 4.3 DATA-DATA YANG BERKAITAN DENGAN OBJEKTIF 1.

##### Objektif 1: Memahami Undang-Undang yang diamalkan Mengikut Negara Brunei Darussalam

###### Soalan dan Respon Temubual Berstruktur Bagi Kumpulan Agensi Kerajaan

Bil	Soalan	KI1	KI2	KI3
1	Berapa lamakah proses penelitian pihak agensi ini bagi menilai bahan-bahan yang terkawal bagi setiap produk kecantikan dan kesihatan?	<i>Bukan di bawah bidang tanggungjawab pihak Pasukan Polis Diraja Brunei.</i>	-24 jam setelah dihadapkan ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED). -Proses penelitian ini tertakluk kepada jumlah barang yang dinyatakan di dalam 1 Borang Deklarasi, secara purata mengambil masa kira-kira 30 minit.	Tekad pemedulian orang ramai (TPOR) bagi penilaian bagi permohonan notifikasi produk kosmetik adalah 8 hari berkerja sementara TPOR bagi pemohonan kebenaran mengimport bagi produk suplemen kesihatan adalah 21 hari berkerja.
2	Apakah isu-isu yang telah berlaku atau yang sedang berlaku berkaitan dengan undang-undang produk kecantikan dan kesihatan di NBD?	<i>Media sosial amat lah luas penggunaannya dalam sama-sama memantau, menilai dan menyalurkan maklumat kepada pihak Kerajaan jika terdapatnya produk-produk yang diragui keselamatannya di negara ini.</i>	<i>Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja bukan agensi yang bersesuaian untuk memberikan maklum-balas mengenai perkara ini.</i>	Terdapat juga beberapa produk yang dibenarkan di pasarkan di negara ASEAN lain akan tetapi tidak mendapat kebenaran di negara ini disebabkan oleh bahan campuran yang tidak diistihar dengan bahan yang tidak dibenarkan.

**Soalan dan Respon Temubual Berstruktur Bagi Kumpulan Agensi Bukan Kerajaan**

<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>	<b>KI4</b>	<b>KI5</b>	<b>KI6</b>
1	Berapa lamakah proses penelitian pihak agensi ini bagi menilai bahan-bahan yang terkawal bagi setiap produk kecantikan dan kesihatan?	<i>Meneliti ingredients setiap jenis produk kecantikan dan kesihatan, di uji di bahagian farmasi, Kementerian Kesihatan Brunei, terlebih dahulu yang masa lebih kurang 1 tahun</i>	<i>Proses penilitian mengambil jangka masa 285 hari bekerja</i>	<i>Paling lama setahun tertakluk kepada kecekapan pihak tertentu.</i>
2	Apakah isu-isu yang telah berlaku atau yang sedang berlaku berkaitan dengan undang-undang produk kecantikan dan kesihatan di NBD?	<i>Sering didapati agensi-agensi yang tidak membuat Notification, apply terlebih dulu di bahagian farmasi Kementerian Kesihatan Brunei</i>	<i>Produk-produk yang didapati mengandungi bahan-bahan yang terlarang</i>	<i>Apabila salah memilih produk di pasaran dan terpengaruh dengan iklan di media social tanpa ada pengiktirafan dan kesahihan HALAL sangat merbahayakan kulit serta kesan kepada tubuh badan pengguna</i>

#### 4.4 DATA-DATA YANG BERKAITAN DENGAN OBJEKTIF 2.

**Objektif 2: Mengkaji bagaimana pelaksanaan undang-undang di Negara Brunei**

**Darussalam dalam menangani isu produk kecantikan dan kesihatan**

#### Soalan dan Respon Temubual Berstruktur Bagi Kumpulan Agensi Kerajaan

Bil	Soalan	KI1	KI2	KI3
1	Apakah strategi pihak agensi ini dalam melaksanakan undang-undang di NBD dalam menangani isu produk kecantikan dan kesihatan?	<i>Laporan Polis akan dibuat dan siasatan lanjut akan dilanjutkan oleh PPDB dengan diperbantukan oleh ‘Laporan Pakar’, daripada pihak Kementerian Kesihatan. Ianya dapat menambah lagi kefahaman pegawai penyiasat (PPDB) tentang kes berkenaan dan menguatkan kes.</i>	<i>Dasar dan Undang-Undang adalah dibawah bidangkuasa JPF, MOH</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>-Bertukar-tukar maklumat bersama Negara ASEAN bagi produk-produk yang dilarang.</li> <li>-Membuat pemantauan dan pemeriksaan dipremis-premis penjualan produkproduk yang berkenaan termasuk kedai-kedai, expo-expo jualan, pameran dan sebagainya.</li> <li>-Menyediakan garispandu-garispandu yang bekanaan di dalam laman sesawang Kementerian Kesihatan</li> </ul>
2	Sejauh manakah keberkesanan strategi tersebut?	<i>Bagi pendapat saya, strategi yang sedia ada adalah berkesan dan sangat menggalakkan memandangkan ianya melibatkan ‘multi-agencies’, ianya dapat memudahkan pelan operasi di setiap Operasi Sepadu yang dikendalikan.</i>	<i>Dasar dan Undang-Undang adalah dibawah bidangkuasa JPF, MOH</i>	<i>Strategi-strategi tersebut dilihat sebagai berkesan dengan pengurangan produk yang dijual tanpa kebenaran yang berkenaan daripada Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi.</i>

**Soalan dan Respon Temubual Berstruktur Bagi Kumpulan Agensi Bukan Kerajaan**

<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>	<b>KI4</b>	<b>KI5</b>	<b>KI6</b>
1	Apakah strategi pihak agensi ini dalam melaksanakan undang-undang di NBD dalam menangani isu produk kecantikan dan kesihatan?	<i>Strategi pihak Agensi kami dalam melaksanakan Undang-2 di Brunei dalam menangani isu ini, adalah bahawa Perusahaan kami selalu mentaati peraturan yang ada di Brunei, sehingga selalu mendaftarkan Notifikasi terlebih dahulu ke Bahagian Farmasi.</i>	<i>Semua produk-produk yang akan di import/jual di Brunei adalah dimestikan untuk memohon notifikasi dari BDMCA (Brunei Darussalam Medicines Control Authority). Dalam proses notifikasi, sampel bagi produk adalah di analisis oleh pihak berkuasa.</i>	<i>Patuh kepada Perintah Ubat 2007, Kementerian Kesihatan di negara ini.</i>
2	Sejauh manakah keberkesanannya strategi tersebut?	<i>Keberkesanannya strategi tersebut, adalah merasa tenang, karena tidak melanggar peraturan, dan tidak takut apabila ada pemeriksaan yang mengejut dari pihak Kerajaan.</i>	<i>Tertakluk kepada kerjasama yang ketat diantara kedua pihak agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam mengawal setiap produk yang mengandungi bahan-bahan memudaratkan</i>	<i>100% MESTI melalui segala proses yang melibatkan proses setiap produk mestilah didaftarkan secara mandatori sebelum dipasarkan di Negara Brunei Darussalam</i>

#### **4.5 DATA-DATA YANG BERKAITAN DENGAN OBJEKTIF 3.**

**Objektif 3:** Mengkaji prosedur yang perlu dipatuhi dari awal pengimportan sehingga pemasaran produk kecantikan dan kesihatan mengikut undang-undang kerajaan sebelum dipasarkan di Negara Brunei Darussalam.

#### **Soalan dan Respon Temubual Berstruktur Bagi Kumpulan Agensi Kerajaan**

<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>	<b>KI1</b>	<b>KI2</b>	<b>KI3</b>
1	Berapa lamakah proses yang perlu diambil oleh pihak agensi ini dalam menjalankan prosedur yang perlu dipatuhi?	<i>Bukan di bawah bidang tanggungjawab pihak Pasukan Polis Diraja Brunei.</i>	<i>Proses bagi menghadapkan dan mendapatkan kelulusan Permit Import adalah dibawah bidangkuasa / TPOR di pihak JPF, MOH.</i>	<i>Bagi produk kosmetik, para pengimport dan pengusaha produk diberikan tempoh waktu 'grace period' selama 3 tahun sebelum ianya dilaksanakan secara penuh pada tahun 2011.</i>  <i>Bagi produk kesihatan pengawalan menggunakan Akta Racun bagi mengawal pengimportan dan penjualnya di Negara Brunei Darussalam di bawah peraturan Perintah Ubat.</i>
2	Apakah asas yang diikuti atau dijalankan oleh pihak agensi ini dalam menetapkan prosedur yang perlu dipatuhi dari awal pengimportan sehingga pemasaran Produk Kecantikan dan Kesihatan mengikut undang – undang kerajaan sebelum dipasarkan di NBD?	<i>Bukan di bawah bidang tanggungjawab pihak Pasukan Polis Diraja Brunei.</i>	<i>Berdasarkan kepada undang-undang di bawah bidangkuasa JPF, MOH.</i>	<i>-Bagi produk kosmetik, Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 adalah berdasarkan ASEAN Cosmetic Directive (ACD), -Pada masa ini prosedur yang digunakan bagi produk suplemen kesihatan adalah 'Guideline for application for importation and/or sale of traditional medicine and health supplement</i>

**Soalan dan Respon Temubual Berstruktur Bagi Kumpulan Agensi Bukan Kerajaan**

<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>	<b>KI4</b>	<b>KI5</b>	<b>KI6</b>
1	Berapa lamakah proses yang perlu diambil oleh pihak agensi ini dalam menjalankan prosedur yang perlu dipatuhi?	<i>Masa yang diperlukan/ proses yang diambil dalam prosedur perjalanan adalah memerlukan waktu kurang dari satu tahun sudah dijawab dari pihak Farmasi, Kementerian Kesihatan, Brunei Darussalam.</i>	<i>Registration/Notification – 285 hari bekerja (approx. 1-1.5 tahun sebelum importation)</i>	<i>Paling lama setahun tertakluk kepada kecekapan pihak tertentu.</i>
2	Apakah asas yang diikuti atau dijalankan oleh pihak agensi ini dalam menetapkan prosedur yang perlu dipatuhi dari awal pengimportan sehingga pemasaran Produk Kecantikan dan Kesihatan mengikut undang-undang kerajaan sebelum dipasarkan di NBD?	<i>Asas yang diikuti dan dijalankan pihak perusahaan kami dalam menetapkan prosedur yang dipatuhi dari awal pengimportan, sehingga pemasaran produk, adalah sikap berhati-hati jangan sampai melanggar peraturan pengimportan Kerajaan Brunei Darussalam</i>	<i>Contact/discussion dgn pihak berkuasa (Drug Registration Unit – Madaras floor 1)</i>	<i>Setiap produk yang di import juga sentiasa di pantau oleh pihak bertanggungjawab melalui ibu pejabat. Kewajiban lesen pengimport bagi syarikat pengendalian pengimportan ubat, lesen pengeluar bagi syarikat yang mengendalikan pengeluaran produk ubat dan juga kehalalan setiap produk</i>

#### **4.6 DATA-DATA YANG BERKAITAN DENGAN OBJEKTIF 4.**

**Objektif 4:** Mengkaji peranan setiap agensi kerajaan dan bukan kerajaan yang terlibat dalam mengawalselia produk yang masuk ke Negara Brunei Darussalam.

#### **Soalan dan Respon Temubual Berstruktur Bagi Kumpulan Agensi Kerajaan**

<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>	<b>KI1</b>	<b>KI2</b>	<b>KI3</b>
1	Siapakah/ Agensi apakah yang terlibat dalam mengawalselia produk yang masuk ke NBD?	<i>Sejauh pengetahuan saya, dua Agensi yang berkaitan iaitu Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja.</i>	<i>Mengawalselia di bawah bidangkuasa JPF, MOH. JKED hanya membantu di pintu-pintu masuk (pos kawalan).</i>	<i>-Jabatan Kastam dan Eksais Diraja -Jabatan Polis Diraja Brunei -Brunei Darussalam Food Authority</i>
2	Mohon jelaskan, apakah jenis kerjasama agensi-agensi yang berkaitan dalam mengawalselia Produk Kecantikan dan Kesihatan?	<i>Bagi perkara mengawalselia Produk Kecantikan dan Kesihatan, maklumat-maklumat risikan daripada orang ramai atau secara tular di wahana media sosial dan agensi bukan kerajaan adalah memainkan peranan penting dalam menguatkan kerjasama di antara agensi-agensi yang berkepentingan yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan.</i>	<i>JKED membantu menahan barang-barang yang tidak mempunyai Permit Import daripada pihak JPF, MOH.</i>	<i>Menjalankan pemeriksaan atau operasi' besepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain.</i>

**Soalan dan Respon Temubual Berstruktur Bagi Kumpulan Agensi Bukan Kerajaan**

<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>	<b>KI4</b>	<b>KI5</b>	<b>KI6</b>
1	Siapakah/ Agensi apakah yang terlibat dalam mengawalselia produk yang masuk ke NBD?	<i>Yang terlibat penyeliaan produk ke Negara Brunei, adalah Bahagian Farmasi, Kementerian Kesihatan, dan Bahagian Kastam Negara Brunei Darussalam, dam Agen untuk mengeluarkan barang di Airport Brunei.</i>	<i>BDCMA – Brunei Darussalam Medicines Control Authority</i>	<i>Jabatan Kastam dan Eksais Diraja -Brunei Darussalam Food Authority</i>
2	Mohon jelaskan, apakah jenis kerjasama agensi-agensi yang berkaitan dalam mengawalselia Produk Kecantikan dan Kesihatan?	<i>Adalah Bahagian Farmasi untuk menguji, kandungan yang ada dalam produk kecantikan, Bahagian Kastam untuk memeriksa barang yang dikirim masuk ke Brunei sesuai dengan barang yang dipesan (sesuai dengan Permit-Produk yang terdaftar), dan Agen Declear adalah meengeluarkan barang setelah di chek oleh Bahagian Kastam di Airport.</i>	<i>Prosedur-prosedur seperti yang dinyatakan dalam Regulations of Registration</i>	<i>pihak bertaggungjawab dalam membuat pemeriksaan ke kedai-kedai, cube-cube dan sebagainya memang ramai yang tidak menyenangi atau rasa cemas, tetapi ini sangat penting untuk memberi kesedaran kepada orang awam.</i>

#### 4.7 DATA-DATA YANG BERKAITAN DENGAN OBJEKTIF 5.

**Objektif 5:** Mengkaji tindakan terhadap pesalah yang melanggar segala peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

#### Soalan dan Respon Temubual Berstruktur Bagi Kumpulan Agensi Kerajaan

Bil	Soalan	KI1	KI2	KI3
1	Apakah tindakan yang paling sesuai yang perlu diambil kepada pesalah yang melanggar segala peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan?	<i>Peruntukan undang-undang yang sedia ada iaitu hukuman Pembenjaraan atau Denda atau kedua-duanya sekali</i>	<i>Untuk dikenakan denda yang tinggi kepada penjual barang yang tidak mempunyai lesen / permit import.</i>	<i>Dikenakan kompaun atau di bawa ke mahkamah. Perintah Ubat, 2007</i>
2	Apakah langkah-langkah yang telah, yang sedang atau yang akan diambil oleh pihak agensi ini dalam memberi kesadaran kepada orang ramai akan kesalahan mengimport atau menjual produk kecantikan dan kesihatan yang ditegah di NBD?	<i>Menyiarkan ke wahana media sosial tentang kes-kes yang telah dipanjangkan ke Mahkamah dengan menyatakan jenis kesalahan dan hukuman. Ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai (public awareness) akan risiko mengimport atau menjual produk kecantikan dan kesihatan yang ditegah di negara ini.</i>	<i>-Ditahan dan diarahkan untuk mendapatkan kebenaran (permit) daripada JPF, MOH -Jika telah mendapat kebenaran, hendaklah dihadapkan ke JKED dan bagi barang bercukai untuk dibayar cukainya. -Denda kompaun akan dihadapkan ke mahkamah untuk tindakan selanjutnya.</i>	<i>Kementerian kesihatan akan mengeluarkan siaran akhbar mengenai dengan produkproduk yang didapati dicemari dengan bahan terlarang untuk menasihatkan orang ramai supaya tidak membeli atau mengambil produk berkenaan.</i>

**Soalan dan Respon Temubual Berstruktur Bagi Kumpulan Agensi Bukan Kerajaan**

<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>	<b>KI4</b>	<b>KI5</b>	<b>KI6</b>
1	Apakah tindakan yang paling sesuai yang perlu diambil kepada pesalah yang melanggar segala peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan?	<i>Tindakan yang paling sesuai, yang perlu diambil kepada pesalah yang melanggar, segala peraturan, yang ditetapkan, adalah ditangkap dan didenda, oleh polis, dan Mahkamah, untuk disiasat, agar supaya tidak merugikan masyarakat dan Negara.</i>	<i>Mengikut undang-undang yang sedia ada yang berkaitan dengan kesalahan yang melanggar peraturan.</i>	<i>Denda kompaun dan Penjara atau keduanya sekali.</i>
2	Apakah langkah-langkah yang telah, yang sedang atau yang akan diambil oleh pihak agensi ini dalam memberi kesadaran kepada orang ramai akan kesalahan mengimport atau menjual produk kecantikan dan kesihatan yang ditegah di NBD?	<i>Dengan menampilkan Label perusahaan yang resmi, terdaftar di Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam, dan menampakkan Surat izin resmi/lesen yang masih berlaku di setiap counter.</i>	<i>Penggunaan media social (MoH Pharmacy IG: @pharmacybrunei)</i>	<i>Mempamerkan lesen pensijilan kebenaran penjualan produk dan menggunakan social media yang ada untuk posting setiap bahan-bahan yang digunakan bagi setiap produk baru yang hendak dijual</i>

## **4.8 Diskusi bagi Dapatan Kajian Tentang Pemahaman Undang-Undang Produk Kecantikan Dan Kesihatan Di Brunei Darussalam.**

### **4.8.1 Tempoh Proses Penelitian Mengikut Undang-Undang Di Brunei Darussalam**

Tempoh proses penelitian dalam membuat penilaian bahan-bahan yang terkawal bagi setiap produk kecantikan dan kesihatan sebelum masuk dan dipasarkan di Brunei Darussalam adalah sangat penting bagi memastikan keselamatan dan kebersihan para pembeli terjamin atas dasar kecekapan dan keberkesanan pihak tertentu dalam membuat penilaian yang padu selari dengan undang-undang yang sedia ada.

Justeru itu, hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI1, KI2 dan KI3 secara keseluruhan telah mendapati bahawa Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) dan juga Kementerian Kesihatan adalah agensi-agensi kerajaan yang sangat mengambil peranan dalam mengawalselia produk-produk yang bakal dijual di negara ini. Dengan adanya Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) yang telah ditetapkan dimana JKED mengambil masa kira-kira purata dalam 30 minit bagi satu borang deklarasi yang tertakluk kepada bahan-bahan yang dinyatakan. Bagi permohonan notifikasi produk kosmetik adalah 8 hari berkerja sementara TPOR bagi pemohonan kebenaran mengimport bagi produk suplemen kesihatan adalah 21 hari berkerja di Kementerian Kesihatan.

Hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI4, KI5 dan KI6 secara keseluruhan juga telah mendapati bahawa rata-rata telah mengatakan bahawa proses penelitian mengambil jangka masa 285 hari bekerja iaitu tidak lebih dari 1 tahun untuk mendapatkan penilaian yang teliti dan sahih bagi mengawalselia bahan-bahan yang boleh memudaratkan orang ramai.

### **4.8.2 Isu-Isu Yang Berkaitan dengan Undang-Undang Produk Kecantikan Dan Kesihatan Di Brunei Darussalam**

Penggunaan media sosial yang sangat meluas pada masa kini memang tidak dinafikan banyak menyumbangkan kebaikan dari keburukan terutamanya bagi penjual produk mereka dari aspek teknik pemasaran. Tetapi, ianya juga boleh mendatangkan

keburukan atau isu yang mana kumpulan responden memberi peringatan agar orang ramai untuk sentiasa berhati-hati dan melaporkan jika ada sebarang keraguan dalam iklan-iklan yang telah dipaparkan kerana adanya beberapa penjual yang tidak mendaftarkan produk yang dijual untuk diproses keselamatan dan kehalalannya.

Justeru itu, hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI1, KI2 dan KI3 secara keseluruhan telah mendapati bahawa menurut Kementerian Kesihatan, terdapat juga beberapa produk yang dibenarkan di pasarkan di negara ASEAN lain akan tetapi tidak mendapat kebenaran di negara ini disebabkan oleh bahan campuran yang tidak disyntihar dengan bahan yang tidak dibenarkan. Dalam menangani isu produk dan kesihatan di negara ini, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan memastikan setiap laporan akan dibuat bagi setiap operasi yang dijalankan dan siasatan lanjut akan dijalankan oleh PPDB dengan dibantu oleh ‘Laporan Pakar’ daripada pihak Kementerian Kesihatan. Ianya agar dapat menambah lagi kefahaman pegawai penyiasat (PPDB) tentang kes berkenaan dan menguatkan kes. Kementerian Kesihatan juga akan membuat pemantauan dan pemeriksaan dipremis-premis penjualan produk-produk yang berkenaan termasuk kedai-kedai, expo-expo jualan, pameran dan sebagainya. Menyediakan garispandu-garispandu yang berkenaan di dalam laman sesawang Kementerian Kesihatan agar memudahkan orang ramai secara amnya, penjual secara khususnya untuk mengambil peduli tentang isu-isu semasa dan juga peraturan-peraturan yang patut dipatuhi dalam penjualan produk-produk mereka terutamanya prosedur-prosedur yang telah ditetapkan dan juga hukuman-hukuman denda bagi kesalahan-kesalahan yang dibuat mengikut Perintah Ubat 2007.

Hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI4, KI5 dan KI6 secara keseluruhan juga telah mendapati bahawa bagi agensi bukan kerajaan seperti di sektor swasta iaitu peniaga-peniaga turut memainkan peranan yang penting bagi membantu pihak Kerajaan dalam sama-sama mengawalselia produk-produk kecantikan dan kesihatan sebelum dipasarkan kepada orang ramai. Peniaga-peniaga besar seperti gedung perniagaan atau kedai-kedai runcit tidak begitu membimbangkan kerana barang-barang yang dijual secara puratanya dibekalkan oleh pembekal yang sama dan ianya masuk ke negara ini melalui proses-proses yang betul. Di antara isu yang perlu dibimbangkan ialah peniaga-peniaga secara kecil Perusahaan Kecil Sederhana (SMEs) di mana produk-produk kecantikan atau kesihatan didatangkan melalui

perkhidmatan pos, sempadan (runner) dan sebagainya dan tidak melalui proses yang betul. Peniaga-peniaga ini adalah seperti peniaga di rumah persendirian (home-based), melalui cube di kedai-kedai atau secara tidak sah (penyeludupan) masuk ke negara ini tanpa ada pengiktirafan dan kesahihan halal.

#### **4.9 Perlaksanaan Undang-Undang Di Brunei Darussalam Dalam Menangani Isu Produk Kecantikan Dan Kesihatan**

##### **4.9.1 Strategi Perlaksanaan Mengikut Undang-Undang Di Brunei Darussalam**

Pengurusan strategi memerlukan pihak pengurusan untuk melaksanakan strategi itu dengan adanya pengaruh pengetahuan terhadap strategi pengurusan agar dapat berjalan dengan efektif dan efisin. Dimana ianya bermaksud tahap pengetahuan yang cukup dalam menentukan pencapaian sesebuah strategi yang dirancang dan diurus.

Justeru itu, hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI1, KI2 dan KI3 secara keseluruhan telah mendapati bahawa Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan juga Brunei Darussalam Food Authority, Kementerian Kesihatan adalah Agensi kerajaan yang terlibat dalam mengawalselia produk yang masuk ke Negara Brunei Darussalam. Bagi perkara mengawalselia Produk Kecantikan dan Kesihatan, maklumat-maklumat risikan daripada orang ramai atau secara tular di media sosial dan agensi bukan kerajaan adalah memainkan peranan penting dalam menguatkan kerjasama di antara agensi-agensi yang berkepentingan yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan dengan menjalankan pemeriksaan dan operasi sepadu di premis-premis perniagaan yang dipercayai telah menjual produk yang tidak berdaftar dan dipercayai akan keraguannya dari segi keselamatan dan juga kehalalannya bagi orang ramai untuk menggunakannya. Pihak Kementerian Kesihatan (melalui Lembaga Perubatan Brunei atau lebih dikenali dengan '*Brunei Medical Board*') yang selalunya giat membuat pemantauan dan penyiasatan awal ke atas aktiviti-aktiviti yang menyalahi undang-undang berkaitan produk kecantikan dan kesihatan dan apabila maklumat tersebut dipercayai sahih, kemudian pihak Kementerian Kesihatan akan memanggil pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) untuk membincangkan dan membuat Pelan Operasi (bersama agensi yang berkepentingan) bagi mengadakan Operasi Sepadu dan menjalankan siasatan ke atas pesalah-pesalah yang berjaya ditahan.

Hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI4, KI5 dan KI6 secara keseluruhan juga telah mendapati bahawa setiap responden menyokong dengan melaksanakan dan mematuhi segala prosedur produk-produk yang akan di import/jual di Brunei adalah dimestikan untuk memohon notifikasi dari BDMCA (Brunei Darussalam Medicines Control Authority). Dalam proses notifikasi, sampel bagi produk adalah di analisis oleh pihak berkuasa.

#### **4.9.2 Keberkesanan Perlaksanaan Strategi Mengikut Undang-Undang Di Brunei Darussalam**

Pengetahuan pengurusan strategi yang luas, memberi kesan pada penyelesaian konflik yang berlaku. Jadinya, pihak organisasi harus memahami tentang jenis-jenis isu yang berlaku, memahami penyebab konflik serta bagaimana menguruskan konflik dengan baik supaya dapat kesan yang positif.

Justeru itu, hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI1, KI2 dan KI3 secara keseluruhan telah mendapati bahawa strategi yang sedia ada adalah berkesan dan sangat menggalakkan memandangkan ianya melibatkan ‘multi-agencies’, ianya dapat memudahkan pelan operasi di setiap Operasi Sepadu yang dikendalikan dengan adanya undang-undang yang sedia ada dalam berusaha nengurangkan kadar kes yang melibatkan penjualan produk tanpa kebenaran daripada Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi.

Hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI4, KI5 dan KI6 secara keseluruhan juga telah mendapati bahawa bagi agensi bukan kerajaan seperti di sektor swasta iaitu peniaga-peniaga turut memainkan peranan yang penting bagi membantu pihak Kerajaan dalam sama-sama mengawalselia produk-produk kecantikan dan kesihatan sebelum dipasarkan kepada orang ramai. bagi menangani isu ini, bukan sahaja di peringkat pihak Kerajaan atau bukan Kerajaan (NGO), orang ramai juga memainkan peranan yang penting dalam menyalurkan kegiatan yang mencurigakan atau apa-apa maklumat yang diragui kepada pihak yang berwajib. Justeru, penglibatan bagi kedua-dua pihak agensi kerajaan dan bukan kerajaan adalah sukatan bagi keberkesanan setiap strategi-strategi yang digunakan dalam mengendalikan operasi sepadu agar memastikan pengurangan produk yang dijual tanpa kebenaran yang berkenaan daripada Kementerian Kesihatan melalui Jabatan Perkhidmatan Farmasi.

## **4.10 Prosedur Yang Perlu Dipatuhi Dalam Pemasaran Produk Kecantikan Dan Kesihatan Di Brunei Darussalam**

### **4.10.1 Prosedur Yang Perlu Diikuti Sebelum Dipasarkan Di Brunei Darussalam**

Prosedur adalah diertikan sebagai cara atau tatacara. Prosedur yang perlu dipatuhi dalam pemasaran produk kecantikan dan kesihatan di Negara ini adalah berlandaskan kepada akta racun dibawah peraturan Perintah Ubat.

Justeru itu, hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI1, KI2 dan KI3 secara keseluruhan telah mendapati bahawa tempoh proses yang perlu diambil oleh pihak Kementerian Kesihatan dalam menjalankan prosedur yang perlu dipatuhi di mana para pengimport dan pengusaha produk kosmetik diberikan tempoh waktu 'grace period' selama 3 tahun sebelum ianya dilaksanakan secara penuh pada tahun 2011. Bagi produk kesihatan pula, prosedur pengawalan telah menggunakan Akta Racun bagi mengawal pengimportan dan penjualnya di Negara Brunei Darussalam di bawah peraturan Perintah Ubat.

Hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI4, KI5 dan KI6 secara keseluruhan juga telah mendapati bahawa tempoh masa yang diperlukan/ proses yang perlu diambil bagi mematuhi prosedur adalah memerlukan sekurang-kurangnya satu tahun tertakluk kepada kecekapan dari pihak tertentu sebelum berlakunya pengimportan barang produk untuk dipasarkan di negara ini.

### **4.10.2 Asas Yang Diikuti Dalam Menetapkan Prosedur Sebelum Dipasarkan Di Brunei Darussalam**

Asas yang diikuti dalam memastikan produk kecantikan dan kesihatan yang masuk ke Negara ini terkawal dan selamat sebelum sampai kepada para pembeli adalah perlu patuhi panduan yang telah disediakan oleh pihak Kementerian Kesihatan yang dikuatkuasakan di bawah peraturan Perintah Ubat.

Justeru itu, hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI1, KI2 dan KI3 secara keseluruhan telah mendapati bahawa bagi produk kosmetik, Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 adalah berdasarkan *ASEAN Cosmetic Directive* (ACD), bahkan prosedur yang digunakan bagi produk suplemen kesihatan adalah '*Guideline for*

*application for importation and/or sale of traditional medicine and health supplement’.* Asas ACD ialah menyerahkan tanggungjawab bagi keselamatan produk kosmetik kepada pengimport bagi produk-produk kosmetik yang dijual di negara ini. Kementerian Kesihatan menjalankan pemantauan pasaran ke atas produk-produk kosmetik yang dipasarkan untuk memastikan produk-produk tersebut adalah selamat, berkualiti dan memenuhi keperluan. Berdasarkan hasil kajian, dengan adanya prosedur tersebut, ianya menjadi asas untuk memudahkan agensi bukan kerajaan dikalangan penjual untuk mengikutinya secara teratur dan masa yang telah ditetapkan.

Hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI4, KI5 dan KI6 secara keseluruhan juga telah mendapati bahawa asas yang diikuti dan dijalankan oleh pihak perusahaan dalam mematuhi prosedur yang perlu dipatuhi dari awal pengimportan, sehingga pemasaran produk, adalah sikap berhati-hati dengan memastikan tidak melanggar peraturan pengimportan Kerajaan Brunei Darussalam. Setiap produk yang di import juga sentiasa di pantau oleh pihak bertanggungjawab melalui ibu pejabat. Kewajiban lesen pengimport bagi syarikat pengendalian pengimportan ubat, lesen pengeluar bagi syarikat yang mengendalikan pengeluaran produk ubat dan juga kehalalan setiap produk sepetimana dalam Peraturan Ubat (Produk Kosmetik), 2007 adalah berdasarkan *ASEAN Cosmetic Directive* (ACD), bahkan prosedur yang digunakan bagi produk suplemen kesihatan adalah '*Guideline for application for importation and/or sale of traditional medicine and health supplement’*.

#### **4.11 Peranan Agensi Kerajaan Dan Bukan Kerajaan Dalam Mengawalselia Produk Yang Masuk Ke Brunei Darussalam**

##### **4.11.1 Agensi Yang Terlibat Dalam Mengawalselia Produk Yang Masuk Ke Brunei Darussalam**

Agensi yang terlibat dalam mengawalselia produk-produk yang masuk ke Negara ini adalah berdasarkan kepada hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI1, KI2 dan KI3 secara keseluruhan telah mendapati bahawa Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dalam mengawalselia produk yang masuk ke Negara Brunei Darussalam.

Hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI4, KI5 dan KI6 secara keseluruhan juga telah mendapati bahawa ketiga-tiga responden kumpulan ini menyatakan bahawa Bahagian Farmasi, Kementerian Kesihatan, dan Bahagian Kastam Negara Brunei Darussalam adalah pihak yang utama terlibat dalam penyeliaan produk ke Negara Brunei Darussalam.

#### **4.11.2 Jenis Kerjasama Agensi-Agenzi Yang Terlibat Dalam Mengawalselia Produk Kecantikan Dan Kesihatan**

Kerjasama adalah suatu kegiatan yang dilakukan oleh beberapa individu atau kelompok untuk mencapai suatu tujuan bersama. Kerjasama dalam kelompok sangat diperlukan, agar suatu tujuan yang diinginkan dapat tercapai.

Justeru itu, hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI1, KI2 dan KI3 secara keseluruhan telah mendapati bahawa bagi perkara mengawalselia Produk Kecantikan dan Kesihatan, maklumat-maklumat risikan daripada orang ramai atau secara tular di wahana media sosial dan agensi bukan kerajaan adalah memainkan peranan penting dalam menguatkan kerjasama di antara agensi-agensi yang berkepentingan yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan dengan menjalankan pemeriksaan atau operasi besepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain.

Hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI4, KI5 dan KI6 secara keseluruhan juga telah mendapati bahawa Bahagian Farmasi adalah pihak yang bertanggungjawab untuk menguji kandungan yang ada dalam produk kecantikan dan kosmetik bagi memastikan setiap produk-produk yang bakal di pasarkan di negara ini tidak mengandungi bahan-bahan terlarang dan beracun yang boleh memudaratkan para pembeli. Bahkan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja juga bertanggungjawab untuk membuat pemeriksaan yang teliti yang di kirim masuk ke negara ini sesuai dengan barang yang di pesan (sesuai dengan Permit-Produk yang terdaftar), dan Agen Deklarasi adalah mengeluarkan barang setelah di periksa.

## **4.12 Tindakan Terhadap Pesalah Yang Melanggar Segala Peraturan Dan Undang-Undang Yang Ditetapkan**

### **4.12.1 Tindakan Yang Paling Sesuai Terhadap Pesalah Yang Melanggar Segala Peraturan Dan Undang-Undang Yang Ditetapkan**

Mengawal dan mengurus serta memberikan panduan dalam mengambil tindakan-tindakan yang berkaitan dengan isu-isu warga awam khususnya yang bermasalah dan melanggar peraturan-peraturan Kerajaan atau mana-mana undang-undang Kerajaan yang berkuatkuasa pada masa ini supaya sebarang tindakan yang diambil adalah lebih seragam, adil, cepat, konsisten dan kolektif serta telus.

Justeru itu, hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI1, KI2 dan KI3 secara keseluruhan telah mendapati bahawa tindakan yang paling sesuai yang perlu diambil kepada pesalah yang melanggar segala peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan adalah dengan memperuntukkan undang-undang yang sedia ada dibawah peraturan Perintah Ubat 2007 iaitu hukuman penjara, denda kompaun atau kedua-duanya sekali. Ia nya agar supaya tidak merugikan masyarakat dan negara atas kesalahan yang tidak bermoral ini. langkah-langkah yang telah, yang sedang atau yang akan diambil oleh pihak agensi ini dalam memberi kesadaran kepada orang ramai akan kesalahan mengimport atau menjual produk kecantikan dan kesihatan yang ditegah di negara ini adalah PPDB akan sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama dengan agensi yang berkepentingan terutama pihak Kementerian Kesihatan dalam sama-sama memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kepentingan mengikuti garis panduan dan tatacara mengimport atau menjual produk kecantikan dan kesihatan supaya tidak melanggar mana-mana undang-undang atau peraturan yang mana boleh membahayakan nyawa atau kesihatan orang ramai.

Hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI4, KI5 dan KI6 secara keseluruhan juga telah mendapati bahawa tindakan yang paling sesuai, yang perlu diambil kepada pesalah yang melanggar segala peraturan yang telah ditetapkan adalah ditangkap dan didenda dan dihadapkan ke Mahkamah untuk memberi hukuman yang setimpal mengikut undang-undang yang sedia ada yang berkaitan dengan kesalahan yang dilakukan.

#### **4.12.2 Langkah-Langkah Yang Perlu Diambil Dalam Memberi Kesedaran Kepada Orang Ramai Tentang Kesalahan Mengimport Atau Menjual Produk Kecantikan Dan Kesihatan Yang Ditegah Di Brunei Darussalam**

Kesedaran terhadap undang-undang dalam masyarakat perlu dipupuk dan ditanamkan agar masyarakat akan lebih patuh terhadap undang-undang yang ada, baik itu yang memang tumbuh dan berkembang di masyarakat dan keberadaannya pun diakui oleh masyarakat.

Justeru itu, hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI1, KI2 dan KI3 secara keseluruhan telah mendapati bahawa para penjual juga sangat signifikan dalam memberi kesedaran kepada orang ramai dengan memastikan label dan juga lesen perusahaan yang berdaftar dibawah Kementerian Kesihatan bagi menyakinkan orang ramai tentang kesahihan produk-produk yang dijual di pasaran. Bahkan juga dengan menggunakan media sosial dengan memuat naik iklan-iklan yang bermanfaat yang berkaitan dengan bahan-bahan bagi produk yang ditawarkan kepada pengguna. Di antara langkah-langkah yang pernah dibuat ialah menyiaran ke media sosial tentang kes-kes yang telah dipanjangkan ke Mahkamah dengan menyatakan jenis kesalahan dan hukuman yang telah dijatuhkan (seperti pemenjaraan atau denda atau kedua-duanya sekali). Ini bertujuan untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai (*public awareness*) akan risiko mengimport atau menjual produk kecantikan dan kesihatan yang ditegah di negara ini. Begitu juga, Kementerian Kesihatan akan mengeluarkan siaran akhbar mengenai dengan produk-produk yang didapati dicemari dengan bahan terlarang untuk menasihatkan orang ramai supaya tidak membeli atau mengambil produk berkenaan. Jabatan Perkhidmatan Farmasi menjalankan pemantauan dan pemeriksaan dibawah program pemantauan semasa pasaran (*Post Marketing Surveillance*) iaitu secara rutin berjadual dan mengejut ke atas premis-premis perniagaan seperti kedai runcit, kedai kiub, kiosk, kedai ubat cina, Establishmen kesihatan dan kecantikan, pasar raya dan gerai-gerai petak jualan tempat penganjuran pameran perdagangan ekspo di seluruh empat Daerah di seluruh Negara Brunei Darussalam. Di samping itu, Jabatan Perkhidmatan Farmasi melalui *The Pharmacy Public Education Committee* (PPEC) juga sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang awam tentang produk-produk kosmetik, ubat-ubatan (*Prescription*

*only Medicines*), ubat tradisional dan produk suplemen kesihatan yang selamat, berkualiti dan berkesan.

Hasil dapatan kajian secara temu bual terhadap KI4, KI5 dan KI6 secara keseluruhan juga telah mendapati bahawa dengan menampilkan Label perusahaan yang rasmi yang berdaftar atas kuasa Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam, dan memaparkan Surat kebenaran lesen pengusaha dan lessen pensijilan kebenaran penjualan produk dan menggunakan sosial media yang ada untuk memberikan deskripsi yang padat dan benar bagi setiap bahan-bahan yang digunakan bagi setiap produk baru supaya para pengguna dapat membuat keputusan yang selamat dengan tidak memudarat kesihatan mereka.

## **BAB KELIMA**

### **KESIMPULAN**

#### **5.1 PENGENALAN**

Bab ini akan memaparkan rumusan kajian secara keseluruhan dan membariskan cadangan-cadangan yang boleh dilaksanakan pada masa hadapan berkaitan dengan hasil kajian. Kajian yang menfokuskan kepada isu produk kosmetik dan kesihatan mengikut undang-undang di Negara Brunei Darussalam ini hanya memaparkan hasil kajian yang berdasarkan kepada Bahasa verbal atau Bahasa pertuturan yang digunakan oleh responden-responden yang telah ditemu bual.

Dapatan kajian yang diperolehi dalam Bab 4 akan dibincangkan dalam bab ini berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang telah ditetapkan dalam temu bual berstruktur. Akhirnya, cadangan dikemukakan untuk tujuan kajian lanjutan pada masa akan datang.

#### **5.2 RUMUSAN KAJIAN**

Secara keseluruhannya, pihak agensi kerajaan dan agensi yang bukan kerajaan adalah pihak yang sangat penting dalam memastikan undang-undang yang telah ditetapkan di negara ini Pengaruh globalisasi memberi impak besar kepada sikap dan pandangan setiap individu. Bagaimanapun menyalahkan pengaruh tertentu tanpa mengambil tindakan yang sewajarnya tidak dapat membantu menyelesaikan masalah. Oleh itu kesepadan tenaga bagi pihak yang tertentu amatlah diperlukan. Setiap pihak yang berkaitan perlu memainkan peranan masing-masing semaksimum mungkin. Pemantauan dan pembaikan seharusnya sentiasa dilakukan terhadap dasar atau langkah yang djalankan untuk memastikan produk-produk yang dipasarkan sentiasa berada dilandasan yang betul. Usaha-usaha kesedaran kepada orang ramai ini perlu dipertingkatkan. Mereka perlu didedahkan dengan kesempurnaan yang menuju ke arah jalan kehidupan yang sihat dan selamat.

Islam sebagai ajaran yang dibawa oleh para Nabi dan Rasul membawa misi keselamatan dan kesejahteraan baik di dunia dan akhirat. Hal ini sesuai dengan makna terma Islam sendiri yang berasal dari akar kata Salima dan derivasi kata bentukannya, Salamun, yang berarti keselamatan atau kesejahteraan. Keselamatan adalah sesuatu

yang diiktiraf dalam Islam sebagai hak setiap individu, ini melihat kepada makna kalimah Islam itu sendiri membawa kepada keselamatan dan kedamaian. Namun keselamatan pengguna yang terdapat dalam Islam bukanlah terhad kepada aspek keselamatan fizikal semata-mata, malah keselamatan ini juga meliputi keselamatan akidah dan syariat Islam itu sendiri.

Agama Islam adalah agama yang menganjurkan umatnya untuk sentiasa menjaga dan menjamin keselamatan diri, akal, nyawa, harta dan juga agama. Agama Islam juga menyuruh umatnya supaya berikhtiar sedaya-upaya menghindarkan dan menjauhkan diri daripada segala perkara yang boleh merosakkan dan membawa kebinasaan dengan menjaga lima perkara tersebut. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam surah Al-Baqarah ayat 195 tafsirnya:

***“Dan belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan”***

Produk-produk kosmetik dan kesihatan yang akan digunakan harus sihat dan tidak membahayakan kulit atau diri penggunanya. Produk-produk yang dipilih harus benar-benar selamat untuk digunakan serta bukan dari bahan yang dilarang syariat. Kehalalan suatu produk kosmetik adalah hal yang harus diperhatikan. Produk halal adalah produk yang memenuhi syarat kehalalan sesuai dengan syariat Islam, yaitu: tidak mengandung babi dan bahan berbahaya dari babi, semua bahan yang berasal dari hewan halal yang disembelih menurut tata cara Syari’at Islam, semua tempat penyimpanan, tempat penjualan, pengolahan, dan transportasinya tidak digunakan untuk babi atau barang tidak halal lainnya terlebih dahulu harus dibersihkan dengan tatacara yang diatur menurut Syari’at Islam.

Prinsip ini menjelaskan bahawa perkara yang halal itu adalah baik dan tidak memudaratkan. Oleh itu, prinsip ini merupakan salah satu prinsip yang menggambarkan bahawa baik dan tidak memudaratkan itu merupakan sifat yang terdapat dalam perkara yang halal. Maka tidak dapat dinafikan bahawa prinsip halal turut meliputi keselamatan daripada sebarang kemudaratian. Apabila diaplikasikan kepada produk, setiap produk yang halal adalah baik dan tidak memudaratkan ini

bertepatan dengan konsep keselamatan produk yang terdapat dalam perundangan sivil pada hari ini. Justeru, Konsep keselamatan juga merupakan salah satu elemen penting dalam prinsip halal yang menjadi indikator bahawa perkara atau barang yang halal itu adalah selamat yang membawa kepada kebaikan (maṣlahah) dan tidak berbentuk kerosakan (mafsadah). Oleh itu, prinsip halal dan haram yang telah dibincangkan oleh ulama kontemporari ini bukan hanya menitikberatkan halal dalam sesuatu perkara malah kebaikan dan keburukannya kepada individu dan masyarakat.

Islam memandang kecantikan berdasarkan keterampilan, kecerdasan, dan ketaqwaan terhadap aturan Allah SWT. Menurut Islam setiap wanita memiliki kecantikan dan keunikan masing-masing, bukan hanya memandang berdasarkan keindahan tubuh (fisik). Wanita adalah cantik, cantik adalah wanita, pada realitinya kecantikan dengan tubuh proporsional adalah titik ukur dan menjadi impian semua wanita. Apa yang melekat pada diri seseorang itu, boleh diperindah dan dipercantik dengan melakukan penambahan-penambahan. Sejak dahulu orang mengenal pacar untuk mewarnai bagian-bagian kuku tangan dan kaki, bedak untuk penyesuaian warna kulit, juga tatto. Semakin maju ilmu teknologi, semakin maju pula alat dan perlengkapan kecantikan baru, hingga kini, apa yang terlihat melekat pada diri boleh jadi bukan lagi yang asli, tetapi lahir sebagai hasil upaya *make up*.

Dalam perkembangan ilmu pengetahuan dan teknologi berbagai bahan baku yang digunakan bukan bahan baku alam yang diolah secara tradisional saja, tetapi bahan kimia yang digunakan oleh produser untuk menghasilkan produk agar dapat memenuhi keperluan masyarakat tanpa memikirkan akibat dari bahan baku tersebut bagi para pengguna atau konsumen. Kadangkala, para wanita mengabaikan bahan baku yang digunakan dalam kosmetik itu sendiri, yang hanya mereka pikirkan hanya tujuan dan hasilnya. Sebagai seorang muslim meskipun Islam membolehkan untuk berhias, tetapi dalam menggunakan perhiasan seperti kosmetik yang akan digunakan harus sihat dan tidak membahayakan kulit atau diri penggunanya. Maka dari itu mengetahui bahan-bahan yang berbahaya dalam kosmetik itu sangat penting. Ringkasnya, Keselamatan produk dalam Islam mestilah menepati konsep keselamatan yang terdapat dalam konsep ḥalāl ṭayyiban iaitu tidak mengandungi bahan yang telah diharamkan secara jelas (*qat’ī*) dalam al-Quran dan hadis dan tidak memudaratkan. Selain itu, produk yang selamat juga perlulah boleh menjamin dan memelihara keselamatan nyawa dan akal pengguna yang merupakan maṣlahah yang terdapat dalam *maqāṣid al-sharī‘ah*. Namun,

dalam keadaan darūrah<sup>181</sup>, ciri-ciri keselamatan produk boleh ditinggalkan bagi menghilangkan kesusahan dan kesulitan yang dihadapi oleh manusia. Ini bermakna dalam Islam konsep keselamatan produk dan halal merupakan sesuatu yang tidak boleh dipisahkan bahkan halal dan keselamatan adalah saling melengkapi satu sama lain.

### 5.3 CADANGAN

Sehubungan itu pengkaji berharap dapatan daripada kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan oleh pihak-pihak tertentu untuk mengenalpasti sejauh mana isu produk kosmetik dan kesihatan di negara ini dan juga kepada pengkaji lain dalam menjalankan kajian penyelidikan tindakan yang mempunyai kaitan dengan isu dan hasil kajian ini. Selain sebagai rujukan, kajian tindakan ini juga boleh dijadikan sebagai kajian lanjutan bagi penyelidik yang ingin mengkaji isu kajian ini dari prospek yang berbeza contohnya, menggunakan variabel yang berbeza yang menfokuskan kepada isu rantaian bekalan produk kosmetik dan kesihatan di Negara Brunei Darussalam. Bukan itu saja, pengkaji yang akan datang boleh menambahbaikkan kajian ini dari sudut keramaian informan, kaedah pengumpulan data, dimana dalam kajian ini, kualitatif sahaja telah digunakan iaitu dengan kaedah temubual berstruktur. Demikian, kombinasi penggunaan kualitatif dan kuantitatif untuk kajian lanjutan ini boleh memberikan hasil kajian yang padat.

---

<sup>181</sup> dalam keadaan darūrah bermaksud individu Muslim dibenarkan untuk melakukan perkara yang diharamkan untuk mengelakkan kemudaratan dan memelihara diri daripada kemasuhan.

## BIBLIOGRAFI

Al-Qurān al-Karīm

### Rujukan Bahasa Inggeris:

Andrew Rhodes & Chris M. Wilson. (2015). *False advertising and consumer policy*.

Bonne, K. dan W. Verbeke. (2007). *Muslim Consumer Trust in Halal Meat Status and Control in Belgium*.

Boote, D.N. & Beile, P. (2005). *Scholars before researchers: On the centrality of the dissertation literature review in research preparation*. *Educational Researcher*.

Cameron H. Malin, Terry Gudaitis, Thomas J. Holt, Max Kilger. (2017). *Viral Influence: Deceptive Computing Attacks Through Persuasion*, United Kingdom: Academic Press.

Guntalee Ruenrom & Sawika Unahanandh. (2005). “*Needs, Behavior and Attitudes of People in the United Arab Emirates Towards Consuming Thai-Halal Packaged Food*.” *The Business Review*, Cambridge.

Heizer, J. dan B. Render. (2006). *Operation Management: Pearson International Edition*. Eight Edition. Pearson Education. United State of America.

Herta Herzog. (1979). “*What Is a Consumer?*”, dalam Consumer Behavior and the Behavioral Sciences, Steuart Henderson Britt. New York: Robert E. Krieger Publishing Company.

John Ireland & Soha Abdollah Rajabzadeh. (2011). “*UAE Consumer Concerns about Halal Products*.” *Journal of Islamic Marketing*.

Lokman Ab Rahman. (2008). *Shariah and Malaysia Halal Certification System. Pembentangan Kertas Kerja Seminar Halal Food*. Universiti Sains Islam Malaysia.

Maynard A. Joslyn. (1970). *Alcoholometry, Methods in Food Analysis: Physical Chemical, and Instrumental Methods of Analysis*, London: Academic Press.

Merican, Z. (1989). *Hygiene and Sanitation for the Food Industry*. Maklumat Teknologi Makanan MARDI Januari (21A)

M.Maizirwan. (2009). *Halal issues in pharmaceutical products: urgent need to have modern and efficient production of pharmaceuticals and biopharmaceuticals*.

Mohd Akmal Sidik, Mohd Anuar Ramli & Mohammad Aizat Jamaludin. (2016). “*Contemporary Issues and Development in the Global Halal Industry.*” Module Development of Halal Consumerism Education in Malaysia.

Nik Mustapha Nik Hassan. (2005). “*Consumer Behavior Theory from Islamic Perspective.*” Jurnal IKIM.

Pang, F. dan P. S. Toh. (2008). *Hawker Food Industry: Food Safety/Public Health Strategies in Malaysia.* Nutrition and Food Science.

Rimal, RN, & Lapinski, MK. (2009). *Why health communication is important in public health.* Bulletin of the World Health Organization.

Sharif Mohd Tahir. (2017) *Maqasid Syariah in Modern Foods.* International Journal of Islamic Studies.

Toh, P. S. dan A. Birchenough. (2000). *Food Safety Knowledge and Attitudes: Culture and Environment Impact on Hawkers in Malaysia.*

Zainalabidin Mohamed. (2008). “*Halal Logo and Consumers’ Confidence: What are the Important Factors?*” *Economic and Technology Management Review.*

#### **Rujukan Bahasa Melayu:**

Ahmad H. Sakr. (1991). *Ramuan Makanan Islam.* Cetakan Pertama. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Al-Ghazali. (2000). *Halal dan Haram dalam Islam,* Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Amani Dahaman (2011). *Penyelidikan Pendidikan. Tinjauan Literatur/SorotanKajian*

Che Wan Jasimah Wan Mohamed Radzi. (2001). *Konsep Kesihatan Melalui Pemakanan: Pendekatan Islam Dan Sains,* Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.

Desertasi. (2016) “*Analisis Dampak Penerapan Perbankan Syariah terhadap Sektor UMKM di Sumatera Utara*”.

D.P Ahmad Bukhari. (2007). *Isu – Isu Produk Halal.* Cetakan Pertama. Negara Brunei Darussalam: Jabatan Mufti Kerajaan.

Fauzham Adhim. (2002). *Pengaruh Religiusitas terhadap Prestasi Kerja Pegawai Alumni dan Bukan Alumni Pesantren,* *Jurnal Ekonomi Modernisasi.*

Mahaiyadin, M H., Osman, M R. (2017). *Kesan Penerimaan Aplikasi Istihalah Terhadap Hukum Produk Yang Mengandungi Derivatif Muhamarramat.* Journal of Fatwa Management and Research: University Sains Islam Malaysia.

Mohammad Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa. (2011). *Keprihatinan Masyarakat Islam Terhadap Makanan Halal DI Negara Brunei Darussalam*. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Brunei Darussalam.

Mohamad, Nor Musfirah. (2011). *Penggunaan alkohol dalam pemakanan menurut perspektif syarak*. Masters thesis, University of Malaya.

Mohd Anuar Ramli, Abdul Qayyum Aminuddin. (2017). *Fatwa Kepenggunaan Di Negara Brunei Darussalam: Satu Analisis*. *Ulum Islamiyyah*.

Mohd Anuar Ramli, Muhammad Izzul Syahmi Zulkepli. (2018). *Teknik Dakwaan Melampau Dalam Pemasaran Produk Pengguna Menurut Perspektif Hukum Islam*. Journal of Contemporary Islamic Law.

Mohd Safari. Nurul Syafiqah. (2017). *Hukum Menggunakan Benda Najis Dalam Pengobatan Menurut Ibn Taimiyyah Dan Yusuf Al-Qardhawi*. Diploma Thesis, UIN Raden Fatah Palembang: Indonesia.

Nor Aini Haji Idris. (2013) *Analisis Keprihatinan Pengguna Muslim Terhadap Isu Halal Haram Produk Melalui Pembentukan Indeks*. Pusat Pengajian Ekonomi: Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Dr. Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned. (2007). *Isu-Isu Produk Halal*. Negara Brunei Darussalam. Jabatan Mufti Kerajaan.

Rabiatul Nalawiyah, Jusoh. (2007). *Isu Produk Kecantikan Dan Kesihatan*. Shah Alam: Malaysia.

Raihan, Saadan, Noor Naemah. (2019). *Aplikasi Maslahah Dalam Produk Kosmetik: Satu Analisis Awal*.

Sally Ramdani. (2018). *Hukum Penggunaan Alkohol Sebagai Pelarut (Soviet) Dalam Obat Batuk Ditinjau Dari Hadis Nabi*. Fakultas Syariah Dan Hukum UIN Alauddin Makassar: Indonesia

Sanep Ahmad, Mohd Ali Mohd Noor & Lidia Fitri. (2014). *Ketekalan Gelagat Pengguna Muslim Terhadap Status Halal: Ke Arah Strategi Berkesan Promosi Produk Halal*. Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke-9.

Yusuf Al-Qardhawi. (1995). Halal dan Haram: Islam Pustaka Islamiyah Pte Ltd.

Yayan Sopyan. (2007). *Khamar Sebagai Bahan Campuran Dalam Makanan*. dalam Ahkam: Jurnal Ilmu-ilmu Syariah dan Hukum.

Siti Ezaleila Mustafa & Azizah hamzah. (2010). *Media Sosial: Tinjauan Terhadap Laman Jaringan Sosial Dalam Talian Tempatan*. Jurnal Pengajian Media Malaysia.

## LAMPIRAN A

	<b>JABATAN PERKHIDMATAN FARMASI KEMENTERIAN KESIHATAN BRUNEI DARUSSALAM</b>  <b>BORANG NOTIFIKASI PRODUK KOSMETIK</b> <i>COSMETIC PRODUCT NOTIFICATION FORM</i>	Untuk Kegunaan Pejabat Sahaja <small>For official use only</small> Tarikh Penerimaan <small>Date Received</small>			
<b>UNTUK KEGUNAAN PEJABAT</b> <small>FOR OFFICIAL USE</small>					
NO. RUJUKAN REFERENCE NO.: _____ Not. Form/CU/20_____					
NO. PENERIMAAN NOTIFIKA SI /NOTIFICATION ACKNOWLEDGEMENT NO.: BRU L _____ K					
Diterima oleh Received by	Nama Name:	Tandatangan Signature :			
Disemak oleh Screened by	Nama Name:	Tandatangan Signature : Tarikh Date: Ulasan Remarks			
Disahkan oleh Verified by	Nama Name:	Tandatangan Signature : Tarikh Date: <input type="checkbox"/> Diterima Acknowledge <input type="checkbox"/> Tidak Diterima Reject			
<b>ARAHAN</b> <small>INSTRUCTIONS</small>					
<p>1. Pemohon—pemohon adalah disarankan untuk merujuk kepada ‘Buku Garispandu Notifikasi Produk Kosmetik di Negara Brunei Darussalam – Jabatan Perkhidmatan Farmasi’ sebagai garispandu sebelum mengisi borang notifikasi produk kosmetik.            Applicants are advised to refer to the ‘Department of Pharmaceutical Services Guidelines for Notification of Cosmetic Products in Brunei Darussalam’ for guidance before filling up the Cosmetic Product Notification Form.</p> <p>2. Borang notifikasi produk kosmetik yang telah lengkap hendaklah dihantar kepada Unit Kosmetik, Bahagian Pentadbiran Obat, Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Spg 433, Kampong Madaras, Tingkat 2, Lebuhraya Rimba, Mukim Gadong ‘A’, Brunei Darussalam. Completed Cosmetic Product Notification Form is to be submitted to the Cosmetic Unit, Drug Administration Section, Department of Pharmaceutical Services, 2<sup>nd</sup> Floor, Spg 433, Kampong Maderas, Lebuhraya Rimba, Mukim Gadong ‘A’, Brunei Darussalam.</p> <p>No. Telefon Telephone No. : +673 2393298 / +673 2393301 / +673 2393230 (Samb. 218 / 219 / 225)            No. Faks Fax No. : +673 2393297            Alamat Emel Email address : cosmetic@moh.gov.bn</p> <p>3. Sila lampirkan kertas berasingan jika ruang yang diberikan tidak mencukupi.            Please attach a separate sheet if space is not sufficient.</p> <p>4. Sila tandakan <input checked="" type="checkbox"/> dimana berkenaan.            Please tick in where applicable.</p>					
<b>1</b>	<b>MAKLUMAT SYARIKAT TEMPATAN YANG BERTANGGUNGJAWAB BAGI MENEMPATKAN PRODUK KOSMETIK DI PASARAN</b> <small>PARTICULARS OF LOCAL COMPANY RESPONSIBLE FOR PLACING THE COSMETIC PRODUCT IN THE MARKET</small>				
1.1	Nama Name:				
1.2	Alamat Address:				
1.3	No. Pendaftaran Perniagaan / Lesen untuk beroperasi <small>Business Registration No. / License to Operate No.</small>	1.4	No. Telefon Telephone No.	1.5	No. Faks Fax No.
<b>2</b>	<b>MAKLUMAT PEMOHON</b> <small>APPLICANT PARTICULARS</small>				
2.1	Gelaran Title <input type="checkbox"/> Dr <input type="checkbox"/> Mr / Awg <input type="checkbox"/> Ms / Dyg <input type="checkbox"/> Lain-lain (silakan nyatakan: _____)				
2.2	Nama Name:				
2.3	Jawatan Designation:				
2.4	No. Telefon Bimbit Mobile No.	2.5	No. Pejabat Office No.	2.6	No. Faks Fax No.
2.7	Emel Email	2.8	No. Kad Pengenalan Pintar & Warna <small>Smart Identity Card No. &amp; Colour</small>		

<b>3 MAKLUMAT PENGIMPORT</b> (Jika berlainan daripada Perkara 1 dan 2) IMPORTER PARTICULARS (If different from item 1 and 2)						
3.1	Gelaran <i>Title</i>	<input type="checkbox"/> Dr	<input type="checkbox"/> Mr / Awg	<input type="checkbox"/> Ms / Dyg	<input type="checkbox"/> Lain-lain (sila nyatakan: _____)	
3.2	Nama <i>Name</i>					
3.3	Alamat <i>Address</i>					
3.4	No. Telefon Bimbit <i>Mobile No.</i>	3.5	No. Pejabat <i>Office No.</i>	3.6	No. Faks <i>Fax No.</i>	
3.7	Emel <i>Email</i>					
<b>4 MAKLUMAT PRODUK</b> PRODUCT DETAILS						
4.1	Jenama <i>Brand Name</i>					
4.2	Nama Produk <i>Product Name</i>					
4.3	Senarai Varian <i>List of Variants</i>					
<b>5 JENIS-JENIS PRODUK</b> PRODUCT TYPES						
5.1	<input type="checkbox"/> Krim, emulsi, losyen, gel dan minyak untuk kulit (tangan, muka, kaki dan sebagainya) <small>Creams, emulsions, lotions, gels and oils for skin (hands, face, feet, etc.)</small> <input type="checkbox"/> Masker muka (kecuali produk kimia pengelupasan) <small>Face masks (with the exception of chemicals' peeling products)</small> <input type="checkbox"/> Alas bedak bewarna (cecair, pes, serbuk padat) <small>Tinted bases (liquids, pastes, powders)</small> <input type="checkbox"/> Bedak solekan, bedak selepas mandi, bedak kebersihan dan sebagainya <small>Make-up powders, after-bath powder, hygienic powders, etc.</small> <input type="checkbox"/> Sabun, sabun deodoran dan sebagainya <small>Toilet soaps, deodorant soaps, etc.</small> <input type="checkbox"/> Minyak wangi, EDT and eau de Cologne <small>Perfumes, EDT and eau de Cologne</small> <input type="checkbox"/> Penyediaan mandian (garam, buih, minyak, gel dan sebagainya) <small>Bath or shower preparations (salts, foams, oils, gels, etc.)</small> <input type="checkbox"/> Depilatori <small>Depilatories</small> <input type="checkbox"/> Deodoran dan anti-perspiran <small>Deodorants and anti-perspirants</small> <input type="checkbox"/> Produk cukur (krim, buih, losyen dan sebagainya) <small>Shaving product (creams, foams, lotions, etc.)</small> <input type="checkbox"/> Produk solekan dan menanggalkan solekan daripada muka dan mata <small>Products for making-up and removing make-up from the face and the eyes</small> <input type="checkbox"/> Produk untuk kegunaan bibir <small>Products intended for application to the lips</small> <input type="checkbox"/> Produk penjagaan gigi dan mulut <small>Products for care of the teeth and the mouth</small>					<input type="checkbox"/> Produk penjagaan kuku dan solekan <small>Products for nail care and make-up</small> <input type="checkbox"/> Produk penjagaan rambut <small>Hair care products</small> <ul style="list-style-type: none"> <li>- pewarna dan peluntur warna rambut (termasuk pewarna rambut tetap)  <small>hair dyes and bleaches (including permanent hair dyes)</small></li> <li>- produk mengikalkan, meluruskan dan dandanam  <small>products for waving, straightening and styling</small></li> <li>- produk dandanan  <small>setting products</small></li> <li>- produk pembersihan (losyen, bedak, syampu)  <small>cleaning products (lotions, powders, shampoos)</small></li> <li>- produk pelembab (losyen, krim, minyak)  <small>conditioning products (lotions, creams, oils)</small></li> <li>- produk pendandanan rambut (losyen, lakuer, pengilau)  <small>hair dressing products (lotions, lacquers, brilliantines)</small></li> </ul> <input type="checkbox"/> Produk pembersih intim luaran <small>Products for external intimate hygiene</small> <input type="checkbox"/> Produk mandi matahari <small>Sunbathing products</small> <input type="checkbox"/> Produk penggelapan kulit buatan <small>Products for tanning without sun</small> <input type="checkbox"/> Produk pemutih/pencerah <small>Skin whitening products</small> <input type="checkbox"/> Produk anti-kedut <small>Anti-wrinkle products</small> <input type="checkbox"/> Lain-lain (sila nyatakan) _____
6	TUJUAN PENGGUNAAN <i>INTENDED USE</i>					

<b>7</b>	<b>PRESENTASI PRODUK</b> PRODUCT PRESENTATION(S)		
<p><input type="checkbox"/> <b>Produk Tunggal.</b> Single product</p> <p><input type="checkbox"/> <b>Produk dari pelbagai varian dan mengandungi isi kandungan yang sama kecuali warna, bau dan sebagainya.</b> A range of product variants similar in composition for the same use but differs in colour, flavours etc.</p> <p><input type="checkbox"/> <b>Produk berbentuk palet yang terdiri daripada pelbagai warna.</b> Palette(s) is a range of one product type</p> <p><input type="checkbox"/> <b>Kombinasi pelbagai jenis produk yang digabungkan dalam satu kit.</b> Combination products in a single kit</p> <p><input type="checkbox"/> <b>Lain-lain (sila nyatakan).</b> Others (please specify)</p>			
<b>8</b>	<b>MAKLUMAT PENGILANG / PEMBUNGKUS</b> MANUFACTURER(S) / ASSEMBLER(S) PARTICULARS		
<b>8.1</b>	<b>Nama Pengilang</b> <sup>1</sup> Name of Manufacturer <sup>1</sup>		
<b>8.2</b>	<b>Alamat Pengilang</b> <sup>2</sup> Address of Manufacturer <sup>2</sup>		
Negara Country			
<b>8.3</b>	<b>No. Telefon</b> Telephone No.	<b>8.4</b>	<b>No. Faks</b> Fax No.
<b>8.5</b>	<b>Nama Pembungkus</b> (boleh tandakan lebih dari satu kotak) Name of Assembler <sup>3</sup> (May tick more than one box)		
<input type="checkbox"/> <b>Pembungkus Utama</b> <sup>3</sup> Primary Assembler <sup>3</sup> <input type="checkbox"/> <b>Pembungkus Sekunder</b> <sup>4</sup> Secondary Assembler <sup>4</sup>			
<b>8.6</b>	<b>Alamat Pembungkus</b> <sup>2</sup> Address of Assembler <sup>2</sup>		
Negara Country			
<b>8.7</b>	<b>No. Telefon</b> Telephone No.	<b>8.8</b>	<b>No. Faks</b> Fax No.

**Nota** Note:

- **Pengilang** ialah syarikat yang terlibat dalam mana-mana proses pembuatan produk kosmetik. Proses pengilangan melibatkan semua operasi pembuatan termasuk pembelian bahan-bahan permulaan, "bulk intermediates and products", formulasi dan pengeluaran (seperti pengisian, pengadunan, encapsulation dan/atau pembungkusan), kawalan mutu, pengeluaran, penyimpanan dan perlulusan produk kosmetik dan apa-apa jua pengawalan yang berkaitan.
- <sup>1</sup>A manufacturer is a company which is engaged in any process carried out in the course of making the cosmetic product. The manufacturing process includes all operations of purchase of starting materials, bulk intermediates and products, formulation and production (such as grinding, mixing, encapsulation and/or packaging), quality control, release, storage and distribution of cosmetic products and related controls.
- <sup>2</sup>Alamat penuh pengilang/pembungkus mestilah disertakan. Alamat P.O. Box adalah tidak diterima.
- <sup>3</sup>Full address of manufacturer/assembler must be provided. P.O. Box address is not acceptable.
- <sup>4</sup>**Pembungkus utama** ialah syarikat yang terlibat dalam proses pembungkusan produk ke dalam bekas utama yang telah dilabel atau yang akan dilabel sebelum produk tersebut dijual atau dibekalkan.
- <sup>3</sup>A primary assembler is a company which is engaged in a process of enclosing the product in a primary/intermediate container which is labelled or to be labelled before the product is sold or supplied in it.
- <sup>4</sup>**Pembungkus sekunder** ialah syarikat yang hanya terlibat dalam proses perlabelan bekas produk dan/atau pembungkusan semula produk ke dalam kertas yang berlabel atau yang akan dilabel, sebelum produk tersebut dijual atau dibekalkan.
- <sup>4</sup>A secondary assembler is a company which is engaged only in a process of labelling the product container where the product is already enclosed in its primary container and/or packing the product which is already enclosed in its labelled primary container into a carton which is labelled or to be labelled, before the product is sold or supplied.
- **Sila serahkan dalam kerjas yang berasingan jika berdapat lebih daripada satu pengilang/pembungkus.**  
Please attach in a separate sheet if there is more than one manufacturer/assembler.

<b>9</b>	<b>SENARAI ISI KANDUNGAN PRODUK</b> PRODUCT INGREDIENT LIST		
<b>9.1</b>	<b>Sila tandakan di kotak yang disediakan</b> Please tick the following boxes		
<p><input type="checkbox"/> <b>Saya telah memeriksa Annex II ke VII di dalam ASEAN Cosmetic Ingredient Listing seperti yang diterbitkan dalam pindaan terkini ASEAN Cosmetic Directive dan mengesahkan bahawa produk dalam notifikasi ini tidak mengandungi mana-mana bahan terlarang dan ianya mematuhi had dan syarat-syarat di dalam Annex ASEAN Cosmetic Directive.</b> I have examined the latest revisions of the Annexes II to VII of the ASEAN Cosmetic Ingredient Listing as published in the latest amendment of the ASEAN Cosmetic Directive and confirm that the product in this notification does not contain any prohibited substances and is in compliance with the restrictions and conditions stipulated in the Annexes of the ASEAN Cosmetic Directive.</p> <p><input type="checkbox"/> <b>Saya akan bertanggungjawab dalam memberi maklumbalas dan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Kawalan Ubat Negara Brunei Darussalam (Pihak Berkuasa) dengan mana-mana aktiviti pasca pemasaran yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa tersebut.</b> I undertake to respond to and cooperate fully with the Brunei Darussalam Medicines Control Authority (Authority) with regard to any subsequent post-marketing activity initiated by the Authority.</p>			

No.	Senarai penuh isi kandungan (menggunakan INCI <sup>5</sup> atau tatanama yang mengikut rujukan standard) Full ingredient name (use INCI <sup>5</sup> or approved nomenclature in standard references)
1	16
2	17
3	18
4	19
5	20
6	21
7	22
8	23
9	24
10	25
11	26
12	27
13	28
14	29
15	30

**Nota/Note:**

- INCI: International Nomenclature of Cosmetic Ingredients.
- Jika diperlukan, sila sertakan peratusan bagi setiap bahan yang digunakan secara terhad dan maklumat pembungkusan produk.  
Ingredient list with percentages of restricted ingredients and packaging materials may be required upon request.

**10 LAIN-LAIN MAKLUMAT OTHER INFORMATION**

Sila nyatakan jika notifikasi produk ini pernah ditolak / tidak diterima sebelum ini. Sila nyatakan No. Rujukan dan sebab ianya ditolak / tidak diterima (jika berkenaan)

Please indicate if the product notification has been previously rejected / not accepted. Please state the Reference No. and reason(s) (if applicable).

Ya Yes       Tidak No

No.	No. Rujukan Reference No. ( ) CUI/Rejection/20_____	Sebab produk ditolak / tidak diterima Reason(s) for rejection / non-acceptance
1		
2		
3		

**11 TEMPOH SAH LAKU (jika berkenaan) VALIDITY PERIOD (if applicable)**

Bagi permohonan bagi tempoh sah laku lebih daripada 1 tahun, sila tandakan kotak yang berkenaan\*:

If you wish to apply for validity more than one year, please tick the following boxes\*:

2 tahun 2 years       3 tahun 3 years

**Nota:**

- Permohonan ini hanya dibenarkan bagi produk yang berstiko rendah sahaja iaitu bagi penggunaan produk kosmetik yang dibilas seperti yang digunakan pada rambut, kulit kepala, kulit atau kuku yang meninggalkan sisa-sisa produk selepas dibilas atau digunakan.  
Applicable for low-risk products only: Rinse off cosmetic products i.e. for application on hair, scalp, skin or nails which remain in traces after rinsing or use.
- Tempoh sah laku selama setahun akan hanya diberikan kecuali bila dinyatakan sebaliknya.  
One year validity period will be given unless specified otherwise.

1. Saya mewakili syarikat saya, mengakui bahawa produk kosmetik di dalam notifikasi ini memenuhi semua syarat-syarat yang ditetapkan di dalam Perintah Ubat (Produk Kosmetik), 2007 dan Annexes & Appendices yang dinyatakan di bawah ASEAN Cosmetic Directive.  
I hereby declare on behalf of my company that the cosmetic product in the notification meets all the requirements of the Medicine (Cosmetic Products) Regulations, 2007 and ASEAN Cosmetic Directive with its Annexes and Appendices.
2. Saya mengakujanji untuk mematuhi syarat-syarat berikut:  
I undertake to abide by the following conditions:
  - i. Memastikan bahawa maklumat teknikal dan keselamatan produk sedia ada bagi diaudit oleh Pihak Berkusa dan menyimpan semua rekod pengedaran produk untuk kegunaan penarikan balik produk tersebut;  
Ensure that the product's technical and safety information is made readily available to the Authority concerned and to keep records of the distribution of the products for product recall purposes;
  - ii. Memaklumkan kepada Pihak Berkusa mengenai kesan advers yang membawa maut atau mengancam nyawa<sup>6</sup> dalam apa jua keadaan dengan secepat mungkin melalui telefon, faks, emel atau secara bertulis tidak lewat daripada 7 hari kalender sebaik sahaja perkara ini diketahui;  
Notify the Authority of fatal or life threatening serious adverse event<sup>6</sup> as soon as possible by telephone, facsimile transmission, email or in writing, and in any case, no later than 7 calendar days after first knowledge;
  - iii. Menghadapkan Adverse Cosmetic Event Report Form<sup>7</sup> dalam masa 8 hari kalender dari tarikh saya memaklumkan kepada Pihak Berkusa seperti di dalam para 2-ii berserta mana-mana maklumat yang diperlukan oleh Pihak Berkusa.  
Submit the Adverse Cosmetic Event Report Form<sup>7</sup> within 8 calendar days from the date of my notification to the Authority in para 2-ii above and to provide any other information as may be requested by the Authority;
  - iv. Melaporkan kepada Pihak Berkusa mengenai semua kesan advers serius yang tidak membawa maut atau mengancam nyawa dalam apa jua keadaan dengan secepat mungkin, tidak melebihi dari 15 hari kalender sebaik sahaja perkara ini diketahui dengan mengisi Adverse Cosmetic Event Report Form<sup>7</sup>;  
Report to the Authority of all other serious adverse events that are not fatal or life threatening as soon as possible, and in any case, no later than 15 calendar days after first knowledge, using the Adverse Cosmetic Event Report Form<sup>7</sup>;
  - v. Memaklumkan kepada Pihak Berkusa jika terdapat perubahan pada maklumat yang diberikan di dalam notifikasi ini;  
Notify the Authority of any change in the particulars submitted in this notification;
  - vi. Memastikan jika dan apabila diarahkan oleh Pihak Berkusa, saya akan menarik balik produk dari pasaran dan menghentikan penjualan atau pembekalan produk tersebut.  
Ensure that if and when directed by the Authority I will recall the product from the market, and discontinue selling or supplying the product.
3. Saya mengakui bahwa segala maklumat yang diberikan dalam notifikasi ini adalah benar, semua data, dan maklumat yang relevan telah diberikan dan semua dokumen yang disertakan adalah salinan asal atau benar.  
I declare that the particulars given in the notification are true, all data, and information of relevance in relation to the notification have been supplied and that the documents enclosed are authentic or true copies.
4. Saya memahami bahawa saya akan bertanggungjawab dalam memastikan setiap konsainan produk ini mematuhi keperluan undang-undang dan meneperi semua standard dan spesifikasi produk yang telah diakui kepada Pihak Berkusa.  
I understand that I shall be responsible for ensuring that each consignment of my product continues to meet all the legal requirements, and conforms to all the standards and specifications of the product that I have declared to the Authority.
5. Saya memahami bahawa saya tidak boleh menggunakan penerimaan notifikasi produk yang telah dikeluarkan oleh Pihak Berkusa dalam mana-mana prosiding undang-undang jika produk saya gagal mematuhi standard atau spesifikasi yang telah diakui kepada Pihak Berkusa sebelum ini.  
I understand that I cannot place reliance on the acceptance of my product notification by the authority in any legal proceedings concerning my product, in the event that my product has failed to conform to any of the standards or specifications that I had previously declared to the Authority.

**Nama dan tandatangan orang yang mewakili syarikat tempatan**

Name and Signature of person representing the local company

**Cop Syarikat**

Company stamp

Tarikh:  
Date

<sup>6</sup> Seperti yang telah difenturkan dalam Guide Manual for the Industry on Adverse Event Reporting of Cosmetics Products

<sup>6</sup> As defined in the Guide Manual for the Industry on Adverse Event Reporting of Cosmetic Products

<sup>7</sup> Dilhurstkan dalam Appendix 1 dalam Guide Manual for the Industry on Adverse Event Reporting of Cosmetics Products

<sup>7</sup> Set out in Appendix 1 to the Guide Manual for the Industry on Adverse Event Reporting of Cosmetic Products